

**DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL KELIMA  
MESYUARAT KETIGA**

---

---

**Bil. 24**

**Selasa**

**19 Disember 2017**

---

**K A N D U N G A N**

**USUL:**

Waktu Mesyuarat dan Urusan  
Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 1)

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN**

**BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Kemudahan dan Perkhidmatan  
Jagaan Kesihatan Warga Emas Swasta 2017 (Halaman 25)  
Rang Undang-undang Pusat Jagaan (Pindaan) 2017 (Halaman 73)  
Rang Undang-undang Industri Pelancongan (Pindaan) 2017 (Halaman 87)  
Rang Undang-undang Agensi Penguatkuasaan  
Maritim Malaysia (Pindaan) 2017 (Halaman 110)

**MALAYSIA  
DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGKAL KELIMA  
MESYUARAT KETIGA**

**Selasa, 19 Disember 2017**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**USUL**

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN  
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**10.04 pg.**

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Chong Sin Woon]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

“Bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai semua urusan kerajaan yang tertera dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* pada hari ini diputuskan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga suatu tarikh yang tidak ditetapkan”.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang menyokong?

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Chua Tee Yong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai semua urusan kerajaan yang tertera dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* pada hari ini diputuskan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga ke suatu tarikh yang tidak ditetapkan dikemukakan kepada Majlis untuk diputuskan.

*[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**1. Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menjelaskan, kesan-kesan positif perdagangan kepada negara apabila Malaysia menandatangani perjanjian perdagangan ASEAN-Hong Kong baru-baru ini di Manila.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Chua Tee Yong]:** Tuan Yang di-Pertua, Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN-Hong Kong, China (AHKFTA) telah ditandatangani oleh Menteri-menteri Ekonomi ASEAN dan Setiausaha Perdagangan dan Pembangunan Ekonomi Hong Kong, China pada 12 November 2017 di Manila, Filipina.

Perjanjian ini menggariskan terma-terma liberalisasi perdagangan barangan dan perkhidmatan serta pelaksanaan kerjasama ekonomi di antara negara-negara anggota ASEAN dengan Hong Kong, China. Terdapat 14 bab di dalam AHKFTA yang merangkumi perkara-perkara seperti perdagangan barangan, Peraturan Tempasal atau *Rules of Origin*, dengan izin, prosedur kastam dan fasilitasi perdagangan, langkah-langkah *sanitary and phytosanitary*, standard peraturan teknikal dan prosedur penilaian pematuhan, remedi perdagangan, perdagangan perkhidmatan dan kerjasama ekonomi dan teknikal.

Bab pelaburan di bawah AHKFTA pula dirundingkan secara berasingan di bawah Perjanjian Pelaburan ASEAN-Hong Kong, China yang mana turut ditandatangani oleh Menteri-menteri Ekonomi ASEAN dan Setiausaha Perdagangan dan Pembangunan Ekonomi Hong Kong, China pada 12 November 2017 di Manila, Filipina. Skop *ASEAN-Hong Kong-China Investment Agreement* adalah termasuk liberalisasi, perlindungan, promosi dan fasilitasi pelaburan di antara negara-negara anggota ASEAN dengan Hong Kong, China.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah dagangan barangan di antara ASEAN dengan HKC pada tahun 2016 mencecah USD93.3 bilion yang menyumbang kepada empat peratus daripada jumlah dagangan barangan ASEAN. Jumlah pelaburan langsung asing daripada Hong Kong, China ke negara anggota ASEAN bagi tahun yang sama pula adalah sebanyak USD9.9 bilion atau 10 peratus daripada jumlah FDI ASEAN.

Hong Kong, China merupakan rakan dagangan kesembilan terbesar Malaysia bagi tahun 2016. Jumlah dagangan barangan di antara Malaysia dengan Hong Kong pada tahun 2016 berjumlah USD12.2 bilion. Eksport Malaysia ke Hong Kong, China pada tahun 2016 mencecah USD9.1 bilion manakala jumlah import daripada Hong Kong, China pada tahun yang sama adalah sebanyak USD3.1 bilion. Jumlah FDI yang diluluskan daripada Hong Kong, China ke Malaysia bagi tahun 2016 pula mencecah USD59 juta dalam pelbagai sektor antaranya, peralatan saintifik, mineral bukan logam, jentera dan peralatan serta kayu dan produk kayu.

Dengan wujudnya AHKFTA dan *Investment Agreement* (AHKIA), adalah dijangkakan jumlah dagangan di antara ASEAN dengan Hong Kong dan juga Malaysia dengan Hong Kong akan turut meningkat. Jumlah FDI juga akan terus menunjukkan peningkatan di mana bukan sahaja pelaburan Hong Kong akan dapat menambah pelaburan mereka di rantau ASEAN termasuk Malaysia malah pelabur Malaysia juga akan dapat lebih giat melebarkan sayap ke Hong Kong dan seterusnya ke pasaran global. Ini adalah kerana Hong Kong merupakan antara ekonomi paling bebas di dunia dan pusat perniagaan antarabangsa serta pusat kewangan dan perkhidmatan yang kompetitif.

Walaupun Hong Kong mempunyai kekuatan di dalam sektor perkhidmatan, para peniaga ASEAN juga boleh memanfaatkan dengan adanya *free trade agreement* dengan *investment agreement*, dengan izin, dalam sektor pembuatan di mana produk-produk ASEAN boleh memasuki pasaran Hong Kong dengan lebih mudah melalui perjanjian-perjanjian ini sekali gus memasuki pasaran

dunia memandangkan status Hong Kong sebagai pelabuhan bebas yang memudahkan perdagangan di antara rantau ASEAN umumnya dan khususnya Malaysia dengan pasaran dunia.

Selain itu, Hong Kong mempunyai perjanjian dengan Republik Rakyat China iaitu *mainland* dan *Hong Kong Closer Economic Partnership Agreement* yang akan mewujudkan peluang untuk barangan dari Hong Kong yang mematuhi peraturan dan keperluan *Hong Kong Closer Economic Partnership Agreement* supaya mempunyai sekurang-kurangnya 30 peratus nilai tambah di Hong Kong, China untuk diperdagangkan dan dijual di pasaran China tanpa sebarang tarif.

■1010

Selain itu, dengan adanya kedua-dua *agreement* tersebut, ia turut menyediakan langkah-langkah perlindungan yang boleh diambil melalui remedi perdagangan sekiranya pelaksanaan perjanjian-perjanjian ini memberikan impak negatif kepada pasaran dan industri tempatan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Silakan, soalan tambahan.

**Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang telah memberikan jawapan yang bagi saya sangat komprehensif.

Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri. Saya ada menerima laporan daripada MATRADE yang memaklumkan bahawa eksport kita pada bulan Oktober iaitu tiga bulan yang lalu, meningkat 18.9 peratus kepada RM82 bilion iaitu lebih dagangan melebihi RM10 bilion dan tertinggi dalam tempoh 12 tahun. Jadi, kita di Malaysia ini jarang *celebrate* kejayaan sebegini. Akan tetapi jika menurun, maka kita akan mendapat kritikan yang boleh dikatakan berterusan.

Jadi, soalan saya ialah bagaimanakah kita ataupun pendapat Yang Berhormat untuk mengadakan strategi ataupun kaedah-kaedah supaya prestasi ini terus kekal dan tidak menurun? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Datuk Chua Tee Yong:** Terima kasih di atas soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, inisiatif oleh MITI adalah pelbagai. Nombor satu, dari segi MATRADE, selain daripada menggalakkan FDI-FDI yang mempunyai tambah nilai yang tinggi di mana eksport dari segi tambah nilai apabila mereka melabur di Malaysia, ia tentu akan menambahkan atau menolong kita dari segi pengeksportan.

Kedua, kita juga baru-baru ini semenjak tahun 2009, kita telah mengadakan program khususnya dikenali sebagai *Mid-Year Company*, di mana setiap tahun kita melihat dari segi syarikat-syarikat khususnya tempatan di mana bila jumlah pendapatan mereka adalah melebihi RM50 juta tetapi kurang daripada RM500 juta, kita cuba menolong mereka untuk mengeksport. Setiap tahun kita mengidentifikasikan sekurang-kurangnya 20 buah syarikat hingga 50 buah syarikat tersebut. Dengan cara ini, kita boleh menambahkan daya saing eksport kita.

Selain daripada itu, kita juga turut terlibat dalam perjanjian-perjanjian khas atau perjanjian-perjanjian *free trade agreement* dengan tujuan untuk mengurangkan tarif dan meluaskan pasaran yang sedia ada. Tentunya dari segi Bajet 2018 baru-baru ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah mengumumkan pelbagai inisiatif termasuklah bajet untuk menolong eksport iaitu dengan memberikan *market development grant* untuk menggalakkan lebih banyak syarikat mempamerkan dan

mendagangkan barangan-barangan mereka di luar pasaran Malaysia supaya kita boleh meningkatkan dari segi eksport negara kita. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan, Yang Berhormat Dato' Shahanim.

**Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, apakah langkah-langkah yang perlu diambil oleh kerajaan apabila isu ketidakstabilan di rantau Pasifik di mana Amerika Syarikat, Jepun dan China mempunyai pendekatan dan pandangan berbeza mengenai isu Korea Utara dan apakah provokasi dan isu ketegangan politik yang mungkin merencatkan perdagangan global di Asia Pasifik dan memberikan kesan ketara kepada Malaysia? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat.

**Datuk Chua Tee Yong:** Terima kasih di atas soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, seperti tadi Yang Berhormat Senator Datuk Sr. Haji Hanafi katakan, memang dari segi baru-baru ini kita melihat terdapat peningkatan dari segi eksport negara kita, di mana baru-baru ini kalau kita lihat dari 10 bulan untuk tahun 2017, nilai lebih dagangan kita dari tahun 2016 berbanding dengan tahun 2017 bagi tempoh 10 bulan ini meningkat sebanyak 14.4 peratus, walaupun dalam keadaan mencabar seperti sekarang ini.

Untuk sebarang konflik yang diwujudkan, kita sebenarnya tertera dan kita melihat apa-apa perkembangan yang baru di mana kita juga berlandaskan *World Trade Organization* (WTO) di mana kalau terdapat sebarang konflik, kita sebenarnya melalui Perbadanan tersebut atau melalui perjanjian-perjanjian yang kita ada khususnya kalau terdapat FDA-FDA yang ditandatangani. Sekian, terima kasih.

**2. Puan Bathmavathi Krishnan** minta Menteri Pendidikan menyatakan, sama ada jadual memanggil tender untuk buku teks sekolah *Braille* bagi pelajar OKU penglihatan boleh diawalkan supaya memberi masa yang cukup untuk penyediaan buku-buku tersebut. Mengikuti amalan sekarang tender dipanggil pada bulan Julai.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Chong Sin Woon]:** Terima kasih, Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi, yang sentiasa mengambil berat terhadap pendidikan khas.

Tuan Yang di-Pertua, buku teks *Braille* tidak melibatkan perolehan secara tender kerana jumlah nilai kontrak yang tidak melebihi RM500,000. Perolehan secara sebut harga bagi pentranskripsian buku teks *Braille* hanya akan dilaksanakan setelah buku teks arus perdana berada di tahap Naskhah Sedia Kamera (NSK). Pentranskripsian buku teks *Braille* juga disediakan secara berjilid. Setakat ini, tempoh masa bagi pentranskripsian dan penyediaan buku teks *Braille* adalah mencukupi. Kementerian Pendidikan Malaysia memastikan jilid satu bagi setiap judul buku teks *Braille* dihantar dan sampai ke sekolah-sekolah yang berkaitan sebelum hari pertama persekolahan bermula. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan, soalan tambahan, jika ada.

**Puan Bathmavathi Krishnan:** Ya, ada soalan tambahan. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan dan khususnya kementerian untuk memastikan guru besar dan pengetua sekolah

memperoleh maklumat yang tepat berkenaan dengan kemudahan-kemudahan yang patut disediakan oleh sekolah bagi murid-murid OKU fizikal mengikut peraturan-peraturan di bawah Akta Pendidikan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan, Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Chong Sin Woon:** Terima kasih Yang Berhormat Senator di atas soalan tambahan. Di bawah Akta Pendidikan 1996 dan di bawah Peraturan Pendidikan Khas 2013, kita telah memperuntukkan kategori-kategori tentang murid-murid OKU. Pada masa yang sama, kita juga telah memberikan surat pekeliling untuk memastikan sekolah yang mempunyai program pendidikan khas ini menyediakan kemudahan-kemudahan asas iaitu susur landai- *ramp*, susur tangan, *parking lot* untuk OKU dan tandas untuk OKU.

Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa melakukan latihan secara berterusan kepada pentadbir sekolah supaya mematuhi pekeliling yang telah kita keluarkan untuk kita menyediakan kemudahan-kemudahan tersebut. Pada masa yang sama, JPN dan PPD juga mempunyai pemantauan terhadap pengoperasian sekolah kepada mana-mana sekolah yang masih belum ada kemudahan tersebut. Kementerian akan sentiasa memastikan bahawa bajet yang kita dapat itu, kita akan mempertingkatkan kemudahan sekolah-sekolah yang menyediakan pendidikan khas kepada murid-murid kita. Terima kasih.

**3. Datuk Jamilah Sulaiman [Di Bawah P.M. 23(2)]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan, apakah kesan dan tindakan yang diambil terhadap peniaga yang menggunakan GST sebagai alasan mereka untuk menaikkan harga barang sehingga menyebabkan kos sara hidup tinggi.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Henry Sum Agong]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Jamilah Sulaiman daripada Sipitang, jiran saya di Lawas.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian telah melaksanakan penguatkuasaan pencatutan pada tahun 2015 di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 melalui Peraturan-peraturan Kawalan Harga dan Antipencatutan (Mekanisme Untuk Menentukan Keuntungan Tinggi Yang Tidak Munasabah) (Margin Keuntungan Bersih) 2014 yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2015 sehingga 31 Disember 2016 bagi membendung aktiviti mengambil keuntungan yang tidak munasabah di kalangan peniaga yang menggunakan GST sebagai alasan untuk menaikkan harga barang.

#### ■1020

Kementerian juga telah melanjutkan penguatkuasaan pencatutan melalui peraturan-peraturan kawalan harga dan anti pencatutan. Mekanisme untuk menentukan keuntungan tinggi yang tidak munasabah bagi barangan tahun 2016 yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2017 demi memastikan kepentingan dan hak-hak pengguna dilindungi.

Penguatkuasaan yang dilakukan oleh kementerian mengambil kira dua kategori barangan, iaitu makanan dan minuman serta barangan isi rumah yang terdiri daripada jenis barangan yang tidak tahan lama, termasuk produk penjagaan diri, kerana memberi kesan ke atas perbelanjaan isi rumah. Daripada 15 Januari 2015 hingga 15 Disember 2017, sebanyak 5,135 notis di bawah seksyen 21 AKHAP 2011,

telah dikeluarkan terhadap peniaga dan sebanyak 487 kes pencatutan telah dihasilkan untuk penyiasaan kerana disyaki mencatut.

Sehingga kini sejumlah 51 kes telah didakwa dan disabitkan kesalahan di mahkamah serta dijatuhkan hukuman dengan denda keseluruhan berjumlah RM904,000. Manakala jumlah kes yang telah di kompaun pula ialah sebanyak 83 kes dengan jumlah keseluruhannya sebanyak RM391,000. Kementerian memandang serius dan akan terus mempertingkatkan pemantauan dan penguatkuasaan ke atas peniaga dan tindakan tegas akan dikenakan sekiranya mereka melakukan kesalahan mencatut di bawah undang-undang yang sedang berkuat kuasa. Sekian, terima kasih.

**Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri. Sejauh manakah jaminan kerajaan kadar GST hari ini tidak dinaikkan. Ini kerana rungutan rakyat, bahawa GST ini secara tidak langsung, di manipulasi peniaga untuk menaikkan harga barang. Juga kadar GST negara kita adalah antara yang terendah, maka rakyat mungkin risau jika GST ini tidak mampu bertahan lama dan perlu dinaikkan untuk kesinambungan ekonomi yang tidak menentu hari ini, Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Henry Sum Agong:** Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan tambahan mengenai kadar GST. Persoalan mengenai GST ini, lebih sesuai dijawab oleh MOF lah. Itu sahaja jawapan saya berikan, terima kasih.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Jamilah Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua sebenarnya Yang Berhormat Datuk Megat ada soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Akan tetapi saya tidak membenarkan Ahli Yang Berhormat yang tiada di dalam Dewan untuk soalan tambahan Yang Berhormat.

**Datuk Jamilah Sulaiman:** Okey, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang baik hati. Soalan saya, dalam sesi yang lepas, saya sudah tanya Yang Berhormat Menteri. Selama mana pekedai-pekedai ini mengenakan harga barang dan ini RM100 harga barang dan ini RM6 GST. Jadi benda ini, soal GST ini hidup sepanjang masa, panas sepanjang masa. Jadi saya hendak benda ini sudah hapus, masuk dalam harga terangkum.

Yang Berhormat Menteri kata, hari itu dia kata hendak masuk dalam harga terangkum, tetapi masih ada kedai yang mengasingkan. Ini harga barang, ini harga GST. Jadi GST ini panas sentiasa, jadi saya hendak benda ini, selepas ini tidak ada. Tiada lagi sebut, ini harga barang, ini GST termasuk harga terangkum dan kalau ada ini kena ambil tindakan tegas. Kena ambil tindakan tegas tepatlah, supaya benda ini tidak hidup. Ini dekat-dekat pilihan raya ini, lagi jadi hidup. Saya tidak mahu GST ini menjadi kepanasan sentiasa.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tengok peranan KPDNKK, apabila harga minyak naik, harga barang naik. Okey, kalau apabila gaji naik, elaun naik harga barang naik, apa kaitannya? Tiada kena mengena, jadi KPDNKK kena ambil tindakan tegas, sebab ini menjadi kemarahan, tiada kena mengena. Gaji naik, elaun naik, harga barang naik. Apa kena mengenanya? Tiada kena

mengena. Jadi peniaga ini dia tahu, apabila gaji naik, elaun naik, awal-awal lagi, siang-siang lagi dia naik. Ini kena, saya hendak tanya, apakah langkah KPDNKK supaya benda ini tidak berlaku, tidak menjadi kemarahan rakyat kepada Kerajaan Barisan Nasional, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Henry Sum Agong:** Terima kasih Yang Berhormat ke atas soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, kedudukan inflasi negara boleh dilihat melalui indeks harga pengguna (IHP) yang merupakan satu mekanisme pengukur perubahan dalam paras harga keseluruhan barangan dan perkhidmatan dalam ekonomi. Peratus perubahan yang diukur melalui pengiraan IHP ini, mencerminkan kedudukan inflasi secara keseluruhan di Malaysia.

Terdapat pelbagai komponen yang mempengaruhi perubahan inflasi pada sesuatu tempoh. Ini termasuklah kategori makanan dan minuman bukan alkohol 30.2 peratus, perumahan dan utiliti 23.8 peratus serta pengangkutan 13.7 peratus yang menyumbang hampir 70 peratus kepada keseluruhan perubahan inflasi di Malaysia. Dalam hal ini, harga jualan runcit petrol RON95 dan RON97 dan diesel merupakan salah satu komponen yang menyumbang kepada perubahan inflasi dalam kategori pengangkutan.

Berdasarkan kepada kedudukan terkini pada bulan Oktober 2017, inflasi keseluruhan lebih rendah pada kadar 3.7 peratus berbanding 4.3 peratus pada bulan September 2017. Prestasi ini disebabkan oleh inflasi lebih rendah dalam kumpulan pengangkutan 12.1 peratus dan makanan dan minuman bukan alkohol 4.4 peratus. Inflasi dalam kategori pengangkutan lebih rendah pada bulan Oktober 2017. Didorong terutamanya oleh purata bulanan bagi harga jualan runcit petrol RON95 yang lebih rendah iaitu pada RM2.18 seliter. Iaitu untuk bulan Oktober berbanding dengan RM2.19 seliter pada September 2017.

Mengenai soal GST yang ditanyakan, perkara ini akan diteruskan, akan dikuatkuasakan seterusnya mulai pada tahun hadapan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat, jawapan Yang Berhormat Menteri itu memadai atau tidak, suka atau tidak itu kementerian punya jawapan.

**4. Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty** Minta Menteri Kewangan menyatakan, adakah duit caruman KWSP boleh digunakan oleh pencarum untuk membuat pinjaman perumahan terutamanya bagi pekerja swasta.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wira Othman bin Aziz]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah... [Melafazkan salawat]*

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sentiasa komited dalam melaksanakan tanggungjawab, sebagai organisasi keselamatan sosial yang menyediakan perlindungan persaraan dalam bentuk simpanan wajib kepada pencarum atau ahlinya.

■1030

Struktur akaun KWSP boleh dibahagikan kepada dua akaun seperti berikut. Akaun 1, 70 peratus yang merupakan simpanan khusus untuk persaraan dan Akaun 2, 30 peratus yang merupakan



simpanan khusus untuk pengeluaran pra persaraan yang boleh menambah nilai simpanan seperti pembelian atau pembinaan rumah dan mengurangkan baki pinjaman perumahan. Selain itu, ahli juga layak membuat pengeluaran di bawah skim pengeluaran kesihatan, pendidikan dan juga untuk kegunaan pengeluaran umur 50 tahun.

Sebagai sebuah organisasi keselamatan sosial yang mempunyai tujuan khusus untuk persaraan, KWSP tidak menyediakan kemudahan pinjaman kepada ahlinya. Namun begitu, KWSP membenarkan ahli membuat pengeluaran bagi tujuan-tujuan khusus yang berkaitan seperti yang disebut keperluan persaraan seperti pengeluaran untuk perumahan. KWSP telah menyediakan beberapa jenis pengeluaran perumahan kepada ahli seperti berikut.

Satu, pengeluaran membeli atau membina rumah. Pengeluaran ini membolehkan ahli mengeluarkan simpanan Akaun 2 untuk membiayai pembelian atau pembinaan sebuah rumah secara individu atau pembinaan secara bersama dengan suami isteri. Pengeluaran untuk membeli, membina rumah kedua dibenarkan setelah rumah pertama dijual atau berlaku pelupusan pemilikan rumah pertama sama ada atas sebab rumah tersebut dilelong, penyerahan harta melalui perintah mahkamah, pindah milik atas dasar kasih sayang, rumah musnah akibat bencana alam atau kebakaran, projek rumah terbengkalai atau pembatalan pembelian rumah.

Kedua, pengeluaran mengurangkan atau menyelesaikan baki pinjaman perumahan. Pengeluaran ini membolehkan ahli mengeluarkan simpanan Akaun 2 pada setiap tahun untuk mengurang atau menyelesaikan baki pinjaman perumahan yang diambil daripada institusi pemberi pinjaman yang dibenarkan oleh KWSP seperti berikut.

Pembelian secara individu atau pembelian secara bersama dengan ahli keluarga terdekat ibu bapa, suami isteri, adik-beradik atau anak-anak atau membantu suami isteri mengurang, menyelesaikan baki pinjaman perumahan suami isteri.

Ketiga, pengeluaran ansuran bulanan pinjaman perumahan. Pengeluaran ini membolehkan ahli mengeluarkan simpanan Akaun 2 untuk membayar ansuran bulanan pinjaman perumahan yang diambil bagi tujuan pinjaman pembelian atau pembinaan rumah. Pengeluaran ini adalah tambahan kepada pengeluaran rumah sedia ada iaitu pengeluaran untuk mengurang atau menyelesaikan baki pinjaman perumahan.

Ahli disarankan untuk membuat persediaan serta mengetahui tahap kewangan serta simpanan dan kemampuan terlebih dahulu sebelum membuat keputusan dan mereka juga disaran untuk mendapat maklumat terperinci berkaitan kemudahan yang ditawarkan oleh KWSP. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan soalan tambahan Yang Berhormat.

**Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah menjawab dengan begitu jelas sekali. Saya ada satu soalan tambahan, adakah KWSP membenarkan kepada kelompok swasta yang mencarum di dalam KWSP dan kebetulan mereka adalah tergolong daripada golongan B40 untuk membuat renovasi rumah walaupun telah mendapat kemudahan sebelumnya. Terima kasih.

**Dato' Wira Othman bin Aziz:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty yang telah bertanya soalan tambahan. Apa yang penting adalah baki kepada pinjaman. Kalau dia ada baki pinjaman- *sorry*. Baki kepada simpanan. Kalau dia ada dalam tabungan nombor 2 itu dia- kalau sebelum itu dia sudah ambil katalah 10 peratus harga rumah untuk menambah deposit, kemudian setelah mungkin sekian lama dia hendak buat *renovation*, masih ada baki, saya ingat dia boleh membuat permohonan kepada EPF. Kemudian, detil semua, macam mana proses itu, hendaklah dia pergi ke pejabat EPF untuk mendapat maklumat yang berkenaan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Haji Muhammad bin Mustafa:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya ialah adakah caruman ini boleh dimohon untuk menunaikan haji? Ini kerana haji juga merupakan keperluan asas dalam kehidupan dan peluang untuk menunaikan fardu haji ini semakin susah. Jadi, apakah pihak pencarum boleh guna kemudahan ini? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Caruman KWSP untuk haji.

**Dato' Wira Othman bin Aziz:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman seperti yang saya sebutkan awal tadi, apabila seseorang itu dia menjadi ahli kepada EPF ini untuk tujuan sebenarnya adalah tujuan untuk bersara, persaraan hendak *cover* kehidupan setelah bersara. Akan tetapi dalam konteks EPF ini, dia bagi ruang apabila kita mencapai umur 50, kita boleh keluarkan duit itu. Kemudian, kita bolehlah gunakan untuk apa jua tujuan sebenarnya sama ada kita hendak pergi haji dan sebagainya.

Akan tetapi untuk pinjaman pengeluaran untuk hendak keluar pergi Mekah untuk tujuan haji ini, seperti definisi yang telah saya sebutkan tadi, kita hanya keluarkan untuk tujuan pendidikan, tujuan kesihatan, tujuan pra persaraan yang 50 tahun itu. Maksudnya, *threshold* dia kena 50 tahunlah kalau untuk tujuan haji. Akan tetapi kalau sebelum 50 tahun, saya rasa dia tidak boleh buat pengeluaran untuk pergi ke Mekah sebelum dia sampai umur 50 tahun. Jadi, dia tertakluk kepada syarat pra persaraan sehingga umur 50 tahun itulah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**5. Tuan Khairul Azwan Harun** minta Perdana Menteri menyatakan, apakah usaha-usaha kerajaan dalam menyediakan bantuan kecemasan bencana alam secara sistematik dan menyeluruh memandangkan perubahan iklim kian menjejaskan cuaca di Malaysia.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Tindakan aktiviti manusia seperti perindustrian, penebangan pokok, pembalakan dan pembakaran terbuka telah meningkatkan pengeluaran gas rumah hijau yang menjadi punca utama perubahan iklim. Berdasarkan laporan *Intergovernmental Panel on Climate Change 2011* (IPCC), perubahan iklim mendatangkan kesan-kesan seperti terjadinya kenaikan suhu global, peningkatan kekerapan hujan, perubahan jumlah hujan, jerebu dan juga pemanasan global yang berpunca daripada pelepasan gas karbon monoksida ke atmosfera bumi. Ahli-ahli Sains beranggapan perubahan iklim ini

akan meningkatkan kekerapan suatu kawasan yang dilanda hujan lebat yang menyebabkan banyak komuniti berisiko untuk menghadapi kemusnahan akibat banjir.

Kerajaan telah mengambil tindakan awal dalam menyediakan bantuan kecemasan bencana alam secara sistematik. Antaranya, kerajaan telah membelanjakan peruntukan yang signifikan bagi pengurusan bencana yang merangkumi perolehan aset-aset untuk membantu tugas sewaktu bencana serta perolehan untuk menjamin kebajikan mangsa-mangsa bencana di pusat-pusat perpindahan. Para pegawai yang bertugas sentiasa bersiap siaga untuk berkhidmat sewaktu bencana dan selepas bencana. Secara dasarnya, kesiapsiagaan secara fizikal telah dilaksanakan secara berterusan melalui sesi-sesi latihan amal, simulasi bencana dan juga latihan dalam bidang pengurusan logistik.

Kerajaan sememangnya telah memberikan komitmen yang tinggi dalam menghadapi cabaran perubahan iklim yang semakin kompleks terutamanya dengan penubuhan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) sebagai agensi peneraju utama bencana negara. Antara tanggungjawab utama NADMA adalah menyelaras pelaksanaan dan mengurus pengurusan operasi bencana serta strategik bagi memastikan bantuan kemanusiaan dapat disalurkan secara teratur dan berkesan dengan mekanisme pengurusan bencana MKN 20.

Oleh yang demikian, bagi memantapkan lagi penyediaan bantuan kecemasan secara sistematik dan menyeluruh, kerajaan telah melaksanakan langkah-langkah seperti berikut. Pertama, latihan amal dan pengurusan risiko bencana peringkat komuniti menguruskan *Civil Defence Emergency Response Team* (CDERT). Entiti kerajaan merupakan penyumbang utama bantuan-bantuan fizikal dan kewangan.

Bagi memastikan kelancaran penyampaian bantuan, NADMA telah dan akan terus mengadakan siri latihan amal dan pengurusan risiko bencana peringkat komuniti yang melibatkan agensi-agensi pengurusan bencana di peringkat pusat negeri dan daerah serta komuniti tempatan. Objektif latihan amal ini ialah bagi meningkatkan kefahaman *stakeholders* terhadap tugas dan tanggungjawab setiap agensi yang terlibat. Melalui latihan amal ini, setiap tugas dan tanggungjawab setiap agensi akan dikenal pasti secara jelas. Ini akan mengurangkan pertindihan tugas dan mengurangkan ketidakcekapan dan pembaziran sumber bantuan.

#### ■1040

Kolaborasi dengan agensi kerajaan lain. Dalam pengurusan bencana, NADMA tidak bergerak bersendirian. Kolaborasi antara agensi *responder* dan agensi yang berkaitan terutamanya Jabatan Meteorologi Malaysia, Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia, Agensi Remote Sensing Malaysia dan Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia menerusi Program Simulasi Bencana telah meningkatkan keupayaan respons bantuan bencana di kawasan yang rentan bencana dan akan terus dilaksanakan.

Penyelarasan bencana secara bersepadu dan berskala melalui Mesyuarat *High Level Committee* Pengurusan Bencana dan Bantuan Pusat yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan dihadiri oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri serta kementerian dan agensi yang terlibat dalam pengurusan bencana bagi membincangkan isu-isu berkenaan pengurusan bencana. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri selaku Timbalan Pengerusi pula mempengerusikan Jawatankuasa Kerja Bencana di peringkat kementerian,

jabatan dan juga menguruskan lain-lain perkara dan lain-lain isu termasuklah keperluan logistik serta kesiapsiagaan persiapan bencana dibincangkan secara holistik.

Kejasama dengan NGO. Semua bantuan NGO diselaraskan termasuklah melalui bantuan koordinasi, logistik, kesihatan, makanan, kesedaran awam dan juga kebersihan serta tenaga. Kita juga telah mencadangkan supaya NGO menyertai Skim Anak Angkat yang diperkenalkan di setiap pusat perpindahan. Sekarang pusat perpindahan mengikut arahan MKN diuruskan oleh JKM serta dibantu oleh Bulan Sabit Merah dan juga St. John. Itu adalah arahan MKN. Akan tetapi, sekarang ini kita telah membuat perubahan di mana di samping JKM, kita ada APM dan juga lain-lain agensi yang boleh membantu untuk menguruskan tempat perpindahan.

Akan tetapi sistem baru yang diperkenalkan iaitu melalui sistem anak angkat di mana jabatan-jabatan kerajaan akan bersama menyertai Program Anak Angkat dan mereka boleh menggerakkan seluruh anggota pegawai dan kakitangan untuk menyertai bersama dalam membantu mangsa banjir di tempat yang mereka telah dijadikan anak angkat.

Keempat ialah Depot Bantuan Kemanusiaan Negara. Depot ini seluas 12,000 kaki adalah tempat untuk meletakkan pelbagai item dan juga aset bencana.

Kelima, menyusun semua Jawatankuasa Negeri dan Daerah. Dalam Arahan MKN 20, Angkatan Pertahanan Awam diberi peranan selaku Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana di peringkat negeri dan daerah agar respons terhadap bencana dalam negara dilaksanakan dengan pantas. Ini bermaksud APM sekarang ini menjadi sekretariat pengurusan bencana di peringkat negeri dan juga daerah. Walaupun ia tidak dimasukkan dalam Arahan MKN 20 tetapi secara *administrative* atau pentadbiran, benda ini sedang berjalan dengan lancar. Kita ada Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC) dan sekarang kita tengah memperkasakan pusat tersebut.

Keenam ialah penyediaan bantuan pembangunan dan pembaikan infrastruktur asas bencana. Sekiranya berlaku apa-apa kerosakan dan lain-lain semasa banjir, *insya-Allah*, pihak kerajaan akan cuba sedaya upaya untuk memperbaikinya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang telah menjawab secara panjang lebar dan terperinci. Saya ingat soalan tambahan adakah?

**Tuan Khairul Azwan Harun:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, silakan.

**Tuan Khairul Azwan Harun:** Ada, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih. Saya hendak ucap tahniah juga kepada Yang Berhormat Menteri kerana telah memberi jawapan panjang lebar dan juga terperinci terutama usaha kerajaan yang terkini yang membuat ataupun mengadakan Program Anak Angkat di setiap tempat-tempat bantuan banjir.

Soalan tambahan saya, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya sama ada kerajaan merancang untuk memperluaskan skim insurans untuk mangsa banjir? Saya difahamkan pada tahun 2015 kepada kakitangan awam yang meminjam untuk tujuan perumahan digalakkan untuk mengambil insurans. Yang Berhormat Menteri, apakah ini digalakkan, diperluaskan? Kalau itu dirancang, banyak mana agensi-agensi ataupun syarikat-syarikat insurans yang sanggup terlibat? Ini kerana kita tahu tidak banyak syarikat insurans yang sanggup menanggung risiko bencana alam ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Jikalau di bawah bidang kuasa Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, selepas banjir tahun 2014, 2015, kerajaan telah mengarahkan untuk NADMA membeli insurans kepada semua sekali di kawasan-kawasan yang dijangka banjir. Ini telah diputuskan dan Kabinet telah mengarahkan saya untuk membuat perundingan dengan syarikat insurans dengan mengambil Kemaman sebagai *template* untuk melaksanakan skim insurans.

Semua sekali syarikat insurans bersetuju tetapi mereka mensyaratkan supaya kita kena insuranskan sekurang-kurangnya jumlah tertentu. Contohnya macam 500,000 orang, paling rendah pun dekat 200,000 orang. Dia kena beri syarat supaya kita kena insuranskan cara umum begitu. Dan kita menghadapi masalah sebab hendak kita insuranskan kawasan yang selalu kena banjir. Contohnya macam Kelantan, ada satu kawasan tidak pernah kena banjir. Jadi kita boleh insuranskan tempat itu. Demikian juga di Terengganu, kita telah kenal pasti tempat yang mudah banjir.

Jadi, kena buat insurans untuk semua penduduk secara umum begitu, kurang bertepatan. Ini kerana kita mengambil insurans untuk mereka yang terkena banjir. Jadi perbincangan telah pun berjalan dan tawaran telah pun dibuat kepada syarikat insurans yang berminat tetapi pihak kerajaan tersangkut apabila dia mensyaratkan kita mesti ada jumlah tertentu. Contohnya macam 200,000 dan 500,000 dan sebagainya.

Mereka telah berjanji kalau ikut Kemaman, *template* itu, sekiranya berlaku banjir, tiga hari selepas banjir mereka akan dapat duit insurans iaitu sebanyak RM1,000. Kerajaan telah meletakkan bahawa kita sanggup untuk belanja di antara RM60 ke RM70 untuk setiap orang yang mungkin menjadi mangsa banjir. Akan tetapi, ini masih tidak menjadi kenyataan sebab syarat mengenakan jumlah penduduk itu tidak dapat dilaksanakan. Ini Kabinet pun telah dua kali meminta supaya disegerakan tetapi kita tidak buat demikian kerana tidak ada syarikat yang sanggup datang untuk tidak meletakkan syarat yang berkenaan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri.

**Beberapa Ahli:** [Bangun]

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Tanya sikit, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila duduk, Yang Berhormat. Silakan, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Muhammad bin Mustafa:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri yang memberi jawapan yang begitu baik. Soalan tambahan daripada saya ialah oleh kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri amat menekankan tentang *maqasid syariah* dalam pembentangan bajet baru-baru ini, maka dalam penyediaan bantuan kecemasan bencana alam juga bukan sahaja dilakukan secara sistematik dan menyeluruh, malah prinsip dan semangat *maqasid syariah* juga perlu diterapkan dengan sebaik-baiknya. Ini kerana banjir ini dari satu segi, ia adalah merupakan bencana alam dan satu segi yang lain merupakan satu pendidikan dan tarbiah daripada Tuhan.

Oleh yang demikian, mangsa banjir ini bukan sahaja perlu diberi bantuan dari sudut fizikal tetapi juga bantuan kerohanian perlu juga diberikan. Ini kerana ada juga sesetengah orang yang menjadi mangsa banjir ini langsung tidak mengingati Allah SWT dan tidak menunaikan solat dan sebagainya.

Saya rasa perlu juga diberi penekanan supaya banjir ini mendapat pengajaran dan pendidikan dan seterusnya mengeratkan hubungan lagi dengan Allah SWT. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan, Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Terima kasih. Sebelum itu, saya juga hendak mengalu-alukan bagi pihak Parlimen lawatan daripada Pergerakan Wanita UMNO DUN Kemasik, Kemaman, Terengganu... [*Tepuk*]

Okey, saya ucap terima kasih sebab saya menantikan soalan ini begitu lama. Sepanjang kehidupan menjadi Menteri menguruskan bencana, saya menunggu soalan ini ya.

■1050

Saya hendak beritahu bahawa sebahagian besar daripada pengurusan bencana, di samping agensi kerajaan, ialah NGO. NGO kita galakkan untuk membantu mangsa bencana ini dalam pelbagai bentuk. Akan tetapi, di pihak kerajaan sendiri, kita ada kaunseling daripada jabatan, kita ada pakar-pakar psikologi daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat. Kemudian daripada sekolah, Jabatan Pendidikan, kita ada itu. Akan tetapi itu ialah di peringkat mereka.

Kita ada juga mereka yang daripada agama lain yang datang. Cuma, saya beritahu, agama lain tidak bolehlah membuat kaunseling dengan orang Islam dan sebagainya. Mereka boleh buat dengan orang-orang mereka sendiri seperti saya beri contoh ialah Buddha Tzu Chi. Dia akan hadir hampir semua pusat banjir. Semasa saya menguruskan banjir di peringkat negeri dulu, kami sentiasa dalam keadaan tertentu bertanding siapa sampai dulu ya. Begitulah.

Akan tetapi sekarang ini, saya ada beritahu untuk negeri ini, Jabatan Agama disyaratkan untuk memberi ceramah agama untuk menampung masa yang mereka terluang itu. Saya hendak beritahu, Tuan Yang di-Pertua, dalam dunia ini, hanya satu tempat yang bila kita buat kursus, orang tidak lari dan semua bapa, cucu, cicit, nenek berada sekali, tidak ada pihak yang akan berjalan ke sana ke sini iaitu di kawasan pemindahan. Jadi kalau kita buat ceramah biasa, ibu bapa hadir atau tok wan hadir. Akan tetapi di tempat banjir, semua hadir termasuk *baby* dalam buaian pun akan hadir. Sebab apa? Mereka tidak boleh bergerak. Di situlah tempat. Inilah tempat ceramah yang paling baik.

Kalau orang-orang yang ada ilmu agama, ini tempat yang terbaik. Kadang-kadang mereka bersyarah di jalanan sana, yang dengar cuma orang-orang lain tetapi ini budak-budak kecil dengar. Allah beri rahmat untuk kita menyampaikan ilmu kepada seluruh umat manusia sebab mereka banjir.

Akan tetapi, tidak dijalankan di semua tempat. Ia dijalankan di sebuah negeri semasa kita mentadbir negeri itu. Kita beri syarat, Pejabat Agama mesti turun serta-merta tanpa mengira parti politik untuk memberi ceramah agama dan ajak mereka solat berjemaah. Solat jemaah yang paling besar dalam dunia ini ialah di pusat pemindahan. Semua orang akan solat. *Baby*, anak, bapa kena solat. Kalau tidak solat pun kena duduk diam.

Jadi, demikianlah hebatnya rahmat Allah kepada manusia. Mereka yang ada ilmu boleh sampaikan tetapi malangnya, tidak berjalan sebaiknya. Jadi saya minta supaya NGO, Jabatan Agama dan juga pihak lain, hadir dan melaksanakan hukum agama di tempat itu. Sebab semua orang akan hadir. Solat lima waktu akan dihadiri sepenuhnya. Ada satu pusat pemindahan di Pahang semasa banjir besar dahulu, 6,000 orang. Bayangkan, 6,000 orang solat. Kita pakai *speaker* dan semua orang ikut solat. Itulah yang tercantik.

Jadi, saya hendak beritahu di pihak kerajaan, kami ada menyediakannya. Akan tetapi kita menggalakkan NGO dan juga semua pihak dan mereka yang berilmu agama itu sebab kalau tidak, Arab kata... [*Berucap dalam bahasa Arab*] Jadi maknanya, "*Kalau ada ilmu tidak pakai, macam pokok tidak berbuah*". Jadi, kita minta supaya semua pihak untuk menyertainya dan beri sumbangan. Cuma, hendak masuk *direct* tidak boleh, kena melalui NADMA ataupun Jabatan Kebajikan Masyarakat yang menjaga tempat tersebut ataupun APM ataupun mana-mana pihak yang telah dinamakan sebagai orang yang menguruskan tempat bencana. *Thank you very much*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang baik hati. Saya hendak tanya Menteri, sebab kawasan Rantau Panjang ini memang kawasan banjir, Tuan Yang di-Pertua. Setakat di dunia ini memang banjir setiap tahun. Jadi, semasa banjir sebab kita ini bercakap soal sistematik semasa banjir. Dato' Seri Dr. Shahidan ini memang Menteri yang terbaiklah pengurusan banjir ini. Saya ingat susahlah hendak cari Menteri macam ini. Ke hulu ke hilir dengan duit, tidak kisah.

Jadi semasa banjir, ini ada yang di pusat-pusat pemindahan, Tuan Yang di-Pertua, ramai. Kalau di Rantau Panjang itu, sesetengah tempat itu, 1,000 orang atau 2,000 orang setempat. Ada tukang masak tanya saya, dia kata, "*Tanyalah Menteri, bila musim banjir itu, tukang masak itu tiga bulan- bulan 10, 11, 12 itu ada elaun atau tidak semasa masak itu?*". Dia tanya sebab duit ini dia minta dengan Ketua Bahagian, Ketua Bahagian tidak ada peruntukan ini. Jadi kalau boleh saya hendak minta dengan- hendak tanya Menterilah.

Kemudian yang kedua, bila sebut secara sistematik pusat pemindahan ini, benda itu berjalan dengan lancar, teratur. Saya mintalah di pusat-pusat pemindahan ini supaya biar tandas atau bilik air itu dibesarkan, banyak sedikit. Sebab, Tuan Yang di-Pertua, kalau dulu tahun 2014, di SMA Lati itu, tandas sedikit, orang 8,000, bergelimpangan. Jadi tidak tersusun. Jadi pusat-pusat pemindahan yang digazet, yang besar ini, saya minta NADMA sebagai Agensi Pengurusan Bencana Negara ini melihat supaya ditambah baik benda ini supaya ia tidak menjadi masalah kepada mangsa-mangsa banjir. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang semakin bertambah *handsome* setiap hari. Kalau cakap macam itu, dia beri soalan nombor 4 *kot*.

Okey, pertama, saya hendak ucap terima kasih kepada Rantau Panjang dan semua wakil rakyat. Sebenarnya, wakil rakyat ini sama ada Dewan Negara ataupun Dewan Rakyat, mereka cuba sedaya upaya untuk sampai ke tempat tersebut. Sebenarnya tidak mampu sebab mereka tidak cukup kelengkapan. Akan tetapi, semua wakil rakyat sebagai Kolonel Kehormat ini, beritahu, kita akan bawa Yang Berhormat sampai ke sana, kecuali Rantau Panjang ini sudah tahu tempat banjir, dia sudah ada orang-orang dia, dia akan sampaikan. Banyak tempat yang dia dahulukan duitnya dahulu untuk memberi barang makanan. Jadi saya berterima kasih itu bagi pihak kerajaan kepada Yang Berhormat dan juga kepada semua Yang Berhormat yang lain.

Okey, berhubung dengan tukang masak, Yang Berhormat. Dalam *circular* JPA itu, dengan terang menyebut bahawa jabatan yang terlibat untuk menguruskan bencana ataupun lain-lain lagi boleh

mengambil pegawai sementara selama tiga bulan. Dengan elaun itu, dia berilah. Saya kalau hendak sebut elaun ini, dia ada tahap-tahapnya- SPM dan sebagainya tetapi kalau saya masih ingat, sebab saya tidak dapat beri *detail*, ialah lebih kurang RM1,000 sebulan dan kita boleh ambil pegawai serta-merta. Akan tetapi, kebanyakan pegawai pusat pemindahan ini, bila berlaku banjir terkejut macam itu, dia sendiri pun pegawai sementara. Jadi, dia tidak mampu untuk ambil orang lain. Ini telah pun JPA yang telah hadir dengan saya di beberapa buah pusat banjir, mereka telah beritahu bahawa *circular* ini hendaklah dihidupkan balik supaya kita boleh mengambil kakitangan sementara waktu banjir berlaku.

Saya pun telah buat sendiri untuk Rantau Panjang, mengambil pegawai sementara tetapi pelbagai pihak tidak berani untuk bertindak dengan pekeliling tersebut dan itu tidak ambil, jadi saya kena bawa keluar duit poketlah. So, mereka boleh berbuat demikian. Pegawai, ketua jabatan boleh berbuat demikian. Ketua Jabatan Kebajikan boleh berbuat demikian. APM boleh berbuat demikian. Cuma, mereka takut kalau-kalau tersalah mereka berbuat demikian.

Kalau kita rasa salah, kita rujuk pada JPA tetapi jangan rujuk masa banjir, tidak sempat. Rujuk sekarang, masa tenang-tenang ini, kepada JPA. Apakah mereka boleh mengambil kakitangan sementara? Boleh. Tok Empat pun boleh, Pengerusi JKKK pun boleh, untuk menguruskan tempat banjir termasuk tukang masak yang melaksanakan tugas secara sukarela. Jadi, *circular* ini tidak boleh tidur begitu sahaja tanpa pelaksanaan. Jadi, saya berterima kasih.

Sekarang saya dapat menjawab dan saya menyeru kepada semua sekali, setiausaha kerajaan negeri, pegawai daerah, ketua-ketua jabatan di peringkat negeri, melihat ini dan jangan *circular* ini disiasikan. Bila orang kompelin tempat banjir itu tidak diuruskan dengan baik- saya tidak mahu sebut di Dewan yang mulia ini sebab tidak mahu mengecilkan hati mana-mana pihak tetapi ada tempat yang saya sampai, saya yang uruskan sendiri.

#### ■1100

Akan tetapi tidak payah ungkit apa saya cuma perbaiki, tetapi yang saya urus tentulah jadi baik, sebab serta-merta kita bagi makan makanan segera *Kentucky* dan sebagainya.

Okey berhubung dengan tandas dan juga tempat makan. Yang ini kerajaan telah meluluskan 50 biji, 50 buah sekolah tempat perpindahan, tinggal hendak laksanakanlah saya harap bulan Januari. Sama ada pilihan raya atau tidak- banjir ini tidak kira pilihan raya, kita akan terus pembinaan bilik air dan tempat makan. Sekarang ini kita tambah, kerajaan telah memberikan peruntukan RM10 juta baru-baru ini kepada kita untuk menguruskan banjir makna kata setengah tempat itu tidak cukup kelengkapan tempat masak kita bagi.

Macam Rantau Panjang minta, saya bagi semua tempat. Kemudian pergi satu tempat yang wakil rakyat Tumpat dia kata dia perlukan bot, bagi. Hari ini minta esok kita bagi bot sebagai contoh kemudian *partition* tidak cukup dan sebagainya kita sediakan. Perpindahan kali ini ialah perpindahan cukup baik sebab disertai oleh mana-mana pihak.

Saya juga hendak sebut di sini Tuan Yang di-Pertua, kalau banjir Yang Berhormat cuba pergi ke Rantau Panjang, sebab apa di Rantau Panjang ini bukan sahaja banjir tetapi pesta banjir yang terbesar dalam Malaysia ini adalah di Rantau Panjang. Dia orang ambil kesempatan masa banjir itu untuk mereka buat *swimming pool*, anak-anak semua berenang di sana, tetapi semua tidak berapa elok sikit sebab ini banjir. Walau bagaimanapun mereka ada buat, saya pun tumpang perhati sama lah.



Sebab di situ saya tidak tahu hendak sebut, orang yang tahu, tahulah bahawa mereka juga buat pesta, cuma airnya tidak berapa eloklah. Walau bagaimanapun tidak digalakkan, tetapi kalau mereka hendak buat apakan daya ya.

Akhir sekali kita hendak bagi tahu bahawa semua sekali tempat-tempat perpindahan kita akan bagi kemudahan asas itu. Esok kita panggil pegawai daerah Kota Belud untuk datang sebab Kota Belud ini 94 kali banjir. Jadi tidak logik, dia pindah balik esok datang balik, pindah balik. Jadi saya panggil pegawai daerah Kota Belud datang ke Kuala Lumpur esok. Kita sudah hantar barang di sana sebab penyerahan ini saya terpaksa buat masa di sini sebab kekurangan masa untuk saya pergi ke sana.

Jadi kita akan bagi dia lori dua tan, semua tempat masak kita akan bagi dan kita akan perbaiki tempat perpindahan itu penambahan bilik air dan juga dewan makan yang kita akan buat dalam masa dua bulan. Ini kerana mereka di antara tempat yang banjir tidak berhenti di atas sebab-sebab yang telah berlaku.

Jadi Yang Berhormat Ketua Bahagian Kota Belud, Yang Berhormat Menteri Penerangan dan Yang Berhormat Ahli Parlimen Kota Belud esok akan hadir bersama untuk menerima peralatan ini supaya bila berlaku banjir kita akan pindahkan mereka. Kali ini saya ada minta supaya semua pihak melihat bahawa jangan pindah waktu banjir, pindah sebelum banjir. Kalau boleh tiga hari sebelum banjir kita akan tanggung semua makan, minum mereka sepanjang mereka tinggal sebelum banjir. Atau mereka pindah tiba-tiba banjir tidak datang okey halal, *no problem*. Jadi yang paling penting pindah sebelum banjir supaya banjir kita tidak perlu lagi pakai bot untuk memindahkan orang. Ini kerana kita ikut negara maju ini ialah negara yang mampu memindahkan orang sebelum banjir. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang baik hati dan tahniah kerana menguruskan bencana alam banjir dengan sebaik mungkin.

**6. Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan, tindakan kementerian bagi mengatasi masalah industri yang beroperasi tanpa lesen dan berlesen yang menduduki tanah kerajaan di sepanjang rizab sungai yang boleh mendatangkan bahaya dan mencemar kawasan sungai.

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri]:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian melalui Jabatan Alam Sekitar sentiasa menjalankan tindakan penguatkuasaan melalui Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 ke atas mana-mana premis yang tertakluk di bawahnya tanpa mengambil kira industri tersebut beroperasi tanpa lesen ataupun berlesen daripada mana-mana pihak yang berwajib sama ada di tanah kerajaan, bukan tanah kerajaan dan sebagainya.

Pemeriksaan yang dilakukan berdasarkan inventori yang direkodkan oleh Jabatan Alam Sekitar. Penekanan utama yang dilakukan adalah pematuhan industri terhadap tiga peraturan utama iaitu pematuhan terhadap udara bersih, pematuhan *effluent* perindustrian dan juga pematuhan pengurusan buangan terjadual seperti toksik. Di peringkat awal perancangan pembangunan industri

pihak jabatan menyarankan supaya penempatan industri hanya diletakkan di kawasan perindustrian, itu satu perkara yang perlu dirujuk dan dipastikan.

Di peringkat pengoperasian pula pelbagai usaha dilakukan bagi memastikan pengoperasian industri tersebut tidak mencemarkan sungai. Antara tindakan yang dijalankan adalah menjalankan penguatkuasaan secara menyeluruh, memastikan industri, menyediakan orang yang berwibawa dalam pengoperasian alat kawalan pencemaran, memantau secara berterusan laporan pemantauan pembuangan *effluent* perindustrian secara *online* ataupun dalam talian dan mengambil tindakan penguatkuasaan seperti amaran bertulis dan lain-lain. Termasuklah notis arahan, tawaran kompaun, penyertaan dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, khusus bagi kilang-kilang tanpa lesen yang menduduki tanah kerajaan, pihak NRE ataupun Jabatan Alam Sekitar tidak akan berkompromi dan meminta pihak berkuasa tempatan seperti majlis-majlis daerah termasuk dewan bandar raya dan sebagainya, pentadbir tanah daerah, kerajaan negeri, hatta jabatan Ketua Pengarah Jabatan Tanah dan Galian mengambil tindakan yang serius untuk tidak membenarkan kilang beroperasi dan seterusnya kilang ditutup. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat soalan tambahan.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana memberi jawapan yang jelas saya kira. Cuma saya ada satu soalan tambahan, saya mohon Yang Berhormat Menteri menjelaskan statistik industri yang beroperasi di tepi sungai di tanah-tanah rizab kerajaan di seluruh negara. Saya juga ingin tahu di kawasan bandar atau kawasan penduduk mana yang menjadi tumpuan untuk industri ini beroperasi. Selain itu, adakah kementerian membuat kajian terhadap risiko yang diwujudkan industri di tepi sungai dan jika ada apakah hasil penemuan kajian tersebut.

Saya juga ingin tahu adakah kementerian telah mempunyai SOP untuk bertindak jika berlaku kecemasan seperti tumpahan sisa-sisa toksik dan bahan-bahan kimia ke dalam sungai. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Soalan itu panjang dan banyak juga perkara-perkara yang ditanya. Saya hendak sebut di sini tentang statistik. Pihak saya mengaku kita tidak ada statistik yang sempurna yang lengkap kerana maklumat tersebut disimpan dan dimiliki oleh semua pihak berkuasa tempatan dan dipihak kita biasanya tidak memperoleh angka-angka yang tepat. Setengah PBT tidak mampu untuk menyenaraikannya atas sebab-sebab yang kita tidak ketahui dan akhirnya kita hanya berdasarkan kepada aduan yang kita terima untuk mengambil tindakan. Justeru tidak ada statistik yang lengkap atau sempurna yang kita simpan dari sudut kilang-kilang haram beroperasi, sama ada di tanah kerajaan, bukan tanah kerajaan dan sebagainya.

Bagi menjawab soalan tersebut, tumpuan kawasan kilang haram biasanya adalah kawasan-kawasan pertanian dan di pinggir bandar. Ada juga beberapa kes yang sengaja di rizab sungai tetapi kebanyakannya adalah kilang-kilang haram yang kecil. Bagi kajian risiko industri di tepi sungai sudah tentulah walaupun kita tidak ada kajian risiko secara menyeluruh tetapi jelasnya adalah kilang di tepi

sungai amat mudah mencemarkan sumber air. Biasanya industri yang terletak di atas takat pengambilan air ataupun *water intake* perlu mematuhi standard pelepasan *effluent industry* bagi memastikan bahawa air sungai tidak tercemar.

■1110

Walau bagaimanapun, setiap kerajaan negeri melalui jabatan ataupun melalui badan kawal selia dan sebagainya akan sentiasa memantau air sungai di kawasan *water intake* bagi memastikan bahawa air sungai dan sumber air boleh dirawat sebagai bekalan air. Maka disebabkan itulah Tuan Yang di-Pertua, di pihak kementerian kita amat prihatin dengan kualiti sumber air di seluruh negara dan kita akan mencadangkan di dalam Dewan Rakyat dan Dewan Negara iaitu Rang Undang-undang Sumber Air sebagai *template* kepada setiap negeri untuk diterima pakai bagi memastikan bahawa semua sumber air dan perkara-perkara lain yang berkaitan terpelihara bagi memastikan bahawa sumber air sentiasa terjamin lebih penting daripada keselamatan bekalan makanan. Ini menjadi perkara pokok.

Oleh yang demikian, sekiranya rang undang-undang ini boleh diterima pakai dan menjadi *template* kepada kerajaan-kerajaan negeri, mudah bagi setiap kerajaan negeri untuk mengambil tindakan yang lebih pantas, serius dan berkesan terhadap semua jenis pencemaran sumber air termasuklah daripada kilang-kilang haram dan juga kilang-kilang tidak haram.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian memang mempunyai satu Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi menyelaras penyaluran maklumat berkaitan kes-kes pencemaran terhadap punca sumber air mentah seperti sungai, tasik dan sebagainya. Melalui SOP ini maklumat awal pencemaran sumber air yang diterima oleh mana-mana agensi terutama di loji rawatan air dapat disebarkan secara pantas kepada semua pihak yang berkaitan dan tindakan berterusan diambil seperti JAS dengan kerjasama semua pihak yang berkaitan termasuk pihak berkuasa tempatan menutup sementara kilang tersebut dan selepas itu Jabatan Alam Sekitar (JAS) akan, dengan izin, *facilitate* kilang-kilang tersebut yang kita arahkan tutup supaya membuat pembaikan ke atas sistem rawatan mereka ataupun sistem efluen mereka supaya tidak berterusan mencemarkan air sungai pada tahap yang tertentu dan akhirnya sumber air terutamanya di *water intake* di takat pengambilan air di lokasi-lokasi rawatan air dapat beroperasi dengan sempurna selepas itu.

Contohnya seperti yang berlaku di sungai Johor. Semua jabatan yang berkaitan diselaraskan oleh Jabatan Alam Sekitar akan memantau sumber mana, daripada punca mana pencemaran itu berlaku? Setelah kita peroleh sumber pencemaran dan tindakan-tindakan berikut seperti yang saya sebutkan tadi dijalankan dan akhirnya loji air dapat beroperasi semula bagi tujuan bekalan air dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Silakan, Yang Berhormat.

**Tuan Zahari bin Sarip:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi laluan untuk soalan tambahan.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya ialah ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak kementerian tentang status kilang sawit di Jementah, Segamat. Ini kerana ia mendapat sedikit bantahan daripada sebilangan penduduk yang mengatakan

bahawa terdapat pencemaran bau walaupun telah mendapat kelulusan daripada pihak kementerian. Mohon penjelasan, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan, Yang Berhormat.

**Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri:** Terima kasih, Yang Berhormat Senator Tuan Zahari bin Sarip.

Tuan Yang di-Pertua, kilang di Jementah tersebut sebenarnya kilang – pada peringkat awal adalah kilang yang belum lagi diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan. Walau bagaimanapun, kilang tersebut telah beroperasi lebih awal sebelum mereka mendapat kelulusan. Di peringkat Jabatan Alam Sekitar, biasanya kita akan melihat sama ada kilang tersebut ada potensi untuk diluluskan atau tidak. Sekiranya mana-mana kilang ada potensi untuk diluluskan kita akan *facilitate*, dengan izin, kilang tersebut supaya boleh beroperasi tetapi tidak mencemarkan alam sekitar sebab kalau kita- sebab Jabatan Alam Sekitar dia tidak ada kuasa untuk robohkan kilang dan sebagainya.

Akan tetapi kita sedia maklum kebanyakan kilang ini kita dalam- dengan izin, 'degil' sedikit, jadi untuk kita selamatkan alam sekitar kita cuba *facilitate* dari segi bagaimana operasi rawatan efluen dan sebagainya tidak mencemarkan alam sekitar termasuklah bau dan sebagainya.

Setakat ini- itu status yang mutakhirnya dan setakat ini Kilang Sawit Mestika Jementah dalam peringkat *upgrading* sistem kawalan pencemaran terutamanya berkaitan dengan bau busuk tersebut dan kilang tersebut dilesenkan bagi tujuan untuk kawal pencemaran. Maknanya itu yang boleh Jabatan Alam Sekitar buat tetapi kita tidak buat kepada semua kilang. Hanya kilang yang ada potensi tetapi akhirnya bagi tujuan sama ada kilang tersebut boleh beroperasi seterusnya adalah bergantung pada pihak berkuasa tempatan sama ada hendak memberi lesen atau tidak. Jabatan Alam Sekitar akan sentiasa siap siaga dan bersedia untuk turut bekerjasama dengan semua pihak berkuasa tempatan seperti majlis-majlis daerah dalam konteks tersebut secara kebetulan di bawah Majlis Daerah Tangkak. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Abidullah bin Salleh:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak, Yang Berhormat sila duduk. Yang Berhormat baharu.

**Datuk Lim Pay Hen:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin kemukakan satu soalan berkenaan kilang kelapa sawit di Jementah juga sebab lokasi kilang kelapa sawit itu memang jarak dia dari tempat kediaman saya hanya lebih kurang lima kilometer. Jadi setiap pagi itu- dulu kalau saya buka tingkap udara segar, *fresh air*, dengan izin. Akan tetapi kali ini kalau saya buka tingkap sahaja bau busuk masuk ke rumah saya. Jadi saya mendapat tahu bahawa kilang ini masih belum memperoleh kelulusan daripada Majlis Daerah Tangkak dari segi kebenaran merancang.

Jadi kilang itu sudah buat. Lepas itu saya dimaklumkan juga bahawa kilang itu telah menerima arahan daripada Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor supaya berhentikan operasi sehingga 31 Oktober. Jadi saya hendak tahu status sampai mana kilang ini dari segi dia *upgrading*, dengan izin, untuk efluen dia? Juga saya hendak tanya juga lokasi kilang kelapa sawit itu jarak dia dari tempat kediaman sama ada 500 meter atau 750 meter? Saya pun keliru kerana maklumat yang diberitahu oleh pegawai alam sekitar adalah 500 meter sahaja.

Salah satu soalan yang saya ingin bangkitkan di sini juga, kedudukan kilang kelapa sawit itu memang dekat sangat dengan loji air di Ulu Jementah yang mana lebih kurang 20,000 orang penghuni sekitar menggunakan air dari loji itu. Sekian, terima kasih.

**Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri:** Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat yang bertanya. Tahniah kerana baru dilantik sebagai Senator dan juga jiran saya. Jiran kawasan bukan jiran rumah. Biasa kenal. Tahniah.

Seperti yang saya sebutkan tadi kilang tersebut masih dalam proses mempertingkatkan sistem kawalan pencemaran. Di pihak kementerian ataupun Jabatan Alam Sekitar kita sentiasa terbuka, mereka boleh menggunakan pendekatan apa sahaja termasuklah menggunakan teknologi terkini atau teknologi paling canggih dalam dunia yang mereka boleh import dari mana-mana negara bagi tujuan pengawalan pencemaran. Itu prinsip kita. Akan tetapi, sekiranya mereka gagal, kita tetap mengambil tindakan termasuklah untuk mencadangkan kepada pihak berkuasa tempatan tidak membenarkan operasi. Itu jawapan tegas daripada kita.

Dari segi jarak, betul. Lokasi lebih 500 meter dan mematuhi garis panduan *setting* dan juga *zoning* untuk industri. Setakat ini efluen kilang tersebut tidak mengalir ke loji rawatan air dan yang lain-lain masih dalam proses *upgrading*. Sekian, terima kasih.

■1120

Akan tetapi kalau tidak puas hati juga, kita boleh- sebab saya sudah janji hendak buat lawatan bersama tetapi oleh kerana kilang tersebut masih dalam proses *upgrading*, saya tangguhkan dahulu. Kita akan buat lawatan bersama termasuk dengan Yang Berhormat Senator Tuan Zahari pada suatu masa nanti setelah mereka siap *upgrading*. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Datuk Haji Abidullah bin Salleh.

**Datuk Haji Abidullah bin Salleh:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat selesai sudah ini. Hanya satu soalan sahaja. Soalan saya pun pendek untuk sahabat saya ini iaitu ingin mendapatkan penjelasan mengenai kekerapan pemantauan yang dilakukan oleh pihak kementerian dalam masa setahun terhadap kilang-kilang yang di tepi sungai kerana benda ini selalu berlaku di negeri Melaka. Ini kerana Melaka merupakan suatu negeri pelancongan dan ada *Melaka River Cruise*. Dalam masa setahun, dua atau tiga kali, ikan-ikan ini akan timbul kerana sisa-sisa toksik daripada kilang-kilang ini. Itu sahaja. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri:** Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abidullah. Seperti yang saya sebut tadi, di peringkat pengoperasian, antara tindakan yang kita ambil dan dengan kerjasama pihak berkuasa tempatan adalah memantau secara berterusan laporan pemantauan pembuangan efluen perindustrian secara talian ataupun, dengan izin, sistem *Online Environment Reporting* (OER) dan juga pengurusan buangan terjadual melalui *Electronic Scheduled Waste Information System* (eSWIS). Ini yang kita buat pemantauan. Tidak semestinya pegawai berada di lapangan tetapi dengan sistem *online* dan kerjasama pihak berkuasa tempatan, kita lakukan.

Sudah tentulah bagi Melaka, ia lebih serius kerana Melaka adalah negeri bandar raya hijau, menggunakan aplikasi teknologi hijau yang kita sangat-sangat puji dan sewajarnya pertamanya

konsisten dan kedua, menjadi rujukan dan ikutan oleh kerajaan-kerajaan negeri yang lain. Tahniah Melaka. Sekian, terima kasih.

**7. Puan Hajah Rahemah binti Idris** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan, mekanisme yang diguna pakai bagi pengambilan pelajar dalam Skim Latihan Kemahiran GiatMARA untuk pelajar tahfiz. Adakah pusat tahfiz tertentu dipilih sebagai perintis program ini ataupun sebaliknya.

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rahemah binti Idris, pada tahun 2018, sebanyak RM40 juta telah diperuntukkan kepada GiatMARA untuk melaksanakan Skim Latihan Kemahiran GiatMARA untuk pelajar tahfiz. Skim ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar tahfiz dalam bidang kemahiran dan sebagai nilai tambah kepada pengajian sedia ada.

Pelaksanaan skim ini terbahagi kepada empat program iaitu meliputi dua program latihan jangka pendek dan dua program latihan jangka panjang yang terbuka kepada semua pelajar dan komuniti tahfiz.

Di bawah program latihan jangka pendek, program-program yang ditawarkan adalah, pertama, Skim Latihan 1Tahfiz. Program ini dilaksanakan secara jangka pendek ke arah membentuk kesedaran dan pendekatan awal terhadap latihan kemahiran yang diberikan kepada komuniti tahfiz berdasarkan kepada permintaan yang berasaskan kepada sub modul ringkas. Melalui program ini, peserta akan diberikan latihan kemahiran yang khusus untuk membuka minat mereka menyertai latihan kemahiran sebagai laluan kerjaya. Program ini akan dilaksanakan selama dua hari di pusat tahfiz mengikut bidang kemahiran yang dipilih dan program ini mampu memberi manfaat kepada 6,000 orang pelajar tahfiz seluruh negara dan pengisiannya adalah terbuka kepada semua bidang yang ditawarkan oleh GiatMARA.

Kedua ialah Rakan Kemahiran GiatMARA Tahfiz. Program ini adalah program jangka pendek ke arah membentuk kesedaran dan pendedahan terhadap latihan kemahiran yang diberikan berdasarkan permintaan yang berasaskan modul yang dijalankan di premis GiatMARA. Program ini dilaksanakan selama lima hari mengikut bidang kemahiran yang dipilih. Program ini akan dilaksanakan di semua 230 Pusat GiatMARA yang akan memberi manfaat kepada lebih 9,200 orang pelajar tahfiz di seluruh Malaysia.

Manakala bagi program latihan jangka panjang, program-program yang ditawarkan adalah yang pertama, *Skills to Tahfiz*. Pendekatan program ini adalah berorientasikan perniagaan yang ditawarkan dengan pengisian tiga komponen utama iaitu kemahiran, keusahawanan dan geran alatan untuk menjana pendapatan peserta. Program ini dilaksanakan di antara enam bulan hingga 12 bulan bergantung kepada kursus dan bidang perniagaan yang berasaskan kemahiran pilihannya. Peserta akan dianugerahkan sijil program dan geran alatan bagi memulakan aktiviti perniagaan. Antara kursus-kursus yang akan ditawarkan adalah:

- (i) teknologi motosikal;

- (ii) masakan dan pramusaji;
- (iii) konfeksionari dan bakeri;
- (iv) gunting rambut;
- (v) teknologi automotif;
- (vi) penyejukbekuan dan penyamanan udara;
- (vii) pendawaian elektrik;
- (viii) teknologi bangunan;
- (ix) fesyen dan *dressmaking*; dan
- (x) kimpalan dan fabrikasi logam dan lain-lain yang bersesuaian.

Program kedua, *GiatMARA Vocational Training Hub Tahfiz*. Program ini merupakan latihan kemahiran sepenuh masa secara fleksibel yang dikendalikan di pusat tahfiz. Latihan akan dijalankan mengikut jadual tanpa mengganggu pembelajaran di pusat tahfiz. Program ini dilaksanakan selama 12 bulan mengikut khusus pilihan. Peserta akan dianugerahkan Sijil Profesional GiatMARA bagi tujuan mendapatkan pekerjaan. Pemilihan pusat tahfiz mengambil kira faktor kesediaan pusat tahfiz dari segi keluasan bangunan dan kawasan, demografi dan kesesuaian persekitaran.

Antara kursus-kursus yang akan ditawarkan adalah teknologi motosikal, masakan dan pramusaji, konfeksionari dan bakeri, gunting rambut, teknologi automotif, pendawaian elektrik, penyejukbekuan dan penyamanan udara, teknologi bangunan, fesyen dan *dressmaking*, kimpalan dan fabrikasi logam dan lain-lain yang bersesuaian juga.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, GiatMARA masih dalam peringkat perbincangan dengan pihak-pihak yang terlibat dalam menentukan pusat-pusat tahfiz yang sesuai untuk dilaksanakan program-program latihan tersebut. Bagi melaksanakan kesemua program latihan di atas, beberapa perkara perlu diambil kira terutamanya dari segi permintaan dan kesesuaian dan kesediaan pusat tahfiz selain dari faktor pelajar itu sendiri termasuklah aspek umur, jantina dan minat.

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah melalui GiatMARA akan melaksanakan tinjauan serta kajian komprehensif serta perbincangan lanjut bersama-sama dengan pusat-pusat tahfiz yang terlibat agar *outcome* kepada program ini berjaya dicapai. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan Yang Berhormat, soalan tambahan.

**Puan Hajah Rahemah binti Idris:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang telah memberi penjelasan dengan panjang lebar sebentar tadi. Di sini saya ingin mengemukakan beberapa soalan. Pertama sekali, bagaimanakah kaedah membolehkan pusat tahfiz menyertai Skim Latihan GiatMARA ini dan adakah kementerian bersedia untuk melaksanakan usaha sama N-BOS dengan pusat-pusat tahfiz dengan menggalakkan pelajar tahfiz atau pusat tahfiz menyertai latihan GiatMARA ini? Terima kasih.

■1130

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Ya, sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, bagi saya, penjelasan sudah termasuk dalam jawapan tadi. Sesungguhnya Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah akan membantu sejauh mana ataupun dalam mana-mana sahaja aspek untuk kita membantu pelajar

tahfiz ini dari segi apa yang kita boleh tawarkan kepada mereka dengan program-program yang telah saya sebutkan tadi di GiatMARA.

Begitu juga telah disebut tadi untuk menjawab soalan bagaimana hendak memohon, kita sudah meninjau kepada kesemua tahfiz yang sedia ada. Dalam maklumat kita, kita ada 612 tahfiz yang berdaftar dengan JAKIM dan ada lagi 669 tahfiz yang tidak berdaftar dengan JAKIM. Jumlah kesemuanya di seluruh negara dalam maklumat kita, kita ada 1,281 pusat tahfiz. Jadi bagi GiatMARA, kita akan membantu kesemua ini lebih-lebih lagi yang berdaftar dengan JAKIM. Mana-mana yang belum berdaftar dengan JAKIM, kita melihat kepada permohonan dan keinginan mereka untuk menyertai dalam program ini. Sekian, terima kasih.

**8. Dato' Isa bin Ab. Hamid** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan, berapakah jumlah Koperasi Kariah Masjid dan adakah dengan wujudnya koperasi ini dapat meningkatkan sosioekonomi kariah dan hala tuju di masa hadapan.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Henry Sum Agong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga 30 Jun 2017, terdapat 401 Koperasi Kariah Masjid yang telah didaftar dengan keanggotaan seramai 26,889 orang, modal- *sale* berjumlah RM2.1 juta, aset bernilai RM11.84 juta dan jumlah perolehan sebanyak RM6.4 juta.

Suruhanjaya telah membangunkan Pelan Strategik Pembangunan Koperasi Kariah Masjid 2017-2020 yang mempunyai empat inisiatif strategik utama iaitu:

- (i) menggalakkan penglibatan Koperasi Kariah Masjid di dalam kepelbagaian bidang ekonomi;
- (ii) menjadikan aktiviti *corporate social responsibility* (CSR) sebagai teras kemampuan koperasi bagi menarik lebih ramai keanggotaan dalam ahli kariah;
- (iii) meningkatkan tahap kecekapan dalam sistem penyampaian perkhidmatan dan tadbir urus koperasi; dan
- (iv) merangsang pembangunan dengan pemberian insentif pengiktirafan oleh pihak kerajaan.

Pelan strategik ini menyasarkan perolehan sebanyak RM100 juta menjelang tahun 2020 dengan penubuhan 500 Koperasi Kariah Masjid melalui penyertaan dalam pelbagai bidang sektor ekonomi seperti pemborongan dan peruncitan, pemilikan dan pembangunan hartanah, pelancongan, kesihatan dan penjagaan diri, kewangan, perkhidmatan kepada komuniti melalui pendidikan dan keagamaan, perladangan serta pertanian.

Taraf sosioekonomi kariah dapat ditingkatkan melalui pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang telah dikenal pasti di bawah bidang-bidang sektor ekonomi tersebut. Sehubungan ini, kerjasama melalui NBOS akan diadakan bersama Kerajaan Persekutuan dan agensi-agensi seperti Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MoA), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Yayasan Wakaf Malaysia (YWM), Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad dan kerajaan negeri seperti majlis dan



jabatan agama Islam negeri serta agensi-agensi persekutuan atau negeri yang lain. Sekian, terima kasih.

**Dato' Isa bin Ab. Hamid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang sangat prihatin daripada kementerian dan juga Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Soalan tambahan saya, apakah pendekatan yang sesuai dan praktikal yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk menarik minat masyarakat untuk kita bergiat aktif dalam sektor koperasi? Sekian, terima kasih.

**Dato' Henry Sum Agong:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat. Pendekatan yang paling sesuai untuk menjadikan rakyat Malaysia lebih tertarik untuk bergiat aktif dalam sektor koperasi ialah dengan menggalakkan penubuhan koperasi dalam kalangan komuniti seperti di kawasan-kawasan perumahan, kampung-kampung dan masjid-masjid.

Koperasi-koperasi ini ditubuhkan bertujuan untuk menjana ekonomi bagi meningkatkan pendapatan dan juga menyediakan kemudahan kepada anggota. Antara aktiviti perniagaan yang boleh dijalankan ialah kedai dobi, perkhidmatan pengangkutan seperti bas sekolah, penyelenggaraan bangunan dan taska.

Selain itu, golongan belia dan wanita merupakan kumpulan sasaran yang harus diberi perhatian untuk bergiat dalam gerakan koperasi. Mereka merupakan pengguna yang aktif dan boleh mempengaruhi kuasa beli. Golongan wanita dan belia ini digalakkan berkoperasi supaya mereka mempunyai platform untuk menjana ekonomi dan dalam masa yang sama, mendidik mereka menjadi usahawan yang mampu berdaya saing. Sekian, terima kasih.

**Datuk Rabiyah binti Ali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya iaitu Koperasi Kariah Masjid sering dilabelkan koperasi pak imam dan pak bilal. Apakah usaha kementerian dalam meningkatkan imej dan pembangunan Koperasi Kariah Masjid lebih dinamik dengan cabaran dan perubahan aspirasi TN50?

Lagi satu, jika kita melihat pengurusan tanah perkuburan ini, kaum Cina seperti Nirvana Memorial Park begitu kemas dan tersusun, tambahan lagi cogan kata pun hebat, "*The best choice for the last*". Soalan saya, adakah koperasi-koperasi kanan masjid perlu mencontohi pengurusan tanah perkuburan yang sistematik dan praktikal seperti ini? Terima kasih.

**Dato' Henry Sum Agong:** Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan tambahan. Seperti yang saya katakan tadi, penubuhan koperasi ini digalakkan di kalangan komuniti dan bukan di kalangan orang-orang yang tertentu sahaja. Memang pun menjadi tugas dan peranan ahli-ahli koperasi untuk melihat kepentingan di mana-mana koperasi itu ditubuhkan. Jadi saya rasa terpujanglah kepada ahli-ahli sekalian untuk memajukan lagi koperasi-koperasi yang didirikan di tempat-tempat tertentu. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk jawapan lisan sudah selesai.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian sedia maklum, kita akan meraikan rakan-rakan kita yang telah dan akan tamat tempoh dalam suatu jamuan makan malam pada hari ini. Oleh yang demikian, saya pohon agar semua Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dapat bersama-sama menunggu sehingga tamat Dewan persidangan pada hari ini untuk meraikan bersama-sama.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN JAGAAN KESIHATAN WARGA EMAS SWASTA 2017

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

11.39 pg.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

■1140

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Warga Emas Swasta 2017 untuk bacaan kali kedua sekarang Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat sekalian, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa Rang Undang-undang Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Warga Emas Swasta (KPJKWES) 2017 bertujuan mengawal selia institusi-institusi jagaan warga emas bagi menjamin kesejahteraan serta maruah warga emas dengan menetapkan piawaian minimum. Rang undang-undang ini akan menetapkan piawaian jagaan untuk dua peringkat penjagaan ataupun *two tier* seperti berikut:

- (i) tahap satu penghuni yang boleh berdikari dan tidak memerlukan bantuan jagaan atau *independent living*; dan
- (ii) tahap yang kedua iaitu penghuni yang memerlukan bantuan jagaan dalam melaksanakan aktiviti kehidupan seharian iaitu *dependent living*.

Rang undang-undang ini akan menetapkan standard minimum untuk petugas di pusat jagaan bagi memastikan mereka terlatih dan kompeten. Petugas ini akan dilatih berdasarkan kepada Modul Latihan Penjagaan Warga Emas yang dibangunkan oleh *National Occupational Skills Standard* melalui Kementerian Sumber Manusia iaitu Sijil Kemahiran Malaysia. Rang undang-undang ini juga akan menggalakkan serta menyokong penuaan setempat ataupun *aging in place* dan mengurangkan kebergantungan. Ini sejajar dengan advokasi Pertubuhan Kesihatan Sedunia. Pewujudan rang undang-undang ini akan menggalakkan institusi jagaan yang tidak berdaftar untuk berlesen dan dikawal selia di bawah rang undang-undang yang dicadangkan.

Bagi memenuhi rang undang-undang ini Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat akan membentangkan pindaan Akta Pusat Jagaan ataupun Akta 506 ini sebagai

*consequential amendments* Tuan Yang di-Pertua. Mengikut unjuran Banci Penduduk dan Perumahan 2010 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, Malaysia akan mencapai status negara tua pada tahun 2030 apabila penduduk berumur 60 tahun dan ke atas mencapai 19 peratus daripada jumlah penduduk.

Menyedari hakikat ini, kerajaan telah pun mengambil langkah persediaan awal untuk menangani isu penuaan penduduk dengan penggubalan Dasar Warga Tua Negara pada tahun 1995. Antara objektif dasar adalah untuk membangunkan masyarakat prihatin terhadap fenomena penuaan dan mendaya upayakan masyarakat bagi menghadapi hari tua serta menjamin warga emas hidup selamat dan dilindungi.

Hak mendapatkan keselamatan dan perlindungan warga emas dalam semua aspek diutamakan tanpa mengira latar belakang mereka. Akses warga emas kepada peri keperluan asas seperti keselamatan sosial dan perlindungan daripada pengabaian, penganiayaan serta penderaan perlu dijamin dalam peruntukan undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Malaysia bergantung kepada dua akta iaitu Akta Pusat Jagaan 1993, Akta 506 dan Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [*Akta 586*]. Akta Pusat Jagaan 1993 [*Akta 506*] berada di bawah bidang kuasa Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang menekankan penjagaan termasuk perlindungan, pengawasan, pemulihan dan latihan. Manakala Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998, Akta 586 berada di bawah bidang kuasa Kementerian Kesihatan dan mengawal perkhidmatan penjagaan kesihatan iaitu perkhidmatan berkaitan kesihatan termasuk di institusi jagaan. Persamaan di antara kedua-dua akta ini ialah ia memperuntukkan penjagaan untuk semua peringkat umur.

Pada masa ini lebih kurang 341 buah pusat jagaan yang didaftar di bawah Akta 506. Kebanyakan pusat jagaan ini terpaksa memberi penjagaan kesihatan terutamanya kepada golongan warga emas walaupun tiada peruntukan khusus dari segi penjagaan kesihatan. Ini menjejaskan mutu penjagaan kesihatan penghuni. Oleh kerana piawaian di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 ataupun Akta 586 serta peraturan-peraturan di bawahnya dianggap tinggi oleh pengusaha-pengusaha pusat jagaan, setakat ini terdapat hanya lebih kurang 21 buah institusi yang dilesenkan di bawah Akta 586. Sehingga kini terdapat lebih daripada 1000 pusat jagaan yang tidak berdaftar atau dilesenkan di bawah mana-mana akta.

Proses penggubalan Rang Undang-undang ini Tuan Yang di-Pertua ialah ia telah dibuat secara perundingan termasuk 12 sesi konsultasi dengan 112 pengendali pusat jagaan yang membabitkan lebih 400 orang peserta. Kementerian Kesihatan telah bekerjasama rapat dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Jabatan Peguam Negara, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Institut Gerontologi Universiti Putra Malaysia serta Kementerian Sumber Manusia telah menggubal rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, ketiadaan suatu akta khusus bagi jagaan warga emas di institusi mengakibatkan perkara-perkara seperti berikut:

- (i) institusi yang tidak berlesen berfungsi dengan infrastruktur dan piawaian yang tidak seragam;
- (ii) tidak ada suatu proses yang seragam untuk kemasukan pengurusan dan discaj penghuni;

- (iii) tiada latihan untuk penjaga dan petugas lain;
- (iv) penderaan penghuni berlaku;
- (v) peranan dan tanggungjawab yang tidak jelas di antara ahli keluarga, pengendali pusat dan penguat kuasa;
- (vi) tiada pengkelasan terhadap penjagaan warga emas yang jelas; dan
- (vii) kualiti penjagaan yang diragui.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan kualiti minimum penjagaan kesihatan warga emas dan standard penjagaan yang wajar dilaksanakan, rang undang-undang ini akan menetapkan piawaian jagaan untuk dua peringkat penjagaan atau *two tier* seperti berikut:

- (i) tahap satu penghuni yang boleh berdikari dan tidak memerlukan bantuan jagaan ataupun *independent living*; dan
- (ii) tahap yang kedua iaitu penghuni yang memerlukan bantuan jagaan dalam melaksanakan aktiviti kehidupan seharian iaitu *dependent living*.

Rang undang-undang ini Tuan Yang di-Pertua akan menetapkan standard minimum untuk petugas di pusat jagaan bagi memastikan mereka terlatih dan kompeten. Petugas ini akan dilatih berdasarkan kepada modul yang disediakan oleh Kementerian Sumber Manusia. Rang undang-undang ini memastikan perkhidmatan yang mudah dan mampu diperolehi, berkesinambungan dan serta lestari. Ia juga menjamin integriti dan maruah warga emas bagi memastikan kesejahteraan mereka selaras dengan Dasar Warga Emas Negara tahun 2011.

Rang undang-undang ini akan menggalakkan serta menyokong penuaan setempat ataupun *aging in place* dan mengurangkan kebergantungan. Ia sejajar dengan advokasi Pertubuhan Kesihatan Sedunia dan perwujudan rang undang-undang ini akan menggalakkan institusi jagaan yang tidak berdaftar untuk berlesen dan dikawal selia di bawah rang undang-undang yang dicadangkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang mengandungi 9 Bahagian dan 53 Fasal yang meliputi peruntukan berikut.

Bahagian satu, fasal 1 hingga 3 perkara-perkara permulaan di bawah rang undang-undang iaitu tajuk ringkas, tafsiran dan ketidakpakaian;

Bahagian kedua, fasal 4 hingga 5. Peruntukan mengenai kelulusan untuk menubuhkan atau menyelenggarakan dan lesen untuk mengendalikan atau menyediakan kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta;

Bahagian ketiga, fasal 6 hingga 10 memperuntukkan mengenai permohonan dan pemberian kelulusan serta pemindahan hak bagi menyediakan kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta;

Bahagian keempat, fasal 11 hingga 16 peruntukan mengenai permohonan pembaharuan pemindahan sebagai hak lesen serta pemeriksaan premis;

Bahagian kelima, fasal 20 hingga 29, peruntukan berkaitan kewajipan pemegang lesen dan orang yang bertanggungjawab (OYB) serta pertukaran OYB, mekanisme ketidakpuasan hati, sekatan dan larangan berkaitan kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta.

## ■1150

Bahagian keenam, fasal 30 hingga 34 peruntukan mengenai pembatalan dan hilang kelayakan atau kelulusan lesen, tunjuk sebab dan pemberhentian pengendalian.

Bahagian ketujuh, fasal 35 hingga 37 peruntukan mengenai penutupan kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta.

Bahagian kelapan, fasal 38 hingga 41 peruntukan berkaitan kuasa penguatkuasaan, penyiasatan, pemeriksaan dan pendakwaan.

Bahagian kesembilan, fasal 42 hingga 53, peruntukan mengenai perkara am yang meliputi penerimaan masuk selain warga emas, penyelenggaraan daftar, perwakilan kuasa, rayuan kuasa-kuasa pengecualian, pindaan jadual, pembuatan peraturan, penalti serta kompaun.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Chong Sin Woon]:** Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi pengawal seliaan, kemudahan dan perkhidmatan penjagaan kesihatan warga emas swasta dan bagi perkara berkaitan dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya senang hati pagi ini ramai Ahli Yang Berhormat yang hendak cakap. Hampir 20 orang- bagus, yang hendak mengeluarkan pendapatnya. Jadi minta tolong jangan ulaslah. Kalau macam kita sudah cakap itu kita tidak payah ulas lagi. Teruskan supaya masa kita dapat diselamatkan kerana lebih ramai Ahli Yang Berhormat dapat bercakap.

Saya mulakan Yang Berhormat Mulia Senator Engku Naimah binti Engku Taib, dipersilakan.

11.52 pg.

**YBM. Engku Naimah binti Engku Taib:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam negaraku Malaysia. Yang dikasihi Tuan Yang di-Pertua.

Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana diberikan kesempatan untuk membahaskan Rang Undang-undang Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Warga Emas Swasta 2017. Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada kerajaan kerana memperkenalkan rang undang-undang ini bagi mengawal selia kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta.

Langkah kerajaan ini adalah tepat pada masanya kerana warga emas yang berusia 60 tahun dan ke atas kini berjumlah 2.8 juta atau sembilan peratus daripada penduduk Malaysia yang berjumlah 31 juta orang. Malaysia pula akan mencapai negara tua menjelang 2035 apabila warga emas akan berjumlah 5.6 juta atau 15 peratus daripada jumlah penduduk. Sehubungan dengan itu kerajaan telah pun mengambil langkah yang proaktif dalam memastikan warga emas terus sihat, produktif, menyumbang bakti kepada masyarakat antaranya termasuk Dasar Warga Emas Negara 1995, Dasar

Kesihatan Warga Emas Negara 2008, Dasar Warga Emas 2011 bagi memastikan kebajikan warga emas terpelihara.

Tuan Yang di-Pertua, penuaan penduduk dan peningkatan warga emas melahirkan cabaran dan peluang sekali gus apabila penduduk semakin menua adalah penting penjagaan kesihatan dan perkhidmatan jangka panjang warga emas ditingkatkan bagi memastikan kesihatan dan kesejahteraan warga emas. Permintaan kepada penjagaan kesihatan asas dan penjagaan jangka panjang, *primary health care* dan *long term care* memerlukan tenaga kerja yang lebih terlatih dan mesra umur, *age friendly*. Kesihatan merupakan tumpuan utama warga emas.

Bagaimanapun perubahan dan peralihan demografi dan *epidemiological* daripada khususnya penyakit berjangkit, *infectious diseases* kepada penyakit tidak berjangkit *non communicable disease* (NCD) seperti sakit jantung, strok, kencing manis, kanser paru-paru dan sebagainya menyebabkan warga emas memerlukan rawatan dan penjagaan kesihatan yang lebih rapi.

Selain itu, perubahan struktur keluarga yang semakin mengecil turut menyumbang kepada kepentingan dan keperluan undang-undang ini. Kajian tahun 2014 menunjukkan dari 2,322 isi rumah, hanya 57 peratus yang tinggal bersama anak-anak iaitu 49.4 peratus bangsa Cina, 60.1 peratus bangsa Melayu dan 66.7 peratus India. Ini jelas membuktikan bahawa penjagaan warga emas secara akrab, *proximity* di kalangan anak-anak agak membimbangkan dan membuktikan bahawa adalah penting kemudahan dan penjagaan kesihatan warga emas secara swasta.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Warga Emas Swasta 2017, DR35/2017 mengandungi sembilan bahagian dengan 53 fasa dan dua jadual. Akta ini tidak terpakai bagi Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Kesihatan Swasta 1998 dan Akta Pusat Jagaan.

Pertamanya saya ingin menyentuh berhubung seksyen 4(1) yang menyatakan seseorang itu tidak boleh menyediakan kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta bagi empat orang warga emas atau lebih. Maksudnya, hanya tiga orang saja warga emas dibenarkan tanpa mendapat kelulusan di bawah sub seksyen 9(1). Saya ingin mendapatkan penjelasan rasional peruntukan ini yang menghadkan bilangan warga emas yang dibenarkan hanya tiga orang saja kerana asasnya kos untuk menyediakan premis kemudahan berbentuk kediaman atau jagaan harian adalah tinggi pada masa kini.

Kerajaan seharusnya membenarkan lebih ramai warga emas mendapat kemudahan penjagaan kesihatan di suatu premis. Mungkin sekurang-kurangnya lima orang sebelum disyaratkan untuk perlu mendapatkan kelulusan dan lesen bagi menyediakan kemudahan dan perkhidmatan jagaan warga emas. Bagaimanapun saya setuju agar pusat jagaan ini dipantau oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi memastikan kebersihan dan keselesaan serta amalan penjagaan kesihatan yang baik dan cekap. Selain itu, faktor-faktor keselamatan seperti keselamatan dari segi kebakaran dan sebagainya sewajarnya mendapat perhatian utama pusat jagaan warga emas ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh seksyen 6(2) mengenai fi yang dikenakan bagi permohonan kelulusan dan seksyen 11(3) dan fi bagi permohonan lesen untuk mengadakan kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan fi yang dikenakan kepada individu dan pertubuhan, perbadanan atau perkongsian.

Saya berharap kerajaan menetapkan fi yang munasabah dan berpatutan khususnya bagi memastikan kos pengurusan yang lebih rendah untuk penjagaan kesihatan warga emas.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berhubung seksyen 4(3) berhubung dengan denda yang dikenakan kepada individu, dan pertubuhan yang melanggar sub seksyen (1), di bawah peruntukan seksyen 4. Saya dapati denda yang dikenakan agak tinggi iaitu RM30,000 untuk individu dan RM100,000 untuk perbadanan dan pertubuhan. Saya ingin mendapatkan penjelasan mengapakah denda yang dikenakan terlalu tinggi dan sejauh manakah keseriusan kes penjagaan kesihatan warga emas swasta kini.

Saya turut ingin menyentuh seksyen 42 berhubung dengan kebenaran untuk menerima masuk orang yang di bawah 60 tahun iaitu bukan warga emas. Saya berpandangan kerajaan sewajarnya menumpukan kemudahan dan perkhidmatan kesihatan warga emas sahaja. Saya juga ingin mendapatkan penjelasan, apakah kriteria-kriteria yang ditetapkan oleh Menteri bagi membolehkan pusat ini menerima masuk orang yang di bawah umur 60 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berhubung dengan penghuni yang berdasarkan peringkat penjagaan. Sebagaimana maklum warga emas boleh dikategorikan sebagai warga emas yang berdikari, *independent* maksudnya boleh menguruskan diri sendiri dan warga emas yang memerlukan bantuan jagaan atau *dependent* iaitu yang memerlukan bantuan jagaan. Saya ingin mendapatkan penjelasan adakah kerajaan mengklasifikasikan pusat jagaan yang memberikan perkhidmatan penjagaan dan kemudahan kesihatan warga emas swasta ini mengikut peringkat jagaan atau *level of care* atau membenarkan penghuni pusat jagaan ini terdiri daripada kedua-dua kategori warga emas.

#### ■1200

Saya ingin menyentuh seksyen 23 mengenai orang yang bertanggungjawab bagi menyediakan kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta berlesen hendaklah seorang yang berkelayakan, telah menjalani latihan dan mempunyai pengalaman yang ditentukan oleh Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia. Saya ingin mendapatkan penjelasan, apakah kelayakan latihan dan pengalaman iaitu istilah berapa tahun yang diperlukan bagi membolehkan seseorang itu layak untuk menyediakan kemudahan dan penjagaan kesihatan warga emas swasta berkenaan?

Akhirnya, saya ingin menyentuh Jadual Kedua yang melibatkan profesional jagaan kesihatan yang meliputi pengamal perubatan, pengamal pergigian, *optometrists*, ahli farmasi, jururawat, pembantu perubatan dan pengamal kesihatan bersekutu. Saya mengucapkan syabas kepada kerajaan yang memasukkan pengamal kesihatan bersekutu sebagai profesional jagaan kesihatan warga emas ini. Kita menyedari betapa pentingnya profesion dalam kesihatan bersekutu ini yang merupakan profesion yang punyai kesan langsung atau tidak langsung kepada penjagaan pesakit atau kepada kesihatan individu atau penduduk.

Profesion kesihatan bersekutu yang meliputi 23 profesion dalam kesihatan bersekutu antaranya ahli audiologi, ahli fisioterapi, ahli pemakanan, ahli terapi, juru audiografi, diagnostik, juruteknologi makmal perubatan, pegawai kesihatan persekitaran, pegawai sains forensik dan pegawai sosial perubatan yang saling melengkapi kepada kemudahan dan perkhidmatan kesihatan warga emas swasta ini.

Sehubungan dengan itu, saya ingin mendapatkan penjelasan, apakah langkah kerajaan bagi memastikan tahap profesional yang tinggi di kalangan ahli profesion kesihatan bersekutu ini dan setakat manakah kerajaan telah melaksanakan penubuhan Majlis Profesion Kesihatan Bersekutu Malaysia?

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja yang ingin saya perkatakan. Saya turut sama menyokong rang undang-undang ini. Sekian, *wabillahitaufik walhidayah, wassalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Mulia Senator Engku Naimah binti Engku Taib. Perbahasan yang baik, banyak hujah yang berguna diterbitkan dalam Dewan ini. Terima kasih ya.

Saya minta pula Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rahemah binti Idris.

### 12.02 tgh.

**Puan Hajah Rahemah binti Idris:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam negaraku Malaysia, salam muafakat Johor.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara kerana memberi peluang dan ruang ini kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Warga Emas Swasta 2017. *Alhamdulillah*, rang undang-undang ini membuktikan keprihatinan pihak kerajaan dalam menjaga hal ehwal kebajikan rakyat bermula daripada dalam perut sehingga berstatus warga emas. Inilah yang dikatakan kerajaan bertanggungjawab dan kerajaan masa depan.

Sebelum saya membicarakan berkenaan rang undang-undang ini, izinkan saya membawa beberapa premis iaitu yang pertama, warga emas. Menurut *United Nations World Assembly On Ageing 1982* di Vienna, mentakrifkan orang tua ataupun warga emas adalah mereka yang berumur 60 tahun dan ke atas.

Kedua, berdasarkan takrif di atas, merujuk kepada Kertas Kerja bertajuk, '*Aging in an Inclusive Society*' yang dibentangkan oleh saudara Mohd Fazari Mohd Salleh daripada Bahagian Kebajikan Sosial, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada 20 Mac 2017 bahawa Malaysia akan menjadi negara tua seawal tahun 2020 dengan 11.1 peratus orang penduduk terdiri daripada warga emas.

Populasi warga emas di Malaysia adalah seramai 2.249 juta orang iaitu bersamaan dengan 7.9 peratus pada tahun 2010, seramai 2.903 juta orang iaitu bersamaan dengan 9.2 peratus pada tahun 2015, seramai 3.749 juta orang bersamaan dengan 11.1 peratus menjelang tahun 2020 dan populasi warga emas terus meningkat pada tahun 2030 iaitu seramai 5.819 juta orang bersamaan dengan 15.3 peratus. Daripada jumlah tersebut, 49.1 peratus adalah warga emas wanita dan jangkaan hayat adalah 77.2 tahun, lebih panjang 4.6 tahun daripada lelaki, dan 50.9 peratus adalah warga emas lelaki tetapi jangkaan jangka hayat adalah 72.6 tahun. Ini saya ambil statistik berdasarkan Jabatan Perangkaan Negara.

Pada umur 60 tahun ini, lima perkara yang perlu diberi keutamaan iaitu yang pertama, kewangan dan ekonomi warga emas ini yang rata-ratanya telah berpencen dan tidak bekerja.



Kedua, kesihatan iaitu pada umur ini, mereka terdedah dan mudah menghidapi penyakit terutama sekali penyakit kencing manis, darah tinggi, jantung dan pelbagai lagi. Ketiga, warga emas juga emosi mudah terganggu, psikologi tidak sekuat orang muda.

Keempat, keperluan sistem sokongan terutama kekeluargaan dan persekitaran iaitu komuniti.

Dan kelima, jaringan kemudahan iaitu *accessibility*.

Tuan Yang di-Pertua, persediaan kerajaan menyediakan sistem bantuan ataupun *support system* yang kondusif untuk warga emas adalah dituntut. Saya hendak sidang Dewan Negara, kita dengar semula apa yang telah kerajaan kita buat selama ini.

Pertama, sebanyak 51 pusat aktiviti warga emas diwujudkan di seluruh negara.

Kedua, seramai 2,150 orang sukarelawan *Home Help Services*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, memberi manfaat kepada 5,892 warga emas.

Ketiga, Unit Penyayang Warga Emas ataupun kita panggil sebagai *mobile care unit* yang telah memberi perkhidmatan kepada 17,480 orang warga emas. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, *mobile care unit* ini akan membawa warga emas ini ke klinik dan sebagainya.

Keempat, rumah orang-orang tua. Sebanyak sembilan buah Rumah Seri Kenangan di bawah seliaan kerajaan dan 310 rumah orang tua diselia oleh swasta.

Kelima, sebanyak dua buah Rumah Ihsan untuk pesakit kronik warga emas.

Keenam, ini patut kita ketahui, bantuan kewangan orang tua sebanyak RM300 sebulan.

Ketujuh, bantuan pesakit terlantar sebanyak RM300 sebulan.

Banyak lagi inisiatif kerajaan untuk warga emas di negara kita Malaysia yang kita cintai ini.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Warga Emas Swasta 2017 adalah antara persediaan kerajaan dalam menyelia dan memastikan pusat jagaan warga emas yang dikendalikan oleh pihak persendirian dapat menyediakan perkhidmatan yang terbaik kepada warga emas dan tidak bersandar kepada keuntungan semata-mata.

Dalam Bahagian III di bawah tajuk kelulusan, di sini saya ingin bertanyakan kepada pihak kementerian, pertama, adakah pihak kementerian bertanggungjawab menetapkan syarat khas kelayakan pengamal perubatan kepada pemohon lesen pusat perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas seperti pemohon wajib mempunyai kelulusan perubatan daripada universiti yang diiktiraf oleh kerajaan, atau pemohon wajib menyediakan seseorang atau lebih pegawai perubatan atau pembantu perubatan berkhidmat dalam setiap masa, atau yang ketiga, pemohon wajib menyediakan panel pusat perubatan kepada warga emas untuk premis tersebut?

#### ■1210

Perkara ini penting dalam memastikan pusat perkhidmatan jagaan kesihatan ini dapat memberi rawatan awal kepada warga emas jika terjadi serangan penyakit pada masa yang tidak dapat dipastikan.

Berkaitan perkara di atas, saya juga ingin penjelasan daripada kementerian di bawah jagaan yang kelima, kewajipan pemegang dan orang bertanggungjawab di bawah tajuk kecemasan 26(3) dan (4). Pertama, adakah kementerian mempunyai senarai alatan kecemasan yang wajib disediakan bagi memenuhi syarat kelulusan membuka pusat jagaan kesihatan warga emas swasta ini?

Kedua, adakah bentuk latihan yang diwajibkan untuk petugas pusat jagaan dan bagaimanakah kaedah kementerian untuk memastikan semua petugas pusat jagaan warga emas swasta ini betul-betul terlatih. Kita tak nak apabila sudah ada pusat ini, warga emas ini didera dan sebagainya. Ini amat memilukan.

Seterusnya, bagi memastikan jaminan yang berterusan kepada warga emas yang mendiami pusat perkhidmatan penjagaan kesihatan swasta ini dan keluarganya, terutamanya dalam aspek kewangan. Ini kerana kita ambil maklum rata-rata warga emas tidak bekerja. Jika mereka penjawat awam, adalah pencen. Jika mereka pekerja swasta, adalah caruman EPF dan jika mereka tidak bekerja, bagaimana?

Untuk itu, beberapa penjelasan dipohon daripada pihak kementerian bagi memastikan pelaksanaan dasar ini dapat benar-benar membantu warga emas jika mereka memerlukan penjagaan pusat perkhidmatan kesihatan swasta ini.

Pertama, adakah kerajaan memberi subsidi khas sebagai inisiatif dorongan dan galakan kepada pihak swasta bagi menyediakan fasiliti ini?

Kedua, adakah kerajaan menyediakan insurans khas bagi warga emas yang menghuni pusat ini sebagai jaminan kepada kos-kos luar jangka, terutama kos perubatan yang meningkat ataupun hospital kerajaan dicadangkan sebagai hospital mesra warga emas sebagai kemudahan kepada pihak swasta yang menawarkan perkhidmatan jagaan warga emas ini?

Ketiga, saya ingin bertanya, bahagian 3, bab kelulusan. Di bawah tajuk permohonan kelulusan 6(2), adakah kementerian mempunyai fi yang standard ataupun pemohon boleh mengemukakan fi mengikut kesesuaian kawasan?

Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya. Pengenalan Rang Undang-undang Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Warga Emas Swasta 2017 adalah satu dasar jangka panjang bagi mendepani *aging society*, dengan izin, yang akan memberi impak positif kepada kesejahteraan komuniti. Pengalaman saya, saya ingin berkongsi pengalaman saya ke negara Jepun pada bulan Ogos 2017 yang lepas. Dalam menyediakan perkhidmatan ini, perlulah dicontohi, warga emas bukannya beban. Akan tetapi warga emas dilihat sebagai aset yang bernilai. Bertindak sebagai agen pengembang dan merencanakan ekonomi.

Selain itu, warga emas juga dapat meningkatkan produktiviti dan daya saing industri melalui pengalaman pekerjaan yang mereka ada. Pengenalan kepada sesuatu dasar baru adalah dituntut sebagai langkah proaktif dalam menyediakan negara dan rakyatnya mendepani masa hadapan yang penuh mencabar.

Akan tetapi pelaksanaan dan penyeliaan kepada sesuatu dasar perlulah seiring kehendak semua pihak agar ia tidak membebani satu pihak dan menguntungkan satu pihak yang lain. Tuan Yang di-Pertua, untuk itu kerajaan di bawah kepimpinan Barisan Nasional istiqamah melaksanakan pelbagai usaha yang terbaik untuk kesejahteraan rakyat dan kemakmuran Malaysia dari awal hinggalah sekarang. Diharap, dengan wujudnya rang undang-undang ini, pihak swasta dapat membantu pihak kerajaan dalam memperluaskan jaringan pusat perkhidmatan kesihatan warga emas ini. Akhir kalam.

*Yang muda disayangi,  
Yang tua dihormati,  
Kerajaan Barisan Nasional terus berbakti,  
Untuk rakyat Malaysia yang luhur budi.*

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini menyokong Rang Undang-undang Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Warga Emas Swasta 2017 ini. Sekian, *wabillaahitaufik walhidayah, assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Tahniah Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rahemah binti Idris. Ya, baik dan banyak *point* yang baik ditimbulkan. Satu perkaranya yang Pak Lah dengar dia kata jangka hayat perempuan lebih lama daripada lelaki, umur dia panjang. Fikir-fikirlah. Saya rasa yang penting juga bahawa apa yang disarankan oleh Yang Berhormat Senator tadi menjaga orang-orang ini, veteran ini, orang berumur perlu seorang sabar. Amat penting dikatakan oleh Yang Berhormat Senator, yang tua dihormati, yang muda dikasihi. Bak kata pantun saya dahulu.

*Bunga melur bunga melati,  
Mari pakai di lubuk hati,  
Budaya orang Islam yang tua dihormati,  
Yang muda dikasihi.*

Itu dia. Sekarang bagus saya minta pula kita punya Ahli Yang Berhormat bernama Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim. Dipersilakan.

#### **12.17 tgh.**

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahi. Assalamualaikum.* Salam negara ku Malaysia.

Saya akan bahas perkara mengenai warga emas. Pertama, saya hendak terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya kerana dia ini rajin dan selalu mari Parlimen dan jawapannya okey. Cuma dalam warga emas ini, sejak akhir-akhirnya ini wujudnya warga emas. Dalam Dewan ini pun ramai warga emas. Kalau boleh perbahasan hari ini, orang bawah umur 60 tahun tidak boleh bercakap warga emas, pasal dia bukan warga emas. Umur 60 tahun ke atas boleh bercakap sebab dia sudah lalui dan alami sendiri. Saya baru sedikit warga emas.

Tuan Yang di-Pertua, di Kelantan tidak ada pusat jagaan swasta ini. Biasa di luar Kelantan tidak ramai, tidak banyak ada. Kebanyakan di Kelantan ini mak ayah duduk dengan anak-anak. *So far*, saya tengok tidak ada. Jadi, lain-lain negeri mungkin ada. Inilah Kerajaan Barisan Nasional apabila dilihat ramai warga emas 60 tahun ke atas ini yang kurang pembelaan ataupun tidak terjaga oleh anak-anak ataupun anak-anak tidak ada masa untuk menjaga, maka diletakkan ayah dia, warga emas ini, ibu bapa ini, datuk ini di pusat-pusat jagaan swasta. Inilah kerajaan Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, dia melihat perkara ini perlu diambil kira, diberi perhatian, diberi jagaan supaya warga emas juga mendapat pembelaan daripada Kerajaan Barisan Nasional.

Kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan, benda ini saya sudah bangkit baru ini tetapi saya hendak bahas supaya benda ini menjadi satu realiti iaitu kebanyakan warga emas ini kalau umur 60 tahun ke atas ini biasa ada penyakit.

■1220

Kalau kata tidak ada penyakit itu memang bohong lah, tipu lah. Mesti ada penyakit. Cuma banyak dan sedikit sahaja. Kencing manis kah? Kalau yang banyak itu 27 kalau yang sedikit itu mungkin lapan, sembilan dan sepuluh, sebelas. Belum makan, lapan, lepas makan 12 kencing manis ada kalau 50 tahun ke atasnya. Ada yang teruk pun ada.

Jadi warga emas ini ada yang berpenyakit banyak, kuat, ada yang rendah dia punya kategori sakitnya itu. Cuma yang sakit tinggi ini bermakna kencing manis tinggi, darah tinggi dan penyakit-penyakit lain yang kronik ini. Saya- kalau di hospital biasanya kalau doktor pergi buat rawatan di katil-katil di hospital itu dia tanya, "*Hendak bawa balik rumah kah atau remain dekat hospital*"?

Akan tetapi biasa kalau macam ini sakit kronik kita tahu warga emas ini sakit lama tiga empat bulan kalau hendak tunggu dekat hospital itu mungkin buang masa orang yang menunggu itu. Yang menunggu itu gilir-gilir anak-anak tinggal kerja. Kalau bawa balik rumah rawatan itu berkala lah. Kadang-kadang ada mendapat rawatan, ada tidak dapat rawatan. Cuma saya minta pihak Kementerian Kesihatan ini dekat-dekat pilihan raya ini supaya jangan beri berkala. Lantik atau pilih doktor itu atau-kalau dekat kampung kalau tidak doktor tidak mengapa, MA, pembantu perubatan, *medical assistant*. Ini pun kira okey dah.

Orang kampung ini, pesakit ini asalkan doktor pergi ataupun MA pergi kita pergi rawatan di rumah. Pegang tangan sudah tidak apa. Pegang tangan, lambat lagi mati ini. Okey sudah. Sihat ini, okey. Kalau kita biar macam itu, sebab kita dalam badan kita ini kita ini, ubat itu nombor dua, antibodi itu nombor satu. Kalau *you* tidak kuat antibodi, *you* akan buat satu gantang pun tidak menjadi. Antibodi itu kena kuat itu. Sebab itu kalau pergi tengok orang sakit, orang ini sihat ini, panas badan. Kena cakap macam itu. Kalau pergi, "*eh, ini sejuk ini, hendak mati ini*". Tidak boleh.

Oleh sebab itu antibodi nombor satu, ubat nombor dua. Jadi warga-warga emas ini yang biasanya, biasa warga emas ini ada tadi saya kata yang ada yang sakit kronik ada yang tidak sakit. Ada penyakit tetapi tidak sakit. Sedikit sahaja. Yang sakit kronik ini saya minta Menteri Kesihatan tolong *alert*, biar buat rawatan acap kali sedikit dan tahu mana rumah-rumah dia itu. Jangan kita pergi yang tahu, yang tidak tahu kita biarkan. Ini dekat pilihan raya ini mustahak buat yang sakit kronik pun yang boleh pergi mengundi minta di pergi mengundi ini.

Jadi kena buat, *start* Januari ini Menteri Kesihatan tolong ambil kira biar rawatan itu- cari penyakit. Cari pesakit. Jangan tunggu orang mari *report*, orang mari buat laporan mari turun hospital-orang cari, cari. Saya hendak cari pesakit, bukan cari penyakit. Cari pesakit. Pesakit-pesakit kronik ini biar ada rawatan, biar ada *touching*, biar ada sentuhan. Sentuhan daripada kerajaan. Sentuhan daripada doktor atau daripada hospital ini.

Biasanya dekat-dekat pilihan raya ini dia orang ambil kira. *Touching*, sentuhan. Kena buat. Sebab apa dalam rangka rawatan saya ke PDN-PDN, kampung-kampung. Kebanyakan pesakit-pesakit ini hendak beli ubat bukan semua, ada di antara mereka hendak beli ubat tidak ada duit. Dia tunjuk

ubat dekat saya, ubat ini berapa sebiji? RM5. Sepatutnya makan sehari tiga biji tetapi makan sebiji sehari sebab tidak ada duit.

Jadi saya minta- ini ramai ini ada, orang kampung memang. Terutama kalau musim tengkujuh tidak boleh menoreh memang ubat itu patut makan tiga biji sehari, dia makan satu biji sehari. Jadi saya hendak ini Menteri keluar arahan Januari, Februari, Mac, April turun padang. Turun. *Touch*. Sebab ini para pengundi. Kita tidak hendak benda ini menjadi isu pembangkang, "*Hah, tengok itu kerajaan Dato' Sri Mohd. Najib*". Padahalnya daripada 100 orang itu 10 orang sahaja tidak ambil tahu tetapi 10 orang di-*viral*. Dia kata tengok tidak ambil tahu soal rakyat. Jadi ini penting.

Kemudian yang kedua, saya hendak Menteri Kesihatan juga sebab tadi Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rahemah ada cakap. Ada di kalangannya sakit, ada di kalangannya tidak sakit. Kalau yang pencen, yang kerja-kerja dapat pencen. Yang swasta dapat caruman. Yang tidak bekerja ini yang tidak ada kerja apa ini tetapi dia sihat. Saya minta kerja sama dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat supaya *collaborate* dua ini mungkin kita boleh bagi kerja kepada warga emas yang sihat. Yang sakit yang kurang ini biar duduk sahaja tidak ada kerja, buat kuih kah? Biar kerjasama sama dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Biar dia itu jangan duduk di pusat jagaan itu tunggu mati sahaja. Biar dia ada kerja.

Sebenarnya kalau tidak ada kerja ini tidak fikir, pertamanya cepat nyanyuk. Kalau tidak ada kerja. Jadi saya minta Kementerian Kesihatan *collaborate* dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat supaya bagi mereka kerja. Buat kuih kah, bekal kuih? Tidak apalah biar ada *income* senang untuk belanja. Kadang-kadang orang sakit pun hendak makan juga.

Jadi saya rasa itu sahaja saya hendak bercakap pada hari ini. Terima kasihlah Tuan Yang di-Pertua dan saya mohon menyokong akta ini supaya pusat jagaan warga emas ini dapat pembelaan. Terima kasih lah kepada Dato' Sri Mohd. Najib, Kerajaan Barisan Nasional kerana *alert* untuk menjaga warga emas di pusat jagaan swasta. Terima kasih, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Haji Abdul Halim bin Abd. Samad]:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim telah memberi pandangan yang baik untuk kita bincang sama-sama dan sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai. Sila.

**12.27 tgh.**

**Datuk Paul Igai:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana mengambil tindakan mengemukakan Rang Undang-undang Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Warga Emas Swasta 2017.

Saya memang ada sediakan banyak perkara-perkara tetapi tadi banyak perkara saya sudah disentuh. Jadi saya mahu buang sedikit semua yang sudah disentuhkan. Seperti dalam laporan banci penduduk kita yang dikaji oleh Jabatan Perangkaan. Kita dimaklumkan negara Malaysia memang akan mencapai tahap negara tua pada tahun 2030 apabila penduduk kita mencapai 60 tahun ke atas dan jumlahnya nanti 5.8 juta ataupun 15.3 peratus orang tua.

Ini berkenaan tidak lama lagi penduduk kita di Malaysia, 13 tahun lagi akan menjadi kebanyakan orang tua. Buat setakat ini kita tiada akta khususnya bagi penjagaan warga emas di

Malaysia. Kita hanya ada Akta Dasar Warga Tua Negara 1995 tetapi difahamkan itu tidak spesifik untuk melindungi warga emas jagaan institusi-institusi penjagaan. Tepat sekali lah masa ini kerajaan mengambil langkah awal untuk menangani isu penuaan penduduk kita.

Tuan Yang di-Pertua, baiknya kita akan meluluskan rang undang-undang ini tetapi saya merasa sedih hati apabila kita kena salah sangka, salah faham seumpama kita akan dengan wajibnya menghantar orang tua kita ke pusat jagaan semata-mata. Ini lah Tuan Yang di-Pertua bukan lah *culture*, dengan izin, kita. Ini lah bercanggah dengan *culture* kita. Akan tetapi cara hidup sekarang dan nanti khasnya di bandar-bandar besar semakin berbeza dari masa dahulu.

■1230

Menjelang tahun 2030, pengusaha jagaan warga emas akan berkembang pesat khasnya di kota dan bandar-bandar besar. Di pasar ataupun di pekan saya di Sarawak memang 10 tahun, 20 tahun nanti, saya tidak ada impian ada ditubuhkan pusat seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, kemungkinan besar juga pengusaha-pengusaha pusat jagaan yang datangnya dari negara asing juga, negara yang mahir dalam pengusahaan ini yang akan menubuhkan cawangan di negara kita. Justeru ini, saya cadangkan akta ini ada peraturan untuk melindungi pengusaha tempatan kita dan *employee content*, dengan izin, mestilah dipatuhi. Di bawah RUU ini, pusat jagaan warga emas juga akan bertambah canggih, lebih teratur dan kadar pembayaran pun saya fikir akan meningkat tinggi setahap dengan perkhidmatan tinggi akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, golongan keluarga yang sedang mendapati perkhidmatan ini ialah keluarga yang berpendapatan tinggi. Dengan itu, saya mencadangkan kementerian membuat kajian awal bagaimana kita mencari mekanisme untuk menyusun kadar bayar perkhidmatan khasnya untuk orang yang tidak kaya atau orang yang tidak berapa banyak pendapatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tadi melihat dalam internat ada perkhidmatan seumpamanya Hospis yang seperti Hospis Malaysia dan Hospis swasta. Perkhidmatan ini yang dianggotai oleh sukarelawan-sukarelawan berkecukupan juga dan sanggup berbakti secara percuma untuk pesakit kanser khasnya. Mereka memberi khidmat nasihat kepada pesakit dan keluarga pesakit yang perlu bantuan. Khidmat mereka, saya difahamkan dia pergi rumah ke rumah pesakit antara jam lapan hingga lima petang.

Justeru itu, saya pun mencadangkan kemungkinan kementerian dapat memperkembangkan perkhidmatan seperti ini dan ataupun menubuhkan *daycare* ataupun yang spesialis untuk pergi ke rumah-rumah orang tua yang memerlukan khidmat ini secara percuma ataupun sedikit saja bayaran.

Tuan Yang di-Pertua, kerana esok saya sudah hendak balik saya akan berikan sebuah pantun sebelum saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Bagus, bagus. Sila, sila.

**Datuk Paul Igai:** ...Rang undang-undang ini,

*Malam ini menanam jagung,  
Malam esok menanam serai,  
Malam ini kita berkampung,  
Malam esok kita pulai...*

Perkataan Sarawak Iban, “pulai” itu pulang.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Oh pulang.

**Datuk Paul Igai:** Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh rang undang-undang.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Paul Igai memberi pandangan. Dia katakan Yang Berhormat ya, seelok cantiknya itu kurangkanlah. Lebih elok jaga bapa itu kita jaga sendiri lah. Pandangan dia. *Don't worry*, Yang Berhormat maaf minta pegawai kita catatkan semua yang kita perkatakan tadi dan Yang Berhormat Menteri kita pun satu-satu nampak dia menulis apa respons daripada kita ya.

Saya minta pula kita punya Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad, sila. Ada?

**Seorang Ahli:** Tidak ada.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tidak ada ya? Baik, Yang Berhormat Datuk Lim Pay Hen. Sila.

**12.35 tgh.**

**Datuk Lim Pay Hen:** Salam sejahtera, salam 1Malaysia, salam negaraku Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan ucapan terima kasih kerana diberi peluang dan ruang dalam sesi perbahasan Rang Undang-undang Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Warga Emas Swasta 2017. Buat pertama kali selepas pelantikan saya pada 11 Disember 2017.

Mengikut rang undang-undang yang dicadangkan oleh Kementerian Kesihatan, dengan izin, saya memetik sebahagiannya bahawa Ketua Pengarah boleh menentukan standard atau kehendak yang berlainan bagi jenis premis yang berlainan yang di dalamnya kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas akan disediakan. Walaupun kementerian menetapkan kelonggaran atau kewajaran dengan bergantung pada situasi berbeza namun kementerian seharusnya sedar bahawa dasar ini akan mewujudkan ketidakseragaman dalam tahap atau piawaian ke atas penjagaan termasuk hanya piawaian minimum.

Menurut maklumat daripada kementerian, ketetapan minimum masih terlalu luas. Tidak ketat sekiranya didefinisikan mengikut garis panduan pendapatan fizikal warga emas oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan atau juga dikenali sebagai KPKT.

Dengan itu saya menyarankan agar kementerian mengadakan perbincangan dengan pihak-pihak berkuasa, pengendali pusat jagaan warga emas serta mendapatkan pandangan orang ramai mengenai ketetapan garis panduan dan piawaian. Kemudian kementerian membentangkan secara umum kepada orang ramai mengenai garis panduan dan piawaian yang akan dikuatkuasakan setelah rang undang-undang ini di lulus dan diwartakan.

Di sini saya juga ingin membangkitkan satu tragedi yang telah berlaku pada 13 Disember 2017 melibatkan pusat jagaan warga emas di Kajang. Menurut laporan akhbar tempatan, pusat jagaan warga emas tersebut telah beroperasi secara haram selama beberapa tahun tanpa lesen operasi. Akhirnya tragedi malang telah berlaku iaitu kebakaran sehingga mati di rentung api- beberapa warga emas serta penjaga pusat jagaan. Kesimpulan awal menunjukkan bangunan tersebut tidak menepati piawaian keselamatan kebakaran.

Dengan itu, saya ingin mengemukakan beberapa soalan kepada kementerian ekoran daripada kejadian itu. Adakah kementerian masih berpendapat syarat minimum masih boleh diguna pakai setelah kejadian malang tersebut berlaku? Perangkaan 2016 yang direkodkan oleh KPKT menunjukkan bangunan seperti rumah teres dan kediaman mencatatkan kemalangan kebakaran yang paling tinggi berbanding lain. Panggilan kes kebakaran yang diterima mengikut negeri pula, negeri Johor merupakan negeri ke tiga paling banyak panggilan kes kebakaran iaitu 5148 kes selepas negeri Perak dan Selangor.

Kedua, di bawah bidang kuasa Kementerian Kesihatan berapakah bilangan rumah kediaman atau pusat jagaan warga emas yang telah diluluskan? Kementerian pernah menyatakan bahawa dipercayai terdapat 1000 pusat jagaan tidak berdaftar. Maka melalui akta ini, kementerian perlu memperjelaskan pencapaian sasaran yang kementerian ingin capai supaya semua pusat jagaan yang ada di seluruh Malaysia berdaftar. Berikutnya bagaimana kementerian bersama agensi kerajaan lain seperti KPKT, pihak berkuasa tempatan (PBT) memantau pusat jagaan di kawasan kediaman masyarakat dan lain-lain.

Satu daripada syarat satu kawasan boleh mewujudkan satu pusat jagaan harian warga emas ialah perlu mempunyai jumlah penduduk 2500 orang. Dengan itu pengusaha dan pengendali pusat jagaan warga emas perlu menyerahkan permohonan bersama dokumen seperti pelan bangunan, pelan kejuruteraan di kaunter pusat setempat PBT.

Bagi saya proses permohonan ini adalah asas dan tidak dapat menafikan proses semakan adalah satu keperluan. Namun saya ingin mendapatkan maklumat daripada kementerian bagaimana orang ramai dapat mengetahui atau memastikan pusat jagaan harian warga emas di kawasan perumahan mereka berdaftar dengan lesen yang betul bersama sijil bangunan yang sah atau haram.

#### ■1240

Kemajuan teknologi *internet* kini di Malaysia. Saya menyarankan agar kementerian memperuntukkan bajet untuk membangunkan satu platform bagi orang ramai memeriksa kesihatan pusat jagaan harian warga emas di kawasan mereka. Platform juga boleh menjadi satu saluran yang rasmi untuk orang ramai mengadu kepada kementerian. Kementerian dapat bertindak lebih spontan dalam mengenal pasti lokasi pusat jagaan warga emas haram beroperasi dan mengumpul perangkaan bagi tujuan penyelidikan mengenai isu melibatkan kesihatan dan perkhidmatan penjagaan warga emas.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang diketahui orang ramai kos penjagaan warga emas adalah semakin mahal. Puncanya daripada pusat penjagaan semakin berorientasikan keuntungan dengan mengenakan pelbagai bayaran yang dikatakan berkaitan dengan perubatan dan perkhidmatan jagaan kesihatan. Keadaan ini telah menyisihkan keluarga terutamanya golongan daripada B40 dan M40 yang juga memerlukan penjagaan orang tua mereka pada bayaran yang berpatutan atau rendah. Walaupun ada tidak menjadi dasar kementerian atau kerajaan untuk mengawal selia fi yang dikenakan oleh pengusaha atau pengendali pusat jagaan kerana bimbang mengganggu perkembangan pasaran.

Akan tetapi saya berpandangan agar kementerian dapat memperhalus dengan lebih bersasaran ke atas pusat yang beroperasi separa kebajikan atau kebajikan sepenuhnya dengan fi yang lebih rendah. Kementerian juga boleh telus kepada pengetahuan orang ramai mengenai fi yang dikenakan ke atas pengusaha atau pengendali pusat jagaan ini. Manakala pusat jagaan warga emas



swasta pula, kementerian perlu menerbitkan untuk pengetahuan umum harga siling yang bakal dihadkan oleh kementerian. Ini dapat mengimbangi peranan sebagai mengawal selia supaya pengusaha atau pengendali pusat jagaan tidak melampaui batasan.

Kelebihan yang telah dikemukakan oleh kementerian melalui rang undang-undang ini ialah mewajibkan pemilik lesen memfailkan pelan tindakan atau rancangan *contingency* apabila tempat jagaan ini hendak ditutup sama ada secara sukarela atau atas sebab lesen ditarik balik. Ini akan meringankan beban kerajaan tanpa masalah yang kritikal dan kebimbangan orang ramai juga ditangani kerana orang tua tersebut masih terus menerima penjagaan walaupun dipindah ke tempat baru.

Kita harus tidak melupakan kebajikan warga emas yang mengalami masalah mental yang tinggal dalam tempat penjagaan swasta. Dalam aspek ini rang undang-undang hanya menyatakan keperluan latihan bantuan hayat asas di bawah fasal 26(4).

Pada pendapat saya penjaga sememangnya perlu dilengkapi dengan kaedah untuk mengenal pasti petanda masalah mental supaya warga emas boleh diberikan sokongan emosi awal dan sebagainya. Di dalam Jadual Pertama rang undang-undang ada dinyatakan perkhidmatan kesihatan untuk kelainan upaya mental tetapi ia ini tidak dilihat di dalam Jadual Kedua. Saya berharap kementerian akan memasukkan profesional seperti doktor sakit mental, psikiatri dan psikologi berserta dengan kemudahan yang diperlukan untuk menjamin penjagaan yang sempurna.

Selain fokus kepada penerima jagaan, kita perlu mementingkan penjaga itu sendiri. Penjaga yang bekerja dalam bidang ini mempunyai pelbagai bebanan yang perlu ditanggung. Apabila menjaga warga emas seperti mereka yang mempunyai masalah kesihatan kritikal seperti *alzheimer*, *dementia*, dengan izin, dan sebagainya. Ini boleh memberi cabaran tinggi kepada pekerja kerana tiada sokongan khusus daripada kementerian seperti ketetapan gaji yang berpatutan dan lain-lain.

Keperluan sokongan khusus untuk memastikan perkhidmatan jagaan warga emas yang berkualiti akan meningkat apabila Malaysia mencapai status *aging nation*, dengan izin, ataupun penuaan penduduk. Kita perlu memastikan bahawa setiap warga emas dan persekitaran serta penjaga pusat jagaan adalah bertaraf tinggi dengan usaha kementerian yang berterusan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya mengakhiri perbahasan dengan menyokong penuh Rang Undang-undang Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Warga Emas Swasta 2017. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen dan nampaknya Yang Berhormat Dr. telah buat detil, kajian yang baik. Saya nampak kita punya Menteri pun mencatat apa yang disuarakan.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad. Ada dan sila.

**12.45 tgh.**

**Datin Rahimah binti Haji Mahamad:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Maafah semasa Tuan Yang di-Pertua panggil tadi saya ke tandas. Begitulah sudah jadi warga emas ini ulang-alik ke tandaslah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tidak apa, sila, sila.

**Datin Rahimah binti Haji Mahamad:** Tahniah dan terima kasih juga saya ucapkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan dan pegawai-pegawai Kementerian Kesihatan di atas pembentangan Rang Undang-undang Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Warga Emas Swasta 2017. Adalah dijangka pada tahun 2035 warga emas akan meningkat kepada 5.6 juta orang iaitu 15 peratus daripada keseluruhan penduduk Malaysia.

Pada masa itu Malaysia akan mencapai status negara tua. Oleh kerana itu pindaan RUU ini sangat penting sebagai rancangan memastikan penuaan yang sihat, produktif dan tetap mampu menyumbang kepada masyarakat.

Dalam Al-Quran juga Tuhan menyebut- *Bismillahi Rahmani Rahim...* [*Membaca sepotong ayat Al-Quran surah Ar-Rum 30:54*] Antaranya bermaksud, “Allah mencipta kamu bermula dengan keadaan yang lemah, selepas berkeadaan lemah...” Itu zaman kanak-kanak dan menjadikan kamu kuat ketika muda belia. “...Setelah itu dia menjadikan kamu lemah pula serta tua beruban...” Bila 60 tahun ke atas itu semuanya sudah tidak larat dan berubanlah rambutnya. “...Dan Dia menciptakan apa yang dikehendakinya dan Dia jua yang Maha Mengetahui lagi Maha Berkuasa”; surah Ar-Rum ayat 54.

Tuan Yang di-Pertua, pentadbiran dan kelulusan lesen bagi operasi sesebuah pusat yang menawarkan kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas sangat-sangat saya alu-alukan kerana melalui penguatkuasaan tadbir urus dan pelesenan ini kerajaan dapat mengawal operasi dan tata kelola yang perlu dipertanggungjawabkan dan dipatuhi oleh seseorang atau perubahan yang menjalankan sesuatu operasi kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas.

Dalam RUU akta ini telah dinyatakan secara jelas mengenai kewajipan seseorang atau pertubuhan yang memegang lesen dan syarat bahawa kemungkinan seseorang yang bukan warga emas yang berumur bawah 60 tahun juga boleh diterima untuk menerima perkhidmatan jagaan kesihatan di pusat-pusat jagaan yang dilesenkan ini. Persoalan yang ingin saya kemukakan, kerajaan tidak menyatakan secara jelas tentang tanggungjawab serta *accountability* yang perlu diwajibkan dilaksanakan oleh ahli keluarga yang menghantar warga emas atau orang yang hendak dijaga kesihatannya.

Dengan tidak mengenakan syarat dan tanggungjawab ini kita bimbang trend-trend yang tidak baik dalam masyarakat moden kini akan berlaku. Justeru saya ingin mendapat penjelasan kementerian, apakah dalam peruntukan yang dibentangkan di bawah akta ini, kerajaan tidak menetapkan peraturan atau syarat yang perlu dipatuhi oleh anggota keluarga agar warga emas atau orang yang didaftar masuk ke pusat jagaan ini tidak diabaikan.

Di dalam rang undang-undang ini, tidak dinyatakan mekanisme dan kawalan kadar caj perkhidmatan minimum yang perlu dipatuhi apabila pengurusan pusat kemudahan dan jagaan kesihatan warga emas swasta beroperasi. Oleh yang demikian, untuk mengawal agar fi atau caj perkhidmatan ini tidak dieksploitasi atau tidak dapat dikawal, saya ingin mendapat penjelasan dari kementerian tentang apakah dalam akta ini bahawa fi dan caj sebarang perkhidmatan yang di bekal di kawal selia.

## ■1250

Tuan Yang di-Pertua, dalam seksyen 20(a) dan Jadual Kedua dinyatakan secara jelas peruntukan berkaitan dengan personel profesional yang perlu dipatuhi apabila sesuatu pusat kemudahan dan jagaan kesihatan warga emas ini beroperasi.

Pada masa kini, negara mempunyai ramai lepasan atau graduan perubatan bersekutu, kejururawatan dan jurupulih anggota yang belum lagi mendapat peluang untuk bekerja dan menjalani latihan ikhtisas bagi mendapat sijil amalan sebagaimana disyaratkan dalam peraturan yang terkandung dalam Jadual Kedua akta ini.

Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah melalui akta ini graduan-graduan atau lepasan perubatan bersekutu seperti pembantu hospital, jururawat atau jurupulih anggota dapat diambil berkhidmat dan mereka layak diberi pengiktirafan untuk menjalankan operasi jagaan kesihatan ini. Apakah kerajaan tidak berhasrat untuk menjadikan pusat kemudahan dan jagaan kesihatan ini dapat juga digunakan untuk menjadi *avenue* latihan *mentor-mentee* agar kekangan untuk mendapatkan profesional untuk bekerja bagi mematuhi akta ini dapat disempurnakan oleh pengurusan pusat ini.

Akhir kata Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong rang undang-undang ini. Semoga dengan lulusnya rang undang-undang ini, pusat jagaan kesihatan warga emas akan ditadbir urus dengan sempurna dan lebih baik. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datin Rahimah, dengan padat dia telah ceritakan fasal budak, remaja dan dewasa. Kemudian dia singgung sedikit, dia kata yang ada uban tadi. Itu saya ingat di sini saya tetapi uban itu ya, *the wisdom look* itu kata dia.

Sekarang saya nak jemput pula Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing. Sila.

**12.52 tgh.**

**Dr. Nuing Jeluing:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya membahaskan Rang Undang-undang Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Warga Emas 2017. Terlebih dahulu dengan izin, dengan kesempatan ini saya hendak merakamkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Sarawak yang telah melantik saya sebagai seorang Senator dan justeru itu, sebagai Ahli Dewan yang mulia ini.

Saya ingin juga merakamkan penghargaan saya kepada Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi (Dr) Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg dan Timbalan Ketua Menteri, Datuk Amar Douglas Uggah Embas dan Dewan Undangan Negeri Sarawak atas pelantikan saya.

Berkenaan dengan rang undang-undang ini, sudah sampai masanya kita mengambil langkah persediaan awal untuk menangani isu penuaan penduduk kita. Kita difahamkan Malaysia akan menjadi negara tua atau *aged nation*, dengan izin, menjelang tahun 2035 iaitu lebih kurang 12 tahun dari sekarang. Kita akan mencapai tahap itu bila *15 percent* rakyat kita berumur 60 tahun ke atas. Berdasarkan penduduk Malaysia sekarang kurang lebih 32 juta, ini bererti hampir 5 juta atau 4.8 juta orang yang berumur lebih dari 60 tahun.

Kita difahamkan memang sudah ada pusat jagaan dan pusat rawatan pada masa sekarang dan telah difahamkan 341 pusat jagaan yang didaftarkan di Akta Pusat Jagaan [Akta 506] dan 21 institusi yang dilesenkan di bawah Akta 586. Akan tetapi kebanyakan lebih satu ribu pusat jagaan yang

tidak berdaftar atau dilesenkan bawah mana-mana akta. Adalah penting pusat-pusat ini boleh dipantau oleh pihak berkuasa untuk menentukan tahap perkhidmatan selaras dengan yang ditentukan. Ini hanya boleh dilakukan bila pusat-pusat ini didaftarkan dengan pihak berkuasa. Soalan pertama saya, berapakah jumlah pusat jagaan yang ada di Sarawak dan adakah pusat-pusat itu didaftar dan dilesenkan?

Di Sarawak, kebanyakan pusat jagaan atau orang sana panggil '*rumah orang tua*' atau '*old folks home*', dengan izin, adalah di bawah jagaan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri, tetapi ada juga pusat-pusat itu diurus oleh persatuan-persatuan dan badan-badan bukan kerajaan atau NGO. Mengikut cadangan Kementerian Kesihatan, pusat jagaan kesihatan warga emas swasta ini adalah ciri-ciri hospital untuk orang tua yang ada masalah kesihatan. Soalan kedua saya adalah adakah ini bererti orang-orang tua yang bawah 60 tahun tidak boleh mendapat jagaan atau rawatan di pusat ini? Adakah ini juga bererti warga emas tanpa masalah kesihatan pun tidak layak? Saya berharap itu tidak.

Di banyak negara-negara barat, kerajaan ada mengadakan hospital khas untuk warga emas yang ada masalah kesihatan atau yang tidak ada masalah kesihatan atau ada masalah kesihatan yang kronik. Ia dinamakan geriatrik hospital iaitu hospital untuk orang tua yang ada masalah kesihatan. Soalan ketiga saya, adakah kerajaan bercadang membina hospital sedemikian? Saya berharap pihak kerajaan mempertimbangkan cadangan ini iaitu membina hospital khas untuk orang tua atau geriatrik hospital untuk orang tua yang ada masalah kesihatan. Ini akan membuktikan bahawa kerajaan prihatin kepada masalah warga emas.

Dari segi pelesenan pusat-pusat yang sedia ada, saya berharap pihak berkuasa akan bertolak ansur sebab mungkin kebanyakan pusat-pusat yang sedia ada tidak akan memenuhi spesifikasi-spesifikasi dari segi teknikal. Soalan saya kali ini, untuk menyelenggarakan kos perkhidmatan di pusat-pusat jagaan, adakah tanggungjawab warga emas sepenuhnya atau ada cadangan melalui skim insurans? Kebanyakan pusat warga emas di negara barat, ia dibiayai melalui skim insurans. Ini akan mengurangkan beban warga emas dan keluarga mereka.

Soalan dari segi pelesenan oleh Kementerian Kesihatan, ini bererti pusat-pusat warga emas adalah di bawah jagaan Kementerian Kesihatan seperti klinik perubatan swasta. Bagaimanakah peranan pihak berkuasa tempatan dalam hal ini? Adakah perbincangan sudah dibuat khasnya di Sarawak di mana pusat jagaan di bawah Jabatan Kebajikan Negeri? Saya mohon minta Menteri Kesihatan memberi jawapan kepada soalan ini. Dengan ini saya mohon menyokong rang undang-undang ini dengan penuh. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeliung kerana memberi pandangan yang baik. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mendengar dengan teliti segala ungkapan Ahli Yang Berhormat dan saya dapati bahawa dibuat dengan pandangan yang luas, tinjauan yang baik. Saya rasa apa yang penting tadi yang disuarakan, nak jaga orang-orang ini ialah orang yang sabar, diperlukan pemimpin yang sabar, orang yang jaga yang sabar itu. Jadi saya pun teringat bagaimanakah hendak mencari seorang yang sabar itu. Setelah dari itu, saya harap tadi supaya kita jangan lupa apakah ajaran Islam supaya dia kata tadi, ingat sabar itu penting. Bak kata pantun orang Melayu.

*Air biru di Tanjung Katung,  
Beras pulut dari Kuala Pilah,  
Sabar dan taat mendatangkan untung,  
Orang sabar disayangi Allah... [Dewan tepuk]*

Itulah dia, kita lahirkan sabar ya. Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat, jam dan pukul 1, dengan itu saya tangguhkan mesyuarat ini dan sambung 2.30 petang nanti. Sekian. *Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**[Mesyuarat dtempohkan pada jam 1.02 petang]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

■1430

**[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]**

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Bismillahi Rahmani Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Salam sehati sejiwa. Salam sayangkan negaraku.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya hendak sambung terus rang undang-undang yang tadi dan minta kerjasama iaitu jika ada benda-benda yang hendak ditimbulkan, elakkan kerana dapat kita menyelamatkan masa. Baik, terima kasih.

Saya mulakan dengan Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin bin S.M Omar, dipersilakan.

**2.33 ptg.**

**Dr. Ariffin bin S.M Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi peluang membahaskan Rang Undang-undang Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Warga Emas Swasta 2017. Kalau kita rujuk kepada apa Yang Berhormat Menteri telah menyampaikan, ada lebih kurang 341 pusat jagaan yang didaftarkan di bawah Akta Pusat Jagaan 1993 [Akta 506] yang memberi penjagaan kesihatan, terutama kepada golongan warga emas. Walaupun perkhidmatan dari segi kesihatan mungkin tidak memuaskan.

Akan tetapi malangnya ada 1,000 pusat jagaan yang tidak berdaftar langsung ataupun dilesenkan. Kita difahamkan bahawa piawaian di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Warga Emas Swasta 2017 [Akta 586] dan peraturan-peraturan di bawahnya, akta ini terlalu tinggi, *too high of a standard*. Oleh sebab itu hanya lebih kurang 21 institusi yang dilesenkan di bawah akta ini. Maka, amat penting kita mesti mewujudkan satu piawaian yang realistik dan dapat diterima dan boleh di praktik.

Akan tetapi satu soalan yang terlintas dalam fikiran saya ialah negara ini sudah ada Akta Pusat Jagaan 1993 [Akta 506]. Kenapa akta ini tidak diubahsuaikan untuk tujuan mengambil kira keperluan menjaga kesihatan warga emas? *Why don't we do a modification on that act?* Kenapa kita perlukan satu akta yang baru? Negara Malaysia bukan macam negara-negara Scandinavia yang boleh melaksanakan piawaian yang begitu tinggi.

Oleh kerana mereka mampu membuat begitu dan rakyat mereka mampu membiayai kos yang tinggi untuk perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas di negara mereka. Oleh sebab itu, kita haruslah mempunyai piawaian yang dapat diterima. Saya difahamkan bahawa piawaian yang telah ditetapkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk pusat jagaan warga emas akan menjadi standard yang akan memastikan *the minimum standard* untuk menubuhkan. Akan tetapi apa yang saya tidak dapat pasti, adakah ini cukup?

Di samping itu, isu kos mesti juga diambil kira kerana semua ini akan ditanggung oleh rakyat kita, khususnya oleh kumpulan B40 yang juga perlu perkhidmatan ini. Sudah pastilah bahawa mana-mana pengusaha, individu atau institusi yang melibatkan diri dalam pembekalan kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas akan pentingkan keuntungan lebih daripada kebajikan kecuali jika caj-caj untuk perkhidmatan ini dapat ditentukan oleh kerajaan. Dalam erti kata yang lain, *we should have a ceiling for the cost*. Kalau tidak, habislah akan melambung.

Akan tetapi ini tidak akan berlaku kerana pembekalan kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta merupakan suatu industri baru yang bertujuan untuk mengaut keuntungan. Oleh sebab itu, saya tidak yakin langsung jika NGO's mempunyai kemampuan untuk terlibat dalam industri ini. Oleh kerana mereka berdiri atas dasar memberi kebajikan dan tanpa bantuan kewangan daripada kerajaan. Mereka tidak boleh terlibat walaupun Menteri dalam ucapannya dalam Dewan Rakyat telah mencadangkan penglibatan NGO's. Akan tetapi jika kerajaan hendak bantu NGO's dalam perkara ini, lebih elok kerajaan sendiri mendirikan pusat perkhidmatan ini dengan caj yang munasabah.

Kita mesti sedar bahawa rang undang-undang ini bukan untuk mendirikan *old folks homes* tetapi untuk premis warga emas yang perlukan jagaan kesihatan. Oleh sebab itu, jelaslah bahawa mereka yang kendalikan institusi-institusi ataupun premis untuk memberikan kemudahan dan perkhidmatan kesihatan jagaan warga emas mestilah mempunyai kelayakan sebagai *staff nurse* ataupun *hospital assistant* yang berkelayakan.

Akan tetapi adakah ini cukup? Apa sebabnya saya timbulkan soalan ini? Di samping itu, kelengkapan-kelengkapan, *facilities* untuk premis-premis ini mestilah cukup kerana warga emas yang diterima masuk mungkin menghadapi pelbagai masalah kesihatan seperti penyakit jantung, penyakit buah pinggang- *kidney*, penyakit *Parkinson* ataupun penyakit *Alzheimer*. Adakah pusat-pusat ini mempunyai kelengkapan ataupun kakitangan yang diberi latihan yang cukup untuk mengendalikan tugasnya? Oleh sebab itu, saya mendapati hanya mereka yang kaya raya lah mampu menggunakan perkhidmatan jagaan warga emas swasta ini.

Oleh sebab itu saya hendak sedikit penjelasan tentang apa yang dimaksudkan dengan *minimum standards* dalam perkhidmatan yang ditawarkan dari segi perkhidmatan kesihatan dan juga kosnya. Jika kos bekalan perkhidmatan ini tinggi, saya tidak hairan jika bangunan-bangunan yang didirikan untuk tujuan ini hanya didapati di bandar-bandar besar.

Manakala, di kawasan luar bandar atau di pinggir bandar, tidak mungkin pengusaha-pengusaha dalam industri baru ini hendak menempatkan bangunan mereka di kawasan tersebut. Tuan Yang di-Pertua, jika rang undang-undang ini ialah untuk suatu industri baru yang akan melibatkan pihak luar negara serta pihak dalam negara, sudah jelaslah bahawa keuntungan akan diutamakan.

## ■1440

Dalam keadaan sebegini hanya mereka yang berkemampuan dan kaya akan memperoleh perkhidmatan kesihatan yang elok. Manakala yang miskin, akhirnya pun terpaksa bergantung kepada kebajikan ataupun kepada kerajaan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, satu pandangan yang baik dan saya jemput pula Yang Berhormat Senator Dr. Zaidi Haji Suhaili.

**2.40 ptg.**

**Dr. Zaidi Haji Suhaili:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua di atas keizinan kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Warga Emas Swasta 2017 seperti mana yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Dewan yang mulia ini pada pagi tadi.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian Kesihatan kerana membentangkan rang undang-undang ini, yang mana salah satu daripada sebabnya ialah kerana kita, negara kita Malaysia akan menuju ke arah sebuah negara yang tua. Jadi persiapan kita untuk kemudahan seperti ini, haruslah kita mulakan sejak daripada masa ini.

Secara ringkasnya, berhubung dengan rang undang-undang ini, saya ingin mendapat penjelasan dari kementerian, iaitu dalam fasal 5 mengenai perincian premis bagi kemudahan dan perkhidmatan penjagaan kesihatan warga emas swasta berlesen- yang mana pada saya tidak dinyatakan secara jelas, mengenai apa kehendak dan keperluan minimum bagi syarat-syarat mengenai keselamatan bangunan atau premis, ciri-ciri minimum alatan dan keperluan keselamatan yang perlu dipatuhi seperti apa yang dikehendaki di dalam mana-mana peruntukan *building by lost* ataupun undang-undang bangunan yang mungkin berbeza daripada satu negeri dengan negeri yang lain ataupun mungkin berbeza daripada satu pihak berkuasa tempatan dengan satu pihak berkuasa tempatan yang lain. Khususnya berkenaan dengan undang-undang *building by lost* untuk negeri Sarawak dan juga Sabah yang mana kehendak-kehendak peruntukan perundangan mereka mungkin tidak sama dengan kehendak-kehendak peruntukan bangunan dengan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia.

Syarat lulus pemeriksaan pihak bomba dan pihak berkuasa tempatan terhadap premis yang dicadangkan untuk dijadikan sebagai pusat kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan. Saya merasakan bahawa aspek keselamatan premis dan pemasangan beberapa alatan bagi mencegah kebakaran, laluan kecemasan dan juga sistem pengalihan udara amat penting bagi memastikan risiko kemalangan atau kebakaran dari terjadi.

Justeru saya ingin mendapatkan penjelasan dari kementerian, apakah cara dan kaedah yang akan kerajaan kuatkuasakan agar pengurusan ataupun orang yang bertanggungjawab terhadap operasi pusat kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan ini, mematuhi peraturan-peraturan pencegahan kebakaran, ketetapan pendawaian elektrik agar keselamatan pusat ini dapat kita pelihara.

Kita harus meletakkan keselamatan penghuni-penghuni ini kepada satu tahap yang agak tinggi. Oleh yang demikian, saya rasakan perkara ini haruslah diberi perhatian penting di dalam undang-

undang ini dan saya harap dengan lulusnya rang undang-undang ini, kawal seliaan dan tadbir urus pusat jagaan seperti ini akan menjadi lebih cekap.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan bahawa undang-undang ini akan memberi manfaat kepada semua pihak yang terlibat, sama ada mereka adalah merupakan penghuni mahupun juga mereka yang mengusahakan pusat jagaan seperti ini. Sekian sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Zaidi Haji Suhaili memberi pandangan yang baik dan tepat. Sekarang juga Yang Berhormat Senator Dr. Prof. Mohd Nor bin Haji Monutty, silakan.

#### **2.47 ptg.**

**Prof. Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty:** Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri Kesihatan. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Bismillahi Rahmani Rahim.*

Pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kerana dapat diberikan kesempatan untuk bersama-sama membincangkan rang undang-undang yang berkaitan dengan perkhidmatan kesihatan dan penyeliaannya dalam kategori swasta di dalam negara kita ini.

Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah di atas keprihatinan Kementerian Kesihatan Malaysia supaya tujuan utamanya kawalan itu adalah baik dan memenuhi standard yang diperlukan dan yang paling penting sekali ialah bahawa tidak ada tujuan untuk mencapai keuntungan yang berlebihan.

Saya hendak ringkaskan sahaja, kerana setelah mendengar hujah-hujah Yang Berhormat Yang Berhormat sebentar tadi, ternyata begitu kemas dan bernas. Saya hanya hendak memulakan sedikit untuk menyatakan bahawa konsep penjagaan orang tua ini tidaklah seharusnya kita mengikut konsep barat 100 peratus. Tanpa dinafikan bahawa ada objektif yang baik di negara-negara barat, terutama bagi negara-negara kebajikan tetapi eloklah seperti mana juga Yang Berhormat Senator daripada Sarawak sebelum makan tadi, menyatakan jiwanya amat bersantun supaya konsep penjagaan warga emas ini, bukan bererti kita menyerah sepenuhnya kepada pihak yang kita berikan tanggungjawab kerana ini adalah bercanggah dengan nilai-nilai ketimuran.

Dari segi Islam seperti ayat yang dibacakan tengah hari tadi, saya juga ingin menyatakan bahawa, Al-Quran menyatakan... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Dengan dua ibu bapa kita hendaklah kita melakukan sebaik yang mungkin. Begitu lah juga dalam tradisi *Kungfu Tze* yang begitu kuat sekali soal hubungan kekeluargaan dan juga saya yakin dalam semua agama-agama yang lain.

Oleh yang demikian, soalan saya kepada Yang Berhormat ialah apakah Kementerian Kesihatan Malaysia tidak bercadang untuk memberi rawatan kesihatan kepada warga emas ke kediaman ataupun ke rumah-rumah seperti mana yang telah berlaku dalam negara-negara barat juga di Jepun. Saya dapati juga maklumat saya daripada sumber-sumber tertentu, di Korea dan mungkin ada di negara-negara yang lain.

#### **■1450**

Ini adalah merupakan sebahagian daripada polisi kebajikan yang berlaku di mana perkhidmatan itu telah dipanjangkan ke rumah-rumah dengan memenuhi SOP yang telah ditentukan.



Apakah kementerian mempunyai perancangan yang demikian? Oleh sebab kita akan menghadapi penuaan penduduk. Jika kita ambil istilah Al-Qurannya, *syabah*, akan menjadi era keubanan lebih kurang 13 tahun daripada sekarang. Jadi, adakah dasar itu ada untuk masa hadapan?

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga mencadangkan supaya penjagaan warga emas ini khususnya kepada masyarakat Islam diambil pendekatan bersepadu. Ini bukan bermakna kita hendak bagi perkhidmatan kesihatan yang terbaik kepada warga tua, tetapi juga saya rasa inilah saatnya warga tua perlu mempunyai satu program kerohanian yang terbaik kerana tidak lama lagi dia akan menjadi tetamu Allah SWT. Jadi, kita hendak dalam doa kita... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Jika itu yang berlaku, *insya-Allah*, saya rasa bahawa rang undang-undang yang dikemukakan ini sudah pun memenuhi dasar *maqasid syariah* yang telah pun disebut oleh Perdana Menteri dalam Bajet 2018 baru-baru ini.

Saya juga ingin mencadangkan, Tuan Yang di-Pertua, supaya hal ini diperluaskan. Oleh sebab tadi kita telah dengar banyak melibatkan kos, bajet, kewangan, apa salahnya kalau boleh kita panjangkan kepada institusi Islam iaitu Yang Berhormat Menteri Kesihatan untuk berunding dengan JAKIM dan sebagainya- Baitulmal dan juga wakaf. Kita jadikan ini sebagai sebahagian daripada wakaf umat Islam khususnya untuk masyarakat Islam dan lain-lain NGO atas nama *charity* supaya hal ini tidak ditampung oleh pemerintah semata-mata oleh sebab kos yang tinggi tetapi kita menggalakkan swasta iaitu badan-badan wakaf untuk mengadakan rumah-rumah kediaman dan tempat-tempat rawatan kesihatan yang mengambil pendekatan bersepadu.

Jika ini dapat dilaksanakan, *insya-Allah*, maka mudah-mudahan warga emas akan dapat dijamin kebajikannya dari segi jasmani dan rohaniah. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty yang memberikan pandangan yang baik dan untuk difikirkan sebaik-baiknya cadangan dan pandangan yang bagus. Bermakna, kalau kita hendak mengenang budi ibu bapa kita dan yang lainnya.

Saya sambung pula kepada Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail.

### 2.53 ptg.

**Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya ruang dan peluang untuk sama-sama kita membahaskan- sebelah kiri, Tuan Yang di-Pertua. Untuk sama-sama membahaskan rang undang-undang yang saya kira penting.

Saya kira bila ada rang undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua, ia tidak diambil kesempatan oleh anak-anak terutamanya dengan mengabaikan ataupun mengetepikan ibu bapa mereka hanya kerana bagai cendawan tumbuh banyaknya pusat-pusat jagaan ini di merata-rata tempat. Ini kerana saya bimbang apabila terlalu banyak pusat jagaan ini dibenarkan beroperasi, ramailah anak-anak kita ini yang mengambil itu sebagai jalan mudah dan meletakkan *priority* mereka, dengan izin, ke atas jasa dan pengorbanan ibu bapa itu diketepikan.

Oleh sebab itu, saya kata kalau perlu dibuat satu rang undang-undang yang mana anak-anak yang mengabaikan ibu bapa, dia letak enam bulan, dia tidak datang melawat kah, tiga bulan tidak datang melawat, kena ada satu undang-undang khas untuk mereka ini agar mereka ini didisiplinkan semula supaya ibu bapa ini tidak tergolong- seolah-olah pusat jagaan ini tong sampah. Mereka letakkan

ibu bapa mereka, datang hanya bila mahu tengok sahaja. Apa yang boleh kitar semula, dia datang, kemudian dia tinggalkan. Jadi, itu yang pertama, Tuan Yang di-Pertua.

Saya hendak tanya kepada pihak kementerian, yang pertamanya dalam isu ini, kita serba tahu tempat-tempat jagaan ini juga merupakan tempat-tempat yang harus tinggi dari segi soal keselamatan dan sebagainya. Macam mana pusat tahfiz dan sebagainya, kita galakkan soal keselamatan ini dititikberatkan, begitu jugalah dengan pusat-pusat jagaan. Kalau kita rujuk, saya tidak tahu mungkin ada yang sudah sebut, baru-baru ini berlaku di Kajang bagaimana warga emas empat orang meninggal dalam kebakaran. Hal ini juga harus dipandang serius oleh pihak kementerian. SOP pemilihan tempat itu harus juga dijadikan garis panduan.

Saya hendak minta pihak kementerian menjelaskan kepada saya, berapakah tempoh masa yang diambil oleh kementerian dengan pemohon untuk meluluskan permohonan itu? Ini kerana saya bimbang hendak luluskan permohonan itu panjang, macam pusat tahfiz juga. Dia sudah siapkan rumah, anak murid sudah ada, hendak atau tidak, dia kena beroperasi dulu. Dia masuk, dia *submit* permohonan tetapi permohonan dia lambat tetapi oleh sebab mahukan keuntungan, dia terima dulu warga emas masuk dan dia abaikan soal keselamatan. Jadi, saya hendak tahu di pihak kementerian, berapakah tempoh jangka masa kementerian hendak meluluskan permohonan bagi satu-satu tempat jagaan ini? Apakah perincian keselamatan yang ditetapkan untuk satu-satu pusat jagaan ini?

Kedua, saya hendak tahu, ada disebut dalam rang undang-undang ini ialah bayaran fi yang akan dikenakan kepada pemohon pusat jagaan ini. Saya hendak tahu, berapa jumlah? Sebab yang saya teliti tidak ada jumlah yang disebut tetapi mungkin pihak kementerian boleh bagi perincian sedikit, berapakah jumlah fi yang akan dikenakan kepada pemohon agar semua mereka yang berminat ini jelas tentang bayaran itu. Itu yang kedua.

Ketiga, saya hendak bertanya adakah kementerian bercadang- ya lah, yang kerajaan itu kita tahu ada yang bayar dan ada yang tidak bayar sebab dia dibiayai penuh oleh kerajaan. Akan tetapi, apabila swasta ini, dia banyak, dia tidak ada penyelarasan harga, Tuan Yang di-Pertua. Maksudnya di antara satu dengan satu itu dia bersaing di antara keduanya.

Jadi, adakah kerajaan bercadang untuk menyelaraskan harga, menyelaraskan yuran bagi setiap warga emas yang ditempatkan di pusat-pusat jagaan ini agar mereka ini tidak berlumba di antara satu sama lain? Kadang-kadang pusat jagaan itu boleh menempatkan 30 orang tetapi disebabkan dia murah, yang sebelah kanan ini mahal, orang berlumba-lumba dekat dia dan dia sumbatkan juga kerana dia fikirkan keuntungan.

Jadi, saya hendak tahu juga, satu-satu rumah warga emas ini berapa kapasiti yang ditetapkan oleh pihak kerajaan? Maksudnya kalau 30 orang, seharusnya 30 orang sahajalah, Tuan Yang di-Pertua. Sebab, kadang-kadang saya pergi melawat, sampaikan katil bertemu katil. Mereka ini warga emas. Dia pun perlu ada kesesuaian tempat, tetapi padat sangat. Jadi saya rasa perlu ada garis panduan daripada pihak kementerian untuk menetapkan mana-mana individu yang hendak buka, ada jumlah warga emas yang ditetapkan bagi setiap satu rumah warga emas itu.

Saya juga ingin bertanya tentang kesesuaian tempat, Yang Berhormat Menteri. Ini kerana ada-saya ambil contoh mudahlah di Ipoh, sebab saya duduk di Ipoh dan di Perak. Ada kebanyakan tempat ini dia ambil rumah di kawasan kediaman penduduk. Jadi, adakah boleh ataupun perlu ada tempat

yang spesifik untuk mereka agar tempat itu tidak terlalu terbuka, terdedah dengan komposisi penghuni yang lain? Sebab apa, kita tahu penjagaan itu perlu rapi, persiapan tempat itu juga perlu lebih rasional kerana kita menguruskan golongan yang tidak berupaya. Ada kebanyakan yang dihantar ini yang sudah lumpuh, tidak mampu hendak berdiri. Jadi saya minta dari segi kesesuaian tempat.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, ialah saya hendak tahu setakat ini, sebelum permohonan yang baru, berapa banyak jumlah rumah jagaan swasta yang telah wujud di negara kita? Tidak apalah kalau tidak dapat bagi petang ini pun, secara bertulis pun boleh, Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma ingin tahu berapa sebab saya bimbang nanti bila selesai sahaja rang undang-undang ini, pertambahan itu akan lebih banyak.

Jadi saya hendak tahu buat masa ini sebelum rang undang-undang ini diluluskan, sudah ada berapa? Sebenarnya kerajaan meletakkan *target* berapa untuk rumah-rumah ini ada? Sebab, macam yang saya katakan tadi, cendawan tumbuh, anak-anak lepaskan tangan, emak bapa ditinggalkan dan akhirnya kita membina satu tamadun manusia yang ambil sikap malas dan tidak mahu memperjuangkan nasib ibu bapa.

Saya kira setakat itu, Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya kesempatan. Sekian. *Wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Waalaiikumussalam.* Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail menyuarakan isi hatinya cinta pada orang tua, ibu bapanya. Harus ingat juga kita bahawa tiap-tiap satu peristiwa yang dijadikan itu ada hikmahnya.

Saya jemput pula Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed.

**2.59 ptg.**

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

■1500

Sekali lagi terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya terus kepada perbahasan pertamanya, berkaitan dengan statistik warga tua 2030 ini, saya ingin tahu adakah 15 peratus warga tua di Malaysia pada tahun 2030 telah mengambil kira trend perkahwinan yang semakin lewat usia pada hari ini. Ini kerana jika merujuk kepada Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia yang kelima pada 2014, lelaki pada tahun 2004 berkahwin pada usia 28 tahun manakala pada tahun 2014 menjadi lebih lewat setahun menjadi 29 tahun. Manakala perempuan pada tahun 2004 berkahwin pada usia 25 tahun manakala pada tahun 2014 berkahwin pada usia 26 tahun.

Jadi saya mohon ingin tahu, sekiranya trend lewat kahwin ini berterusan dan tentu sekali apabila lewat berkahwin maka lewat mendapat anak, adakah ini akan mempercepatkan jangkauan negara kita menjadi negara tua. Seterusnya, berkaitan dengan apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Nor iaitu perkhidmatan jagaan kesihatan bergerak. Akta ini memperuntukkan undang-undang bagi mengawal selia premis yang menyediakan kemudahan dan perkhidmatan jagaan warga emas, bagaimana pula dengan kemudahan dan perkhidmatan jagaan warga emas bergerak daripada rumah ke rumah sama ada secara harian, mingguan, dwi mingguan

dan bulanan. Hari ini perkhidmatan penjagaan kesihatan bergerak swasta ini telah pun ada, kerajaan pun ada dan yang swasta pun sudah ada.

Adakah mereka yang menyediakan perkhidmatan ini dikawal selia oleh mana-mana undang-undang dan perkhidmatan penjagaan kesihatan bergerak ini juga mengenakan caj yang agak mahal, adakah caj yang ditawarkan ini dikawal oleh mana-mana peruntukkan jika berlaku apa-apa kecuaiatan ataupun aduan ketidakpuasan hati pelanggan, adakah pelanggan dilindungi oleh mana-mana undang-undang yang khusus?

Dalam menuju ke arah negara tua, saya menyarankan agar kerajaan menekankan dan memberikan inisiatif pengecualian cukai dan sebagainya kepada individu yang menanggung warga tua yang memerlukan penjagaan khas kesihatan berbanding penjagaan kesihatan warga emas di premis-premis seperti premis swasta yang kita bincangkan pada hari ini.

Penjagaan kesihatan oleh tenaga-tenaga mahir bergerak atau separah mahir adalah lebih memberi keselesaan warga emas agar sentiasa bersama dengan keluarga untuk pemulihan warga emas. Ini adalah kerana mereka berada dalam emosi dan suasana yang lebih kondusif kerana masih berada dalam kelompok keluarga maka saya kira kerajaan dalam menuju negara tua perlu mengambil inisiatif segera, mengawal selia kemudahan bergerak ini agar mampu dinikmati oleh lebih ramai warga emas dan agar anak-anak yang ada pada hari ini memilih perkhidmatan kesihatan bergerak ini berbanding menempatkan ibu bapa yang memerlukan penjagaan kesihatan di rumah-rumah ataupun premis khas dan seolah-olah melepas tangan.

Seterusnya, tadi disebut juga oleh sahabat saya berkait dengan caj, saya mohon untuk mengetahui sama ada kerajaan melalui rang undang-undang ini akan turut sama mengawal caj-caj yang akan dikenakan oleh pusat-pusat jagaan kesihatan swasta ini. Perlu ada panduan harga yang ditetapkan agar caj-caj yang dikenakan tidak melampau.

Seterusnya berkait dengan permohonan lesen di seksyen 11, apabila suatu lesen diberikan di bawah akta ini adakah pihak pemegang lesen juga perlu memohon lesen premis daripada pihak berkuasa tempatan? Adakah terdapat sebarang keperluan khas fizikal bangunan bagi premis yang di lesen di bawah akta ini terutamanya bagi tujuan keselamatan lebih-lebih lagi kerana ia melibatkan majoriti penghuni warga emas. Seterusnya, berkait dengan bayaran fi bagi permohonan lesen, adakah terdapat sebarang pengecualian untuk permohonan daripada mana-mana badan bukan kerajaan yang tidak bermotifkan keuntungan. Saya kira elemen pengecualian ini adalah suatu elemen yang sebagai suatu insentif bagi penubuhan pusat-pusat sebegini oleh pertubuhan-pertubuhan amal.

Yang ini saya mohon satu maklumat daripada pihak kerajaan, adakah sekarang di Malaysia telah pun ada perlindungan-perindungan insurans untuk usia emas? Adakah kerajaan membuat kajian sama ada perlindungan-perindungan insurans yang ditawarkan hari ini di Malaysia turut meliputi perlindungan penjagaan kesihatan warga emas? Jika ada berapakah kos premium sebulan bagi perlindungan insurans umpama ini? Seterusnya yang terakhir berkait dengan seksyen 53, kecualian dan peralihan.

Selepas akta ini diluluskan berapa banyak kah premis yang telah berdaftar dengan Akta Pusat Jagaan 1993 yang terlibat dengan tempoh peralihan di seksyen 53? Berapakah jumlah warga emas

yang telah ditempatkan di pusat-pusat jagaan ini mengikut kaum? Dengan itu yang terakhir. Sekian terima kasih, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat kerana memberi pandangan yang baik dan tepat. Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah silakan

**3.06 ptg.**

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk memberi saya berucap sedikit pada petang ini. Sewajarnya kita patut mengambil ruang untuk memberikan terima kasih dan tahniah kepada pihak kerajaan kerana mengambil satu inisiatif yang saya anggap begitu berani dan progresif untuk memastikan kebajikan, kesihatan dan lain-lain yang berkenaan dengan warga emas akan tetap dipertahankan.

Tuan Yang di-Pertua, sudah pasti kalau kita melihat hasrat TN50 ianya merangkumi bukan sahaja daripada pihak kanak-kanak tetapi hinggalah ke peringkat warga emas iaitu pihak kerajaan tidak akan mengabaikan pembelaan kebajikan masyarakat warga emas ini kerana di dalam TN50 warga emas juga mempunyai peranan mereka masing-masing untuk membantu pihak kerajaan membawa negara kita ke arah yang lebih baik pada masa-masa hadapan. Bahkan saya rasa melalui rang undang-undang ini kita juga patut memuji tindakan pihak kerajaan melalui KKM di dalam membanteras pihak tertentu untuk hanya mengejar keuntungan dengan tidak mendaftarkan pusat jagaan mereka dengan KKM berbanding aspek keselamatan dan kesihatan yang menjadi agenda kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat zaman persaraan ini kita menganggaph ia satu zaman kegemilangan ataupun *the age of wisdom*, zaman kebijaksanaan iaitu mereka ini yang telah bertugas berpuluh tahun. Apabila mereka bersara bukan sahaja pengalaman itu penting tetapi pengalaman-pengalaman yang tidak akan dapat dialami oleh anak-anak muda, pengalaman ini boleh digunakan untuk membantu kerajaan kita untuk meneruskan bahawa negara kita akan menjadi lebih maju pada masa-masa hadapan.

Kalau kita lihat TN50, saya rasa saya faham apabila mendengar komen-komen yang disarankan oleh sahabat-sahabat tadi, mempersoalkan apakah perlu kita mengadakan rang undang-undang ini, kita boleh menggunakan rang undang-undang ini yang sedia ada. Perbezaan pada kali ini di bawah pentadbiran Perdana Menteri Dato Sri Mohd. Najib, saya merasakan beliau begitu serius. Saya sebagai salah seorang Exco Yayasan Pesara Kerajaan Malaysia, saya tahu apa pihak kerajaan buat di bawah pentadbiran Perdana Menteri sekarang.

Bahkan beberapa bulan yang lepas, satu persidangan yang cukup besar yang telah dihadiri hampir 6,000 orang yang dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri yang dianjurkan oleh Jabatan Perdana Menteri (JPM) di mana hasratnya iaitu melalui TN50 pihak kerajaan ingin mengetahui apakah aspirasi apakah pandangan apakah peranan yang patut dimainkan oleh pesara-pesara ini.

Saya bertuah dan saya juga telah diminta untuk memberikan sedikit pandangan kerana pada masa itu saya melihat banyak pakar-pakar yang berkenaan dengan kesihatan, pemakanan dan lain-lain. Saya telah diminta untuk memberi pandangan, bimbingan motivasi kepada warga emas ini dan

saya rasa saya bertuah dan tajuk yang diberi kepada saya adalah "*Seni Meniti Usia Emas*" itu tajuknya dan saya memberi pandangan hampir satu jam setengah.

Akan tetapi apabila saya ingin memberikan pandangan secara serius iaitu saya menyatakan pihak kerajaan serius apabila pihak kerajaan ingin membawa bersama golongan warga emas ini untuk bersama-sama memajukan negara. Kerajaan sanggup melalui Jabatan Perdana Menteri (JPM) mengadakan satu persidangan yang cukup besar, seluruh warga emas seluruh negara lebih kurang 6,000 orang telah datang yang diadakan di Serdang, di MAEPS.

#### ■1510

Saya telah diminta untuk memberikan pandangan iaitu walaupun kita tahu pihak kerajaan mengambil serius perkara-perkara yang berkaitan dengan kesihatan tetapi juga kita ingin memberitahu kepada pihak pesara-pesara, apakah yang patut dilakukan. Jadi saya masih ingat apabila saya memberi ceramah ini, perkataan "seni"- '*Seni Meniti Usia Emas*', saya memulakan dengan mukadimah, memberi definisi apa yang dimaksudkan dengan 'seni' iaitu *the art of ageing* iaitu sekarang, warga emas bukan warga emas dahulu. Warga emas sekarang kita punya *life expectancy* agak tinggi.

Dahulu bersara 55 tahun, pergi surau, pulang balik pergi sembahyang dan menunggu masa akan pergi. Pada hari ini, warga emas 55 tahun tidak boleh dianggap yang sebenarnya orang tua, mereka masih berupaya dan boleh berfikir dengan tepat. Maka saya mengatakan sebagai warga emas, seni bermaksud, seni mempertahankan diri iaitu mempertahankan diri dalam suasana kita berumur sedemikian, kita masih tetap mempertahankan diri kita supaya kita kuat.

Saya kaitkan semasa kita di kampung apabila kita belajar seni silat contohnya, saya mengatakan seni silat iaitu seni mempertahankan diri bukan sahaja daripada segi aspek fizikal tetapi mental, kesihatan dan lain-lain. Seni silat apabila kita belajar di kampung, mula-mula kita belajar seni silat, kita akan diarahkan untuk bersiap sedia memperkukuhkan kekuda. So, saya beri contoh kekuda, masa kita bengkokkan kaki sedikit, sebelum kita belajar bertumbuk, kekuda. So, kekuda maksudnya lutut. Saya beritahu pakcik-pakcik, "*Okey pakcik, saya hendak test kekuda okey atau tidak okey iaitu kalau pakcik-pakcik tidak boleh bengkokkan lutut, maksudnya lutut sudah sakit. Itulah tidak kuat dah itu*".

Maksudnya kena pastikan kekuatan bermula dengan lutut. Selepas itu lutut, pinggang. Maka barulah kita tunjukkan kekuatan fizikal. Seni, jadi saya katakan pakcik-pakcik ini iaitu pastikan kesihatan kita juga boleh lakukan secara fizikal apa anak-anak muda boleh lakukan. Ini kerana pada hari ini tidak mustahil kita mempunyai banyak kemudahan yang boleh membantu daripada segi kesihatan dan kekuatan fizikal. Seni.

Meniti. Meniti saya kata aspek kedua. Meniti yang pertama, meniti- kalau saya beritahu mereka, kalau kita meniti satu titian, so saya kata, "*Kalau pakcik-pakcik meniti, cuba letak satu titi di antara dua parit. Kalau meniti itu kita jatuh, maksudnya kita sudah tidak kuatlah, kalau kita gigit*". Akan tetapi kalau meniti kita boleh teruskan, *physically-mentally* kita *alert* dan meniti ini maksudnya, meniti dunia meniti akhirat. Meniti dunia maksudnya, yang berbentuk dengan fizikal, mental dan akhirat, yang berbentuk dengan amalan, amal ibadat sementara hendak menunggu ajal kita sampai. Itu yang saya bersetuju dengan sahabat saya tadi iaitu kita pertekankan juga konsep-konsep yang berkaitan dengan bukan sahaja keduniaan tetapi akhirat.

Apa yang saya hendak katakan di sini apa yang kerajaan lakukan melalui seminar yang saya kata dijalankan beberapa bulan yang lepas, hampir 6,000 orang hadir iaitu keseriusan pihak Perdana Menteri. Dahulu saya rasa tidak pernah buat, pada pandangan sayalah. Ini saya rasa kali pertama saya terlibat secara peribadi, apatah lagi saya juga merupakan Exco dalam Yayasan Pesara Kerajaan iaitu pihak Perdana Menteri begitu serius mendapatkan *feedback*, mendapatkan aspirasi daripada pihak pesara-pesara ini di seluruh negara.

*Alhamdulillah*, kalau dalam bajet yang lepas pun kita lihat banyak peruntukan yang telah diberikan kepada warga emas tetapi yang lebih penting, ini merupakan satu langkah yang progresif iaitu kalau ada persoalan-persoalan, komen yang negatif merupakan satu *waste of money, waste of time, it is not true* iaitu TN50 merupakan satu aspek yang progresif yang ingin melihat apakah aspirasi daripada bawah iaitu kita hendak mendengar daripada pandangan-pandangan pesara sendiri. Itu yang dilakukan oleh pihak Perdana Menteri dan itu sebab saya merasakan ada kaitan mengapa RUU dilemparkan, dilontarkan di Dewan kita pada petang ini. Jadi ini mesti dibuat.

Jadi maksud saya, sekiranya pihak kerajaan begitu serius untuk membantu warga emas, tetapi ini bukan perkara yang mudah apabila kita mengadakan RUU ini macam saya bersetuju dengan rakan-rakan tadi, swasta. Ini bukan satu benda yang mudah untuk memaksa pihak swasta mengikut arahan pihak kerajaan.

Akan tetapi ia merupakan proses dan proses ini akan mengambil masa dan saya rasa sebab masa pun agak tidak panjang, saya akan menyatakan beberapa fasal tertentu kenapa saya lihat dalam RUU ini daripada Bahagian I hingga IX, keseluruhannya merupakan satu yang menyentuh aspek persediaan pihak tertentu terutama pihak penyedia pusat jagaan ini dalam membuat permohonan untuk menjalankan pusat perkhidmatan jagaan warga emas ini.

Contohnya melalui fasal 4 Bahagian II, saya melihat bahawa kementerian amat teliti dalam memastikan hanya mereka yang layak sahaja boleh diberikan lesen atau mendapat kelulusan untuk menjalankan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas. Yang layak sahaja iaitu definisi ini terpulang kepada pihak *implementors* sekiranya mereka tidak mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan, tidak layak. Itu saya hendak katakan tadi. So jangan bimbang.

Walaupun banyak persoalan, komen boleh disarankan, tetapi di dalam saya meneliti akta ini iaitu yang layak sahaja. Di samping itu juga, saya rasa peri pentingnya pusat jagaan ini berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan juga Kementerian Kesihatan Malaysia dan ia perlu dilesenkan.

Hal ini dirasakan penting kerana golongan ini juga akan mendapat bantuan yang lain menerusi pendaftaran bersama JKM. Tambahan pula, melalui kerjasama agensi kerajaan ini, kita merasakan bahawa prasarana dan fasiliti yang juga diungkitkan tadi iaitu prasarana dan fasiliti sedia ada dapat digunakan dan ditambah baik dalam merealisasikan akta dan pelaksanaan pusat jagaan di bawah KKM ini.

Tuan Yang di-Pertua, *standard operating procedures* (SOP), saya rasa juga akan disediakan oleh pihak kementerian dan ini amat penting sebagai persediaan kepada pihak pengusaha pusat jagaan untuk memastikan mereka betul-betul serius dalam menjalankan tugas dan peranan yang diberikan oleh pihak kementerian serta mengikut prasyarat dan keperluan yang telah dikemukakan

melalui SOP tadi. Jadi kalau kita bercakap daripada segi keluasan tempat yang diperlukan, dengan jumlah kapasiti penghuni, ini juga dapat difikirkan bersama oleh pihak *implementors* sebelum memberikan lesen kepada pemohon-pemohon tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, selain pusat jagaan ini dijadikan sebagai tempat untuk istirahat mahupun tempat untuk mereka beribadah. Pusat ini juga boleh dijadikan sebagai pusat kesihatan, pusat kesihatan kepada warga emas ini agar mereka mendapat rawatan yang sebaiknya melalui KKM secara terus. Ini boleh mengurangkan masalah lambakan warga emas untuk bersama-sama berada di hospital kerajaan ataupun klinik kerana ada beberapa kes mereka ini juga perlu menunggu lama untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan. Walaupun nampak perkara ini daripada segi kos agak tinggi tetapi saya memikirkan TN50 dan negara maju 2020, perkara ini tidak mustahil. Kita punya *political will* jika disokong oleh agensi-agensi secara serius, disokong oleh rakyat, perkara ini boleh kita lakukan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Bahagian VIII fasal 38, saya menyokong agar pihak kerajaan melalui KKM menjalankan satu langkah penguatkuasaan untuk menyiasat dan memeriksa pusat jagaan ini secara berkala bagi memastikan kualiti dan kelangsungan pusat ini terjaga dengan baik. Sepatutnya dengan fasiliti dan kemudahan yang ada, pusat ini seharusnya menjadi contoh terhadap pusat jagaan lain yang ada di Malaysia. Kita tidak mahu pusat ini seolah-olah indah khabar daripada rupa apabila mendapat kelulusan daripada KKM. Hal ini kerana rakyat akan menjadi mangsa apabila projek ini hanya menjadi projek 'Hangat-hangat tahi ayam' ataupun program ini menjadi sebuah program yang '*Putih mata, tiada hasil*'.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kadar kos, saya rasa tidak salah sekiranya pihak kerajaan terus memainkan peranan membantu, memainkan peranan yang proaktif di dalam penentuan kadar kos. Ini tidak ada hal iaitu dengan RUU ini, kita akan memastikan hanya mereka yang *capable* sahaja. Saya tekankan sekali lagi, kita akan menjadi sebuah negara maju, negara berpendapatan tinggi. So saya rasa hanya mereka yang boleh *capable* sahaja patut kita terima dan kos, saya rasa tidak ada salahnya pihak kerajaan juga menentukan kos yang sesuai untuk menjadikan pusat ini pusat yang terbaik.

#### ■1520

Saya ingin juga mencadangkan kepada pihak kementerian agar dijalankan N-BOS bersama-sama dengan Kementerian Pengajian Tinggi mahupun Kementerian Pendidikan Malaysia dalam memastikan bahawa pusat jagaan di bawah KPM ini mendapat modul-modul yang berkualiti dan seragam yang digunakan di seluruh negara dalam membimbing dan menjaga warga emas ini. Hal ini sudah pasti mampu untuk memberi impak yang tinggi malah membuka ruang pekerjaan buat anak-anak muda yang dahagakan pengalaman ini.

Dalam pada masa yang sama, kementerian boleh mewujudkan satu pusat dalam melihat keperluan golongan ini termasuk mengemas kini sistem dan modul yang diguna pakai di pusat jagaan ini. Hal ini secara tidak langsung mampu memastikan kualiti pusat jagaan terus terjamin melalui fasal 38 tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin kerajaan akan melakukan apa sahaja, ia untuk kepentingan rakyat dan telah pun dibuktikan melalui pemerhatian saya yang telah saya katakan tadi. Maka dengan itu, saya menyokong pindaan ini. Sekian, terima kasih.



**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Profesor Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah yang banyak memberi pandangan yang bernas dan baik. Antara lain dia kata *health is wealth*, dengan izin. Terima kasih Yang Berhormat beri pandangan yang baik untuk kita di sini ya.

Sekarang saya minta pula Yang Berhormat Tuan Haji Muhammad bin Mustafa, sila.

### 3.21 ptg.

**Tuan Haji Muhammad bin Mustafa:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera. Yang dikasihi Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri, terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk turut serta dalam membahaskan Rang Undang-undang Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Warga Emas Swasta 2017. *Alhamdulillah*, kita sudah banyak mendengar saranan dan juga cadangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita harap apa yang disarankan tadi menjadi kenyataan dan akan dilaksanakan melalui Kementerian Kesihatan.

Setelah saya meneliti rang undang-undang ini, secara umumnya *Alhamdulillah* rang undang-undang ini adalah undang-undang yang baik dan *insya-Allah* kita doakan semoga ia dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya. Cuma saya dapati dalam Jadual Kedua Profesional Jagaan Kesihatan, saya dapati ada tujuh perkara yang disebut iaitu profesional jagaan kesihatan. Nombor satu, pengamal perubatan yang berdaftar di bawah akta dan seterusnya.

Jadi saya nampak satu perkara yang saya rasa perlu diberi perhatian iaitu selain daripada tujuh perkara itu ialah boleh kita masukkan sebagai perkara yang kelapan iaitu pengamal agama Islam. Di mana kita sangat perlu kepada apa sahajalah istilahnya sama ada guru agama ataupun pendidik ataupun pembimbing agama kepada warga emas ini terutama bagi orang yang beragama Islam dan juga agama-agama yang lain, mengikut dia punya agama masing-masinglah.

Khususnya untuk orang Islam saya cadangkan supaya dimasukkan juga guru agama atau pengamal Islam ini supaya warga emas ini kita dapat sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, diberi perhatian tentang kehidupannya kerana hidup ini hanya sekali sahaja tuhan bagi di dunia ini ya. Hidup ini hanya sekali sahaja. Jadi kalau menjadi pun menjadilah, kalau tidak menjadi pun terpulanglah kepada diri masing-masing. Akan tetapi apa yang kita mesti tahu bahawa seseorang itu dia mempunyai dua usia. Usia sebelum mati dan usia selepas mati.

Menurut agama Islam, usia sebelum mati ini pendek sahaja, tidak lama. Nabi Muhammad SAW pernah menyebut... [*Membaca sepotong Hadis*] "*Usia umatku ini di antara 60 hingga 70 sahaja.*" Itu kenyataan yang pernah dibuat oleh Rasulullah SAW. Akan tetapi usia setelah mati itu memang panjang sebab dia tidak akan mati lagi. Itu mengikut akidah atau kepercayaan agama Islam.

Oleh yang demikian, pihak kementerian harus memberi perhatian kepada warga emas ini dari sudut keislamannya, keagamaannya supaya masa depannya terjamin. Mengikut agama Islam, manusia ini dia ada siri kehidupan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Pertama, manusia ini apa yang dinamakan ilmu alam. Ilmu alam mengikut Al-Quran dan Sunah, yang mana kita mesti tahu ilmu alam ini supaya kita boleh bersiap sedia untuk hidup di alam yang memang kita tidak ada pengalaman. Alam pertama yang kita pernah hidup ialah alam roh. Ini berdasarkan kepada Al-Quran dan As-Sunah. Alam yang kedua, dalam perut ibu. Alam yang ketiga di dunia ini. Alam yang keempat dalam kubur dan

alam yang terakhir sekali, *the last world* ialah alam akhirat. Akhirat ini alam terakhir sekali di mana masa depan yang hakiki dan abadi kepada manusia itu ialah di alam akhirat ini.

Menurut agama Islam, di alam terakhir ini manusia mempunyai dua masa depan. Pertama, masa depan yang menyenangkan dan membahagiakannya buat selama-lamanya yang diistilahkan sebagai syurga. Satu lagi masa depan yang sangat menakutkan yang diistilahkan sebagai neraka. Itulah dua masa depan yang hakiki dan abadi yang sedang menunggu manusia menurut akidah atau kepercayaan Islam.

Oleh hal yang demikian, kita sangat perlu kepada pembimbing khususnya kepada warga emas yang beragama Islam supaya mereka itu dapat hidup dengan agamanya dan itu adalah menjadi hak asasinya ya, supaya dia boleh sebagaimana Rasulullah SAW pernah bersabda... [*Membaca sepotong Hadis*] “*Siapa yang akhir hayatnya berakhir dengan kalimah- “Lailahailallah”, dia dijamin akan mempunyai masa depan yang baik iaitu syurga.*” Itulah apa yang dijanjikan oleh Rasulullah SAW.

Oleh hal yang demikian saya berharap semoga dalam Jadual Kedua ini, seksyen 2 dan juga seksyen 48 ini dimasukkan iaitu guru agama atau pengamal agama atau pembimbing untuk memastikan warga tua kita ini khususnya yang beragama Islam supaya dia boleh hidup dengan Islam dan mati pun dengan Islam iaitu dengan dua kalimah syahadah *Lailahailallah* dan berakhir hayatnya dengan *husnul khotimah*, dengan kesudahan yang baik. Tidak ada maknanya dia berharga di dunia, kaya-raya, hidup senang dan sebagainya kalau dia berkesudahan dengan kesudahan yang tidak baik dan tidak mempunyai jaminan masa depan di akhir hayatnya ataupun di akhiratnya. Ini merupakan satu perkara yang amat besar bagi umat Islam kerana akhirat merupakan masa depan yang hakiki dan abadi kepada semua manusia.

Kemudian, saya juga ingin mendapat kepastian daripada pihak kementerian oleh kerana kita membincangkan soal rang undang-undang ini yang menyentuh soal swasta. Sejauh mana pihak kementerian boleh memastikan bahawa pihak swasta yang akan mengendalikan pusat jagaan warga emas ini dapat melaksanakan dasar kerajaan? Terutama dasar yang sudah diperkenalkan sebagai *maqasid* syariah yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Di mana dalam *maqasid* syariah ini ada lima. Pertama, menjaga nyawa, menjaga agama, menjaga keturunan, menjaga akal dan yang kelima menjaga harta benda.

#### ■1530

Saya harap pihak kementerian sebelum diberi sesuatu lesen kepada pihak swasta atau sebelum melesenkan mana-mana pihak, cuba dipastikan bahawa dasar kerajaan ini dapat dilaksanakan dengan baik. Sama juga dengan dasar *wassatiyyah* yang kita sudah dengar banyak kali yang dihuraikan oleh Yang Berhormat Menteri kita bahawa dasar *wassatiyyah* ini merentasi semua kementerian di mana setiap kementerian mestilah mengguna dasar *wassatiyyah* ini supaya kecemerlangan dapat dilaksanakan dalam sesuatu perkara yang hendak dilaksanakan. Saya rasa itulah sahaja apa yang saya dapat sentuh dalam rang undang-undang ini. Saya menyokong dan saya mohon untuk menyokong. *Wallahualam. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator dan saya rasa kita dengar. Apabila kita dengar itu kita lebih insaf. Kita kena buat lebih baik untuk badan ini ya.

Saya menjemput pula Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin Samad. Sila.

**3.31 ptg.**

**Dato' Sri Khairudin Samad:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam negaraku Malaysia.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana diberi peluang untuk saya mengambil bahagian dalam rang undang-undang ini. Sebelum daripada itu, saya ingin mengambil kesempatan di sini sebab saya tidak beri nama untuk membahas rang undang-undang yang lain. Mengambil kesempatan di sini untuk pertama, mengucapkan jutaan terima kasih kepada Gabenor kita, Yang Berhormat Arau yang telah pun baik hati membiayai makan minum kita di *lounge* sepanjang sesi ini. Saya telah minta kepada beliau selain daripada bagi kepada BNBBC, jangan lupa juga Majlis Senator.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Hah!

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Jadi, dia bersetuju untuk biaya seluruh sesi kita ini. Jadi, kita di *lounge* itu makan percuma.

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Alhamdulillah*.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Saya kata ini termasuk pegawai-pegawai. Semua rakyat Malaysia kata dia. Itu Gabenor kita.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Budi baik dikenang orang.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Budi baik kita kenang. Jadi, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada pegawai-pegawai Yang Berhormat Menteri terutama, Yang Berhormat Timbalan Menteri, pegawai-pegawai, bentara dan juga pegawai keselamatan yang telah menjaga kita dengan begitu baik, menjawab soalan dengan baik pada sesi ini dan *insya-Allah* kita akan bertemu selepas pilihan rayalah. Ini merupakan sesi terakhir sebelum pilihan raya dan terutama sekali buat Tuan Yang di-Pertua dan juga Timbalan Yang di-Pertua, kerana telah menjalankan tanggungjawab dengan baik terhadap kami Ahli Dewan Negara yang sekarang ini lebih matang...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Kalau hendak dibandingkan dengan Ahli-ahli Dewan Rakyat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Tuan Yang di-Pertua, hendak ambil bahagian ini dalam warga emas ini, saya terlebih dahulu ingin memberi sedikit definisilah. Ada waktu bukan? Saya tidak ambil 45 minit, *don't be* kuarir Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik. Lagi dua orang lagi.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Tidak sampai 45 minit. Kalau beri, tidak apa.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ringkas. Kalau boleh ringkas sedikit.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Definisi dahulu. Definisi warga emas ini. Dia kita ini sebenarnya, bila kita dilahirkan, kasih sayang kita ini kepada ibu bapa kita. Bila kita dilahirkan. Selepas itu, kasih sayang kita akan tumpu kepada pasangan kita. Selepas pasangan kita, kasih sayang kita akan tertumpu kepada anak-anak kita. Selepas anak-anak kita, kasih sayang kita akan tertumpu pada cucu-cucu kita.

Selepas cucu-cucu kita, dia tidak pergi kepada cicit sudah sebab cicit kita akan dikasihkan oleh anak kita yang merupakan atuk ataupun nenek kepada cicit kita. Jadi waktu itu, waktu warga emas ini, itulah warga emas. Dia tidak boleh main sudah dengan cicit ini. Ini kerana kuda-kuda pun sudah tiada sudah. Hendak pasang kuda-kuda tidak boleh Tan Sri sebab dia sudah sampai ketika dia sudah ada cicit, dia sudah lemah longlai.

Akan tetapi apa yang kita hendak nyatakan di sini bahawa satu ketika dahulu ada disebut bahawa umur remaja ini, umur pemuda ini sampai 65 tahun. Jadi, *divirakan* kononnya Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu telah pun menaikkan taraf pemuda sampai ke 65. Dengan sebab itu CUEPACS pun berlumba-lumba hendak minta supaya kita ini boleh bekerja sampai umur 65, kurang satu tahun daripada hakim. Jadi, kita 65 ini boleh bekerja. Ini sebab apa Tuan Yang di-Pertua? Tuan Yang di-Pertua pun sihat. Saya enam siri juga, tetapi sihat.

Malahan kita ini yang mana yang lepas pada 63 tahun, umur Rasulullah SAW, lepas daripada 63 adalah bonus. Bonuslah. Bonus untuk kita membuat amal ibadat, *the road to the heaven*. Jangan, dengan izin, *not the road to the hell*. Jadi, kita kenalah buat kerja-kerja amal. Kita pergilah- fasal itulah kita tengok yang pergi ke masjid, yang pergi ke surau kebanyakan warga emas sebab barulah masa itu ada masa kelapangan kerana sudah pencen. Ini kenyataan yang kita kena terima. Ini warga emas ini.

Akan tetapi dalam masa yang sama, kita ini kalau kita hendak bezakan macam mana kita bila kita sampai hari tua, hendak bezakan. Kalau kita bekerja dengan kerajaan atau swasta, bila kita bekerja sampai umur 30 tahun, lepas itu kita pencen. Kita pencen, kita tinggalkan kawan-kawan kita, kita balik. Kita duduk di rumah, tidak ada kawan sudah. Kawan bekerja tidak ada lagi ataupun macam kawan-kawan kita di dalam Dewan yang mulia ini. Yang Berhormat Senator Datuk Haji Kadzim M. Yahya esok lusa Yang Berhormat, *last day. Sayonara*.

**Datuk Haji Kadzim M. Yahya:** Habis.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Jadi, kita kehilangan seorang kawan dan beliau kehilangan dengan ramai kawan. Ini contoh-contoh bila kita sampai hari tua. Jadi untuk bila kita sampai hari tua, siapa kawan kita? Saya pernah menonton satu filem dahulu. Dia ini dijadikan bahan cubaan, *experiment*, dengan izin. Bahan cubaan makan ubat supaya dia tidak tua.

Jadi bila dia makan ubat itu, dia tidak tua. Orangnya *handsome* macam sayalah. Dia tidak tua. Dia makan ubat dia itu, kemudian dia beristeri. Isteri dia pun tua, tua, tua, meninggal. Dia cari isteri baru. Apa yang menyedihkan, kawan-kawan sekolah dia semua tua, meninggal tetapi dia masih hidup. Jadi, siapa yang mahu makan ubat seperti itu, beritahu dekat saya. Saya boleh tolong carikan. Ini sebab kalau Ahli-ahli Yang Berhormat bersetuju hendak makan ubat itu, saya boleh dapatkan...

**Timbalan Yang di-Pertua:** [Ketawa]

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Ini sebab lepas itu tidak ada kawan sudah. Tidak ada kawan. Jadi hendak ada isteri pun tidak boleh sudah sebab isteri tua daripada kita. Maka, kita kena cari isteri baru. Ubat itu bagus tetapi menyedihkan sebab kita hilang kawan dan berapa lama kita boleh bertahan tanpa kawan-kawan. Hendak kena cari kawan baru, orang pun tidak kenal kita. Main golf pun orang tidak kenal. Ini siapa? Main badminton pun, ini siapa ini? Ini sebab dia tidak pernah jumpa, tidak pernah sekolah dengan dia. Umur dia macam itu sahaja, remaja. *Handsomelah* macam saya. Siapa kata saya

tua? Rambut kita cat bagi putih supaya orang nampak tua. Ada orang yang sibuk daripada hitam, dia pergi cat putih. Ada orang yang sibuk daripada putih, dia pergi cat hitam supaya tidak nampak tua. Saya tidak perlu cat, memang nampak muda selalu. Awet muda. Ini bezanya.

Saya hendak bercerita ini sebab hendak bawa rakan-rakan saya Ahli Dewan...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat. Yang Berhormat. Uban itu bukanlah kata kita tua. Ubat itu ialah *wisdom look*.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Betul. Saya bersetuju Tuan Yang di-Pertua. Saya bersetuju.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Cuma ini saya kata ini adalah rakan-rakan yang kadang bila putih, dia cat hitam. Ada pula anak muda yang hitam, cat putih. Ini sebab saya tanya kenapa, dia kata gadis-gadis sekarang ini suka orang rambut putih. Saya nasib baik saya TBB. Takut...

**Timbalan Yang di-Pertua:** 'Bini bising'...

**Dato' Sri Khairudin Samad:** 'Takut bini bising'. Itu yang tidak berani. Padahal ini istilah-istilah barulah. Ada yang suka rambut putih. Ada yang lain itu yang cat sampai warna hijau. Saya pun tidak faham. Warna biru pun sudah ada sudah sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya hendak nyatakan di sini, ini perbezaan kerana kita ini kadang-kadang, bila kita sudah *mai* satu peringkat, bila sudah warga emas ini, jadi apa dia yang kita perlu.

#### ■1540

Oleh sebab saya hendak kaitkan ini sebab bila saya, sewaktu berada dalam taklimat baru-baru ini oleh kementerian, kalau tak silap saya, suami isteri akan dipisahkan, tak boleh disatukan di dalam pusat. Jadi, saya jadi bingung sebab saya bercerita tadi, bila kita sampai satu peringkat umur yang kita dah tak ada kawan, fasal kawan kita sudah banyak meninggal, tak ada kawan. Kawan kita hanyalah isteri kita. Kalau masuk pusat penjagaan, selepas itu kita dipisahkan dengan isteri, Tuan Yang di-Pertua, siapa lagi kawan kita? Hendak binakan kawan baru ini di dalam itu? Ada yang jalan sebelah fasal dah kena strok. Macam-macam yang berpenyakit di situ.

Jadi, saya perlu penjelasanlah daripada kementerian. Kenapa harus dipisahkan di antara suami dengan isteri? Ini kerana waktu itu saling memerlukan, bukan untuk kesenangan pada waktu tidur, tidak. Oleh kerana pada zaman itu, saya ingat rakan-rakan bersetuju, Tuan Yang di-Pertua, bukan teman tidur lagi, dia teman segala-galanya. Sekarang ini ada yang sayang isteri tinggal-tinggalkan, ada yang sekarang ini sayang isteri tinggal-tinggalkan. Jadi, dia keluar kadang kata orang, fasal malas duduk di rumah dengar bini celoteh, selepas itu dia pergi duduk dekat padang golf, duk di kedai kopi, kedai mamak, kena teh tarik, duduk sampai malam baru pulang rumah.

Oleh sebab balik rumah, bebel, bebel, bebel. Jadi, saya minta maaf kepada Yang Berhormat wanita, bukan saya menuju kepada Yang Berhormat wanita. Wanita tak ada masalah, tak payah cat rambut, bila *mai* satu ketika, pakai tudung habis cerita. Wanita tak ada masalah. Akan tetapi tudung ini kena pakai daripada awallah, jangan bila sudah nampak uban baru hendak pakai. Tak begitu ustaz? Jadi, saya menyatakan ini sebab saya memerlukan, saya kata kita memerlukan isteri kita sewaktu hari tua. Saya rasa saya bersyukur kerana saya mempunyai enam anak. Kalau satu *abandon* saya, ada

lima lagi untuk memelihara saya. Jadi, dalam soal ini apa yang kita perlu buat ialah terutama sekali orang-orang Islam ialah memberikan pendidikan kepada anak-anak supaya jaga ibu bapa.

Jadi, tak payahlah kita fikir soal swasta ini semua, penjagaan swasta dan sebagainya. Kita harus mendidik anak-anak kita. Semua agama, semua kaum mendidik anak-anak kita untuk menjaga kita. Jadi, jangan lupalah seperti mana anak baru seorang atau dua, buat anak lebih-lebih sikit, jadi ada pilihan. Kalau menantu tak suka, anak ada, anak boleh jaga. Itu sepatutnya kita mendidik anak-anak kita supaya menjaga ibu bapa daripada kita memikirkan di mana kita hendak buka rumah swasta ini, penjagaan warga emas. Itu patut yang kita fikir. Akan tetapi oleh sebab kementerian, kerajaan prihatin supaya tidak ada ibu bapa yang jadi gelandangan, Yang Berhormat Dato' Shahanim pula susah hendak bekerja.

Jadi, kita adakan pusat-pusat jagaan warga emas ini. Tak apa, tidak menjadi masalah tetapi yang perlu kita buat ialah mendidik anak-anak kita, itu pendapat saya. Kita mendidik anak-anak kita supaya janganlah tinggalkan ibu bapa bergelimpangan. Oleh kerana kita telah membangunkan, di awal saya cerita tadi, kita sayang ibu bapa, kita sayang pasangan kita dan kita sayang anak-anak kita, kita sekolahkan mereka. Cuma kita lupa untuk mendidik mereka supaya menjaga kita pada hari tua nanti. Ini kalau kita boleh buat yang itu, *alhamdulillah*. Jadi, tidak payah memikir caj, tak payah memikir fi untuk berapa. Sudah tentulah kalau kita buka pusat penjagaan swasta ini kena ada caj, ada yang kemungkinan hendak buat *First Class, Business Class, Economy Class*, ia mesti ada *class*, baru yang kaya raya akan buang ibu bapanya di situ.

Bagi saya buang, betullah macam Yang Berhormat kata tadi, macam anggap sampah. Betul, saya setuju dengan Yang Berhormat Puan Siti Aisyah tadi. Mereka akan menganggap ibu bapa mereka ini seperti sampah, ini kerana kita membenarkan. Tambah lagi kalau ada *Economy Class*, lagi dia hendak letak di situ. Ini kita cuba elakkan supaya ianya tidak berlaku begitu. Ini kerana kalau hendak elakkan itu, itulah pendidikan yang baik diberikan kepada anak-anak kita. Jadi akhirnya, kita tak boleh, kita tak payah memikirkan yang ini semua. Oleh sebab saya takut kalau kita mencontohilah sekolah-sekolah taska. Kalau kita hendak ambil contoh, sekolah taska, apa jadi sekolah taska? Kanak-kanak mati kerana tercekik susu, esok pusat jagaan warga emas ini apa? Warga emas meninggal kerana tercekik tulang ayam.

Warga emas meninggal kerana tercekik tulang ikan. Sudah akan berlaku begitu. Oleh sebab yang warga emas ini Tuan Yang di-Pertua, saya pun ada kaca mata tetapi saya pakai bila saya hendak baca. Satu ketika bila saya hendak makan ikan terubuk umpamanya, kalau saya tak pakai, saya kurang makan, dok tarik tulang lagi lebih daripada makan. Jadi, saya perlukan kaca mata. Kalau duduk di pusat penjagaan, kemudian perkara ini kita tak buat ataupun tak ada orang hendak ingatkan kita pakai cermin mata, sudahlah meninggal tercekik tulang. Yang ini semua saya takut benda-benda ini boleh berlaku, jadi penjagaan yang sesuai, yang baik harus kita bagi keutamaan.

Tempat-tempat pintu kecemasan. Kalau kita bercakap baru-baru ini kita bahas soal sekolah tahfiz, kita hendak pintu kecemasan dan sebagainya, ini semua perlu. Jangan kita kadang-kadang indah khabar dari rupa, kita buat nampak hebat Tuan Yang di-Pertua, nampak hebat sampai kita, '*Oh! Lebih baik tinggal di sini daripada balik rumah*'. Kita hendak pergi tinggal di pusat penjagaan tetapi bila kita masuk dalam nanti, penyeksaan yang akan menimpa kita, *wallahualam*. Jadi, inilah kadang-kadang

kita kena beri pertimbangan. Saya bersetuju, bukan saya tak bersetuju dengan Yang Berhormat Tuan Haji Muhammad bin Mustafa, kena ada pengajaran Islam dan sebagainya.

Akan tetapi saya kalau boleh yang ini kita ajar anak-anak kita ini, yang orang Islam ini. Janganlah dok hantar ibu bapa ke situ melainkan dia ditakdirkan tidak mempunyai anak-anak. Tak payah hantarliah. Kenapa kita harus hantar anak-anak kita ke situ? Jadi, jikalau kita boleh bersetuju, sepakat satu negara bersetuju supaya anak-anak memelihara ibu bapa yang sudah tua, warga emas, fasal sekarang ini umur 80, 90 pun kuat, cergas. Yang nyanyuk ini bukan kerana apa, kerana dia kurang mengambil bahagian di dalam- orang yang dalam menghafal Al-Quran ataupun menghafal ayat-ayat pendek untuk sembahyang, mengaji dan sebagainya, mereka ini tidak nyanyuk.

Walaupun mereka tinggal di kawasan pedalaman, dia melihat kitab, sentiasa baca. Orang yang banyak membaca, untuk maklumat Ahli-ahli Dewan semua, dia tidak akan nyanyuk. Kalau nyanyuk, *pi* letak di pusat penjagaan warga emas ini, orang yang jaga pun pening. Fasal bila nyanyuk ini, bukan dia nyanyuk tak ingat sahaja. Dia akan buat perkara-perkara yang aneh, yang menjijikkan, kita kadang-kadang- kadang- tak payahlah saya sebut di dalam Dewan ini lah. Kita faham dia sudah menjadi macam kanak-kanak. Warga emas ini bila dia dewasa, dia nyanyuk, dia akan jadi macam kanak-kanak. Dia akan buat kerja-kerja yang menjijikkan, itu yang anak-anak banyak masukkan ke tempat-tempat ini seperti sampah.

Jadi, kita kena banyak melatih ibu bapa kita untuk membaca, mengaji dan sebagainya. Lihat kitab-kitab, mungkin kita tak akan ada masalah ini. Akhirnya, rang undang-undang ini diluluskan tetapi tak ada orang mohon untuk buka pusat penjagaan warga emas. Jadi, dengan itu, saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih banyak-banyak Tuan Yang di-Pertua.

#### ■1550

Terima kasih banyak-banyak kepada Yang Berhormat Menteri yang telah membentangkan dan saya mendoakan supaya kuranglah dibuka pusat-pusat penjagaan ini kerana saya mahu melihat rakyat kita menjaga ibu bapa mereka dengan sendirinya tanpa menghantar ataupun *abandon*, dengan izin, ibu bapa di pusat-pusat penjagaan. Sekian, *wabillahitaufik walhidayah, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Walaikumussalam*. Ya itu pandangan bernas daripada Yang Berhormat kita Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin Samad. *Chairman* kita ya. Terima kasih banyak. Jadi supaya kita lebih sayang kepada ibu bapa kita. Jadi itu pandangan beliau yang benar dan baik untuk kita fikir bersama-sama ya. *Thank you*, Dato' Sri.

Saya panggil pula Yang Berhormat Senator Hajah Azizah binti Harun. Silakan.

#### 3.50ptg.

**Puan Hajah Azizah binti Haji Harun:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya bagi membahaskan Rang Undang-undang Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Warga Emas Swasta 2017.

Tuan Yang di-Pertua, sekalung tahniah dan ucapan terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dan pegawai-pegawai Kementerian Kesihatan kerana pembentangan rang undang-undang ini.

Untuk meringkaskan perbahasan ini ada tiga persoalan yang ingin saya kemukakan dalam rang undang-undang ini. Pertama, mengenai tanggungjawab orang yang diberi lesen dan syarat yang diberi akan dikenakan terhadap pekerja yang menyediakan makanan halal dan pematuhannya kepada isu keselamatan dan penyediaan makanan untuk penghuni yang berdaftar dengan pusat jagaan ini. Saya dapati dalam rang undang-undang ini kementerian tidak menyatakan secara jelas mengenai tanggungjawab mengenai peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi operator berlesen ini untuk mematuhi tata kelola perundangan dan pematuhan.

Isu kedua, mohon kementerian berikan penjelasan dalam mengenai peraturan-peraturan penggunaan ubat-ubatan persendirian, penggunaan ubat-ubatan tradisional atau perubatan alternatif bagi mengelak caj-caj yang tidak berpatutan dan mahal.

Ketiga, apakah mungkin perkhidmatan doktor pelawat peribadi secara ketetapan kementerian untuk membenarkan penggunaan profesional yang didaftarkan dalam Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2016 turut sama dapat digunakan oleh waris? Bagaimanakah kerajaan menangani isu ini?

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon menyokong rang undang-undang ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Senator Hajah Azizah. Akhir sekali kita jemput pula Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah. Silakan.

### 3.53 ptg.

**Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya bukan perbahasan. Saya cuma ada dua atau tiga soalan berkaitan dengan rang undang-undang ini.

Pertama, ia bukan secara soalan spesifik tapi soalan *general* bukan sahaja untuk rang undang-undang ini tetapi juga untuk *care centre*. Kalau kita tengok *definition of residential care, day care* dan sebagainya. Hanya mereka atau pusat-pusat yang ada lebih daripada empat atau lebih penghuni perlu mohon lesen. Ini / cuma hendak tahu kenapa ada *cut of figure* empat? Mungkin ada sebab tapi ini secara *general* / hendak tahu kenapa dia pakai empat bukan tiga dan sebagainya? Apakah rasional untuk- *maybe* tak ada rasional lah / tak tahu lah tapi / cuma hendak tahu kalau ada rasional, apa rasional untuk empat?

Mengenai rang undang-undang ini saya cuma ada dua soalan ya. Pertama, kalau kita tengok fasal 4(2) dengan fasal 10(1). Kalau kita tengok fasal 4(2), fasal 4 dia berkenaan dengan permohonan, fasal 4(2) ia membenarkan permohonan daripada *corporate bodies*, daripada badan-badan berkanun. Dibenarkan untuk mengendalikan pusat jagaan dan sebagainya.

Soalan saya ialah berkaitan dengan 10(1). Kalau kita tengok 10(1), pemegang lesen itu dia tidak boleh memindahkan atau menyerahkan hak kelulusan lesen itu tanpa kelulusan daripada Ketua Pengarah terlebih dahulu. Itu disyaratkan di bawah 10(1).

So soalan saya, berkaitan dengan badan-badan berkanun di mana *share* tukar. Bila dia tukar dia punya *shareholding that means* sama ada dia jual dia punya *shareholding* atau pemegang saham



baharu yang beli syarikat itu, adakah dia perlu memohon kebenaran daripada Ketua Pengarah sebelum *the transfer of shares*? Fasal biasanya kalau kita tengok dari segi *Companies Act* atau *Partnership Act* tak perlulah.

Akan tetapi *if there is a change in shareholding* dan dia tidak mohon kebenaran sebelum itu, adakah ertinya lesen itu atau kelulusan itu akan batal macam itu? Oleh sebab *there is a change of a shareholding*. Walaupun nama syarikat itu mungkin sama nama, *if there is a change in shareholding* tanpa permohonan adakah secara automatik akan dibatalkan? Itu satu soalan saya.

Soalan yang kedua saya ialah ada sebenarnya dia implikasi Rang Undang-undang Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Warga Emas atas Akta Pusat Jagaan 1993- implikasi rang undang-undang ini atas pusat jagaan dan juga implikasi Akta Pusat Jagaan atas rang undang-undang ini. Biar saya jelaskan.

Kalau kita tengok implikasi rang undang-undang ini atas pusat jagaan dia *clear*. Fasal kalau kita tengok fasal 53 rang undang-undang ini dia ada *specific provisions* berkenaan dengan *transitional provisions* di mana selepas rang undang-undang ini dikuatkuasakan, *care centre* itu secara automatik tak payah mohon akan dianggap sebagai- *deem to be registered* di bawah akta ini. *At least* untuk tempoh lima tahun *and* dalam tempoh lima tahun itu dia kena mohon lesen. So dari segi implikasi rang undang-undang ini kepada pusat jagaan memang tak berapa serius fasal ada *transitional provisions*.

Akan tetapi *concern* saya ialah implikasi Akta Pusat Jagaan ke atas rang undang-undang ini. Contoh kalau kita tengok, untuk *accommodate* rang undang-undang ini- selepas ini kita akan bahas Akta Pusat Jagaan. /tengok ada dua pindaan atau tiga pindaan dalam Akta Pusat Jagaan untuk *accommodate* rang undang-undang baharu ini, dia mencadangkan pindaan kepada seksyen 2, dan juga seksyen 3. Di seksyen 2, dia pinda Akta Pusat Jagaan supaya warga emas dikeluarkan dalam tafsiran itu. Juga seksyen 3 di mana pusat- dia mengecualikan perkhidmatan warga emas dalam *definition care centre*.

Isu saya ialah dengan satu seksyen baharu yang akan dimasukkan ke dalam *care centre* ini dalam Akta Pusat Jagaan. Walaupun dia lain kementerian tapi implikasi seksyen 11B yang dicadangkan. Seksyen 11B adalah satu seksyen yang baharu yang akan dimasukkan dalam Akta Pusat Jagaan. Implikasi dia ialah dengan ada seksyen 11B- tadi kita tengok warga emas sudah dikeluarkan daripada *Care Centres Act*. Sudah dikeluarkan melalui seksyen 2 dan juga seksyen 3, *Care Centres Act*- pindaan baharu kepada *Care Centres Act*. Akan tetapi dengan adanya seksyen 11B dalam Pusat Jagaan 1993, penghuni itu ada pilihan. Sama ada dia hendak masuk ke *care centre* atau dia akan pergi bawah pusat jagaan warga emas. Pada saya sekarang dia ada pilihan.

#### ■1600

Fasal kalau kita tengok 11B, macam saya cakap tadi walaupun 11B bukan di bawah Kementerian Kesihatan, implikasi dia pengendali pusat jagaan berdaftar boleh menerima masuk mana-mana orang yang berumur 60 tahun ke atas. *First* kalau kita tengok seksyen 2, seksyen 3 dia tidak boleh. Akan tetapi dengan seksyen 11B ini, dia boleh. So, *care center* pun boleh. Maksud saya kalau *care center* boleh terima warga emas lebih daripada umur 60 tahun, dan ini sudah *defeat* objektif utama kenapa kita ada rang undang-undang ini.

Antara lain, kalau *you* tengok satu kita hendak *regulate industry old folk homes* itu, kita hendak *regulate industry*, satu objektif yang bagus. Untuk *regulate industry*, kita hendak keluarkan dia dari *Care*

*Centre Act*, fasal *Care Centre Act* ini terlalu luas. Akan tetapi dengan adanya 11B, saya rasa esok akan berlaku percanggahan antara Kementerian Kesihatan dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

So, pada saya- cadangan saya ialah kita tidak boleh ada satu senario *either or*. Pada saya orang *above* 60 tahun, *either* dia kena letak bawah sini atau *care center*. Tidak boleh ada dua. Ini cadangan saya. Saya harap kementerian akan lihat implikasi pindaan kepada Akta Pusat Jagaan ke atas rang undang-undang ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Chandra yang memberi pandangan yang baik dan tepat. Sepanjang ini kita dapat tahu betapa pentingnya kita menjaga ibu bapa kita, kebajikan dia, masa depan kita jaga semasa kita hidup ini. Ingatlah orang tua. Saya memesankan dia kata.

*Bukannya Melayu bukannya Boyan,  
Anak haruan dalam lumpur,  
Biar kita menangis dalam buaian,  
Jangan kita menangis dalam kubur.*

Itu maksud dia. Jagalah baik-baik. Buatlah kebaikan untuk ibu bapa kamu. Jangan kita menangis dalam kubur, dia kata. Baik, sekarang saya minta pula- semua sudah menjawab lebih kurang 20 orang Ahli-ahli Yang Berhormat bercakap hari ini. Respons sangat baik, bagus. Saya senang hati dan isi-isi bernas dan baik untuk kita kaji dengan bantuan kita.

Sekarang saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

#### 4.02 ptg.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Walaikumussalam.*

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Warga Emas Swasta 2017.

Tuan Yang di-Pertua, saya catat semua yang nama-nama yang telah pun mengambil bahagian. Setakat ini yang saya tercatat 17 orang semuanya. Saya tidak bercadang untuk pergi satu persatu kerana untuk menjimatkan masa, saya bercakap secara *general* dan menyentuh sedikit tentang isu-isu yang perlu saya sentuh.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat asas kenapa kita hendak tubuh, hendak adakan akta ini, pertamanya Malaysia akan menuju ke arah penuaan seperti yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, kita akan menjadi negara tua apabila jumlah penduduk kita 15 peratus menjadi lebih daripada 60 tahun. Kalau Jepun, 65 tahun. Jepun sekarang pun sudah menjadi 27 peratus kalau diambil kira 65 tahun ke atas. Maknanya Jepun lebih- sudahlah tua, lebih lama daripada kita.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang kita dikawal oleh masalah pusat-pusat jagaan ini dikawal oleh dua akta iaitu Akta 506 ini di bawah kementerian wanita, sudah ada 341 pusat yang telah didaftar di bawah undang-undang itu. Manakala Akta 586 di bawah Kementerian Kesihatan, yang itu cuma ada

21 pusat yang didaftar di bawah akta ini. Ini kerana di bawah jagaan wanita dia campur Akta 506 semua sekali lah termasuk yang untuk latihan, pemulihan dan sebagainya. Macam-macam campur. Umur tidak kira.

Manakala yang Akta 586 Tuan Yang di-Pertua di bawah Kementerian Kesihatan, ia amat *strict* sedikit, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, jadi tidak ramai yang berdaftar di bawah akta itu. Memandangkan untuk masa depan kita, memang kita perlu suatu akta baru untuk kita kawal pusat-pusat ini. Ini kerana sudah ada lebih kurang 1,000 pusat-pusat jagaan warga emas ini yang tidak berdaftar. Ia tidak ada kawalan langsung dan kita tidak tahu hendak kawal, tidak ada undang-undang, jadi tidak boleh hendak kawal.

Baru-baru ini berlaku di Kajang pada 13 Disember, terbakar- empat orang meninggal. Jadi sebab tiada piawai maka tidak ada kawalan. Jadi kita tidak mahu insiden-insiden ini berlaku lagi sebab itu kita perlukan satu akta yang baru ini.

Akta baru ini dia- kalau ikut apa yang kita sudah bincang tadi, ia ada beberapa- kawalan. Ia tidak begitu *strict* kalau bandingkan dengan Akta 586 dan tidak begitu longgar sangat kalau dibandingkan dengan Akta 506. Jadi ia antara kedua-duanya sekali. Saya harap dan kita kerajaan harap supaya akta ini dapat berjalan dengan lancar dan mendapat sokongan daripada rakyat Malaysia seterusnya. Memang kita perlu sangatlah.

Dalam hal penuaan ini Tuan Yang di-Pertua, memanglah ia ada *special*. Mereka yang- kita lah yang sudah lebih daripada 60 tahun ini memang ada masalah-masalah kita sendiri. Penyakit NCD, contohnya penyakit yang tidak berjangkit ini memang banyak lah. Penyakit kencing manis, darah tinggi, strok, kanser dan sebagainya memang banyak berlaku di kalangan warga tua ini. Kalau dilihat statistik yang ada di Kementerian Kesihatan, kematian berlaku 73 peratus di hospital kerajaan adalah akibat daripada penyakit NCD, penyakit tidak berjangkit.

*On top of that*, Tuan Yang di-Pertua- selain daripada itu kita juga, warga emas menghadapi masalah lain lah, contohnya masalah ortopedik. Apabila jatuh patah tulang paha, patah *back-ridden* dan sebagainya, patah tulang belakang. Ini juga menyebabkan mereka memerlukan bantuan.

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, dalam hal hendak tubuhkan pusat-pusat jagaan warga emas ini ada dua. Pertamanya yang boleh berdikari sendiri, maknanya dia boleh jaga diri sendiri cuma dia perlu tempat perlindungan, tempat jagaan. Kedua, masalah yang tadi mereka yang perlu bantuan maknanya mereka *back-ridden*, tidak boleh hendak berjalan sendiri dan sebagainya, ini perlu- ini satu kategori yang kedua. Maknanya ada dua kategori di situ.

Di dalam hal ini ada syarat-syarat yang telah ditetapkan dan ada banyak perkara yang dibangkitkan tadi. Jadi saya hendak sentuh sedikit-sedikit lah kerana kalau saya hendak sentuh semua panjang dan memakan masa mungkin sejam atau dua jam. Jadi saya sentuh sedikit-sedikit.

Tentang Yang Berhormat Senator Engku Naimah. Beliau yang mula-mula sekali bercakap, dia banyak modal dan banyak poin dan dia sebut tentang kenapa hadkan kepada- kalau tiga orang ke bawah tidak perlu dapatkan lesen contohnya. Ini, kalau keluarga masing-masing tidak perlu lesen, kalau dua- macam kalau kita ambil katakan kita ambil contoh Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor contohnya. Dia ada emak mertua, bapa mertua dia hendak jaga, okey lah. Akan tetapi tiba-tiba

dia dapat emak mertua baru dan bapa mertua baru, hendak duduk sekali, okey *no problem*. Boleh, boleh tidak perlu lesen. Maksudnya kalau dia hendak jaga dua-dua sekali, dua-dua pasang sekali okey.

Akan tetapi kalau lebih daripada itu dan bukan keluarga sendiri perlu lesen. Kalau keluarga sendiri tidak perlu lesen. Akan tetapi saya yakin tidak ramai yang akan kumpulkan semua keluarga dalam satu rumah hendak jaga, tidak mungkin berlaku.

Akan tetapi apa yang disebut ialah bahawa kalau yang bukan keluarga, kena lesen. Lesen Tuan Yang di-Pertua, prosedurnya agak ketat sedikit. Kita perlu dapatkan kelulusan dahulu, minta kelulusan dahulu daripada Kementerian Kesihatan dan Kementerian Kesihatan akan beri garis panduan. Garis panduan pun tidak disebut di sini, dalam akta ini tidak disebut, kita buat peraturan kemudian untuk dia ikut dan selepas itu mendapatkan kelulusan daripada PBT dan selepas itu barulah diturunkan lesen dan kita pergi *check* lagi, okey baru kita keluarkan lesen.

#### ■1610

Memang saya yakin ramai yang akan membuat permohonan dan akan- jadi, dalam hal pentadbiran ini Ketua Pengarah Kesihatan boleh lantik ejen-ejen untuk mereka pergi membuat pemeriksaan dan ejen ini akan buat laporan balik kepada kementerian dan barulah dapat kelulusan. Maksudnya Ketua Pengarah boleh melantik ejen-ejen untuk membuat kerja-kerja ini.

Jadi tentang detilnya Tuan Yang di-Pertua, tentang kelulusan detil tentang premis bagaimana, di mana, adakah di tempat perumahan ataupun luar, asing daripada kawasan perumahan, ini semua akan dimasukkan di dalam peraturan Tuan Yang di-Pertua. Jadi ia tidak ada detil di sini, dalam peraturan.

Contohnya, kalau rumah itu pintu bilik air kena ada kunci atau tidak ada kunci, lantai dia kena sama atau tidak, takut kalau jatuh patah pula dan sebagainya. Jadi maksudnya ini semua akan dimasukkan di dalam peraturan Tuan Yang di-Pertua. Kita akan ada *consultation* dengan pihak PBT dan juga pihak *stakeholders* dalam perkara ini. Termasuk juga fi, fi pun kita tidak sebut dalam akta ini dan itu pun juga kita akan berunding dengan pihak *stakeholders* dan semua pihak yang terlibat.

Begitu juga bayaran. Bayaran pun tidak sebut juga dalam akta ini. Bayaran untuk tiap-tiap warga emas yang masuk ke pusat masing-masing, warga emas ini tidak ada juga sebut. Ini juga akan kita rundingkan dan buat permulaan Tuan Yang di-Pertua, kita biarkan *market forces* macam Menteri cakap *market forces*, tengok bagaimana dia caj. Kalau terlampau tinggi sangat kita akan buat peraturan pula. Macam berlaku hari ini di amalan perubatan swasta contohnya, kita sudah ada kawalan. Sudah ada peraturan, ada kawalan, ada *shed fee schedules* yang telah ditetapkan dan mereka tidak boleh caj lebih daripada yang telah ditentukan.

Prosedur macam katakan *appendix operation* RM3,000 maka RM3,000 sahaja, pihak mereka tidak boleh caj lebih. *Consultation* dan prosedur tidak boleh caj lebih tetapi yang lain-lain, caj bilik dan semua itu tidak kawal. Maksudnya kalau berlaku sampai peringkat di mana kos bayaran terlalu tinggi sangat maka kita akan buat peraturan masa itu, sekarang tidak perlu lagi.

Yang Berhormat YBM. Engku Naimah tentang kenapa denda terlalu tinggi sangat bila berlaku tentang ini? Ini sebenarnya denda yang maksimum, denda yang maksimum. Terpulang kepada hakimlah, kalau hakim hendak denda kurang daripada itu, itu terpulang kepada hakim. Akan tetapi denda yang kita kenakan maksimum ialah tengok terpulang kepada kes. Kalau kes hak tuan punya

pusat itu adalah individu denda dia kurang sikit, kalau korporat ataupun badan-badan berkanun mungkin dia kena denda lebih tinggi sikit daripada itu.

Kenapa bukan warga emas boleh masuk dalam pusat ini? Mungkin sebab akta ini tentukan warga emas sahaja tetapi kenapa warga emas boleh juga dimasukkan? Ini telah macam saya sebut tadi ada seorang Yang Berhormat sebut tentang kalau suami dia 60 tahun lebih, isteri 58 tahun dia perlu jagaan bolehlah masuk sekali gus, jangan asingkan mereka.

Kemudian Yang Berhormat YBM. Engku Naimah juga bercakap tentang orang yang bertanggungjawab ataupun *person in charge* (PIC). Ini pun mereka, orang yang bertanggungjawab ini mereka hendaklah mendapatkan kelulusan, mereka *should undergo*, kena menjalani latihan di bawah modul sumber manusia yang telah ditetapkan, kita guna pakai yang itu. Makna mereka yang hendak jadi *person in charge* (PIC) mereka hendaklah ada skil yang telah di- latihan di bawah modul sumber manusia Tuan Yang di-Pertua. *Person in charge* ini boleh sesiapa sahajalah yang ada kemahiran. Ini termasuklah juga di bawah Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu, maknanya *Allied Health Sciences*, mereka pun boleh ada kelulusan, mereka juga boleh jadi *person in charge*.

Yang Berhormat Puan Hajah Rahemah binti Idris, sebenarnya Tuan Yang di-Pertua dalam hal jagaan warga emas ini kerajaan sendiri, Kementerian Kesihatan sendiri sudah ada program sebenarnya untuk jagaan kesihatan mereka, sudah ada program. Kita sudah ada pakar-pakar dalam bidang warga emas ini, di panggil sebagai pakar-pakar geriatrik. Kita sudah ada sembilan pakar di sembilan hospital dan mereka menjadi residen pakar tetapi pada masa yang sama mereka juga pergi melawat hospital yang lain. Makna tiap-tiap pakar dia ada tugas masing-masing, dia pergi melawat ke hospital-hospital yang lain.

Tentang insurans, sekarang ini belum ada lagi insurans. Kita belum ada lagi insurans untuk penghuni-penghuni yang warga emas ini, belum ada lagi. Apa yang kita cuma hendak buat ialah tentang- sekarang sudah ada, kalau kita ikut statistik yang ada Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia ini kita ada hospital kerajaan yang 98 peratus ditanggung oleh kerajaan. Bayar RM1, bayar RM5 sahaja dan hospital swasta. Yang beli, yang ada insurans sendiri untuk perubatan dalam lebih kurang 20 peratus, yang *out of the pocket*, keluar duit poket sendiri 39 peratus dan yang lain bergantung pada kerajaan. Ini sudah ada dan sudah ada insurans. Selain formal dan tidak formal sudah ada insurans, itu peringkat kesihatan.

Pihak kerajaan kita cadang untuk hendak wujudkan *Voluntary Health Insurance* (VHI). Ini pun Kabinet sudah lulus cuma di peringkat awalan lagi dan kita tengah buat persediaan dan ia akan makan masa, Tuan Yang di-Pertua. Kita akan mula dengan pekerja-pekerja asing dulu yang berdaftar, dipanggil SPIKPA. Melalui SPIKPA itu kita akan galakkan mereka supaya mengambil insurans daripada yang kita akan masuk di bawah VHI ini. Maknanya *insya-Allah* premium akan lebih rendah dan *coverage* akan lebih tinggi sikit sebab kita tidak ambil untung Tuan Yang di-Pertua. Jadi setakat ini belum ada lagi insurans *coverage* untuk mereka tinggal di pusat-pusat warga emas, belum ada lagi insurans jenis itu Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim, yang ini kawan saya lama ini. Dia bercakap macam pakar perubatan. Jadi memanglah saya sebut tadi bahawa kita memang ada jagaan dan ada saringan. Tuan Yang di-Pertua, hari ini dalam hal saringan kesihatan kita sudah banyak buat.

Memang tumpuan kita kepada *primary care* dan kita tidak mahu yang ada penyakit terus mendapat *complication*. Jadi kita buat saringan lebih awal lagi.

Ini kita sudah buat program KOSPEN, Tuan Yang di-Pertua. Di mana kita sudah latih lebih daripada 40,000 sukarelawan seluruh Malaysia, di kampung-kampung, di bandar-bandar dan juga pegawai-pegawai KEMAS ada 11,000. KEMAS dan Rukun Tetangga ada 11,000. Jadi maknanya lebih 50,000 dan kita sudah buat saringan ke atas lebih daripada 700,000 masyarakat kitalah. Kita dapati ramai juga yang- ramai, bukan juga, memang ramai yang tidak tahu dia ada kencing manis, tidak tahu dia ada darah tinggi. Kalau kita dapati ada kes-kes begini kita terus rujuk kepada hospital yang terdekat dan dengan cara ini mereka mendapat *intervention* awal. Maknanya mendapat rawatan awal sebelum mendapat *complication*.

Tentang Yang Berhormat Datuk Paul Igai tentang hak milik, siapa yang boleh tubuh pusat warga emas ini. Dalam akta tidak sebut sesiapa pun. Cuma disebut kalau pihak 'A' sudah dapat lesen dia tidak boleh tukar atau *transfer* kepada pihak 'B', dia kena dapat kelulusan daripada KPK. Akan tetapi tentang kalau syarikat contohnya, lesen masih di bawah syarikat itu tetapi tuan punya syarikat, itu terpulang kepada ROS lah, dia hendak, ada orang lain hendak beli syarikat itu, dia beli dan dia tidak perlu dapat kelulusan daripada Pengarah Kesihatan kita. Ini juga tidak sebut tentang pengusaha asing. Makna pengusaha asing juga boleh wujudkan pusat warga emas ini.

▪ 1620

Tentang Datuk Lim Pay Hen tentang syarat-syarat. Ini syarat-syarat minima dan sebagainya untuk hendak menubuhkan Pusat Warga Emas ini. Ini akan dimasukkan di bawah peraturan Tuan Yang di-Pertua, atau tidak masuk di bawah akta tapi akan masuk di bawah peraturan. Ia akan makan masa sedikitlah untuk hendak buat peraturan ini dan pusat jagaan warga emas ini adakah mengutip keuntungan. Yang ini, itulah saya sebut tadi, awal tadi kadar bayaran kita tidak tentukan, ini terpulang kepada *market forces*.

Makna kalau pusat itu dia *charge* tinggi sangat, mungkin orang tidak pergi ke tempat dia. Warga emas yang ada penyakit mental, ini tidak boleh letak di situ. Kena letak di bawah institusi yang ada. Kita sudah ada 4 buah pusat mental di Malaysia ini. Kita ada juga hospital-hospital yang ada wad penyakit mental dan kita ada juga klinik-klinik dekat, lebih 500 klinik yang menawarkan khidmat penyakit mental ini. Jadi, kalau masuk ini tempat warga emas ini, kacau bilau habis semua orang. Sebab itu kita tidak bolehlah masukkan warga emas yang mental ke dalam pusat warga emas ya.

Yang Berhormat Senator Datin Rahimah sebut perkara yang sama, jadi saya tidak payah sebutlah ya.

Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing- tentang pertanyaan spesifik berapa pusat jagaan di Sarawak. Ini kita tidak ada rekod. Saya sebut tadi pusat jagaan warga emas ini dia ada yang sendiri-sendiri, ada yang di bawah kementerian, di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Akta 506 di bawah Kementerian Kesihatan di bawah Akta 586. Ini kita tidak ada *list* spesifik. Kalau hendak juga saya akan dapatkan jawab secara bertulis ya. *Insya-Allah* ya.

Tentang hospital khas- saya sudah sebut tadi bahawa memang kita tidak ada hospital khas untuk geriatrik untuk orang dewasa tapi kita ada pakar-pakar yang dalam bidang ini dan mereka masuk ke hospital biasa dan diberi rawatan khas oleh pakar-pakar geriatrik Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing juga sebut tentang skim insurans. Yang ini saya sudah sebut tadi bahawa setakat ini tidak ada insurans *coverage* kepada *geriatric cases* Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin S.M Omar bercakap tentang piawai, tentang standard dan piawai. Ini saya sudah sebut tadi. Yang *detail*-nya seperti yang saya sebut akan dimasukkan di bawah peraturan ya, di bawah, dalam peraturan yang kita akan buat.

Yang Berhormat Senator Dr. Zaidi Suhaili, ini juga tentang peraturanlah, tentang syarat-syarat yang akan diletakkan tentang keselamatan, kebakaran, pengudaraan dan sebagainya. Ini akan dimasukkan di dalam peraturan ya, Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty. Ini tentang rawatan ke rumah kediaman. Kenapa kerajaan tidak sediakan perkhidmatan ke rumah. Sebenarnya sudah ada Tuan Yang di-Pertua. Kita ada Program PPD ya, perubatan domisilari makna kita hantar pasukan kita ke rumah. *Follow-up* kalau mereka, bukan semua, tidak menyeluruh lagi Tuan Yang di-Pertua, kita ada negeri-negeri yang kita sudah adakan program ini. Kita hantar, kita sediakan daripada klinik kesihatan, pasukan ini pergi lawatan rumah ke rumah. Selepas mereka dapat tahu ada kes ataupun dibagi tahu ada kes yang disahkan daripada rumah dan mereka akan pergi, sudah ada. Ini.....

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Tuan Yang di-Pertua, boleh tanya sikit.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Ya.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Terima kasih. Minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Tanya sikit ya. Bila pesakit yang warga emas ini, ini yang sakit ya, bukan yang tidak sakit. Dia keluar daripada hospital atau discaj sebab biasanya yang sakit kronik ini doktor bagi pilihan sama ada hendak *stay* di hospital atau hendak balik dekat rumah.

Saya minta kalau boleh kementerian, dia ada rekod, saya hendak biar ada rawatan seperti mana di wad juga. Biar ada *follow up*. Saya rasa tidak ada doktor pun, MA pergi dekat rumah dan yang kedua saya hendak tanya kadang-kadang selain daripada rawatan doktor, NGO juga perlu membantu kerajaan untuk membantu pesakit-pesakit warga emas yang sakit ini. Kadang-kadang Pengerusi Lembaga Pelawat Hospital pun kena bantu juga kerajaan dan berkaitan dengan ini saya difahamkan jawatan Yang Berhormat Ahli Parlimen sudah tidak boleh pegang Pengerusi- PLP iaitu Pengerusi Ahli Lembaga Pelawat Hospital ini.

Jadi kalau bagi orang lain, macam mana hendak bantu. Kalau Yang Berhormat boleh memegang jawatan ini lagi bagus, boleh bantu, boleh membantu kerajaan dan kebanyakannya pengerusi-pengerusi- PLP ini berpihak kepada kerajaan. Jadi kalaulah benda ini ada dalam peraturan, saya minta buang peraturan ini. Biar Pengerusi ALP ini dibenarkan, diberi kebenaran kepada ADUN atau Yang Berhormat Ahli Parlimen sebagai membantu pesakit-pesakit warga emas ini. Jadi saya minta penjelasan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Lah. Dia ini, dia banyak, macam-macam soalan dia buat.

Ya, memang yang saya sebut tadi kita ada program domisilari ini makna pasukan daripada klinik yang dekat pergi melawat pesakit yang discaj daripada hospital dan mereka akan buat rawatan yang perlulah. Pada masa yang sama kita ada juga N-BOS 7 iaitu program lawatan ke pusat jagaan.

Ini juga daripada hospital ataupun di klinik pergi pusat, melawat pusat rawatan, pusat jagaan warga emas ini, sudah ada ya.

Tentang Yang Berhormat Datuk Lah tanya tadi tentang Lembaga Pelawat Hospital ini. Memanglah peraturan sekarang macam itulah. Ahli Parlimen tidak boleh, termasuk Yang Berhormat Senator lah tidak boleh jadi Ahli Lembaga Pelawat. Yang Berhormat Datuk Lah dia jadi Pengerusi Lembaga Pelawat- Pengerusi Lembaga Pelawat Hospital Pasir Mas. Tidak boleh, marah kan saya...

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Saya minta peraturan itu kita buat, bukan Perlembagaan Tuan Yang di-Pertua. Minta Yang Berhormat Menteri pindahkan benda ini supaya bagi *mileage* kepada Kerajaan Barisan Nasional. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahya:** Sudah dia tanya, jadi saya sudah dapat maklumat tentang, sekarang ini memanglah, kalau ikut peraturan yang ada lah, memang Lembaga Pelawat dia tidak boleh Ahli Parlimen ataupun Yang Berhormat Senator lah. Yang ini bolehlah kalau Yang Berhormat Senator Datuk Abdullah tulis surat kepada Yang Berhormat Menteri, *copy* kepada saya, saya boleh bincang balik dengan Yang Berhormat Menteri sama ada kita patut buat beri kelonggaran supaya Ahli Parlimen juga boleh jadi Ahli Lembaga Pelawat hospital-hospital kita.

Tentang pendekatan bersepadu. Ini Yang Berhormat Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty cakap tentang program keharmonian. Ini juga boleh dimasukkan, boleh kita bincang antara pihak kementerian dengan pihak *stakeholders* lah. Maknanya kita *include* sekali JAKIM dan sebagainya, Wakaf, badan-badan wakaf masuk sekali dan bagaimana kita boleh bantu supaya warga emas kita dapat *last days of their life* dapat juga pengetahuan agama dan program-program keagamaan, Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail bercakap tentang lawatan anak-anak ke pusat-pusat ini. Ini boleh dirunding dengan pusat itu sendiri dan lain-lain isu ialah tentang benda yang sama jugalah, tentang keselamatan, tentang syarat-syarat ini semua akan ditentukan di bawah peraturan. *Fees* juga akan ditentukan di bawah peraturan dan sebelum saya sebut tadi kalau sebelum kita tetap, tentukan *fees*, kita akan bincang dengan *stakeholders* Tuan Yang di-Pertua, termasuk juga yuran dan sebagainya, tempat. Ini semua akan kita masuk dalam peraturan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah, ini tentang lawatan ke rumah juga saya sudah sebut. Tentang caj jangan melebihi sangat. Memanglah, ini semua, kelulusan semua sudah ada saya sebut ya.

Yang Berhormat Senator Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah, ini pun kawan saya lama ini. Beliau bercakap tentang masa depanlah, masa depan TN50.

#### ■1630

Ini semua kita kena buat persediaanlah untuk masa depan kita. *We expect* kita punya warga kita akan menjadi tua lebih cepatlah macam Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin Samad cakap tadi dia kahwin lambat. Sekarang ini trend kahwin lambat. Jadi maknanya anak kurang dan jumlah peratusan penduduk kita akan lebih cepat menjadi tua Tuan Yang di-Pertua. Tentang kos, tentang modul latihan semuanya kita letakkan di bawah peraturan, Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff juga bercakap macam Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty tentang pembimbing agama. Ini memang juga kita



tidak perlu masuk dalam akta tetapi kita bincang di peringkat peraturan. Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhammad bin Mustafa tegur tentang Jadual Kedua ini tidak masuk pembimbing agama. Kita tidak masukkan, kita masuk dalam peraturan Tuan Yang di-Pertua ataupun kita boleh bincang terus dengan pihak-pihak *stakeholders* ini.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah binti Haji Harun bangkitkan tentang perkara saya kira penting tetapi semua disebut. Cuma Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah binti Haji Harun sebut tentang makanan orang dewasa ini. Ini pun kena mendapatkan nasihat daripada *dietitian* kita yang ada tentang apa yang sesuai untuk warga emas, apa yang tidak sesuai. Warga emas tentulah dia perlu banyak kalsium Tuan Yang di-Pertua. Kalau kurang kalsium, makanan dia kurang kalsium tulang dia jadi rapuh. Apabila dia jatuh, tulang mudah patah. Sudah patah pula, dia susah, lambat dia hendak baik.

Ubat-ubatan. Ini pun perkara yang tidak disebut dalam akta tetapi perlu disebut dalam peraturan-peraturan tentang ubatan-ubatan mereka yang ada ubat masing-masing. Jadi kena bawalah ke pusat jagaan ini supaya dia boleh terus dengan ubat yang sama. Jangan dia makan ubat lain, dia pergi ke pusat jagaan kemudian dia bawa ke klinik lain, dapat ubat lain. Ini akan menjadi masalah Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah ini tentang kesan akta kepada pusat-pusat jagaan dan kesan pusat jagaan kepada akta. Saya pun hendak *confuse* sedikit tadi. Kalau akta memang *very specific*. Kita hendak kawal pusat-pusat jagaan ini. Akan tetapi apabila ada *confusion* dari segi had umur ini, sekarang ini di bawah akta yang ada memang tidak ada had umur. Macam Akta 506 tiada had umur. Akta 586 pun tidak ada had umur.

Akan tetapi *this is a great area* Tuan Yang di-Pertua di mana kalau kita hadkan mesti 59 tahun 11 bulan tidak boleh masuk ke pusat ini itu *great area*. Saya ingat kita kena ada fleksibiliti di situ Tuan Yang di-Pertua. Terutama sekali kalau suami isteri contohnya elok mereka kita jangan pisahkan. Jadi biar mereka bersama. Jadi kalau umur lebih kurang tidak apalah saya kira. Ini kita ada fleksibiliti di situ.

Saya ingat itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang mengambil bahagian. *Insyallah* saya harap semua akan sokong. Kemudian kita akan laksanakan akta ini. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya, Menteri Kesihatan kita yang telah menjawab dengan penuh padat dan ringkas. Segala perkara yang dibangkitkan oleh 20 orang Ahli Dewan Negara kita pada petang ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

**[Fasal-fasal 1 hingga 53 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]**

**[Jadual Pertama dan Jadual Kedua diperintah jadi sebahagian daripada rang undang-undang]**

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim) dan diluluskan]*

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PUSAT JAGAAN (PINDAAN) 2017**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**4.32 ptg.**

**Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Pusat Jagaan (Pindaan) 2017 untuk meminda Akta Pusat Jagaan 1993 dibacakan bagi kali kedua sekarang. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Pusat Jagaan (Pindaan) 2017 atau selepas ini disebut sebagai akta yang dicadangkan bertujuan untuk meminda Akta Pusat Jagaan 1993 [Akta 506]. Akta 506 telah digubal dan dibentangkan di Parlimen pada tahun 1994 untuk mengadakan pendaftaran, pengawalan dan pemeriksaan ke atas pusat jagaan mengikut standard dan peraturan yang telah ditetapkan. Akta tersebut telah diluluskan di Parlimen dan telah dikuatkuasakan di seluruh Malaysia mulai 1 Jun 1994.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Pada masa ini, selain daripada Akta 506, pusat-pusat jagaan di Malaysia juga dikawal selia oleh Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] di bawah bidang kuasa Kementerian Kesihatan Malaysia atau KKM.

#### **■1640**

Akta 586 mengawal selia dan mengawal kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta dan kemudahan dan perkhidmatan lain yang berhubungan dengan kesihatan. Walaupun Malaysia mempunyai dasar khusus untuk warga emas iaitu Dasar Warga Emas Negara yang telah digubal pada tahun 2011 untuk menjamin kesejahteraan warga emas, namun pada masa ini, tiada akta

khusus bagi penjagaan warga emas yang berusia 60 tahun ke atas. Ini adalah kerana kedua-dua Akta 506, dan Akta 586 memperuntukkan jagaan untuk semua peringkat umur.

Bagi memastikan pusat jagaan warga emas di Malaysia dapat dikawal selia dengan lebih rapi, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah bersetuju supaya satu akta khusus penjagaan kesihatan warga emas digubal iaitu Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Warga Emas Swasta 2017 yang telah dicadangkan dan diluluskan tadi. Dengan penggubalan akta baru ini, pengurusan pusat jagaan warga emas swasta kecuali institusi atau premis warga emas yang ditubuhkan, dikendalikan atau diuruskan oleh Kerajaan Persekutuan atau kerajaan negeri seperti Rumah Seri Kenangan, Rumah Ehsan serta perkhidmatan yang disediakan dikendalikan dan diuruskan oleh Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri akan dikawal selia oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, berikutan penggubalan Rang Undang-undang Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Warga Emas Swasta 2017 yang selepas ini disebut sebagai RUU KPJKWES, pindaan berbangkit iaitu *consequential amendment* terhadap Akta 506 juga perlu dibuat bagi memastikan keselarasan dari segi pelaksanaan dan penguatkuasaan bagi kedua-dua perundangan ini memandangkan Akta 506 terpakai kepada semua pusat jagaan tanpa meletakkan had umur seperti yang dimaklumkan sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, akta yang dicadangkan ini mengandungi empat fasal kesemuanya dan ingin saya menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada setiap fasal dalam akta yang dicadangkan seperti berikut.

Fasal 1 mengandungi “tajuk ringkas” akta yang dicadangkan dan kuasa Menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 506 untuk meminda takrif “*penghuni*” untuk mengecualikan jagaan orang yang berumur 60 tahun dan ke atas yang diletakkan di bawah RUU KPJKWES.

Seksyen 2 dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “*seseorang*” perkataan “*di bawah umur 60 tahun*”. Ini adalah kerana pusat jagaan swasta yang menerima masuk penghuni warga emas yang berumur 60 tahun ke atas kini akan berada di bawah bidang kuasa Kementerian Kesihatan sebagaimana yang dinyatakan di bawah rang undang-undang yang baru diluluskan sebentar tadi, yang dicadangkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Akta yang dicadangkan hanya akan terpakai kepada pusat jagaan yang menerima masuk penghuni di bawah umur 60 tahun sahaja.

Fasal 3 bertujuan untuk meminda seksyen 3, Akta 506 untuk memperuntukkan bahawa Akta 506 tidak terpakai bagi mana-mana kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta yang berlesen di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Warga Emas Swasta 2017. Sub fasal seksyen 3(e) dan (f) dipinda bagi membolehkan sub fasal seksyen 3(g) dimasukkan untuk mengecualikan premis swasta yang berdaftar di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Warga Emas Swasta 2017 yang didaftarkan di bawah Akta 506.

Fasal 4 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu iaitu 11B ke dalam Akta 506. Seksyen baharu 11B adalah bertujuan memberi kelonggaran untuk membenarkan pengendali pusat jagaan

berdaftar menerima masuk orang yang berumur 60 tahun dan ke atas sebagai orang yang diterima masuk untuk penjagaan di pusat jagaan berdaftar.

Penerimaan masuk itu hendaklah berdasarkan kriteria sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan akta yang dicadangkan selepas berunding dengan Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Warga Emas Swasta 2017. Kelonggaran ini diperuntukkan bagi membolehkan dalam hal tertentu, contohnya pasangan suami isteri boleh menerima penjagaan di kemudahan yang sama di bawah Akta 506 walaupun perkiraan umur salah seorang melebihi 60 tahun, tertakluk kepada kriteria yang ditetapkan seperti ramai Ahli Yang Berhormat tadi telah cadangkan.

Tuan Yang di-Pertua, secara kesimpulannya, susulan daripada penggubalan rang undang-undang yang telah diluluskan tadi di bawah Kementerian Kesihatan, Akta 506 juga perlu dipinda bagi mengelakkan sebarang pertindihan pelaksanaan perundangan di antara Akta 506 dan rang undang-undang yang baru diluluskan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, transisi daripada segi pendaftaran pusat jagaan ini tidak akan menjejaskan kebajikan warga emas dan pendaftaran pusat jagaan lain yang menerima penghuni di bawah umur 60 tahun. Pihak kementerian akan bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia dalam memastikan proses transisi pendaftaran dari Akta 506 kepada Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Warga Emas Swasta 2017 dilaksanakan dengan baik. Taklimat akan diberi kepada semua pengendali pusat jagaan yang berdaftar dan belum berdaftar di bawah Akta 506 dan juga NGO-NGO yang berkaitan bagi tujuan melaksanakan undang-undang ini kelak.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.** Ada yang menyokong?

**Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Wira Hajjah Mas Ermieyati binti Haji Samsudin:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pusat Jagaan 1993 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Silakan Yang Berhormat Senator Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim.

**4.48 ptg.**

**Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Sebelum saya mulakan perbincangan ini, saya mohon izin daripada Tuan Yang di-Pertua untuk mengalu-alukan kedatangan ataupun kehadiran Persatuan Kebajikan dan Sosial Tun Sambanthan, Sungai Siput iaitu datang dari negeri saya sendiri, negeri Perak ke Dewan Negara... [*Dewan tepuk*] Diharapkan lawatan ini akan memberi manfaat kepada tetamu yang hadir pada hari ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim:** Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional, juga kepada kementerian yang telah dapat membentangkan akta yang dinamakan untuk meminda Akta Pusat Jagaan 1993.

## ■1650

Perkara ini adalah begitu dekat sekali di hati saya kerana pertamanya, umur saya sudah pun sampai ke situ iaitu sudah melebihi 60 tahun. Sudah masuk ke, sering yang saya sebutkan, zon kurang selesa warga emas. Begitu juga saya yakin bahawa ramai di antara kita di sini, Yang Berhormat di sini yang juga dekat di hati berkenaan dengan akta yang sebegini.

Perkara ini sudah pastilah ianya menterjemahkan iaitu Kerajaan Barisan Nasional begitu mengambil berat berkenaan dengan memberikan kesejahteraan rakyat iaitu sehinggakan memberi peluang- saya amat tertarik hati iaitu memberi peluang kepada suami isteri melonggarkan syaratnya. Walaupun syarat ibunya meletakkan had umur 60 tahun tetapi boleh dilonggarkan syaratnya, boleh mereka duduk bersama. So, terima kasih sekali lagi saya ucapkan kepada kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, cuma yang membimbangkan saya iaitu setelah akta ini diluluskan nanti, supaya ianya tidak menjadi satu galakan kepada anak-anak untuk lebih cenderung menghantar kedua-dua ibu bapa mereka ataupun orang-orang tua mereka ke pusat-pusat jagaan swasta, kerana apa yang saya lihat iaitu di kebelakangan ini, ramai di antara anak-anak yang sudah cenderung. Bukanlah kata mengabaikan tanggungjawab tapi lebih berminat untuk menghantar ibu bapa mereka ke rumah-rumah penjagaan yang sebegini.

Oleh kerana dalam kaedah umur saya yang saya sebutkan tadi, maka di hati saya sendiri pun tidak suka untuk dihantar tinggal di tempat yang bukannya- ataupun kebarangkaliannya tidak boleh saya kecapai nilai kasih sayang untuk saya tinggal di situ.

Jadinya, dalam kaedah sebegini, kalaulah kita imbaskan kembali, berapa besarkah pengorbanan serta jasa ibu bapa yang telah pun menjaga kita ataupun anak-anak ini daripada sembilan bulan, sembilan hari di dalam perut, Tuan Yang di-Pertua, sehinggakan sampai masa untuk melahirkan hingga sanggup untuk melukakan darah daging mereka sendiri. Ada juga sabit daripada melahirkan anak-anak ini, kedatangannya malaikat maut ataupun diambil kembali ke rahmatullah ataupun kembali ke tempat asal. Maka, ini merupakan satu fenomena yang saya fikirkan agak kurang selesa.

Ini kerana bagi anak-anak, bahawa yakinlah sekiranya kita mengambil peluang untuk menjaga sendiri kedua-dua ibu bapa kita, maka *insya-Allah*, nikmat dan rahmat sudah pasti Allah turunkan. Janganlah kita katakan oleh kerana kesibukan sangat mengejarkan kerjaya, mencarikan ekonomi yang lebih sempurna hingga sudah tidak ada masa untuk menjaga kedua-dua ibu bapa. Apa yang saya lihat sendiri melalui pengalaman kehidupan sendiri, mana juga anak-anak yang menjaga kedua-dua ibu bapa, maka Allah akan mempermudah segala kehidupan mereka sama ada di dunia dan juga di akhirat nanti.

Jadinya, saya pun tidak mahu untuk berhujah panjang. Cuma, saya ingin bertanyakan satu soalan iaitu sama ada kementerian yang bertanggungjawab ada menyediakan usaha-usaha untuk menangani cabaran ataupun memberi galakan kepada anak-anak muda ini supaya mereka tidak cenderung kepada untuk menghantar kedua-dua ibu bapa mereka ke pusat-pusat jagaan swasta? Melainkan ada kebarangkaliannya iaitu anak tersebut juga menghadapi cubaan kehidupan iaitu mungkin mereka juga sakit, tidak mampu langsung untuk menjaga kedua-dua ibu bapa ini, maka itu agaknya bersesuaianlah dengan kaedah yang disediakan tempat penjagaan tersebut. Akan tetapi bagi mereka yang mampu, saya mencadangkan supaya kementerian boleh memberikan pandangan,

memberikan nasihat supaya mereka sedar bahawa tanggungjawab mereka kepada kedua-dua ibu bapa mereka adalah amat penting sekali.

So, itulah yang ingin saya sampaikan, Tuan Yang di-Pertua. Hari pun sudah agak lewat, kita pun jamuan 7.30 malam ya. Saya ingin mengambil kesempatan sebelum majlis nanti, saya nak mengucapkan- walaupun lewat ya, selamat hari jadi kepada Tuan Yang di-Pertua... [*Tepuk*] Dengan doa supaya terus sihat *walafiat* serta berjaya di dalam apa juga bidang kerjaya yang diceburi.

Dengan itu, saya menyokong rang undang-undang yang dibentangkan. *Wabillahitaufiq walhidayah, wassalamualaikum warahmatullaahitaala wabarakaatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Hamzah. Sekarang Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed, silakan.

#### **4.57 ptg.**

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkait dengan Rang Undang-undang Pusat Jagaan ini dan berkait juga dengan negara tua yang akan kita hadapi pada tahun 2035, 15 peratus warganegara Malaysia adalah warga emas, saya mohon untuk mendapatkan statistik daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berkait dengan pecahan warga emas pada tahun 2035 mengikut negeri jika ada. Jika dilihat kepada warga tua, warga emas di negeri-negeri, negeri manakah yang mempunyai peratus warga tua yang melebihi paras purata nasional dengan ketinggian yang ketara? Adakah purata antara negeri sama ataupun terdapat negeri yang mempunyai puratanya yang tinggi yang ketara?

Keduanya, yang menjadi kerunsingan saya adalah tahap keupayaan warga emas di Malaysia untuk membiayai usia emas mereka. Pada tahun 2035, bagaimanakah tahap keupayaan mereka? Berapa peratus kah rakyat Malaysia yang mempunyai tabungan kewangan yang sesuai untuk menampung hari tua mereka? Di samping persediaan kewangan, bagaimana pula persediaan masyarakat atau komuniti untuk menerima bilangan warga emas yang bertambah ini? Iaitu pertambahan ini adalah hampir dua kali ganda daripada yang kita ada sekarang. Saya mohon kerajaan memastikan masyarakat setempat, infrastruktur dan komuniti bersedia untuk menerima positif dan memastikan warga emas tidak merasa terasing, malah menjadi sebahagian daripada komuniti setempat. Bagaimanakah perancangan kementerian bagi memastikan situasi ini wujud pada tahun 2035?

Satu aspek penting adalah warga emas yang tidak berkemampuan. Saya yakin apa yang kita luluskan tadi melalui Rang Undang-undang Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta tadi adalah khusus untuk warga emas yang mempunyai dana kewangan yang cukup. Saya yakin majoriti rakyat Malaysia tidak mampu untuk membiayai perkhidmatan kesihatan swasta di hujung usia mereka.

#### **■1700**

Jadi bagaimana mereka kerajaan dalam jangkaan masa panjang iaitu 17 tahun daripada sekarang mempersiap siagakan negara untuk menyediakan perkhidmatan warga tua termasuk penjagaan kesihatan kepada majoriti rakyat yang tidak berkemampuan.

Seterusnya saya pergi kepada institusi penjagaan warga emas di bawah kerajaan. Di mana apa yang telah di sebut tadi oleh Yang Berhormat Menteri kita ada Rumah Sri Kenangan dan juga Rumah Ehsan. Sehingga September 2017 terdapat 1791 warga emas diberi jagaan di bawah institusi ini. Daripada jumlah tersebut saya ingin tahu pecahan mengikut kaum dan tanpa ada suatu skim khas kerajaan untuk warga emas tentu sekali institusi-institusi di bawah kerajaan akan menjadi tumpuan warga emas yang memerlukan.

Maka saya pohon kaedah-kaedah berkenaan seperti Kaedah-kaedah Pengurusan Rumah Orang-orang Tua 1983 dan Kaedah-kaedah Pengurusan Rumah-rumah Pesakit Melarat 1978 disemak semula secara menyeluruh dan di tambah baik. Kemudahan-kemudahan yang ditawarkan juga perlu diaudit agar sesuai dan setaraf dengan perkhidmatan yang ditawarkan oleh pihak swasta.

Begitu juga dengan Peraturan-peraturan Pusat Jagaan 1983 di bawah Akta Pusat Jagaan 1983 perlu disemak semula dan ditambah baik. Adalah menjadi tanggungjawab besar kerajaan memastikan rakyat menunaikan solat fardu lima waktu walau apa jua keadaan. Maka kerajaan perlu mengkaji segera ke arah keperluan membuat manual khas untuk menguruskan penjagaan warga emas yang beragama Islam khususnya daripada sudut pelaksanaan hukum fardu ain ke atas mereka seperti penjagaan taharah yakni bersuci dan pelaksanaan solat lima waktu.

Walaupun dalam keadaan uzur, seorang warga emas masih wajib mengerjakan solat fardu kaedah yang sesuai dengan keupayaan fizikal mereka. Keadaan ini memerlukan sesuatu kaedah yang khas bagi membantu warga emas yang beragama Islam menunaikan tanggungjawab fardu ain solat lima waktu. Jadi saya mohon kerajaan meneliti sekiranya perlu ada manual untuk penjagaan warga emas yang beragama Islam daripada sudut tersebut. Setakat itu sahaja. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid.

#### **5.02 ptg.**

**Dato' Isa bin Ab. Hamid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang dan peluang untuk saya dalam Perbahasan Rang Undang-undang Pusat Jagaan (Pindaan) 2017 yang dicadangkan untuk meminda Akta Pusat Jagaan 1993 yang telah dikuatkuasakan pemakaian sejak 1 Jun 1994.

Tujuan utama rang undang-undang ini digubal untuk mengadakan peruntukkan tertentu berkaitan dengan penubuhan dan penyelenggaraan pusat-pusat jagaan bagi menentukan kebajikan dan kesejahteraan penghuni-penghuni di pusat jagaan dengan terpelihara memandangkan peruntukkan sedia ada ketika ini tidak lagi dapat memenuhi keperluan semasa.

Perkembangan yang pesat dalam perkhidmatan sosial telah menggesa kerajaan untuk menilai semula peruntukkan yang ada dalam Akta 506 dengan memberi fokus utama kepada kumpulan warga emas. Usaha ini adalah untuk memastikan agar penghuni-penghuni pusat jagaan warga emas diurus secara maksimum dan optimum mengikut piawaian yang telah ditetapkan. Walaupun Malaysia mempunyai dasar khusus untuk warga emas iaitu Dasar Warga Emas Negara yang telah digubal pada tahun 2011 untuk menjamin kesejahteraan warga emas namun pada masa kini tiada akta khusus bagi

penjagaan warga emas yang berusia 60 tahun ke atas dan ke atas itu lah memandangkan akta sedia ada Akta 506 dan Akta 586 peruntukkan penjagaan untuk semua peringkat umur.

Tuan Yang di-Pertua saya ingin tanya kepada kementerian sekiranya akta ini dikuatkuasakan kelak jumlah pusat jagaan mungkin akan bertambah yang akan ditubuhkan orang perseorangan mahupun pihak swasta. Justeru bagaimanakah pihak JKM ataupun kementerian dapat memastikan bahawa pusat jagaan ini nanti dapat memenuhi kriteria yang telah ditetapkan dalam Akta 506 ini terutamanya dari segi perkhidmatan pusat jagaan tersebut?

Fasal 5(1) memperuntukkan bahawa perkara berkaitan pengendali dan penyelia bagi sesebuah pusat jagaan. Adakah mereka ini bersedia atau telah diberi latihan mencukupi dalam tatacara berkaitan pengendalian warga emas yang sentiasa merupakan kumpulan mudah rentan atau mudah merajuk, kecewa dan sebagainya. Program kesedaran dan pendidikan kekeluargaan adalah penting bagi memberi pendedahan kepada masyarakat tentang pengurusan emosi kepada anak-anak yang mempunyai ibu bapa yang berstatus warga emas.

Contohnya di negara China memperkenalkan undang-undang yang menetapkan bahawa kanak-kanak dikehendaki memberi sokongan emosi dan fizikal terhadap ibu bapa dengan melawat mereka sekerap mungkin. Sekiranya gagal membuat demikian, kemungkinan mereka didenda dan di penjara. Oleh yang demikian amalan ini juga wajar di ambil perhatian agar kebajikan warga emas sentiasa terpelihara tanpa pengabaian oleh mana-mana pihak terutamanya anak-anak dan waris keluarga.

Bagi warga emas yang tinggal bersama anak-anak di bandar, anak-anak mungkin akan dan boleh menghantar ke pusat jagaan harian atau bulanan. Namun apakah langkah kementerian untuk membela nasib warga emas yang tinggal di luar bandar. Mungkin ada mereka yang tinggal bersama anak yang berkebun, bersawah padi, nelayan atau menoreh getah dan terpaksa ditinggalkan bersendirian untuk menguruskan diri sendiri. Oleh demikian, kebajikan warga emas di luar bandar juga perlu diberi perhatian. Saya ingin bertanya, apakah langkah kementerian dalam melihat pusat jagaan luar bandar dan di kampung-kampung.

Tuan Yang di-Pertua umum di sedia maklum jumlah warga asing di negara ini kian meningkat pada setiap tahun. Peningkatan jumlah warga asing di negara ini turut menyumbang kepada peningkatan jumlah warga asing di negara ini. Sedikit sebanyak memberi impak kepada pengupayaan Malaysia untuk mendepani isu-isu warga emas terutamanya apabila mencapai status negara tua. Soalan saya kepada kementerian sejauh manakah undang-undang ini memberi perlindungan kepada warga emas asing yang berada dalam negeri ini?

Isu berkaitan gelandangan kota telah menjadi perbincangan banyak pihak dan sering dibangkitkan dalam media massa dan elektronik. Walaupun pelbagai kaedah dan pendekatan yang diambil oleh agensi kerajaan dan NGO. Ironinya, kehadiran gelandangan di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur masih menjadi pemandangan biasa pada waktu malam. Antara tempat menjadi pilihan utama gelandangan ialah sekitar Chow Kit, Menara Maybank, Jalan Pudu dan Masjid Jamek serta Jalan Tunku Abdul Rahman.

Menurut kajian yang dijalankan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pada tahun 2015 terdapat 1500 hingga 2000 orang gelandangan di Kuala Lumpur pada setiap hari. Berhubung dengan



perkara ini, bilakah kementerian dapat membantu golongan warga emas yang mungkin terpaksa menjadi gelandangan kota yang tiada tempat untuk bermalam dan berteduh?

Kesimpulannya, pindaan ke atas Akta Pusat Penjagaan 1993 adalah amat penting dan perlu untuk mempersiapkan negara dalam mencapai tahap negara tua menjelang 2030. Pindaan ini adalah signifikan kerana dapat memberi lebih perlindungan dan membela nasib warga emas yang dijangka mencecah 15 peratus pada masa yang akan datang.

Pindaan baru yang dimasukkan dalam Akta 506 ini dapat mencerminkan keseriusan kerajaan dalam memelihara dan melestarikan kehidupan warga emas selaras dengan aspirasi kerajaan melalui piawaian yang ditetapkan oleh Dasar Warga Emas dan Pelan Tindakan Warga Emas. Akhir sekali dengan ini saya menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Senator Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff.

**5.09 ptg.**

**Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua... [*Membaca sepotong doa*]

Saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Untuk meringkaskan perbahasan rang undang-undang pindaan ini saya ingin menyokong penuh pindaan yang dibuat dalam seksyen 4. Pindaan akta ini dengan memasukkan seksyen baru 11B dengan ketetapan yang pusat jagaan boleh menerima masuk warga emas yang berumur lebih dari 60 tahun berdasarkan kriteria yang ditetapkan dalam Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Warga Emas Swasta 2017.

Tuan Yang di-Pertua sebagai anak kelahiran negeri Kedah, saya di dalam Dewan Yang Mulia ini saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, kepada Kerajaan Malaysia kerana di negeri Kedah kita mempunyai satu pusat jagaan untuk warga emas di bawah kerajaan iaitu Rumah Sri Kenangan Bedong.

■1710

Ucapan terima kasih saya ini sebab rumah Seri Kenangan Bedong ini menempatkan ramai warga emas yang miskin, yang tidak mempunyai waris, yang tidak berpendapatan tetap. Paling terharu dua bulan lepas, ada warga emas ini hobi dia suka membela binatang. Dia minta hendak membela kambing dan dibenarkan, diluluskan. Kemudian pegawai-pegawai pula bertanya kepada kami, pemimpin-pemimpin siapa yang sudi hendak bagi kambing untuk dijaga oleh warga emas ini? Jadi kita himpun duit dapat beli dua ekor kambing dan dia dapat bela kambing.

Untuk makluman Yang Berhormat Menteri, terima kasih kerana memenuhi hobi, minat warga emas. Kita hendak cari kerajaan yang macam mana lagi? Sudah lah warga emas miskin, diambil, dijaga, di asuh, tiap-tiap bulan ada budak-budak universiti yang datang untuk memberi pelbagai keceriaan kepada warga-warga emas.

Seterusnya saya juga amat tersentuh dengan elaun yang baru ini diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia. Walaupun bagi kita sikit elaun kepada warga emas miskin kalau

dulu RM350 tetapi bajet baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak telah mengumumkan kenaikan RM50.

Oleh sebab apabila kita pergi menziarahi warga-warga emas yang agak daif ini, mereka selalu menyatakan bersyukur ada bantuan. Ada elaun sebanyak RM300 ini di mana sehari dia boleh bajet untuk dia makan RM10. Apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menambah lagi RM50, dia kata dia bersyukur ada lagi *extra* RM50. Jadi kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, saya hendak tanya satu lah. Tahun 2017 elaun kepada warga emas miskin ini RM350. Apakah persediaan kementerian kalau kita tengok tahun 2035, 15 peratus rakyat Malaysia yang akan dikatakan akan menjadi warga emas- kepada warga emas miskin ini, persediaan kementerian, persediaan kerajaan hendak bagi bantuan ini kepada warga-warga emas yang miskin.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak bertanyakan bantuan kepada warga emas yang lumpuh yang memerlukan penjagaan khas. Tuan Yang di-Pertua, persoalan yang ingin saya kemukakan kepada kerajaan dalam pindaan ini adalah apakah persediaan dan langkah-langkah yang perlu dalam hala tuju kerajaan untuk memastikan kehidupan warga emas tidak disisih oleh anak-anak dan kewujudan banyak pusat jagaan warga emas tidak akan merencatkan institusi kekeluargaan dan trend akauntabiliti anak-anak dan waris terdekat dalam menjaga kebajikan insan yang bergelar warga emas.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya hendak sentuh di sini kadang-kadang kita harap anak kita cemerlang- saya juga mengharapkan anak-anak saya cemerlang tetapi saya lebih berkeyakinan kalau kita harapkan anak kita cemerlang dan bukan setakat cemerlang tetapi boleh menjadi seorang insan yang hidupnya boleh berbakti kepada keluarga, kepada ibu bapa dan kepada masyarakat. Apa yang perlu ditekankan, di sini saya pohon bagaimanakah kementerian dapat memastikan bahawa isu kekeluargaan, kebertanggungjawaban anak-anak dan masyarakat kepada golongan warga emas dapat ditangani dengan baik?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri dan kementerian. Apakah perancangan kerajaan untuk membuat satu perancangan komprehensif bagi kos-kos yang mungkin akan terlibat apabila kita membantu dan menempatkan warga emas yang tidak mempunyai waris atau sebatang kara, jika terdapat keperluan mendesak untuk warga emas ini ditempatkan di pusat jagaan kesihatan?

Saya juga ingin mendapatkan penjelasan daripada kementerian, apakah dengan diwartakan Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Warga Emas Swasta 2017 ini, kerajaan dapat memperuntukkan sejumlah bajet bagi B40 yang berhasrat untuk menempatkan ahli keluarga warga emas di pusat jagaan ini. Ini kerana apabila berada di pusat jagaan ini, rawatan dan jagaan komprehensif mengikut prosedur kesihatan dapat diaplikasikan ke atas warga emas ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri perbahasan saya. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan Malaysia, kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan Kementerian Kesihatan, apabila kita buat ziarah kasih di hospital-hospital, banyak kita dapati warga emas yang duduk sakit di hospital kadang-kadang bila kita tanya berapa bulan sudah warga emas ini dekat hospital, sudah sebulan, sudah dua bulan.

Waris tidak ada tetapi kerajaan ambil. Kerajaan bela, kerajaan jaga. Jadi saya rasa tidak ada sudah kerajaan yang terbaik selain daripada kerajaan Malaysia. Walaupun warga emas tidak ada waris, tidak ada penjaga, tidak ada pendapatan. *Dok* sakit, duduk atas katil, dijaga, diberi mandi, diberi kasih sayang oleh jururawat-jururawat, diperiksa oleh doktor saya rasa amat terharu dan saya rasa bangga berada di bumi Malaysia ini.

Jadi yang terakhir dari saya Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong RUU ini. Semoga dengan pindaan yang dibuat, jaringan perlindungan keselamatan sosial untuk warga emas negara terus disokong dan dipelihara secara holistik oleh Kerajaan Barisan Nasional. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

#### 5.16 ptg.

**Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya seronok lagi hendak menulis bahan-bahan sebab kadang-kadang ada masa emosi juga ya. Sebab ya lah saya pun antara golongan itu juga.

Jadi saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada empat orang ahli Yang Berhormat iaitu Senator Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim, Yang Berhormat Senator Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed, Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid dan Yang Berhormat Senator Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff yang telah sama-sama- saya rasa bila menyuarakan dari segi pusat jagaan ini. Saya mengucapkan jutaan terima kasih di atas segala yang disuarakan dan *insya-Allah*, saya akan mengambil maklum.

Betapa kita semua prihatin tentang warga emas kita lebih-lebih lagi dalam tahun 2030, kita akan dinamakan negara tua, *aging nation* sebab 15 peratus daripada populasi kita atau kependudukan kita adalah yang berumur 60 ke atas. Terima kasih kepada semua Yang Berhormat tadi yang sambil mengingatkan kita sama-sama betapa pentingnya kita selaku anak, selaku keluarga kita sama-sama janganlah kita terjebak macam kita dengar cerita-cerita yang banyak di tempat-tempat lain iaitu mereka meninggalkan ibu dan ayah macam cerita '*Si Tanggung*' dan sebagainya.

Akan tetapi saya ingin memaklumkan di sini Tuan Yang di-Pertua dan semua Ahli Yang Berhormat. Syukur *alhamdulillah* saya semenjak masuk kementerian ini, saya telah memaklumkan kepada pegawai saya satu daripada yang saya tidak mahu lihat adalah kita membuat rumah orang tua yang baru. *Meaning to say*, apa yang ada saya tidak mahu pertambahan sebab bagi saya, orang-orang tua bukan berada di institusi kita tetapi mereka mesti berada bersama keluarga.

*That is why*, dengan izin, kita ada program yang kita lakukan bukan saja di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat termasuk juga di bawah LPPKN. Kita memastikan bahawa kita sentiasa ada kasih sayang. Kita sentiasa menghormati, menjaga orang-orang tua dan kita juga termasuk bukan saja keluarga itu sendiri yang sentiasa mengasihi orang-orang tua yang ada tetapi juga komuniti. Jadi ini kami selalu asuh kan. Sebab itu kepada Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang orang selalu melihat kementerian saya macam-macam lah perayaan.

Perayaan hari ibu, perayaan hari bapa, perayaan hari datuk nenek, *you know* perayaan hari keluarga sebab saya memikirkan ini adalah sesuatu yang sangat penting dan kami di kementerian ini sentiasa mengingatkan supaya kita jangan lupa. Walaupun saya pernah dikata eh hari-hari kita mesti meraikan hari ibu, sayang kepada ibu. Memang saya tahu tetapi bersama-sama kita sentiasa mengingati apa yang seharusnya kita lakukan supaya sentiasa ada kasih sayang. Sama-sama kita mengingatkan pengorbanan yang dilakukan oleh ibu ayah kita selama ini sehingga kita berada di tahap di mana kita sekarang ini.

Jadi *insya-Allah* apa-apa yang kita lihat- terima kasih juga Yang Berhormat sebab sentiasa mengingatkan saya tentang beberapa juga negara-negara lain yang menjalankan program-program yang elok-elok yang mana kita sentiasa juga mengikut supaya kita juga tidak ketinggalan lebih-lebih lagi kita ini hendak menamakan diri kita pergi ke negara maju.

#### ■1720

Jadi Yang Berhormat di sini pengukuhan institusi keluarga itu sentiasa kita jalankan dan *insya-Allah* seperti yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed yang sedikit kelainan sebab Yang Berhormat bertanya dari segi statistik ya, Yang Berhormat.

Memang di sini saya ada statistik di mana mengatakan peratusan pada tahun 2030 peratusan-satu, pada 2030 kita unjurkan 15 peratus iaitu warga emas yang berumur 60 tahun ke atas. Oleh sebab itu kita akan ditakrifkan sebagai negara tua. Mengikut negeri pula peratusan yang paling tinggi adalah Pahang dan Pulau Pinang iaitu 14.7 peratus. Selepas itu Sabah dan Kelantan, Sabah sebanyak 7.7 peratus dan Kelantan sebanyak 8.1 peratus. Jadi yang tinggi tadi Pahang dan Pulau Pinang dan kira yang rendah sedikit adalah Sabah dan Kelantan dari segi peratusan mereka yang berumur 60 tahun ke atas.

Selepas itu mengikut tadi Yang Berhormat juga mohon supaya diunjurkan dari segi iaitu khususnya rumah jagaan orang Islam. Saya ingin maklumkan sepatut semalam saya menjawab tetapi soalan semalam tidak naik daripada Yang Berhormat. Soalan itu di mana secara kebetulan baru minggu ini telah dijalankan satu *lab* bersama dengan JAKIM dengan pegawai-pegawai saya untuk kita mewujudkan garis panduan khususnya rumah-rumah orang tua atau pusat jagaan untuk orang Islam.

Jadi diputuskan dengan sangat terperinci bagaimana kita dapat mewujudkan SOP yang terbaik khususnya untuk yang beragama Islam dan oleh kerana ianya masih diperhalusi sebab dua hari yang lepas baru mengadakan *lab* tersebut. Jadi, *insya-Allah* JAKIM yang akan *lead* untuk memberi taklimat khususnya kepada semua pusat-pusat jagaan khususnya yang ramai penghuninya adalah orang Islam.

Mengenai sebenarnya gelandangan dan sebagainya yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Isa, saya ingin memaklumkan memang kita sentiasa mengadakan *exercise* untuk menyelamatkan. Kita namakan *exercise* menyelamatkan dan memang Yang Berhormat, ada yang kita dapati yang kami selamatkan daripada jananan adalah mereka yang berumur 60 tahun ke atas dan kebanyakan mereka antaranya ialah nyanyuk dan ada juga mereka mempunyai penyakit.

Jadi kadang-kadang bila kami hendak *trace* sebab bagi kami, kami tak nak letakkan di institusi kami dahulu tetapi kami hendak dia bersama dengan keluarga tetapi malangnya mereka pun tidak tahu siapa keluarga. Dia *dementia* tidak tahu, tidak tahu langsung, dia nyanyuk, jadi apa yang kami buat kita

bawa ke institusi kita untuk dijaga. Jadi ini adalah keadaannya gelandangan-gelandangan warga emas. Memang betul Yang Berhormat, memang ramai juga gelandangan ini memang sudah berusia.

Akan tetapi kami memang *suspicious*, dengan izin, bahawa mereka telah diletakkan sebegitu rupa sebab mungkin mereka telah keluar daripada rumah dan tidak faham lagi macam mana hendak balik atau kadang-kadang dengan sengaja diletakkan di situ supaya mungkin keadaan tidak ada keluarga lain yang dapat menjaga dan sebagainya.

Yang Berhormat saya sangat tertarik dan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Shahanim, begitulah kami cuba melayan. Kalau dia ada hobi dia hendak bela kambing, kita cari kambing dan bermacam-macam lagi. Mungkin Yang Berhormat, saya bawa Yang Berhormat sebab ini memang pusat jagaanlah semua ini. *Insyallah* Yang Berhormat kita akan buat yang terbaik dan ada SOP yang akan kita ikuti dengan begitu tegas supaya kita dapat memberi penjagaan yang terbaik tetapi Yang Berhormat boleh tidak saya kongsi dengan Yang Berhormat satu lagi.

Pusat jagaan ini satu daripadanya tetapi sebenarnya Yang Berhormat, keadaan orang-orang warga emas, mereka sebenarnya bukan terlantar, bukan sakit dan sebagainya, mereka adalah aktif. Kita namakan mereka ini *active aging* dan mereka bukan berada di pusat jagaan. Jadi kita wujudkan satu lagi, dia bukan institusi tetapi satu lagi kemudahan yang kita nama PAWE. PAWE adalah Pusat Aktiviti Warga Emas. Sekarang ini ada 59 tetapi telah diusulkan bahawa kami mesti mewujudkan satu Parlimen, satu PAWE.

PAWE ini adalah satu tempat *club house* lah, dengan izinnya [*Ketawa*] Di mana mereka berkumpul, dia menjalankan aktiviti-aktiviti, dia mengaji, dia mengadakan aktiviti-aktiviti untuk memperkasakan diri mereka, mereka menjalankan hobi-hobi tetapi yang sangat penting, ini satu daripada ciri-ciri kita dinamakan warga emas. Mereka dapat mengubatkan kesunyian. Bila mereka duduk di rumah, mereka sebenarnya ada satu perasaan yang sangat sunyi, *emptiness* atau kekosongan.

Kadang-kadang mereka biasa berdua sekarang sudah tinggal seorang. Selepas itu, anak cucu pula tidak ada dan mereka pula tidak mahu dibawa bersama-sama ke bandar dan sebagainya, jadi *loneliness*. Oleh yang demikian kami telah wujudkan PAWE atau Pusat Aktiviti Warga Emas di mana di PAWE itu mereka boleh menjalankan *income generating activities*. Saya tahu kadang-kadang mereka itu pencen, anak-anak ada juga memberikan duit tetapi dengan sesuatu yang mereka pelajari mereka boleh menyumbangkan lagi pendapatan untuk perbelanjaan diri sendiri dan juga kadang-kadang bila cucu-cucu, cicit datang itu mereka boleh membelanjakan cucu dan cicit.

PAWE ini juga adalah pusat rekreasi. Mereka juga boleh *socialize*. Di situ juga kita mengajarkan agama, mengaji bersama-sama dan di situ juga kita boleh wujudkan inter-generasi punya perhubungan. Kita bawa juga kanak-kanak ke PAWE untuk bersama-sama dengan nenek, datuk dan sebagainya dan ada PAWE, mereka berjumpa jodoh, Tuan Yang di-Pertua. Jumpa jodoh sebab dia *lonely*, dia seorang-seorang, Yang Berhormat kan, nanti kita boleh jadi *member* PAWE.

**Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencelah.

**Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Di mana itu dia? Ha! Itu dia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Dato' Shahanim hendak mencelah fasal jodoh [*Ketawa*]

**Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan PAWE ini. Saya pun tidak berapa tahu fasal PAWE ini, saya memang jaga emak saya yang berusia 67 tahun tetapi cucu semua tidak ada, dekat universiti, saya datang sini dan dia tinggal dengan suami saya sahaja. Jadi saya hendak tanya kriteria-kriteria PAWE dan kalau boleh saya tidak mahulah emak saya bertemu jodoh di situ [*Ketawa*]

Seterusnya, saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, macam dia boleh pergi mengaji, *generate income*, dia boleh pergi pada pagi, petang dia boleh balik. Jadi saya rasa PAWE ini lebih bagus daripada pusat jagaan warga emas swasta ini sebab kita hantar emak kita dapat ilmu segala, dapat *generate income* cuma hendak tahu lebih *detail* tentang *generate income*. Sebelum saya terlupa Tuan Yang di-Pertua, minggu lepas saya bersama dengan satu NGO kita buat program gelandangan dan kita jumpa ramai lagi warga emas yang kebanyakannya tidur di SEGI Kolej.

Sebelum itu, saya hendak mintalah kepada Yang Berhormat Menteri, kita terjumpa seorang gelandangan yang paling muda berusia 15 tahun, emak sudah mati, ayah tidak tahu ke mana. Siang dia jual kasut dengan seorang abang dan malam dia tidur di kaki lima SEGI Kolej. Saya tidak sempat hendak *interview* dia sebab hendak masuk balik Dewan. Mungkin pegawai-pegawai daripada kementerian pada malam ini atau malam esok boleh pergi ke SEGI Kolej, tengoklah gelandangan yang paling muda pernah saya jumpa yang berusia 15 tahun. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Silakan.

#### ■1730

**Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim:** *Insya-Allah*. PAWE ini, Tuan Yang di-Pertua, okeylah umur mesti 60 tahun ke atas. Kalau tidak, ramai hendak pergi sebab di dalam PAWE, Tuan Yang di-Pertua, saya letakkan karaoke, saya letakkan *exercise machine*, saya- bukan saya, kementerianlah. Kementerian, kita bagi segala kemudahan sehingga dia seronok sangat. Kadang-kadang dia tidak dapat menunggu jam 8 pagi itu, dia seronok sangat, lepas itu dia balik pukul 5. Ia macam taskalah sedikit sebanyak sebab kadang-kadang di rumah, tidak ada bayaran. Di rumah kadang-kadang dia sunyi- ini cerita sunyi. Akan tetapi, dia dapat duduk bersama dengan rakan-rakan yang lain dan bukan duduk kosong tetapi dia dapat mempelajari sesuatu yang baru dan pada masa yang sama di situlah tempat mereka boleh menghiburkan hati masing-masing dan dia belajar.

Saya juga ada program iaitu untuk *lifelong learning*. Kita ada universiti-universiti, UPM kan, untuk kita wujudkan *lifelong learning*. Jadi bagi mereka ini, mereka boleh juga daripada PAWE ini, kita guna PAWE ini juga untuk mengadakan banyak sesi ceramah, sesi untuk kita memaklumkan kepada mereka apa lagi cara-caranya untuk kita menjaga kesihatan, untuk kita memastikan bahawa mereka sentiasa dalam keadaan yang terbaik.

Ini adalah sebab *life expectancy*, Tuan Yang di-Pertua, untuk lelaki 73 tahun- ramai tadi telah menyebutkan tetapi untuk wanita 78 tahun. *So finally*, di dalam PAWE memang ramai wanita, sebab di situlah mereka dapat *get together*, *socialize*, *network* dan tidak perlu ada apa-apa, Yang Berhormat. Tanya saja mana PAWE yang berdekatan, kita ada 59 di seluruh negara. Saya rasa 59 itu sebenarnya tidak mencukupi dan betul, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya sekarang ini kita fokus untuk mewujudkan lebih banyak Pusat Aktiviti Warga Emas sebab itu *wellness*, masih aktif, mereka bukan terlantar dan sebagainya.

Terima kasih Yang Berhormat, bajet kali ini warga emas mendapat habuan ditambah RM50 lagi untuk elaun bantuan orang tua, termasuk juga OKU. Ada dua kumpulan istimewa ini yang telah ditambahkan dari segi kadar untuk kita memberi lebih kesejahteraan kepada kumpulan ini. Jadi, terima kasih Yang Berhormat di atas semua pandangan Yang Berhormat itu. Kita akan ambil maklum di mana, *insya-Allah*, kita cuba memperbaiki lagi. Kita cuba mencari idea-idea yang lebih baik. Kita *benchmark* juga dengan negara lain termasuk Singapura, Thailand, mereka sudah dinamakan negara tua.

Sedikit, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, mengenai akta. Saya ingin mengingatkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, bukan kami tidak mahu mewujudkan akta. Akta ini kadang-kadang ada punitif. Kalau kita tidak ikut, kita tidak jalankan tugas dan sebagainya, ada hukuman-hukuman. Jadi kami merasakan biar dasar itu sebenarnya memadai. Sebab, saya ambil contoh Singapura. Singapura dia tentukan bahawa anak-anak mesti potongkan gaji mereka untuk memberi kepada ibu ayah yang tua. Bila ditanya, bila dibuat *survey*- India pun sama. Bila dibuat *survey*, anak-anak kata tidak perlu kami hendak menjenguk mak ayah sebab kami dah bagi duit. Itu sesuatu- *it works on the reverse*. Jadi kami hendak biarlah kasih sayang itu berterusan dengan cara kita dan, *insya-Allah*, saya rasa dengan kita memberi kasih sayang...

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Mohon mencelah sedikit. Saya mohon sedikit sahaja sebab tadi Yang Berhormat Menteri ada menyebut tentang Thailand. Kalau di Thailand, memang ada elaun untuk semua warga tuanya dan mereka membelanjakan begitu banyak wang untuk elaun kepada warga tua ini.

Jadi saya hendak tahu, adakah kemungkinan, walaupun mungkin tidak elaun secara bulanan kepada warga tua diberikan, kemungkinan kerajaan boleh mewujudkan caruman kepada rakyat Malaysia yang mungkin bermula daripada 40 tahun ke atas? Ketika mereka berusia 60 tahun, mereka dah boleh memanfaatkan caruman yang dibuat oleh kerajaan ini. Kemungkinan ada- maknanya untuk membolehkan pembiayaan hari tua untuk rakyat Malaysia membantu mereka dengan caruman ini. Ada kemungkinan tak benda ini dibuat?

**Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim:** *Insya-Allah*, Yang Berhormat. Sebenarnya macam-macam yang kami fikirkan khususnya untuk membantu di hari tua termasuk insurans, kami ada. Akan tetapi buat masa ini, perkara itu belum lagi dapat kita pertimbangkan. Akan tetapi buat masa ini, memang kita ada bantuan-bantuan kepada orang tua yang memenuhi segala syarat untuk dibantu. Yang lain-lainnya memang sekarang ini diwujudkan KWSP bagi mereka *even self-employment* untuk mencarum, supaya kita juga bersedia untuk hari tua. Memang sudah ada. Jadi, kita melihat di mana kita tidak perlu bertindih dengan apa yang telah diwujudkan oleh jabatan atau kementerian yang lain.

Jadi, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas cadangan, di atas komen-komen, di atas perbahasan yang telah dilakukan dan kami akan pastikan bahawa segala apa yang kami jalankan ini adalah untuk kebaikan, kebajikan warga emas kita. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

***[Fasal-fasal 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]***

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan (Datuk Wira Hajjah Mas Ermieyati binti Haji Samsudin) dan diluluskan]*

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG INDUSTRI PELANCONGAN (PINDAAN) 2017**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**5.39 ptg.**

**Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan [Datuk Wira Hajjah Mas Ermieyati binti Haji Samsudin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Industri Pelancongan (Pindaan) 2017 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini mengandungi 13 fasal yang bertujuan untuk meminda dan mewujudkan peruntukan-peruntukan baru di dalam Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482]. Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia bertanggungjawab memantau dan mentadbir urus industri pelancongan di Malaysia yang diberi kuasa melesenkan semua perusahaan berkaitan pelancongan berdasarkan peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa melalui Akta 482.

▪ **1740**

Berdasarkan Akta 482 ini, Pesuruhjaya Pelancongan diberi kuasa untuk melesenkan agensi pelancongan yang ingin menjalankan perniagaan berunsurkan pelancongan dan perlu mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Takrifan premis penginapan. Bagi premis penginapan seperti hotel, asrama, rumah inapan, rumah tumpangan, rumah rehat dan juga rumah permalaman. Berdasarkan Akta 482, pihak-pihak terlibat hendaklah memohon kepada Pesuruhjaya Pelancongan untuk mendaftarkan premis itu sebagai premis penginapan pelancong. Dalam proses mendaftarkan premis penginapan, kementerian telah pun melaksanakan Skim Pengelasan Hotel Mengikut Bintang di seluruh negara sejak daripada tahun 1996 diikuti dengan Skim Penarafan Orkid pada tahun 1999 yang dilaksanakan secara sukarela. Yang terkini telah bermula menguatkuasakan kaedah pengelasan baharu bermula daripada 2 Mei 2017 yang mengelaskan premis penginapan kepada lima kategori iaitu:



- (i) hotel bandar;
- (ii) hotel tanah tinggi;
- (iii) hotel pulau/ pantai/ tasik atau sungai;
- (iv) hotel inovatif; dan
- (v) hotel butik.

Selaras dengan Akta 482 ini, skim pengelasan premis penginapan terdahulu dan yang baru ini telah pun dilaksanakan secara bersepadu bagi menilai dan memastikan tahap perkhidmatan serta kemudahan yang disediakan oleh pengusaha dapat mencapai standard terbaik industri hospitaliti. Usaha ini juga diharapkan dapat memenuhi kehendak semasa mengikuti peredaran zaman dan memberi pengalaman manis kepada para pelancong yang menginap, sekali gus meningkatkan nilai ekonomi di negara kita.

Pada masa ini, pendaftaran premis penginapan adalah terhad seperti mana yang ditakrifkan oleh Akta 482. Justeru, pindaan bersesuaian adalah dicadangkan bagi meluaskan lagi skop premis penginapan bersesuaian dengan perusahaan industri hospitaliti semasa, khususnya melibatkan premis penginapan yang tidak ditaksirkan di bawah seksyen 2, Akta 482.

Premis penginapan inovatif seperti *tube hotel*, *bus hotel*, *glamping*, dengan izin, dan lain-lain adalah antara konsep baru perusahaan premis penginapan di luar skop takrifan yang sedia ada. Sehubungan itu, cadangan pindaan ke atas tafsiran premis penginapan di bawah Akta 482 ini juga akan turut merangkumi kelompok premis penginapan jenis baru ini agar ianya juga boleh didaftarkan dengan teratur dan juga dapat mencapai standard industri hospitaliti semasa. Perluasan skop tafsiran premis penginapan ini juga akan memberi punca kuasa dan seterusnya memperkemaskan pelaksanaan perundangan-perundangan lain yang turut mengguna pakai tafsiran premis penginapan di bawah Akta 482 seperti Akta Cukai Pelancongan 2017 [*Akta 791*] dan juga instrumen perundangan di peringkat kerajaan negeri yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, perkembangan industri pelancongan telah menjadi satu fenomena global dan merupakan salah satu pemacu ekonomi dunia yang berupaya untuk menjana peluang pekerjaan. Ketibaan pelancong ke Malaysia pada tahun 2016 telah pun mencatatkan lebih kurang kedatangan sebanyak 26.8 juta orang yang merupakan peningkatan sebanyak empat peratus dari tahun 2015.

Jika dilihat perkembangan bagi tempoh masa 10 tahun iaitu tahun 2005 ke tahun 2016, ketibaan pelancong mencatat pertumbuhan sebanyak 62.9 peratus iaitu dengan peningkatan 2.57 kali ganda bagi perbelanjaan pelancong berbanding pada tahun 2005. Pada tahun 2016, industri pelancongan telah menyumbangkan sebanyak 14.8 peratus daripada keseluruhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berbanding 10.4 peratus pada tahun 2005. Kerancakan industri pelancongan di Malaysia ini telah menarik dan menggalakkan lebih ramai pihak menceburkan diri dalam industri ini. Ini terbukti apabila sebanyak 3.2 juta pekerjaan ataupun satu daripada lima pekerjaan telah diwujudkan pada tahun 2015 berbanding 1.51 juta pekerjaan ataupun satu daripada tujuh pada tahun 2005.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kadar kompaun dan juga pemenjaraan. Walaupun industri pelancongan berkembang pesat, pihak kementerian juga turut mendapati adanya peningkatan kes-kes yang melibatkan perusahaan pelancongan yang tidak berlesen dan juga pelanggaran kesalahan-kesalahan berdasarkan Akta 482 yang semakin tinggi. Penglibatan pihak-pihak yang menjalankan

perniagaan berkaitan pelancongan secara tidak sah ini mendatangkan risiko kepada pengguna, khususnya risiko penipuan dan sekali gus menjejaskan imej pelancongan negara sama ada melibatkan pelancong dari dalam ataupun dari luar negara.

Justeru, dalam usaha mencegah dan memerangi situasi ini daripada terus berleluasa, pihak Kementerian mencadangkan agar kadar penalti ke atas kesalahan-kesalahan di bawah Akta 482 dipinda dengan kadar baru juga yang setimpal dengan kadar semasa dengan tujuan untuk melindungi kepentingan awam dan menjaga kepentingan industri pelancongan negara. Peningkatan kadar penalti ini juga akan turut mendorong semua pihak yang terlibat agar lebih berwaspada dengan mematuhi undang-undang dalam melaksanakan perniagaan secara sah, termasuklah dengan mendapatkan lesen, membayar fi dan cukai berkaitan yang merupakan hasil kepada pihak kerajaan yang akan di manfaatkan bagi membangun dan mempromosi industri pelancongan di Malaysia.

Tambahan pula, kadar penalti yang digunakan ketika ini tidak pernah disemak dan juga dikaji semula semenjak tahun 1992. Selain kadar penalti di bawah peruntukan Akta 482, kadar penalti di bawah perundangan *subsidiary* akta tersebut juga perlu disemak dan diteliti semula. Ini kerana pihak Kementerian mendapati banyak pelanggaran syarat-syarat di bawah perundangan *subsidiary* Akta 482 yang juga merupakan kesalahan-kesalahan kecil adalah disebabkan kadar penalti sedia ada yang terlalu rendah dan tidak memberikan kesan kepada pihak bersalah untuk mengulangi kesalahan yang sama.

Tujuan kadar penalti diwujudkan juga adalah bertujuan mencegah pelanggaran dan memberi amaran kepada pihak pengusaha pelancongan yang dilesenkan. Bagi tujuan ini, Kementerian juga mencadangkan satu peruntukan baru diwujudkan bagi memberi kuasa kepada Menteri menetapkan kadar hukuman denda dan tempoh pemenjaraan di dalam mana-mana perundangan *subsidiary* yang dibuat di bawah Akta 482 tersebut agar ianya lebih bersesuaian dengan keadaan semasa.

Cadangan pergantungan lesen. Berdasarkan peruntukan sedia ada, Akta 482 ini pihak Kementerian boleh mengambil tindakan kompaun ataupun membatalkan lesen pihak-pihak yang didapati bersalah melanggar syarat-syarat lesen. Dalam hal ini, tindakan yang boleh diambil oleh Pesuruhjaya Pelancongan berdasarkan peruntukan sedia ada Akta 482 adalah tidak mencukupi. Ianya perlu ditambah baik dalam mengendalikan kes-kes agensi pelancongan yang berlesen dengan Kementerian.

Justeru, wujud keperluan diadakan satu prosedur baharu bagi membolehkan Pesuruhjaya Pelancongan mengendalikan kes-kes kesalahan bagi pihak yang dilesenkan iaitu prosedur penggantungan lesen. Kementerian berpandangan bahawa tindakan penggantungan lesen adalah perlu bagi membolehkan siasatan yang lebih teratur dan konklusif dapat kita laksanakan oleh pihak Kementerian dalam tempoh penggantungan lesen sesebuah agensi pelancongan dan menghalang penjualan pakej-pakej baru kepada pelancong.

Pada masa yang sama, agensi pelancongan yang digantung lesen masih perlu memenuhi obligasi pakej pelancongan yang telah pun dijual. Asas tindakan penggantungan lesen ini juga bersifat pembetulan- *corrective*, untuk memberi ruang kepada agensi pelancongan yang disiasat memperbaiki kesilapan lalu dan yang paling penting adalah melaksanakan semua tanggungjawab ke atas pelanggan mereka.

Dalam hal ini, penggantungan lesen tersebut bukan hanya bersifat hukuman semata-mata ke atas agensi pelancongan tetapi juga bertujuan menjaga kepentingan orang awam. Penggantungan lesen agensi pelancongan dapat menghalang pengguna baru dari turut menjadi mangsa kes penipuan. Pada masa yang sama, memastikan hak-hak pelanggan yang telah pun membeli pakej pelancongan dilaksanakan, sementara pihak kementerian menjalankan siasatan dan membuat pertimbangan kes sebelum keputusan konklusif diambil ke atas agensi pelancongan tersebut.

Pindaan peruntukan Rang Undang-undang Industri Pelancongan (Pindaan) 2017. Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Industri Pelancongan (Pindaan) 2017 ini akan meminda 11 seksyen dan mengganti satu seksyen Akta Industri Pelancongan 1992, Akta 482, seperti berikut.

Seksyen 2, Akta 482 dipinda dengan meluaskan takrif premis penginapan bagi merangkumi apa-apa struktur kekal dan sementara. Pindaan kepada takrifan diluaskan skopnya agar turut meliputi premis penginapan moden masa kini yang tidak lagi dibina dalam bentuk bangunan kekal seperti *hotel tube*, *hotel bus*, hotel kontena, dan sebagainya.

#### ■1750

Konsep premis penginapan moden seperti dinyatakan tadi adalah tidak termasuk dalam takrif premis penginapan sedia ada.

Takrifan baharu penginapan yang dicadangkan ini juga adalah menyokong pelaksanaan Akta Cukai Pelancongan 2017 [*Akta 791*] yang mengguna pakai takrifan premis penginapan Akta 482 sedia ada. Pindaan takrifan melalui rang undang-undang ini akan meluaskan skop premis penginapan dan membolehkan kerajaan mengutip hasil cukai ke atas pengusaha-pengusaha premis penginapan yang dikategorikan sebagaimana takrifan baharu ini yang tidak dikutip hasil cukai pelancongan sebelum ini.

Peluasan skop takrifan ini juga akan terguna pakai kepada mana-mana instrumen perundangan Kerajaan Persekutuan dan juga dikuatkuasakan oleh kerajaan negeri yang menggunakan takrifan premis penginapan di bawah Akta 482.

Subseksyen 5(3), Akta Ibu dipinda dengan menaikkan kadar penalti daripada denda sedia ada yang tidak melebihi RM50,000 dan penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi lima tahun kepada kadar denda yang tidak melebihi RM500,000 atau penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun.

Seksyen 8, Akta 482 dipinda untuk memperuntukkan tatacara penggantungan mana-mana lesen yang diberikan di bawah Akta 482. Di bawah pindaan yang dicadangkan, pesuruhjaya mempunyai budi bicara sama ada menggantung atau membatalkan mana-mana lesen yang diberikan kepada pengusaha-pengusaha pelancongan berlesen di bawah Akta 482.

Pindaan yang dicadangkan selanjutnya bertujuan untuk memudahkan kaedah pengiklanan suatu penggantungan atau pembatalan mana-mana lesen yang diberikan di bawah Akta 482. Dengan pindaan yang dicadangkan, pesuruhjaya mempunyai pilihan untuk mengiklankan penggantungan dan pembatalan lesen sama ada sekurang-kurangnya satu akhbar harian kebangsaan bahasa Malaysia dan Inggeris atau mana-mana media elektronik yang difikirkan patut oleh pesuruhjaya.

Seksyen 9(1), Akta 482 dipinda bagi membolehkan mana-mana pengusaha pelancongan berlesen untuk merayu kepada Menteri terhadap penggantungan lesen mereka oleh pesuruhjaya.

Seksyen 10, Akta 482 dipinda dengan memotong subseksyen 10(3) untuk mengetepikan kewajipan perusahaan pelancongan berlesen mengiklankan penyerahan balik lesennya.

Seksyen 11 Akta 482 dipinda dengan memasukkan kesan suatu penggantungan lesen di bawah seksyen 8, Akta 482. Di bawah pindaan yang dicadangkan, pengusahaan pelancongan berlesen yang lesennya telah digantung tidak dibenarkan untuk berurus niaga apa-apa perniagaan baharu semasa tempoh penggantungan itu. Pindaan itu juga bertujuan untuk menaikkan penalti daripada denda sedia ada yang tidak melebihi RM50,000 atau penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi lima tahun kepada denda yang tidak melebihi RM500,000 atau penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun.

Subseksyen 15(3), Akta 482 dipinda dengan menaikkan kadar penalti daripada denda sedia ada yang tidak melebihi RM20,000 kepada denda yang tidak melebihi RM50,000.

Seksyen 32, Akta 482 dipinda dengan memotong subseksyen 32(3) untuk mengetepikan kewajipan pengusaha pelancong berlesen mengiklankan niatnya untuk tidak memperbaharui lesen. Pindaan dicadangkan selanjutnya bertujuan untuk menjadikan mana-mana pelanggaran subseksyen 32(1) sebagai suatu kesalahan kecil.

Seksyen 34, Akta 482 dipinda dengan memasukkan subseksyen baharu 34(3) untuk memberi Menteri kuasa untuk menetapkan penalti bagi pelanggaran atau kegagalan untuk mematuhi mana-mana peruntukan, mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta 482 ini. Penalti yang boleh ditetapkan ialah denda tidak melebihi RM100,000 atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Seksyen 37, Akta 482 dipinda dengan menaikkan kadar penalti daripada denda sedia ada yang tidak melebihi RM5,000 kepada denda yang tidak melebihi RM50,000.

Seksyen 39, Akta 482 dipinda kepada subseksyen 39(1), Akta 482 dengan memperuntukkan bahawa keizinan bertulis pendakwa raya hendaklah diperoleh terlebih dahulu sebelum apa-apa kesalahan boleh dikompaunkan oleh pesuruhjaya.

Seksyen 49, Akta 482 dipinda dengan memperuntukkan bahawa tiada pendakwaan berkenaan dengan apa-apa kesalahan di bawah akta ini boleh dimulakan melainkan oleh atau dengan keizinan bertulis pendakwa raya.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang yang dikemukakan ini akan dapat melindungi industri pelancongan di Malaysia dengan mewujudkan pasaran yang teratur tadbir urusnya, melindungi hak-hak penggunanya dan memberikan pulangan secara langsung mahupun tidak langsung kepada pihak kerajaan khususnya dalam memberi keyakinan kepada pelancong domestik ataupun antarabangsa untuk menjadikan Malaysia pilihan pertama destinasi percutian mereka.

Selain daripada itu, pindaan-pindaan yang dicadangkan melalui rang undang-undang ini juga akan dapat mencegah pelanggaran peraturan dan juga memberi ruang kepada pembetulan, *self-correction*, dengan izin, dan dapat mengenakan hukuman yang lebih setimpal dengan kadar semasa supaya dapat memberi impak dan juga kesan. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada sesiapa yang menyokong?

**Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim]:** Saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk memindah Akta Industri Pelancongan 1992, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas.

Silakan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abidullah bin Salleh.

**5.56 ptg.**

**Datuk Haji Abidullah bin Salleh:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi kesempatan dan ruang kepada saya untuk serta dalam perbahasan Rang Undang-undang Industri Pelancongan (Pindaan) 2017. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Yang Berhormat Timbalan Menteri orang senegeri saya, orang Menteri sudah keluar dan sahabat saya, dan juga pegawai-pegawai yang hadir pada petang ini. Pertamanya saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada kerajaan terutama kepada Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan memperkenalkan rang undang-undang ini dengan tujuan memperkasakan nilai tambah dan mengemaskinikan Akta Industri Pelancongan 1992 agar sejajar dengan perkembangan industri pelancongan masa kini supaya pada tahun 2016 tidak silap saya, 26.8 juta pelancong datang ke negara Malaysia. Terserlah 2017 ini di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, akan menjangkau 30 juta.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah dibentangkan tadi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu Datuk Wira Hajjah Mas Ermieyati, saya penuh yakin dan percaya agar apa yang telah diubah atau dipinda oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan akan menambahbaikkan lagi sektor pelancongan di negara kita ini. Hanya saya hendak mendapatkan penjelasan dia untuk memendekkan masa, pertamanya saya ingin menyentuh berhubung dengan fasal 2 iaitu pindaan kepada seksyen 2 iaitu tentang premis penginapan diperluaskan takrif itu bagi meliputi apa-apa premis kekal dan sementara.

Macam yang tadi Yang Berhormat Datuk Wira Hajjah Mas Ermieyati cakap, kalau dahulu hotel, rumah tumpangan, asrama dan sekarang berbagai-bagai terutama di negeri Melaka kerana negeri Melaka ini terkenal dengan negeri pelancongan, sudah ada *tube hotel, bus hotel, glamping*, dan berbagai-bagai lagilah yang sekarang rancak di negeri Melaka.

Jadi saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, apakah langkah kerajaan bagi mengawal selia penginapan jenis baharu ini khususnya bagi memastikan kualiti dan keselamatan penginapan terus terjamin?

Seterusnya saya pergi kepada menyentuh berhubung dengan tadbir urus dan tatacara pengurusan dan industri pelancongan memandangkan kes penipuan termasuk penipuan umrah. Saya ingin mendapatkan penjelasan iaitu tentang soalan saya, bilangan kes penipuan dan industri pelancongan ini termasuklah kes penipuan pakej umrah bagi tahun 2015 dan 2017.

Tuan Yang di-Pertua, dengan satu lagi mengenai menyentuh fasal 3 iaitu yang bertujuan meminda menaikkan kadar penalti daripada denda tidak melebihi daripada RM50,000 kepada RM500,000 dan pemenjaraan daripada tidak melebihi lima tahun ke 10 tahun.

**■1800**

Saya ingin mendapatkan penjelasan. Pertama, mengapakah denda yang dikenakan meningkat begitu tinggi dari RM50,000 kepada RM500,000? Itu merupakan peningkatan 1,000 peratus. Kedua, sejauh manakah jumlah denda yang dikenakan ini tidak membebankan pengusaha dan operator industri pelancongan? Jadi, itu sahaja yang dapat saya- agar dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin.

**6.00 ptg.**

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih, kepada Tuan Yang di-Pertua. Pertama, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahaskan pindaan Rang Undang-undang Industri Pelancongan (Pindaan) 2017.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, bos kepada puteri saya, kerana pembentangan RUU ini saya kira tepat pada masanya. Terutama setelah 25 tahun akta ini digubal, sejajar dengan pembangunan dan perkembangan industri pelancongan masa kini. Harapan saya semoga dengan pindaan yang dibuat ini, industri pelancongan berasaskan perniagaan premis penginapan akan memanfaatkan rakyat Malaysia, terutama menjelang tahun 2020, Tahun Melawat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya banyak yang hendak dikemukakan tetapi telah diperjelaskan dalam penerangan oleh Yang Berhormat Menteri tentang beberapa fasal yang dipinda. Cuma ada beberapa perkara yang saya kira yang belum disentuh, yang mungkin saya hendak mohon penjelasan, tentang fasal 8.

Hal ini kerana kerajaan telah membuat pindaan ke atas kadar bayaran penalti yang dikenakan kepada mana-mana individu atau pertubuhan sekiranya melanggar apa-apa peruntukan di bawah akta ini. Saya kira memang kenaikan penalti ini bersesuaian juga. Oleh kerana kadar penalti sebelum ini agak rendah dan tidak memberikan kesan kepada pengusaha-pengusaha yang membuat kesalahan. Namun, apa yang saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri adalah berkenaan dengan *homestay*. Maknanya, yang terlibat di bawah akta ini, fasal ini. Hal ini kerana saya hendak bertanya tentang terdapat banyak pengusaha-pengusaha *homestay* yang masa kini belum mendaftarkan premis *homestay* mereka dengan kementerian. Penawaran premis ini dilakukan di aplikasi digital dan media sosial sebab kita banyak *Airbnb*, kita ada banyaklah aplikasi-aplikasi media sosial ini.

Soalan saya, bagaimanakah ketentuan *star rating*, dengan izin, premis penginapan ini dilakukan agar penentuan kadar sewa premis penginapan dapat dikawal selia dengan baik dan pengguna tidak dieksploitasi dengan penentuan harga melalui mekanisme pasaran bebas?

Kedua, bagaimanakah hak dan perlindungan pengguna yang menempah premis penginapan ini jika sekiranya premis penginapan yang mereka tempah tidak sesuai untuk dihuni atau kualiti perabot serta kemudahan yang ditawarkan tidak menepati spesifikasi yang pengusaha iklankan? Oleh sebab

kadang-kadang bila *homestay* ini diiklankan melalui *Facebook*, melalui *Instagram*, tidak ada satu kawal selia yang benar-benar.

Ketiga, saya mahu mohon penerangan tentang apakah kerangka sistem aduan yang boleh diwujudkan oleh MOTAC agar semua aduan atau pertikaian oleh pengguna dapat ditangani secara berhemah dan cekap oleh MOTAC, bersesuaian dengan teknologi digital kini.

Seterusnya, saya ingin menyentuh tentang lesen pengendali pelancongan agensi pengembaraan iaitu dari segi umrah. Seperti yang kita tahu, banyak kes-kes penipuan umrah banyak dilaporkan. Saya hendak ucapkan tahniah kepada kementerian kerana telah mengambil beberapa langkah untuk mengatasi kes-kes penipuan ini dengan mewujudkan MKSU dan mewujudkan beberapa sistem yang *insya-Allah* saya kira semuanya adalah untuk kebaikan kepada semua pengguna-pengguna dan juga kepada rakyat Malaysia.

Cuma saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, adakah pihak kementerian bercadang untuk menetapkan syarat kelayakan minimum kepada pengurusan utama syarikat pengendali pelancong, terutamanya pengendali umrah khususnya, seperti menetapkan pengalaman ataupun kredibiliti kepada pengusaha tersebut? Oleh sebab kadang-kadang kalau kita tengok banyak syarikat-syarikat pengendali umrah ini mengemukakan atau meletakkan ustaz-ustaz ataupun individu berperwatakan alim, menyebabkan ramai yang menjadi mangsa penipuan.

Kadang-kadang ada individu yang memiliki rekod melakukan kesalahan dan disenaraihitamkan tetapi menubuhkan sebuah syarikat baru atau menggunakan nama individu lain yang berhubung kait dengannya. Walaupun saya tahu di bawah MKSU digariskan beberapa panduan dan juga syarat-syarat permohonan lesen. Oleh sebab yang kita tengok syarat utamanya cumalah individu itu kena ada perjanjian dengan muassasah, dokumen-dokumen yang perlu disertakan, kemudian syaratnya ialah ahli lembaga pengarah perlu mengikuti kursus pemantapan pengendalian umrah. Maknanya, syarat-syarat pengendalian umrah, pengusaha syarikat umrah ini, syarat-syaratnya terlalu minimum. Tidak ada satu kredibiliti yang diletakkan tanggungjawab itu kepada pengusaha-pengusaha ini.

Contohnya, pengalaman ataupun kredibilitilah maknanya, supaya pengguna-pengguna ini tidak ditipu. Walaupun diletakkan senarai syarat, saya tahu ada syarat pegawai pemasaran umrah, maknanya ustaz-ustaz ini kadang-kadang diletakkan sebagai *the front page*, dengan izin, ataupun sebagai mereka yang memasarkan pakej-pakej umrah ini diletakkan garis panduan. Akan tetapi apakah syarat-syarat yang lebih ketat? Adakah kementerian bercadang untuk meletakkan garis panduan ataupun syarat-syarat kelayakan yang lebih ketat kepada pengusaha-pengusaha ini? Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong RUU ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili.

#### 6.07 ptg.

**Dr. Zaiedi Haji Suhaili:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana mengizinkan saya untuk turut serta dalam membahaskan rang undang-undang bagi meminda Rang Undang-undang Industri Pelancongan (Pindaan) 2017.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dikemukakan pada Dewan yang mulia ini adalah untuk meluaskan takrif premis penginapan yang berada dalam Akta Industri Pelancongan 1992. Melalui pindaan ini, kerajaan akan memberikan rangka kerja perundangan yang jelas berhubung dengan kawal selia dan tata kelola pendaftaran rumah permalaman- *homestay*, yang akan menyokong pertumbuhan pesat ekonomi berdasarkan pelancongan di negara ini.

Soalan yang ingin saya bangkitkan dalam isu ini adalah bagaimanakah cara dan kaedah kerajaan menangani masalah *scam* ataupun kes-kes tipu daya premis *homestay* yang banyak berlaku di media sosial? Hal ini kerana pada masa ini kebanyakan pengusaha rumah permalaman belum lagi di kawal oleh fi, caj dan tata kelola pengiklanan yang mungkin akan menimbulkan kes-kes tipu pemungutan bayaran tanpa sah dan juga merugikan pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, kepesatan dan pertumbuhan sektor digital dan kepelbagaian sosial memerlukan pemantauan dan ketegasan kerajaan dalam melaksanakan penguatkuasaan undang-undang ini. Hal ini bagi menjamin kualiti dan daya maju industri pelancongan yang harus kita pelihara. Oleh yang demikian, bersesuaian dengan Tahun Melawat Malaysia 2020, maka saya ingin mendapatkan penjelasan daripada kementerian. Bagaimanakah syarat pematuhan pemberian lesen premis perniagaan dan tata kelola pengauditan agar kualiti kemudahan dan caj yang dikenakan kepada pengguna setara dan berbaloi dengan kualiti penginapan yang ditawarkan?

■1810

Selain itu juga, apakah kawalan dan perancangan kementerian untuk membuat satu ketetapan perundangan dalam mengawal pengiklanan di media sosial atau aplikasi elektronik agar isu-isu jenayah siber dan tipu daya berkaitan dengan pakej penginapan di premis penginapan tidak berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menyokong rang undang-undang ini tetapi saya hendak mengingatkan kementerian bahawa sebelum pelaksanaannya kementerian hendaklah berunding dengan lebih teliti, lebih jelas kepada siapa sahaja *stakeholders* yang terlibat bilamana undang-undang ini dilaksanakan. Sama ada dengan kerajaan negeri mahu juga pihak berkuasa tempatan.

Ini kerana ia melibatkan harta-harta yang terletak di bawah bidang kuasa PBT dan juga kerajaan negeri. Sekiranya ianya melibatkan kutipan kewangan, saya yakin pada akhirnya nanti akan melibatkan kutipan kewangan. Hendaklah dijelaskan kepada PBT dan juga kerajaan negeri berapakah jumlah kutipan ataupun apakah kutipan yang dijangka yang boleh dikutip dan apakah kutipan-kutipan ini bukan hanya di ambil oleh Kerajaan Persekutuan sahaja. Semata-mata dikatakan masuk dalam *consolidated fund*, tetapi hendak dibagi kepada negeri, hendak dibagi kepada pihak PBT, memerlukan satu peruntukan kewangan yang lain.

Saya harap perkara ini perlu diperjelaskan supaya perkara seperti Akta Pelancongan dalam tahun 2016, tidak akan berulang lagi, di mana kekeliruan berlaku, akhirnya ada kerajaan negeri menyatakan bantahan dan sebagainya. Jadi kita tidak mahu perkara ini berlaku dan kadang-kadang menyebabkan Kerajaan Persekutuan membuat satu keputusan, *U-turn* lagi, buat keputusan lain. Apa yang telah diperjelaskan awal, akhirnya berubah-ubah. Jadi menimbulkan satu ketidakpercayaan pihak-pihak yang tertentu bila diluluskan undang-undang seperti ini.



Ini kerana kerajaan negeri, PBT mereka juga mempunyai satu tanggungjawab *statutory* yang ada ke atas premis-premis seperti ini. Mereka juga mempunyai apabila menjalankan *inspection* dibawa bersama oleh kementerian untuk menjalankan *inspection*. Saya yakin bila hendak dibuat *inspection* ke atas premis-premis ini, tidak boleh kementerian akan masuk terus untuk memeriksa premis-premis ini melainkan melibatkan pihak PBT juga. Jadi bila pihak PBT dilibatkan juga, mereka juga bila menjalankan tugas, menghantarkan bersama-sama pegawai mereka, pegawai PBT pun mempunyai *financial commitment* untuk membayar elaun, membayar apa sahaja yang layak dituntut oleh pegawai PBT.

Jadi kalau PBT tidak ada peruntukan tambahan, hasil daripada kutipan cukai seperti ini, mereka rasa bahawa mereka tidak dapat memberi kerjasama dengan sepenuhnya. Jadi ini boleh mempertikaikan pelaksanaan undang-undang ini dengan selicin-licinnya. Jadi saya mahu, supaya bila undang-undang ini berkuat kuasa nanti bawalah semua *stakeholders* berunding dengan bagus, apa faedah yang didapati bukan untuk semata-mata untuk menambahkan *revenue* dan sebagainya.

Akan tetapi kita perlukan melihat bahawa kelicinan perjalanan jentera kerajaan itu, iaitu kalau kita hendak kata N-BOS, sinilah menjadi *the benchmark*nya. Bagaimana kita boleh bekerjasama untuk memajukan sesuatu industri. Kalau dalam kes ini ialah industri pelancongan. Ini kerana setiap pihak berkuasa, kerajaan negeri, PBT, kementerian dan sebagainya. Mereka mempunyai komitmen yang harus mereka pertanggungjawabkan.

Jadi inilah harapan saya bilamana, rang undang-undang ini akan kita luluskan di dalam Dewan yang mulia ini, ia akan menjadi satu rang undang-undang tetapi yang pentingnya ialah di peringkat pelaksanaannya nanti haruslah ada satu bentuk jaringan kerjasama yang terbaik di antara kementerian, Kerajaan Persekutuan dan juga kerajaan negeri dan juga pihak berkuasa tempatan.

Semoga dengan pandangan-pandangan dan cadangan-cadangan yang saya kemukakan tadi akan meningkatkan lagi pertumbuhan sektor pelancongan di negara kita. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Senator Datuk Lee Tian Sing.

#### **6.16 ptg.**

**Datuk Lee Tian Sing:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk menyertai perbahasan rang undang-undang buat pertama kalinya setelah saya mengangkat sumpah sebagai Ahli Dewan Negara pada 4 Disember 2017 yang lalu.

Sekalung tahniah dan terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelancongan serta para pegawai kementerian kerana pembentangan rang undang-undang ini menunjukkan betapa kerajaan serius membangun industri pelancongan negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Bajet 2018, kerajaan mengumumkan bahawa pada tahun 2020 Malaysia akan sekali lagi muncul sebagai destinasi pelancongan negara kerana tahun melawat Malaysia. Dalam rang undang-undang ini, kerajaan mengenakan penalti yang tinggi kepada pengusaha jika didapati pelanggaran dalam urusan penawaran premis penginapan.

Pada masa ini terdapat banyak aplikasi di media digital dan sosial yang menawarkan pakej pelancongan bersepadu meliputi pakej tiket penerbangan, sewaan kereta atau bayaran caj pengangkutan, sama ada bas atau van pelancong. Bayaran masuk ke taman tema atau menghadiri persembahan kebudayaan atau menghadiri fiesta pelancongan yang terdapat dalam kalender pelancongan negara.

Soalan saya kepada kementerian, nombor satu, bagaimanakah kerajaan membuat kawalan terhadap peniaga atau pengusaha yang menawarkan pakej-pakej bersepadu ini dan bagaimana kerajaan menangani kepada apabila berlakunya kegagalan dan rungutan, ketidakpuasan hati pengguna yang melanggan pakej bersepadu ini?

Soalan yang kedua, bagaimanakah kerajaan menangani promosi-promosi penginapan atau pakej percutian bersepadu yang ditawarkan oleh pengusaha *resort* atau taman tema dengan satu harga yang promosi kad keahlian tahunan kerana banyak terdapat kes-kes berlaku isu kecurangan dan eksploitasi oleh pengusaha pakej ini yang mendatangkan kerugian kepada pengguna dan pakej yang dibeli tidak setara dengan harga yang dibayar.

Saya mohon menyokong pindaan akta ini, semoga dengan pindaan ini kerajaan akan meningkatkan keupayaan dan kecekapan sektor pelancongan negara. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, silakan Yang Berhormat Senator Siti Aishah binti Shaik Ismail.

#### 6.19 ptg.

**Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya ruang dan peluang untuk sama-sama kita membahaskan satu rang undang-undang saya katakan wajar untuk kita teliti beberapa perkara yang mana dari segi penambahbaikan itu saya alu-alukan. Akan tetapi ada beberapa dua, tiga benda yang harus diberi penelitian yang penting di pihak kementerian.

Akan tetapi syabaslah saya ucapkan Timbalan Menteri walaupun diasak beberapa hari ini tetapi dia tetap teguh hadir ke Dewan ini. Dengan prinsip *we never walk alone*, Liverpool itu [Ketawa]

#### ■1820

Tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Akan tetapi, saya hendak bangkitkan dalam isu rang undang-undang pelancongan ini Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pertama, soal hotel bajet Tuan Yang di-Pertua. Kita tahu keadaan ekonomi rakyat yang pelbagai ini, ada di antara mereka apabila melakukan aktiviti percutian dan riadah itu, mereka memilih perkara yang paling murah sebelum terpaksa memilih perkara yang paling mahal.

Jadi macam saya pun, kalau saya hendak pergi bercuti, saya akan cari dahulu hotel-hotel yang menawarkan pakej-pakej yang murah. Sebab, bila kita bercuti ini kita melihatkan komposisi yang ramai. Dalam konsep hotel bajet ini, saya hendak tanya di pihak kementerian kerana saya melihat hotel-hotel bajet ini dari segi kebersihan dan sebagainya ini sangat membimbangkan. Berkongsi dengan teman-teman dalam Dewan yang mulia ini, kita boleh lihat hotel-hotel bajet ini seolah-olah sudah jadi hotel ayam.

Banyak tempat hotel-hotel bajet ini dijadikan lokasi-lokasi pelacuran, lokasi-lokasi persetubuhan, perzinaan di antara individu-individu di luar sana yang merasakan bahawa hotel-hotel

bajet, yang paling penting hotel bajet yang menawarkan tiga jam, dua jam. Dia cari yang ini. Dia tidak cari yang kena bayar satu hari ini. Dia cari tiga jam, dua jam ini. Sebab dia hendak buat benda itu sahaja. Kemudian dia hendak tinggal bilik tetapi masalahnya natijahnya kepada keluarga-keluarga yang mendiami selepas itu hotel-hotel bajet ini.

Sebagai contoh, saya pernah pergi di Kuala Selangor Tuan Yang di-Pertua hotel bajet. Saya faham hotel bajet ini di bawah kuasa PBT tetapi mungkin ada pelaksanaan ataupun arahan mekanisme itu daripada pihak kementerian. Pergi Tuan Yang di-Pertua, masuk ya lah hotel bajet, waktu itu saya sudah sampai pukul 2 pagi, program akan bermula jam 7.30 pagi. Saya masuk *check-in*, saya malam itu tidur di bawah tidak tidur di atas katil Tuan Yang di-Pertua. Sebab apa? Cadar yang menutup katil itu sendiri penuh dengan tompokan-tompokan- yang saya tidak payah sebutlah. Bagaimana hotel-hotel bajet ini akhirnya diguna pakai dan dari segi kebersihan itu sendiri tidak ada dititik beratkan.

Apabila saya mengadu kepada pihak pengurusan, dia kata, "*You nak, you tidur. You tak nak you keluar*". Angkuh. Sombong. Ini kerana dia tahu, di kawasan itu hanya dia sahaja yang ada hotel-hotel bajet pada ketika itu ataupun hotel yang disediakan di kawasan itu. Jadi, itu yang saya hendak minta kalau ada di peringkat kementerian ini hapuskanlah hotel-hotel bajet sejam dua jam ini. Makna keluarkan satu arahan, hotel-hotel bajet yang hendak beroperasi tidak ada lagi dua jam, tiga jam, empat jam sewaan ini. Tidak ada sudah. Sebab bagi saya itu menggalakkan lagi penggunaan di kalangan mereka-mereka yang tidak bertanggungjawab ini untuk menjadikan situ sebagai *port* mereka. Itu yang pertama.

Kedua Tuan Yang di-Pertua. Dalam isu *homestay* ini. Saya juga hendak minta penelitian di pihak kementerian. Saya juga faham isunya PBT tetapi di pihak kementerian kena ada juga suatu perkara yang perlu diperhalusi arahan ataupun standard, syarat daripada pihak kementerian kepada pengusaha-pengusaha *homestay* ini. Ini kerana contohnya, di kawasan perumahan saya ada *homestay*, Tuan Yang di-Pertua.

Malangnya, anak-anak muda ini dia ambil *homestay* itu dijadikan malam untuk pesta, Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin Samad. Dia berkaraoke apa semua. Kita datang marah, dia kata saya bayar ini sewa *homestay*. Dia kata *owner homestay* bagi dia sewa *homestay*, dia bayar, dia suka hati dialah hendak buat apa. Akan tetapi, ini yang kita kata ini. Pengguna-pengguna *homestay* itu satu hal lah, pengusaha ini pun sama juga. Kalau perlu ada satu undang-undang yang ketat terhadap pengusaha-pengusaha *homestay* ini, maknanya dia kena ada sikap tanggungjawab kepada individu yang dia bagi sewa *homestay* dia. Isu *parking* tambahan lagilah.

Saya pergi satu tempat di Johor, datang dengan *family* empat lima kereta. *Homestay* cantiklah tetapi *parking* tidak ada, Tuan Yang di-Pertua. Terpaksa *parking* di jalan besar, berjalanlah masuk ke *homestay*. Jadi ini juga saya kira kepekaan. Ya, maknanya prasyarat yang boleh diletakkan oleh kementerian hendak buat *homestay* boleh tetapi ada syarat-syarat yang ditetapkan. Kalau tidak menepati kriteria tidak boleh diterima sebagai *homestay* dan saya galakkan juga...

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin:** Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail:** Hah, boleh. Sebab dia hari itu lagi dia taram saya. Jangan marah-marah bang. Panglima tidak boleh marah.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin:** Tidak, tidak. Saya sayang kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya mana hendak marah. Saya sayang dekat adik saya Yang Berhormat ini. Saya Tuan Yang di-Pertua, tadi dalam bilik air. Bila saya dengar bab bersetubuh itu saya lari masuk dalam Dewan ini. Sebab saya hendak tanya dengan Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia bukan bersetubuh dekat Dewan Yang Berhormat.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin:** Tidak, tidak [*Ketawa*] Saya hendak tanya, bab bersetubuh ini, bab hotel murah ini. Berlaku di negeri mana? Setahu saya, yang banyak kes-kes, saya mengulangi apa Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail sebut dua jam, tiga jam. Saya yang lelaki pun tidak pernah dengar, tidak pernah tengok tompokan-tompokan ini. Apa yang saya ingat kes tompokan tilam dibawa ini 90-an dahulu. Talam-talam diusung ke mahkamah. Ada tompokan-tompokan macam Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail sebut itu.

Cuma saya hendak tanya, adakah Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail bersetuju, adinda yang saya kasihi, kes-kes seperti ini banyak berlaku di negeri Selangor. Saya tidak nafikan di kawasan Parlimen saya di Parlimen Gombak hotel-hotel murah ini yang diguna seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail ini macam cendawan tumbuh. Saya bersetuju supaya mintalah Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail sampaikan juga kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor yang juga Ahli Parlimen Gombak, bersihkan dahulu di peringkat negeri Selangor, baru cakap di peringkat yang lebih besar. Jadi apa pandangan Yang Berhormat?

**Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail:** Apabila sesuatu kebaikan itu kita hendak buat ia harus meliputi semua perkara. Oleh sebab itu, penyampaian saya itu tidak meletakkan prejudis kepada mana-mana pihak kerana saya hendak melihat satu persekitaran yang baik, yang boleh dinikmati oleh semua pihak. Isunya bukan hanya di Selangor Tuan Yang di-Pertua, isunya di Perak pun sama.

Oleh sebab itu saya kata kalau kita pergi lebih detil kepada negeri. Benda ini tidak selesai kerana apa? Kita bercakap tentang prejudis politik itu di sini. Akan tetapi saya lebih kepada bagaimana kita hendak memperkasakan, memperbaiki persekitaran masyarakat kita sebab itu tumpuan saya lebih kepada dasar, lebih tumpuan kepada penyelesaian kepada permasalahan ini. Tuan Yang di-Pertua, nanti saya akan *WhatsApp* Yang Amat Berhormat Dato' Seri Mohamed Azmin, *insya-Allah* saya akan sampaikan orang kuat Gombak ini punya saranan.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Yang Berhormat...

**Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail:** ...Sebab malam itu saya tunggu juga dari Gombak, kalau hendak, hendak bagi juga bercakap malam itu tetapi tidak nampak.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Yang Berhormat...

**Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail:** Akan tetapi terima kasih...

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Yang Berhormat, minta laluan.

**Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail:** Yang Berhormat Dato Khairudin, ini saya tidak bolehlah. Ini kena bagi laluan.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Saya hendak sambut apa Yang Berhormat sebut tadi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** ...Apa Yang Berhormat Datuk Megat tadi dia dalam bilik air, saya tidak tahu dia buat apa, dia dengar cerita seks ini [*Ketawa*] Apa dia buat dalam bilik air, kita tidak tahu.

**Seorang Ahli:** [*Menyampuk*]

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Saya terperanjat sebab dia kata dia duduk dalam bilik air itu *dok* dengar cerita seks. Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan Yang Berhormat tadi. Cuma saya hendak tambah dekat Putrajaya ini, di depan batang hidung Menteri berlaku rumah-rumah yang dijadikan rumah *homestay* ini kadang-kadang. Ini *complaint* daripada penduduk di situ, bas persiaran pun masuk *park* di depan rumah itu. Jadi elok juga, saya bersetuju dengan Yang Berhormat, kalau boleh kementerian melihat ini. Sampai bas persiaran masuk, panjang dia *park* di situ. Bayangkanlah kereta-kereta tuan rumah yang sebelah jiran-jirannya itu tidak dapat menggunakan tempat itu. Terima kasih.

**Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail:** Itu Tuan Yang di-Pertua, saya kira kena ada garis panduan yang tegas daripada pihak kementerian dalam isu *homestay* ini. Kita menggalakkan masyarakat untuk menambah ekonomi tetapi perlu ada prasyarat yang menyenangkan semua orang bukan menambah susah dan beban kepada masyarakat yang lainnya.

Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak masuk. Tidak banyak dua lagi isu iaitu soal umrah ini. Baru-baru ini Kementerian Pelancongan diasak dengan isu IMAMS dan sebagainya. Saya juga hendak minta penjelasan daripada pihak kementerian sebenarnya. Ya lah, orang kata barang yang lepas jangan dikenang tetapi bagi saya perlu ada satu jawapan yang orang kata rasmi dibuat oleh pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri dan kementerian di dalam Dewan ini kerana isu ini hangat Dato' Sri Khairudin, dibincangkan di luar dan menjadi bahan bualan.

Saya hendak minat, tidak kiralah selepas ini diadakan pula, IMAMS ini dibatalkan. Ada pula bilal kah, makmum kah, siak sekalipun GST ini janganlah difikirkan Tuan Yang di-Pertua. Kita sudah ambil RM40 untuk perkhidmatan yang kita serahkan kepada badan ini pun, saya kira ini sudah mencukupi. Walaupun pada dasarnya saya tidak bersetuju Tuan Yang di-Pertua. RM40 untuk insurans itu saya bersetuju tetapi RM40 untuk membayar kos perkhidmatan kepada syarikat yang mengelolakan insurans ini, saya tidak bersetuju.

Tambahan pula dengan GST yang hendak dikenakan itu, saya memang tidak bersetuju Tuan Yang di-Pertua kerana kita melibatkan isu ibadah. Kalau benda lain kita boleh terimalah tetapi ibadah ini mungkin boleh ditengok kelonggaran di pihak kementerian agar GST ini janganlah diadakan walaupun selepas pilihan raya nanti hendak difikirkan, dibuat nama yang lain, GST ini saya minta dalam topik ibadah ini kita pertimbangkan semula.

Saya juga hendak bertanya, sebelum kementerian menggembar-gemburkan ataupun melancarkan program IMAMS ini, adakah tidak dibuat kaji selidik di peringkat bawahan tentang penerimaan masyarakat tentang IMAMS? Ini kerana saya merujuk kenyataan Menteri mengatakan bahawa ia bukannya perkara wajib Dato' Sri Khairudin. Maknanya ia ada pilihan. Masyarakat ada pilihan. Akan tetapi kemudian *viral* surat-surat daripada IMAMS ini sampai kepada mereka-mereka yang hendak mengerjakan umrah. Maknanya benda itu sudah menjadi wajib ke atas orang yang hendak pergi mengerjakan umrah walaupun Menteri sebut tidak wajib. Jadi ada kekeliruan berlaku di

situ. Jadi ya lah, benda sudah batal pun tetapi saya hendak minta perincian daripada pihak Timbalan Menteri.

■1830

Kemudiannya dalam isu umrah ini. Kita tengok sekarang banyak kes penipuan. Tuan Yang di-Pertua, saya minta sangatlah mana-mana individu yang dibawa dan dihadapkan ke mahkamah ini, yang didakwa dalam penipuan umrah ini janganlah tolong tutup muka dia, jangan Tuan Yang di-Pertua. Biarlah muka dia itu suruh diangkat, ambil gambar dan tunjukkan kepada seluruh negara. Inilah orang yang menggunakan agama untuk kaut keuntungan yang harus kita perkenalkan kepada seluruh masyarakat supaya apabila dia nampak muka individu ini, dia tahu orang ini penipu dalam agama. Oleh sebab ini yang berlaku, bila ini kita tolong tutup muka dia sebab apa? Dia malu. Waktu dia curi duit orang, dia tidak malu. Akan tetapi selepas itu dia ada pula perasaan malu. Jadi saya minta sangat.

Soal penipuan-penipuan umrah ini dipertingkatkan. Kalaulah boleh saranan saya, cadangan saya kepada pihak kementerian kita ada lebih, saya kira 58 kah atau dekat 60 macam itulah. Jumlah ejen-ejen umrah ini yang ada, yang saya rasa rasmi di bawah kementerian yang boleh diguna pakai. Mengapa tidak, kementerian meletakkan syarat kepada mereka ini untuk meletakkan mini pejabat mereka di pejabat-pejabat Tabung Haji negeri dan daerah? Maknanya, apabila ada pejabat mini ini Yang Berhormat Dato' Seri Khairudin di dalam Tabung Haji, masyarakat tidak perlu cari ejen luar.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Oardin:** ...Yang Berhormat Dato' Seri Khairudin sahaja.

**Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail:** Oleh sebab tadi dia kata dia muda, sebab itu saya pandang dia itu. Oleh sebab saya hendak tahu dia punya rahsia muda, awet muda itu. Jadi apa— sudah lupa apa hendak cakap [*Ketawa*] Abang saya memang macam ini.

**Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail:** Oleh sebab itu...

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Oardin:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, dia malam *kang, wish* dia lain. Jadi Yang Berhormat Menteri, saya hendak tanya mungkin boleh dipraktikkan. Maknanya kita letak mini pejabat di dalam Tabung Haji ini, kita uar-uarkan kepada masyarakat hendak pergi umrah melalui Tabung Haji. Maknanya ejen-ejen ini dihidupkan di dalam bangunan Tabung Haji itu sendiri.

Dia tidak perlu lagi hendak tunggu *pamphlet* datang depan rumah dia. Dia tidak perlu tanya kawan-kawan dia, bangunan mana hendak pergi, hendak cari ejen umrah. Dia terus pergi kepada Tabung Haji, di bawah bangunan Tabung Haji itu disiapkan terus kaunter-kaunter ejen yang di bawah kementerian yang sah sebagai rujukan. Sudah daftar, sudah sah barulah ia *dichannelkan* ke syarikat itu melalui bangunan syarikat itu sendiri. Itu yang pertama.

Saya juga hendak tahu, dari segi penyampaian maklumat di pihak kementerian. Bagaimana kita menguar-uarkan kepada masyarakat bahawa ini sah, ini tidak sah? Ini kerana saya tidak melihat Tuan Yang di-Pertua, di dalam akhbar *Sinar* sekali pun sebab *Sinar* ini ialah akhbar utama rakyat Malaysia sekarang. Tidak ada disenaraikan ataupun dibuat dalam tujuan publisiti kepada masyarakat, disenaraikan semua yang sah ini agar jadi rujukan kepada masyarakat. Dia tidak perlu, dia baca akhbar

dia kata, “*Mak, mak hendak pergi haji, mak kena check yang ini. Ada tidak nama ejen itu dalam ini? Kalau ada okey, kalau tidak ada kita kena buat report*”.

Jadi apabila tidak ada mekanisme yang begitu, ini yang berlaku ejen-ejen datang rumah ketuk pintu. “*Makcik, kami tawarkan lagi murah daripada harga yang ditawarkan si anu ini*”. Jadi kalau hendak, boleh atau tidak ini semua. Jadi ini saya katakan mekanisme penyampaian maklumat yang kalau boleh difikirkan dengan lebih wajar oleh pihak kementerian. Contohnya, selingan di televisyen kah, dua atau tiga minit, memaparkan nama-nama ejen-ejen umrah yang sah di bawah kementerian, itu akan dapat membantu kementerian dan juga masyarakat di luar sana daripada terus ditipu oleh ejen-ejen penipu ini.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya kepada pihak kementerian dari jumlah keseluruhan sekaranglah, sedang berlaku penipuan ini. Oleh sebab saya kasihan dengan kementerian sebab kementerian memikirkan IMAMS itu adalah untuk menghapuskan penipuan tetapi akhirnya kementerian pun tertipu dengan IMAMS ini apabila ada individu-individu yang akhirnya mengguna pakai program itu untuk orang kata, ya lah, mengaut keuntungan dalam keadaan yang sama mencalitkan nama buruk kepada pihak kementerian.

Jadi ini yang saya hendak minta pihak kementerian senaraikan kalau boleh dari segi angka, berapa yang sah setakat sekarang? Apa yang saya tahu, 58 dalam bacaan saya. Akan tetapi mungkin kementerian ada yang lebih *detail*, berapa yang ada, yang sah dan berapa yang tidak sah? Setakat sekarang dari segi pendakwaan, saya hendak tahu berapa ramai yang telah didakwa dan disabitkan kesalahan? Ini kerana jarang-jarang betul saya lihat paparan berita mereka yang didakwa ini diceritakan pula telah pun disabitkan kesalahan. Jadi saya minta perincian...

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail:** Ya, ya.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Saya hendak celah yang itu sikit, Tuan Yang di-Pertua. Saya difahamkan pengusaha-pengusaha IMAMS ini, tidak ada seorang pun yang pernah pergi umrah tetapi dia buat umrah. Itu yang pelik itu. Terima kasih.

**Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail:** Dia tidak pergi umrah, hendak ambil air sembahyang pun dia tidak boleh. Itu yang lagi lebih membimbangkan kita. Jadi saya mintalah pihak kementerian. *Insyah-Allah*, saya rasa kalau benda baik yang kita hendak buat, Allah SWT akan lorongkan perkara yang baik tetapi yakinlah kalau kita buat untuk komuniti kita dalam isu agama lebih-lebihnya, Allah SWT akan memberkati kita semua. Sekian, *wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim, tidak ada?

**Seorang Ahli:** Sudah balik Kelantan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, silakan Yang Berhormat Datuk Rabiyyah binti Ali.

6.36 ptg.

**Datuk Rabiyyah binti Ali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih saya ucapkan kerana telah memberikan keizinan kepada saya untuk membahaskan rang undang-undang bagi

meminda Rang Undang-undang Industri Pelancongan (Pindaan) 2017. Tuan Yang di-Pertua, sebagai meringkaskan pembahasan rang undang-undang ini, saya ingin mengemukakan persoalan mengenai perkara-perkara yang berikut seperti yang diambil perhatian sewajarnya, yang mana telah juga dibawa oleh beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat yang bercakap berkenaan dengan pembahasan ini.

Kementerian sebagai agensi yang memberikan lesen operasi kepada premis penginapan. Persoalan pertama saya yang ingin saya kemukakan adalah mengenai tahap keselamatan dan tanggungjawab ataupun operator premis penginapan *homestay* ini yang saya hendak maklumkan untuk mematuhi keperluan pematuhan keselamatan dari segi kebakaran dan juga melengkapkan premis penginapan atau mencegah kebakaran sebagai ketetapan yang dikuatkuasakan oleh bomba.

Kedua, saya tengok di Melaka kebanyakannya *homestay* ini laku. Oleh sebab apa, kebanyakannya dia buat di kampung-kampung. Apabila dibuat di kampung-kampung, mereka hendakkan *environment* kampung dan juga *environment* suasana yang boleh untuk percutian mereka. Apabila rumah yang dia sewakan ini, kadang-kadang kita tengok tidak melambangkan menarik kepada pelancong itu. Terutamanya kadang-kadang kepada suasana kebersihannya. Kadang-kadang kita tengok longkang-longkangnya, kita tengok sampah sarap yang ada juga dan kita takut ini akan menyebabkan dapat penyakit, hendak nyamuk aedes ini ada. Selepas itu pelancong yang datang pun, pelancong pun boleh kena sakit. Ini yang kita takut, kita minta PBT pada hari minta pihak kementerian memantau perkara-perkara ini.

Lagi satu, mereka bak kata tadi Yang Berhormat, fasal bas pelancong, memang betul. Dia letakkan di ruang kampung itu lorong jalan yang sempit. Akan tetapi kalau bas sudah masuk, kereta banyak sudah masuk mengganggu. Jadi kacau ganggu kepada penduduk di *homestay* ini. Soalan saya, bagaimana cara dan kaedah kementerian juga memastikan tanggungjawab operator *homestay*...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat. Yang Berhormat, sekejap.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Okey.

**Datuk Rabiyah binti Ali:** Soalan saya yang kedua ini, bagaimanakah caranya dan kaedah kementerian memastikan tanggungjawab operator *homestay* ini memastikan kenderaan ataupun penyewa premis penginapan tidak mengganggu persekitaran kejiranan di mana premis ini disewakan kepada orang awam? Ini kerana terdapat aduan dan juga maklum bahas negatif kepada orang-orang kampung yang telah menyebabkan laluan masuk di kawasan kejiranan terhalang dan juga ganggu privasi di kejiranan tersebut.

Oleh itu, apakah implikasi perluasan skop tafsiran premis penginapan di bawah Akta 482? Oleh itu, saya mohon menyokong rang undang-undang ini. Semoga dengan jawapan kepada setiap soalan yang diberikan oleh saya dan rakan-rakan akan meningkatkan lagi pertumbuhan sektor pelancongan negara. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan sekarang saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab.



**6.39 ptg.**

**Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan [Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Haji Samsudin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**■1840**

Saya ucapkan terima kasih juga kepada tujuh orang Ahli Yang Berhormat Senator yang telah pun berbahas dengan panjang dan lebarnya dan juga *concern* dengan memberi perhatian seumpamanya bagi merencanakan lagi industri pelancongan di tanah air kita ini.

Bermula daripada orang Melaka, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abudullah bin Salleh yang mana telah pun menyatakan dan juga menanyakan bagaimanakah kerajaan boleh mengawal selia premis penginapan inovatif bagi memastikan kualiti perkhidmatannya, bagi memastikan kualiti premis perkhidmatan inovatif.

Oleh sebab itulah pihak kerajaan sebelum ini kita pukul rata sahaja memberikan pengelasan tetapi kali ini, kita telah pun memperkemaskan sistem penarafan hotel kepada lima kategori sebagaimana yang telah saya beritahu tadi iaitu hotel bandar, hotel tanah tinggi, hotel pulau pantai, tasik atau sungai, hotel inovatif dan juga hotel butik. Standard ini adalah merupakan sebagai jaminan kepada kualiti yang ditawarkan oleh premis penginapan inovatif. Selain daripada itu juga kita bekerjasama rapat dengan pihak PBT.

Keduanya, berkenaan dengan pindaan subseksyen 5(3) iaitu penjelasan kenapa daripada 53 naik tinggi sampai 500,000 dan yang pertamanya, ini adalah merupakan pindaan kali pertama sejak daripada tahun 25 tahun yang lepas dan ini adalah kali pertama kita ingin meminda jumlah daripada 50,000 kita naik kepada 500,000 dan juga penjara selama sepuluh tahun. Peningkatan ini adalah perlu bagi mencegah kes-kes penipuan yang berlaku dan yang keduanya, peningkatan kadar penalti tersebut tidak membebankan pengusaha pelancongan kerana ia adalah setara dengan keuntungan yang diperoleh melalui penipuan yang telah pun dilakukan.

Begitu juga ia bertujuan sebagai salah satu usaha pencegahan pelanggaran undang-undang agensi pelancongan yang berlesen dan tidak berlesen dengan pihak kementerian. Diharap ia akan dapat memberikan implikasi yang positif seperti daripada agensi pelancongan yang tidak berlesen akan datang mendaftar dan juga memohon lesen dengan kementerian. Keduanya, agensi pelancongan berlesen akan patuh undang-undang yang berkuat kuasa termasuklah memastikan tanggungjawab ke atas pelancong yang mereka kendali dan juga laksanakan dan kesan secara tidak langsung akan mendatangkan manfaat kepada pengguna yang akan mendapat perkhidmatan seperti mana yang mereka harapkan.

Ketiga, Yang Berhormat Senator Datuk meminta bagaimanakah statistik dan juga boleh menjawab bagaimana yang telah disentuh oleh Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah sebentar tadi yang mana kes penipuan umrah daripada tahun 2015, 2017 kalau kita tengok daripada statistik. Ada tiga saya beri statistik Yang Berhormat.

Pertamanya, daripada KPK iaitu daripada pihak Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan. Keduanya daripada pihak KPDNKK dan yang ketiga adalah melalui pihak PDRM dan juga KPDNKK, ada tiga.

Untuk aduan umrah yang diberikan kepada pihak kementerian, daripada tahun 2015 ada sebanyak 84 aduan, tahun 2016 sebanyak 73 aduan dan tahun ini setakat November 2017, sebanyak 75 aduan. Terbaru, hari Ahad bila kita batal- hari Sabtu pengumuman, hari Ahad itu sudah keluar dalam surat khabar, ada 71 orang yang ditipu oleh seorang ustazah. Itu yang terbaru tetapi belum lagi ada aduan kepada pihak kementerian.

Statistik kes yang melibatkan pakej umrah ini, daripada tahun 2015, 60,000 dikenakan kompaun ataupun denda, tahun 2016 adalah sebanyak 154,000, tahun 2017 sebanyak 129,500. Itu daripada segi jumlah kompaun ataupun denda yang telah pun kita lakukan. Daripada tahun 2009 sampai tahun 2017, sebanyak 12 syarikat-syarikat yang telah pun kita batalkan lesen mereka. 12 syarikat ini adalah daripada 41 pembatalan lesen daripada kes-kes lain tetapi daripada umrah sahaja, adalah sebanyak 12.

Memang nama dia selalu kita sebut. Kalau Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah- saya merujuk juga kepada yang ini, katakan tidak pernah dengar, Warith NY Travels & Tours; Tijaratun Nur Travel & Tours; Qaisar Travel & Tour; Permata El-Nur Travel & Tours; Hijjaz Legend Travel & Tours; J&J Mesra Travel & Tours; Seven Seas Travel & Tours; Yadh Travel & Tours Sdn. Berhad; ANF Holidays Sdn. Berhad, Madain Al-Taqwa Travel & Tours Sdn. Berhad, Irna Yakin Travel & Tours Sdn. Berhad- Irna Yakin; yang tidak yakin, tidak tahu- Agensi Pengembaraan Asari Murni Sdn. Berhad; dilarang menjalankan aktiviti *outbound* dan yang *latest* sekali, Ukhwah Firdausi Travel Sdn. Berhad; yang telah pun kita batalkan lesen mereka.

Okey, apabila melibatkan KPDNKK pula, daripada tahun 2015, jumlah tuntutan RM8 juta, hampir 9 jutalah saya hendak sebut, RM8,944,452 dengan kes 1,461. Tahun 2016, bila kita buat *all out*, 298. Jumlah tuntutan RM1,503,446.30. Ada 30 sen. Bulan November, 287 kes, jumlah tuntutan hampir dua juta, yang di-*award*, 845,000. Jadi, ini semua adalah jumlah-jumlah yang sangat membimbangkan.

Statistik di PDRM pula, daripada tahun 2015, 45 kes yang membawa kerugian sebanyak RM2,407,819. Tahun 2016, 52 kes, RM2,372,114. Bulan November 2017 ada 42 kes yang membawa jumlah RM1,491,515. Jadi itulah jumlah statistik yang kita nyatakan.

Keduanya saya pergi kepada Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin yang telah pun bertanyakan tentang syarat kredibiliti dalam kita melaksanakan lesen khas umrah ini. Pasti lesen khas umrah ini adalah satu lesen tambah bidang dan bukannya satu lesen yang baru dibuat ataupun ia *stand alone*, mohon, dengan izin, dan syarikat agensi pelancongan ini terlebih dahulu mestilah memperoleh lesen *inbound*, lesen *outbound* dan lesen *ticketing* ataupun lebih nama pendeknya, kita panggil IOT yang mana syaratnya adalah dengan lebih ketat lagi. Bagi mendapatkan lesen IOT ini, syarikat-syarikat itu perlulah ada pengalaman dalam perniagaan pelancongan ataupun melantik pekerja-pekerjanya yang ada pengalaman dalam bidang pelancongan.

Selain daripada itu juga, pihak syarikat perlu ada satu *indemnity insurance* serta ahli lembaga pengarah ataupun pemegang saham syarikat juga perlu hadir untuk Kursus Pengukuhan Pemantapan Umrah (KPPU) terlebih dahulu. Jadi saya juga hendak maklumkan di sini, daripada lesen khas umrah yang telah pun kita laksanakan sebahagian daripada transformasi melalui Majlis Kawal Selia Umrah yang kita lakukan dan bermula pada 3 Oktober yang lepas, sebanyak 65 syarikat yang ada muassasah,

lesen muassasah ini yang telah berjaya didaftarkan dan sebanyak 169 yang mempunyai sub LKU di bawah pihak kementerian telah pun berdaftar di pihak kementerian.

Kedua, Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah juga menyatakan apakah tindakan yang boleh diambil sekiranya pelanggan menyatakan ekspektasinya tidak dipenuhi. Maksudnya dia mengharapkan apabila dia *booking* ya- Hari ini macam-macam ada yang di aplikasi sama ada di web dan sebagainya. Jadi apabila kita buat *booking*, sebagaimana yang dinyatakan tadi, tiba-tiba datang almari senget, katil roboh dan sebagainya. Jadi itu kadang-kadang kita sebagai pelanggan tidak berpuas hati.

Jadi sekiranya penawaran premis penginapan tidak memenuhi ekspektasi pihak pelanggan, maka pihak pelanggan bolehlah melaporkan ketidakpuasan hati kepada pihak KPDNKK memandangkan kementerian ini bertanggungjawab dalam hal kepenggunaan. Pihak MOTAC juga akan melakukan *engagement* dengan pihak MAH dan juga MAHO iaitu *Malaysian Association Hotel* sekiranya maklumat lengkap dapat diberikan kepada pihak kami untuk kita memperbaiki perkhidmatan yang diberikan kepada pihak pelanggan. Mereka juga kalau-kalau ada pengguna-pengguna yang tidak puas hati juga mereka boleh buat pengaduan kepada pihak Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) bagi tujuan bayaran balik.

Ketiganya, daripada Yang Berhormat Senator Datuk Lee Tian Sing, saya ucapkan syabas dan tahniahlah kepada Yang Berhormat baru sahaja dilantik. Saya tengok Yang Berhormat ini macam saya kenal. Rupanya Yang Berhormat daripada Masjid Tanah. Tahniahlah orang Masjid Tanah. Okey Yang Berhormat Senator Datuk Lee, kawalan terhadap penjualan pakej-pakej bersepadu.

#### ■1850

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan Akta 482 pihak kementerian hanya melesenkan syarikat agensi pelancongan yang menawarkan pakej pelancongan yang kita pakej kan produk pelancongan, agensi pelancongan termasuklah akses kepada taman-taman tema dan juga taman tempat pelancongan. Sekiranya terdapat pakej yang ditawarkan oleh mana-mana taman tema di mana lokasi lawatan adalah berbentuk *in house* iaitu di dalam kawasan miliknya maka ianya tidak dikawal selia oleh pihak kementerian. Contoh macam *Sunway Lagoon*, *Afamosa Resort* dan sebagainya. Akan tetapi sekiranya ia menawarkan pakej pelancongan lain daripada satu lokasi kepada satu lokasi yang lain dan juga taman tema yang lain di luar seperti bagi tujuan membeli belah dan sebagainya, maka pengusaha pakej pelancongan tersebut perlulah melesenkan dengan pihak kementerian.

Dalam hal ini pemantauan berkala oleh pihak kementerian di peringkat negeri akan sentiasa diadakan dari semasa ke semasa selain mengambil tindakan ke atas aduan seumpamanya yang diterima oleh pihak kementerian. Pada masa yang sama pengguna turut boleh mengemukakan aduan macam sama juga untuk membuat tuntutan bayaran balik daripada TTPM atau Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia, bagi penipuan ataupun ketidakpuasan hati ke atas pakej bersepadu yang telah pun di beli.

Keduanya, berkenaan isu kad keahlian pakej pelancongan atau penginapan. Ini kita tengok banyak yang telah pun menawarkan macam-macam pakej percutian, dapat hotel dan sebagainya yang berleluasa hari ini dan sebab itulah Tuan Yang di-Pertua berkenaan dengan tawaran kad keahlian pelancongan yang ditawarkan berserta dengan pakej penginapan, lawatan, jadi pihak kementerian

telah pun mendapati kebanyakan kes seumpama ini adalah berbentuk *scam* ataupun berbentuk penipuan. Sehubungan dengan itu, pihak kementerian telah pun melarang penjualan kad keahlian oleh syarikat agensi pelancongan yang berlesen dengan kementerian dan tindakan boleh diambil di bawah pelanggaran seksyen 6K kerana ianya menjalankan perniagaan yang tidak dilesenkan.

Seterusnya kuasa untuk mengambil tindakan ke atas pengusaha *resort* atau taman tema yang menawarkan kad keahlian tahunan bagi akses kepada taman-taman tema ataupun lokasi pelancongan milik syarikat itu sendiri adalah sebenarnya berada di bawah bidang kuasa pihak PBT yang melesenkan syarikat taman tema tersebut ataupun pengusaha *resort* tersebut. Walau bagaimanapun, pihak kementerian akan meningkatkan kerjasama dengan pihak PBT untuk turun ke lapangan bagi menangani isu-isu yang berkaitan dengan lokasi-lokasi pelancongan terbabit.

Sebagaimana itu daripada Yang Berhormat Dato' Lee dan saya ucapkan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Dr. Zaiedi di atas cadangan dan juga pandangan berkenaan dengan kerja-kerja dan juga *engagement* yang perlu dibuat oleh pihak kementerian dengan *the all stakeholder* negeri dan juga dengan industri *player* dan sebagainya. Kita ambil maklum dan juga ambil perhatian tentang cadangan dan juga pandangan yang telah diberikan.

Seterusnya, sahabat saya Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah yang menyentuh tentang soal dua, tiga jam ini dan juga tompok-tompok itu, macam ku kenal tompok-tompok itu. Jadi pihak kementerian sentiasa dan juga sedia menerima cadangan-cadangan kalau ada macam mana hendak membendung gejala-gejala dua, tiga jam ini kerana kita juga tidak mahu di tuduh mengganggu perniagaan hotel-hotel bajet ini.

Kalau kita tengok Yang Berhormat sedia maklum, pihak kementerian tidak ada kuasa untuk menghapuskan premis-premis tersebut ini kerana ianya sebenarnya berada di bawah kuasa PBT dan pihak kementerian hanya melesenkan syarikat-syarikat yang menawarkan pakej-pakej pelancongan dan tidak melesenkan premis-premis penginapan tersebut kerana ianya dilesenkan di bawah pihak PBT. Jadi perkara keduanya menyentuh tentang *homestay* dalam persoalan ini juga kita mengalu-alukan cadangan daripada Yang Berhormat tetapi walau bagaimanapun pihak kementerian bersetuju bahawa pihak pengusaha *homestay* perlulah memperbaiki infrastruktur dan juga premis *homestay* untuk keselesaan pelanggan dan juga komuniti tempatan.

Begitu juga pihak kementerian buat masa ini hanya menetapkan garis panduan terhadap *homestay* yang hanya berdaftar dengan pihak kita. Manakala *homestay* yang tidak berdaftar dengan pihak kementerian ianya di bawah kawal selia pihak PBT. Kalau kita tengok cadangan sebagaimana Yang Berhormat maklumkan itu, saya yakin dan percaya *homestay* itu adalah tidak berada di bawah *homestay* yang didaftarkan di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan. Ini kerana *homestay* di bawah MOTAC ianya adalah berdasarkan usaha pihak kerajaan untuk membantu masyarakat luar bandar untuk mendapat manfaat daripada sektor pelancongan.

*Homestay-homestay* yang ditawarkan di bandar bersifat *illegal* dan tidak memenuhi kriteria *homestay* seperti yang ditawarkan oleh MOTAC. Sebab itu kalau kita tengok dalam *homestay* punya ini— sebenarnya kita hendak menawarkan pengalaman. *Homestay-homestay* yang berdaftar di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan— terima kasih Yang Berhormat Arau bagi saya tisu. Sayang dia.

Okey, kalau kita tengok yang berdaftar dengan pihak Kementerian Pelancongan antaranya antara perkara-perkara yang perlu diberi perhatian mestilah mempunyai:

- (i) 10 buah rumah bagi setiap *cluster homestay*;
- (ii) mempunyai kemudahan dari segi perhubungan dan pengangkutan ataupun *accessibility*; dan
- (iii) mempunyai sikap *act and think tourism* dan sebelum *homestay* berdaftar dengan pihak kementerian mereka perlulah menghadiri kursus asas *homestay* anjuran Institut Kemajuan Desa (INFRA).

Peperiksaan ke atas *homestay* akan diadakan setiap tiga tahun sekali. Jadi yang kita tengok hari ini yang tumbuh bagai cendawan adalah *homestay-homestay* yang tidak berdaftar dengan kita tetapi mengguna pakaikan nama *homestay*. Ada nama macam-macam nama, tetapi nama *homestay* yang paling banyak sekali kita dapati. *Homestay* di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan kita menawarkan pengalaman. Contoh, tidur di rumah *homestay* sekian-sekian ini dia akan dapat bermain ayam dan itik, turun ke bendang dan sebagainya. Pelancong bukan hanya dapat makan dalam dulang dan sebagainya tetapi pengalaman selain daripada kebudayaan yang ditawarkan.

*Homestay* yang ada ditawarkan secara *illegal* ini hanya setakat duduk sebab itu Yang Berhormat Datuk Rabiya binti Ali tadi dia cerita dengan saya ada satu rumah *homestay* itu namanya *homestay*, disumbatkan satu bas boleh isi dalam satu rumah yang ada dua bilik. Jadi macam mana. Jadi perkara-perkara ini yang kita minta kerjasama daripada pihak PBT untuk melihat sekali, *alright*.

Okey yang seterusnya cadangan mini syarikat di dalam TH setiap negeri. Jadi pihak kementerian menyambut baik cadangan tersebut dan akan memperhalusi perkara ini dengan pihak TH. Pada masa ini syarikat-syarikat pelancongan yang berlesen dengan MOTAC telah pun mempunyai cawangan-cawangan mereka tersendiri yang turut dilesenkan di bawah MOTAC. Jadi cadangan Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah ini akan kita perhalusi lagi bersama dengan pihak TH. Oh yang fasal tadi tanya LKU semua saya sudah sentuh ya. Jadi saya juga hendak bagi tahu tentang IMAMS itu telah dibatalkan jadi tidak ada isulah tentang hal itu. Jadi kalau hendak tanya itu kita boleh sembanglah di luar ya terima kasih macam biasa.

*Alright* jadi yang seterusnya yang terakhir Yang Berhormat Senator Datuk Rabiya binti Ali orang Melaka juga. Dia ini dulu kawan baik arwah mak saya, arwah mak mertua ya Yang Berhormat Datuk Rabiya orang yang kuat bekerja. Jadi antara kebimbangan beliau bagaimana kementerian memantau tahap keselamatan di *homestay*. Jadi semua pengusaha-pengusaha *homestay* ini sebagaimana saya bagi tahu tadi mestilah berdaftar dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan sebelum mereka diberikan sijil pendaftaran *homestay* oleh MOTAC. Syarat-syarat ini meliputi kesihatan, keselamatan yang diselidikan secara bersama bukan hanya MOTAC sahaja tetapi dengan Jabatan Kesihatan, Tourism Malaysia, JKKK dan juga persatuan *homestay* negeri.

Aspek kebersihan di *homestay* bagi menghindari penularan penyakit yang berbahaya sebagaimana yang telah pun termaktub dalam garis panduan kepada pengusaha *homestay* adalah menjadi tanggungjawab mereka bagi menjamin kebersihan dan keselamatan yang optimum bagi mereka yang menginap di *homestay* itu. Selari dengan garis panduan ini pematuhan juga turut

dilakukan oleh pihak kementerian ke atas *homestay* yang berdaftar bagi memastikan pengusaha mematuhi garis panduan ini.

Jadi itulah Tuan Yang di-Pertua, saya menjawab kepada semua perbahasan dan persoalan yang telah diberikan. Saya ucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah pun memberikan pandangan, cadangan dan juga pertanyaan kepada pihak kementerian. Kami sangat-sangat hargai. Terima kasih.

#### ■1900

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Haji Samsudin, Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan. Ditimbulkan khas tadi tentang fungsi luar bandar dan bandar termasuk juga cadar yang bertompok-tompok dia kata ya. Akan tetapi saya nampak, 'hatiku tengok, hatiku monolog' ya. Jadi sebab kita sudah timbulkan dan kita fikir tindakan akan diambil sebaik-baiknya ya. Banyak perkara yang diceritakan yang menguntungkan kita punya negara, bahawa kita tahu suka tak suka banyak hasil yang kita dapat daripada pelancongan ini ya. Teruskanlah.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[**Fasal-fasal 1 hingga 13** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Datuk Halimah binti Mohamed Sadique) dan diluluskan]*

## RANG UNDANG-UNDANG

### **RANG UNDANG-UNDANG AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIMMALAYSIA (PINDAAN) 2017**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

#### **7.03 mlm.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Pindaan) 2017 untuk meminda Akta Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia 2004 [Akta 633] atau selepas ini disebut sebagai Akta APMM yang untuk mengadakan peruntukan mengenai perkara berkaitan atau bersampingan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Pindaan) 2017 atau selepas ini disebut akta yang dicadangkan bertujuan untuk meminda Akta APMM buat kali pertama. Akta APMM telah digubal dan dibentangkan di Parlimen pada tahun 2004 apabila kerajaan menubuhkan sebuah agensi tunggal bagi menguatkuasakan undang-undang persekutuan yang terpakai di Zon Maritim Malaysia.

Akta APMM telah diwartakan pada 1 Julai 2004. APMM adalah sebagai agensi yang bertanggungjawab untuk melaksanakan fungsi-fungsi penguatkuasaan bagi memastikan kesejahteraan, keselamatan, keamanan dan kedaulatan negara di Zon Maritim Malaysia agar kepentingan maritim dan kepentingan lain negara dalam Zon Maritim Malaysia sentiasa terpelihara.

Di bawah akta ini, APMM juga bertanggungjawab dalam tugas mencari dan menyelamat nyawa dan harta benda semasa berlakunya kecemasan di Zon Maritim Malaysia dan bertanggungjawab untuk melaksanakan tugas penguatkuasaan undang-undang persekutuan yang terpakai di Zon Maritim Malaysia secara efisien dan berkesan di perairan negara seperti mana yang telah diperuntukkan di bawah sekyen 6 dan 7 Akta APMM.

Dalam usaha memperkasakan penguatkuasaan undang-undang di Zon Maritim Malaysia, kekuatan sumber manusia dan kemudahan prasarana yang komprehensif memainkan peranan penting bagi membantu tugas penguatkuasaan APMM berjalan dengan lancar. Selaras dengan fungsi dan kuasa APMM di bawah Akta APMM, penubuhan Pasukan Sukarelawan Simpanan Maritim Malaysia secara langsung dapat menyokong dan membantu pegawai agensi dari aspek kekuatan sumber manusia dalam melaksanakan tugas mencari dan menyelamat serta tugas-tugas keselamatan dan operasi apabila dikehendaki bertugas oleh APMM.

Dengan adanya Pasukan Sukarelawan Simpanan Maritim Malaysia, mereka ini dapat membantu dalam tugas-tugas keselamatan, tugas mencari dan menyelamat serta operasi yang meliputi kawasan rondaan di Zon Maritim Malaysia. Berdasarkan kajian semasa pewujudan Pasukan Sukarelawan Simpanan Maritim Malaysia adalah selaras dengan pasukan sukarelawan yang

diwujudkan oleh agensi kerajaan seperti Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Angkatan Pertahanan Awam dan lain-lain.

Penubuhan Pasukan Sukarelawan Simpanan Maritim Malaysia akan memberi peluang kepada orang awam untuk bersama-sama menjaga kepentingan perairan negara dan memelihara sumbernya. Selain daripada itu, tugas-tugas yang dilaksanakan dapat mewujudkan nilai kesedaran di kalangan anggota Pasukan Sukarelawan Simpanan Maritim Malaysia akan kepentingan dalam memastikan kesejahteraan dan keselamatan di perairan maritim negara sentiasa terjaga dan terpelihara.

Penubuhan Pasukan Kadet Maritim Malaysia oleh Menteri adalah bertujuan untuk memberi pendedahan tentang peranan dan fungsi APMM dalam menguatkuasakan undang-undang di Zon Maritim Malaysia kepada murid-murid sekolah menengah kebangsaan dan pelajar-pelajar universiti awam yang terpilih supaya murid-murid dan pelajar-pelajar ini dapat dibentuk menjadi individu yang berdisiplin dari segi mental dan fizikal sebagai persediaan menjadi pemimpin pada masa hadapan. Hasil daripada kajian semasa terhadap pasukan kadet yang diwujudkan oleh agensi kerajaan seperti Angkatan Pertahanan Awam dan Jabatan Penjara Malaysia, pewujudan Pasukan Kadet Maritim Malaysia akan mengikut modul pelaksanaan seperti agensi-agensi tersebut. Namun dengan sedikit kelebihan kerana bidang tugas APMM melibatkan operasi lautan.

Penubuhan Pasukan Kadet Maritim Malaysia ini merupakan salah satu medium yang menyasarkan golongan remaja dalam usaha membentuk sahsiah dan jati diri serta memupuk semangat patriotisme. Program-program berbentuk kokurikulum yang dilaksanakan di sekolah menengah kebangsaan dan universiti awam akan memberi peluang kepada APMM untuk melahirkan generasi muda yang berkaliber sebagai pelapis masa depan negara yang cemerlang. Dengan amalan budaya maritim yang diterapkan dalam APMM, ia menjadi nilai tambah kepada anggota Pasukan Kadet Maritim Malaysia bagi mendapat pendedahan awal tentang kepentingan menjaga perairan negara.

Lokap. Tugas penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh APMM adalah melibatkan prosedur siasatan terhadap orang kena tahan (OKT). Statistik tangkapan APMM secara purata dalam tempoh setahun adalah seramai 5,375 orang OKT di seluruh negara meliputi keseluruhan Zon Maritim Malaysia. Ketiadaan lokap bagi menempatkan OKT semasa dalam proses siasatan menyebabkan APMM terpaksa memohon OKT ditumpangkan di lokap agensi lain sementara menunggu proses siasatan selesai. Agensi-agensi lain pula mempunyai jumlah lokap yang terhad dan ada kalanya tidak dapat menampung OKT APMM.

#### ■1910

Malah, risiko keselamatan semakin meningkat apabila OKT APMM ditempatkan di lokap yang berasingan dan dikumpulkan untuk dibawa ke mahkamah. Susulan daripada itu, wajar lokap APMM diwujudkan melalui pindaan Akta APMM bagi mengatasi permasalahan yang dihadapi. Lokap APMM adalah antara kemudahan prasarana yang penting bagi melicinkan urusan berkaitan OKT. Pada masa yang sama, aspek penahanan yang selamat dan pematuhan kepada undang-undang yang berkuat kuasa berkaitan pengurusan OKT menjadi keutamaan dalam pewujudan lokap APMM. Rang undang-undang yang dicadangkan ini akan memperuntukkan kuasa bagi pegawai agensi apabila membawa dan menjaga orang awam dalam tahanan APMM. Pewujudan lokap di pejabat APMM membolehkan orang dalam tahanan dikawal, dijaga dan diselia oleh pegawai agensi sendiri.



Bagi pewujudan lokap APMM ini, rujukan turut dibuat kepada Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang mewujudkan lokap sendiri. Melalui penambahan kuasa ini, pegawai agensi yang bertanggungjawab di mana-mana pejabat APMM yang mempunyai lokap dan mempunyai segala kuasa seorang pegawai polis berpangkat Koperal dan lebih rendah dan kuasa seorang pegawai penjara berpangkat Sarjan dan lebih rendah di bawah Akta Penjara 1955 [*Akta 537*] apabila membawa dan menjaga tahanan dan mempunyai segala kuasa seorang pegawai balai polis dalam perihal pengurusan lokap. Manakala, pejabat APMM yang mempunyai lokap pula disifatkan sebagai suatu balai polis melalui pewartaan pejabat APMM yang ditentukan bersesuaian sebagai tempat tahanan di bawah seksyen 7(1), Akta Penjara 1955 [*Akta 537*].

Tuan Yang di-Pertua, tujuan utama Rang Undang-undang Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Pindaan) 2017 yang dicadangkan ini digubal adalah untuk meminda Akta APMM 2004 [*Akta 633*] yang membolehkan peruntukan berhubung penubuhan Pasukan Sukarelawan Maritim Malaysia dan Pasukan Kadet Maritim Malaysia serta pewujudan lokap APMM diadakan dengan meminda seksyen 10, 11 dan 18 dan memasukkan seksyen baru 5A, 5B, 5C, 5D dan 7A ke dalam Akta APMM.

Rang Undang-undang Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Pindaan) 2017 yang dicadangkan ini mengandungi enam fasal kesemuanya. Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada fasal-fasal utama dalam Rang Undang-undang Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Pindaan) 2017 yang dicadangkan ini. Antara fasal utama adalah seperti berikut.

Fasal 2 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 5A, 5B, 5C dan 5D ke dalam Akta APMM. Seksyen baharu 5A yang dicadangkan bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Pasukan Sukarelawan Maritim Malaysia. Seksyen baharu ini akan memperuntukkan kuasa kepada Menteri untuk menubuhkan satu badan sukarelawan yang dinamakan Pasukan Sukarelawan Maritim Malaysia. Pewujudan Pasukan Sukarelawan Maritim Malaysia ini akan dapat menyokong dan membantu pegawai agensi dalam penugasan mencari dan menyelamatkan, penguatkuasaan dan operasi apabila dipanggil bertugas.

Seksyen baharu 5B yang dicadangkan bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi orang yang boleh menjadi anggota Pasukan Sukarelawan Maritim Malaysia. Seksyen baharu 5B juga bertujuan untuk memperuntukkan bahawa seseorang anggota Pasukan Sukarelawan Maritim Malaysia boleh dipanggil untuk melaksanakan apa-apa tugas dan anggota itu adalah di bawah arahan, perintah dan kawalan Ketua Pengarah. Anggota Pasukan Sukarelawan Maritim Malaysia bagaimanapun tidak berhak menerima sebarang saraan kecuali elaun yang ditentukan oleh Menteri. Seksyen baharu 5B selanjutnya memperuntukkan bahawa seorang anggota Pasukan Sukarelawan Maritim Malaysia semasa melaksanakan apa-apa tugas di bawah Akta APMM hendaklah disifatkan sebagai seorang penjawat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [*Akta 574*].

Seksyen baharu 5C yang dicadangkan bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Pasukan Kadet Maritim Malaysia oleh Menteri. Seksyen baharu ini memperuntukkan kuasa kepada Menteri untuk menubuhkan Pasukan Kadet Maritim Malaysia di mana-mana sekolah menengah kebangsaan dan universiti awam yang ditentukan oleh Menteri setelah berbincang dengan Menteri yang bertanggungjawab terhadap pendidikan dan institusi pengajian tersebut.

Seksyen baharu 5D yang dicadangkan bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi orang yang boleh didaftarkan ke dalam Pasukan Kadet Maritim Malaysia. Seksyen baharu 5D juga bertujuan untuk memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah APMM boleh mendaftarkan anggota Pasukan Kadet Maritim Malaysia yang terdiri daripada warganegara Malaysia dan berumur di bawah 30 tahun yang mengikut kriteria pendaftaran yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah APMM dan rundingan dibuat bersama Menteri di Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pendidikan Malaysia.

Fasal 3 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 7A ke dalam Akta APMM untuk memperuntukkan bahawa pegawai agensi hendaklah mempunyai segala kuasa seorang pegawai polis yang berpangkat Koperal dan lebih rendah dan kuasa seorang pegawai penjara yang berpangkat Sarjan dan lebih rendah di bawah Akta Penjara 1955 [Akta 537] apabila membawa dan menjaga mana-mana orang dalam tahanan APMM.

Perenggan 7A(2)(b) bertujuan untuk menyifatkan pejabat APMM sebagai suatu balai polis bagi maksud Akta APMM. Ini akan memberikan kuasa kepada pegawai APMM seperti pegawai penjara ketika membawa dan menjaga tahanan APMM. Pegawai APMM akan dilindungi dan dipertanggungjawabkan oleh undang-undang ketika menjalankan tugas. Fasal ini juga bertujuan untuk membolehkan tempat tahanan reman APMM diguna pakai sebagai tempat tahanan yang sah di bawah seksyen 7, Akta Penjara 1955 dan memudahkan pewartaan lokap di pejabat APMM.

Fasal 4 bertujuan untuk meminda seksyen 10, Akta APMM untuk memperuntukkan perlindungan kepada mana-mana anggota Pasukan Sukarelawan Maritim Malaysia daripada dikenakan apa-apa tindakan yang telah dilakukan atau yang ditinggalkan daripada dilakukan olehnya dengan suci hati dalam melaksanakan kewajipannya di bawah Akta APMM.

Fasal 5 bertujuan untuk meminda seksyen 11, Akta APMM untuk memperuntukkan bahawa anggota Pasukan Sukarelawan Maritim Malaysia hendaklah apabila diminta mengisytiharkan jawatannya dan mengemukakan kad kuasa yang dikeluarkan kepada anggota itu dalam melaksanakan kewajipannya di bawah Akta APMM.

Fasal 6 bertujuan untuk meminda seksyen 18, Akta APMM untuk memberikan kuasa kepada Ketua Pengarah untuk mengeluarkan perintah tetap berhubung dengan kawalan am, latihan, tugas dan tanggungjawab anggota Pasukan Sukarelawan Maritim Malaysia. Pindaan-pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus merupakan pindaan-pindaan kecil dan berbangkit.

Tuan Yang di-Pertua, hasil daripada Rang Undang-undang Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Pindaan) 2017 yang dicadangkan ini, APMM bakal memperkukuhkan lagi pelaksanaan tugas dan tanggungjawab serta meningkatkan keberkesanan pelaksanaan Akta Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia 2004 [Akta 633] dalam menguatkuasakan undang-undang di zon Maritim Malaysia. Ini juga adalah sebahagian daripada usaha strategik dalam mentransformasikan APMM menjadi antara agensi penguatkuasaan Maritim yang terbaik di dunia tercapai selaras dengan visi APMM. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang telah memberi penerangan dan huraian yang paling tepat dan panjang lebar dan terang ya. Sekarang ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia 2004 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Saya minta pembahas yang pertama, Yang Berhormat Senator Laksamana Tan Sri Dato' Setia Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor. Dipersilakan.

**7.19 mlm.**

**Laksamana Tan Sri Dato' Setia Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B):** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahas rang undang-undang, suatu akta untuk meminda Akta Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia 2004. Sebagai mukadimah, saya ingin mengimbau kembali pada tahun 2003, semasa saya memegang tampuk pemerintahan sebagai Panglima Tentera Laut, di mana saya juga turut bersama dalam jawatankuasa induk untuk mewujudkan APMM ini, dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak.

Pada masa itu, Tentera Laut Diraja Malaysia telah mengalih atau memindahkan sebanyak dua kapal induk dan 15 kapal ronda, *lock, stock and barrel*.

■1920

Apa maknanya? *That mean* dengan warganya sekali dengan alat ganti kepada APMM. Maka bermulalah dengan teretusnya Akta Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia 2004 maka APMM mula beroperasi. Sejak itu saya sangat bangga dengan pencapaian APMM dan ingin mengucapkan syabas kepada APMM yang 90 peratusnya adalah terdiri daripada bekas-bekas pegawai dan warga daripada Tentera Laut Diraja Malaysia.

Setelah beroperasi mungkin sudah 13 tahun maka tepatlah masanya untuk APMM menubuhkan satu Pasukan Sukarelawan Maritim Malaysia. Ini kerana saya rasa ini adalah satu penanda aras kepada apa yang diamalkan oleh Tentera Laut Diraja Malaysia kerana TLDM juga mempunyai pasukan sukarela. Persoalannya yang ingin saya bangkitkan, apakah nisbah yang akan APMM amalkan? Nisbah anggota sukarela dengan anggota APMM itu.

Kedua, soalan saya adakah rancangan kementerian untuk seorang anggota PSMM ini iaitu Pasukan Sukarelawan Maritim Malaysia boleh dipanggil untuk dikerah sepenuhnya iaitu di *mobilize*. Boleh dipanggil untuk dikerah sepenuhnya, *mobilize* untuk berkhidmat sepenuh masa dalam APMM.

Jadi isu keduanya ialah saya juga turut bersetuju dengan inisiatif APMM untuk menubuhkan Pasukan Kadet Maritim Malaysia. Ini adalah satu-satunya inisiatif yang baik, yang sangat dialu-alukan kerana seperti mana Yang Berhormat Menteri pun telah menyatakan ini akan mendedahkan kepada murid-murid sekolah, anak-anak muda kita semasa sekolah untuk berkecimpung dalam Pasukan Kadet Maritim ini supaya mereka ini berjinak-jinak, didedahkan dengan suasana maritim dan juga kepada ilmu kelautan. Maklumlah Malaysia ini dikelilingi oleh air, jadi haruslah daripada muda lagi kita patut menggalakkan anak-anak kita yang di sekolah itu berjinak dengan laut dan air.

Umur yang di cadang di situ pada seksyen 5B(3) yang berumur di bawah 30 tahun. Saya rasa saya hendak cadangkan mungkin kita turunkan sedikit kepada 25 tahun kerana kelayakan untuk

menjadi Pasukan Sukarelawan Maritim Malaysia, kata sini dia berumur 18 tahun atau lebih. Jadi kalau sudah 30 tahun itu menjadi Kadet Maritim mereka boleh tidak payah tunggu hingga 30 tahun mereka boleh berpindah kepada Pegawai Simpanan. Itu satu cadangan *because* kita galakkan mereka tidak payah tunggu berumur di bawah 30 tahun.

Saya turut bersetuju dengan memberi kuasa tambahan kepada APMM di bawah cadangan seksyen baru 7A di mana dia diberi kuasa seorang pegawai polis yang berpangkat kopersal dan lebih rendah dan kuasa seorang pegawai penjara yang berpangkat sarjan dan lebih rendah di bawah Akta Penjara 1995. Ini penting kerana kita tidak harus memberi tugas ataupun tanggungjawab tanpa memberi kuasa. Jadi ini adalah satu perkara yang harus kita sokong dan saya setuju sangat.

Akhirnya saya mohon kepada Menteri memberi pencerahan berkenaan APMM sekarang diletak di bawah JPM. Adakah rancangan APMM ini mungkin diletak di bawah kementerian mana-mana yang difikirkan wajar. Sekian sahaja isu-isu yang ingin saya bangkitkan, saya turut menyokong Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B). Terima kasih jawab pengalaman dia sebagai Ketua Laksamana. Kita bagi peluang kepada Yang Berhormat Senator Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah.

#### 9.25 mlm.

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang telah mencadangkan pindaan rang undang-undang ini. Saya rasa kita patut mengambil peluang dan mengucapkan tahniah kerana usaha JPM untuk menambah baik sistem serta memberi peluang kepada pasukan sukarelawan ini untuk bersama-sama dengan kerajaan dalam menangani masalah dan isu yang dihadapi oleh bukan sahaja oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia tetapi juga yang dihadapi pada hari ini oleh rakyat dan juga golongan nelayan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya faham apa yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri yang tugas cukup banyak, tetapi saya sebagai Pengerusi Majlis Pengguna Negara saya agak buntu pemikiran saya Yang Berhormat Menteri apabila kita berbincang dengan pihak nelayan yang masalah harga ikan yang tinggi. Mereka akan berbalik salah satu faktor yang penting adalah penguatkuasaan.

Walaupun saya tahu pihak kerajaan telah mengambil tindakan yang cukup banyak iaitu saya mengambil kesempatan dengan idea yang baru ini di mana kita mengambil kira penubuhan satu bentuk sukarelawan yang kita ambil daripada anak-anak muda yang kita rasakan anak-anak muda ini merupakan generasi yang akan mewarisi kepimpinan yang dapat membetulkan suasana dan memperkukuhkan lagi pentadbiran negara kita ini.

Ini kerana masalah yang saya hendak katakan sekejap ini merupakan masalah yang cukup lama dan cukup teruk. Ini *feedback* yang saya terima, kalau kita lihat pada hari ini kerana saya percaya dan yakin melalui pindaan rang undang-undang ini di dalam seksyen 5A iaitu penubuhan Pasukan Sukarelawan memberi satu ruang yang cukup baik untuk sama-sama kita menangani masalah

sempadan laut di negara kita. Banyak masalah yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri tetapi saya lebih fokus iaitu memberi peluang untuk menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan rakyat dengan harga ikan dan lain-lain yang menjadi isu yang cukup hangat pada hari ini.

Pada hari ini Tuan Yang di-Pertua nelayan warga asing tangkap ikan dan bawa balik ke negara mereka, ya nelayan Vietnam. Isu sempadan laut yang dicerobohi, hasil dasar laut semakin pupus. Saya diberitahu Tuan Yang di-Pertua hasil laut yang sebenarnya mencukupi. Saya kena *check* balik tidak kurang mereka mengatakan kepada saya tangkapan di lautan dalam *worth RM2 billion a month*. Saya kena *check* tetapi kita mengatakan tidak ada ikan. Ini berkaitan dengan penguatkuasaan yang saya katakan tadi.

Bahkan kita dikatakan masa monsun, ini tidak patut jadi masalah kerana tangkapan yang kita buat tiap-tiap bulan ini sepatutnya boleh kita stok dan kita simpan. Akan tetapi ia tidak berlaku bahkan dikatakan di Terengganu ikan tuna, tongkol berlebihan hingga tidak tahu hendak buat apa, terpaksa jual yang boleh menerima hanya nelayan daripada Thailand dan mereka *packaged* balik dan import balik kepada kita. Maksudnya ini merupakan satu masalah yang besar. Saya mengharapkan Maritim, sukarelawan ini dengan pemikiran anak-anak muda, mahasiswa dapat membantu kita. Kita ini orang-orang yang tua mungkin otak kita sudah keras tidak boleh betulkan, mungkin anak muda dapat memberikan idea-idea baru.

Seterusnya masalah yang kita biasa dengar harga ikan yang melambung. Selalu ikan macam-macam ikan walaupun ikan kecil. Kita dengar peranan orang tengah bahkan dikatakan ada kartel. Kita dengar orang kata ada orang kita yang dapat lesen tetapi di ali babakan kepada nelayan asing. Orang kita dapat lima lesen, satu lesen di ali babakan RM30,000- RM30,000x5 jadi RM150,000.

#### ■1930

Di samping orang kita tadi dapat 30 sen tiap-tiap satu kilo ikan kecil yang dibawa balik, tidak termasuk dapat subsidi minyak lagi. Jadi kaya dengan mudah tetapi *at the expend of the rakyat*, kita tidak ada ikan ya. Juga penguatkuasaan yang *corrupt* dan penyelewengan. Ini saya katakan tadi, saya kaitkan masalah ini iaitu saya hendak katakan masalah ini merupakan masalah yang cukup rumit, cukup *complicated* di mana saya minta ada satu bentuk N-BOS diwujudkan segera di bawah naungan Jabatan Perdana Menteri, *high time*. Kita lihat penyelesaian bukan jadi masalah keselamatan, itu memang telah dipesan oleh Yang Berhormat Menteri.

Akan tetapi yang berkaitan dengan masalah rakyat yang menjadi punca rakyat marah kepada kita iaitu masalah begitu kompleks yang berlaku yang mana saya mencadangkan perlunya ada satu bentuk N-BOS bersama beberapa kementerian dan agensi kerajaan mahupun *Non-Government Organization* (NGO) dalam memastikan gejala ini dapat dibendung sebaik mungkin. Itulah saya mengharapkan ada satu penyelesaian dapat diwujudkan agar semua pihak dapat memainkan peranan dengan semaksimum mungkin.

Ya tadi dikatakan mungkin kita akan menjemput PDRM, SPRM bahkan kita boleh menjemput Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, KPDKK dan agensi-agensi lain untuk duduk bersama di bawah naungan JPM. Ia melihat masalah ini bagaimana sukarelawan ini bersama-sama dengan pasukan kita dapat membantu kita untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh negara yang cukup hangat pada hari ini.

Dalam masa yang sama melalui kerjasama dengan kementerian, saya mencadangkan kepada kementerian agar dilancarkan satu tabung khas, kita panggil tukun dasar lembut ataupun tukun tiruan iaitu peruntukan khas tukun tiruan diperkenalkan bagi memastikan kelangsungan kehidupan laut di sekitar kawasan perairan laut negara dapat dikekalkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah berbincang dengan nelayan-nelayan. Itu pun dasar lembut ini yang sebenarnya tidaklah mahal sangat, RM25 ribu satu tukun dasar lembut. Apa yang berlaku pukut tunda yang dimonopoli oleh nelayan-nelayan daripada Vietnam, mereka menggunakan dua, tiga biji kapal yang menggunakan pukut tunda, mereka mengepung ikan hinggakan dasar laut kita menjadi seperti padang pasir. Anak kerang, anak ikan habis dikautnya, padang pasir.

Maka ini menjadikan masalah kepada kita apatah lagi pada hari ini saya rasa kita ambil kesempatan ini Yang Berhormat Menteri, ambil kesempatan untuk melihat perkara ini, berbincang bersama supaya kita dapat menyelesaikan masalah ini *once and for all* kerana saya katakan tadi ikan di negara kita ini lebih mencukupi kerana apabila kita mewujudkan tukun dasar lembut ini ataupun tukun tiruan, apabila pukut tunda cuba menangkap ikan, net mereka akan koyak.

Ini *feedback* daripada persatuan nelayan. *This is your only way*. Walaupun kita ada penguatkuasaan tetapi kalau kita tidak ambil tindakan ini yang saya cadangkan tadi dengan NBOS, dengan dinaungi oleh JPM di bawah Yang Berhormat Menteri. Kita duduk bersama. Dengan adanya saya katakan tadi tukun dasar lembut ini, nelayan Vietnam, dengan net mereka akan koyak dan mereka akan berhenti menjalankan kegiatan kerana merupakan kerugian kepada mereka.

Tukun dasar lembut ini juga Yang Berhormat Menteri, Tuan Yang di-Pertua boleh digunakan-kita wujudkan, dipanggil rumah ikan. Di mana rumah ikan ini kita buat di atas tukun dasar lembut dan dikatakan oleh nelayan dalam masa tiga bulan, kita boleh menuai, mendapat ikan yang banyak di bawah rumah ikan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa perkara ini cukup penting di mana saya hendak bawa walaupun saya tahu mungkin tugas ini tidak merupakan tugas yang agak berkaitan tetapi saya mengatakan mesti ada satu N-BOS yang patut digunakan supaya masalah ini dapat difikirkan bersama supaya penyelesaian yang menjadi rungutan daripada rakyat dapat kita selesaikan pada hari ini.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat di zaman dunia tanpa sempadan ini dan *Industrial Revolution 4.0*, cadangan penggunaan teknologi amat diperlukan. Ini adalah kerana saya juga dimaklumkan melalui mesyuarat yang saya lakukan baru-baru ini N-BOS yang saya hadiri di Besut, Terengganu bahawa nelayan-nelayan asing ini menggunakan teknologi yang jauh lebih hebat daripada kita. Nelayan asing mampu mengesan jumlah ikan melalui radar yang mereka lihat menerusi bot-bot yang mereka miliki dan ia bukan berasal dari Malaysia.

Di samping itu juga, saya mencadangkan penggunaan teknologi boleh digunakan untuk melihat gerak geri nelayan-nelayan hasil nelayan laut dalam yang menjual ikan berbilion Ringgit, saya katakan tadi sebulan kepada nelayan asing. Soalan saya kepada kementerian, sudah kah kita mempunyai teknologi-teknologi terkini iaitu di dalam penguatkuasaan ini? Apakah kita tidak mempunyai teknologi ini untuk mengesan gejala-gejala negatif yang dilakukan oleh nelayan-nelayan asing ini?

Di samping itu juga selain kerajaan memberikan pendedahan teknologi kepada para nelayan dan jabatan perikanan melalui penubuhan unit pembangunan dan kajian R&D, kita juga boleh

mengguna pakai aplikasi *Volunteer Smartphone Patrol*, iaitu sukarelawan *smartphone*. Di mana sukarelawan ini di dalam melaporkan salah laku atau gejala yang dibincangkan ini boleh menggunakan *smartphone* mereka. Mereka boleh ambil gambar, boleh ambil video secara automatik mereka boleh *forward* kepada pihak yang berkenaan dan tindakan boleh diambil kepada nelayan-nelayan yang terlibat dalam gejala ini.

Aplikasi ini membolehkan orang awam untuk melaporkan tentang salah laku atau aktiviti jenayah yang kita lihat dan lengkap dengan gambar, video atau audio berserta maklumat lokasi kejadian dan waktu sebenar dan dihantar kepada PDRM untuk dinilai sama ada ia memerlukan respons segera atau tindakan susulan. Aplikasi VSP boleh dimuat turun secara percuma di *Play Store* untuk telefon pintar *android* ataupun *Apps Store* untuk *iPhone user*. Soalan saya sudah kah kita mempunyai ataupun memulakan *Volunteer Smartphone Patrol* ini? Saya minta Yang Berhormat Menteri dapat jelaskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa membawa perkara ini kerana saya telah berjanji kepada persatuan-persatuan nelayan. Saya tegaskan sekali lagi N-BOS penting kerana masalah ini cukup lama. Saya pun pening kepala apabila berbincang- tiap-tiap kementerian meletakkan kesalahan kepada kementerian lain. Saya mengharapkan di bawah JPM, ambil kesempatan dengan sukarelawan ini, kesempatan supaya kita membuat satu strategi yang lebih lengkap demi untuk kepentingan kerajaan dan juga rakyat kita.

Harapan saya secara keseluruhan saya amat berharap pandangan yang saya kemukakan ini mampu membantu sedikit sebanyak kepada JPM dalam memperkasakan akta dan penguatkuasaan sempadan laut negara kita. Saya mengucapkan syabas, tahniah kepada Yang Berhormat Menteri di atas segala usaha yang dijalankan dalam membantu membangunkan negara dan mendahulukan kebajikan rakyat. Dengan itu saya menyokong pindaan ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah yang membawa bahan-bahan baik dan hujah-hujah yang berisi untuk didengar oleh Yang Berhormat Menteri kita di Dewan ini. Sekarang saya menjemput pula Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan. Silakan.

### 7.38 mlm

**Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua terima kasih di atas ruang yang diberikan kepada saya oleh Tuan Yang di-Pertua untuk saya turut sama bangun dan berbahas Rang Undang-undang Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat rang undang-undang ini yang antara keutamaannya ialah bagi membolehkan penubuhan pasukan sukarelawan Maritim Malaysia. Saya berpandangan penubuhan sukarelawan Maritim itu penting kerana ia mampu bertindak pantas sekiranya berlaku sesuatu musibah. Sebagai contohnya jika sesuatu terjadi di lautan dengan anggota dan aset yang terhad, anggota Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia mungkin mengambil sedikit masa untuk menggerakkan aset daripada pangkalan. Jadi jika ada sukarelawan misalnya dari kalangan nelayan, mereka akan sampai ke tempat kejadian dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh peruntukan untuk mewujudkan lokap tahanan dan memberikan kuasa kepada Maritim untuk menguruskannya. Saya juga bersetuju dengan lokap APMM ini penting berikutan tugas agensi itu yang melibatkan prosedur siasatan terhadap orang yang kena 'tangkap' (OKT). Ini kerana ketiadaan lokap semasa proses siasatan memaksa tahanan Maritim disimpan di lokap agensi lain yang terhad sementara menunggu proses siasatan selesai.

#### ■1940

Penubuhan lokap maritim diharap dapat mengatasi masalah ini. Malah saya difahamkan APMM melakukan lebih 5,000 tangkapan setiap tahun di seluruh zon perairan negara dan sudah tentulah memerlukan lokap dan sel tahanan yang lengkap dan mencukupi. Jika ada peruntukan lebih, bina juga bilik soal siasat, soal desak yang dilengkapi kamera CCTV agar semuanya telus dan tidaklah pihak-pihak tertentu menuduh kita bersekongkol atau menyembunyikan sesuatu. Malah jika ia melibatkan penjenayah nelayan negara jiran, segala soal siasatan menjadi bukti bahawa kita sentiasa terbuka dan mengikut SOP atau *standard operation procedure*.

Tuan Yang di-Pertua, dalam membicarakan agenda utama rang undang-undang ini iaitu penubuhan pasukan sukarela, saya berharap penubuhan Pasukan Sukarela Maritim Malaysia di bawah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) ini mampu mencapai matlamat memperkukuhkan keselamatan perairan negara ini. Saya yakin pengukuhan pasukan maritim dan keselamatan sempadan perairan penting bagi mengelakkan sebarang insiden pencerobohan berulang sekali gus mengganggu gugat kedaulatan negara dan keselamatan rakyat.

Cuma soalnya di sini ialah saya ingin bertanya tentang organisasi dan siapa yang bakal menerajui organisasi baru ini. Adakah 100 peratus di bawah kawal selia APMM? Ini kerana kita tidak tahu struktur organisasi yang longgar dan pertindihan kuasa dan juga tohmahan pihak tertentu kononnya berlaku kronisme dan nepotisme serta tidak telus. Mungkin dalam tempoh enam bulan hingga setahun penubuhannya, kita boleh mengakses keberkesanannya. Antara yang boleh dijadikan petanda aras ialah penurunan kes-kes jenayah dan penyeludupan di laut termasuk pencerobohan nelayan asing, penyeludupan PATI, penculikan dan anggota kita sendiri yang kurang integriti.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kes-kes seumpama ini lebih tertumpu di perairan Malaysia Timur seperti Sabah, saya harap pihak APMM tidak terlepas pandang perairan kita di utara Semenanjung seperti di Kedah, Perlis dan di sempadan Thailand serta Selat Melaka. Tuan Yang di-Pertua, persoalan seterusnya ialah apa tindakan kita terhadap nelayan asing dan bot-bot yang dirampas? Indonesia jelas tegas dengan hukuman mereka. Nelayan akan dibicarakan mengikut undang-undang tempatan, dikenakan hukuman penjara dan didenda, hasil tangkapan dirampas manakala bot-bot mereka dibakar, diletupkan dan ditenggelamkan.

Soalan saya, apa pula tindakan kita sekarang dan apa pula perancangan kita di masa hadapan? Maksud saya, adakah cadangan meminda bentuk hukuman agar lebih tegas dan digeruni nelayan asing? Saya amat setuju kerajaan bertindak tegas seperti mana Yang Berhormat Menteri kata bahawa bot-bot haram nelayan asing yang langgar undang-undang dengan masuk ke perairan negara akan dibakar dan ditenggelamkan. Ini kerana saya difahamkan di Laut China Selatan contohnya nelayan Vietnam begitu samseng mencero boh laut kita, mengugut, menghalau nelayan tempatan malah menggunakan senjata api.



Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh fasal berkaitan kesalahan disiasat di bawah seksyen 15(1) dan seksyen 16(3), Akta Perikanan 1985 yang membawa denda maksimum sebanyak RM1 juta bagi kapten manakala krunya pula didenda maksimum sebanyak RM100,000. Bagi kesalahan yang dilakukan nelayan tempatan, mereka boleh dikenakan kompaun sebanyak RM500 bagi kesalahan pertama, kompaun RM1,000 kali kedua dan RM1,500 kali ketiga.

Soalan saya, daripada jumlah denda itu berapakah jumlah denda yang telah kerajaan dapat? Berapa ramai sudah diharamkan dan berapa banyak bot sudah dibakar dan ditenggelamkan? Berapa banyak lesen yang dibatalkan atau ditarik balik?

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini kerana ini mungkin menjadi ucapan saya yang terakhir... *[Disampuk]* Sudah tua *[Ketawa]* Saya bakal menamatkan tempoh perkhidmatan saya bagi penggal kedua pada April 2018. Menjelang tahun 2018 ini, rasa tidak sempat sidang semasa bulan April kelak, pada 24 April.

Mungkin di atas dasar ini, saya ingin mengambil sedikit masa mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak dan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Azlan Man, Menteri Besar Perlis dan juga Yang Berbahagia Datuk Seri Dr. Md Isa Sabu mantan Menteri Besar Perlis yang mana membolehkan saya menjadi sebagai Ahli Dewan Negara selama dua penggal.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tahniah, tahniah.

**Seorang Ahli:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan:** ...Gabenor tidak jadi Menteri Besar, yang buat keputusan ini Menteri Besar. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak maklumkan kepada Tuan Yang di-Pertua, semenjak saya jadi Ahli Dewan Negara tahun 2012, seramai 128 orang yang mengangkat sumpah di hadapan saya, bersama-sama dengan saya dan seramai 89 orang yang tamat tempoh termasuklah Yang Berhormat Senator Datuk Haji Kadzim M. Yahya yang akan tamat esok, lusa minta maaf.

So, makna kata kita kawan ramai. Saya ucapkan tahniah kepada Dato' Sri Presiden Majlis Senator teruskan supaya silaturahim kita ini berterusan. *Insya-Allah ada*, pasal *depa* tanya harum manis, saya sebutlah *insya-Allah ada*. Siapa yang telefon saya ada, *insya-Allah*. Yang Berhormat Kak Limah, Dato' Presiden tiada ada masalah, Tuan Yang di-Pertua tidak ada masalah, *insya-Allah* ini kita sedekah. Tidak boleh lawanlah Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim.

Saya juga hendak ambil kesempatan ini hendak mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim. Kita duduk *mai* dalam Dewan ini mungkin ada ramai yang tidak tahu yang kita duduk makan di *lounge* itu Tuan Yang di-Pertua, semua dibiayai oleh Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim... *[Tepuk]* Ikhlas. Kita bersidang sembilan hari daripada tarikh mula kita masuk *pi* makan hendak bayar, *depa* kata jangan. *Depa* kata ini Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim sudah bagi *warning* dekat kami. Jangan ambil duit. Itu hebatnya Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim.

Saya cuba mengimbas balik, izinkan saya Tuan Yang di-Pertua sebab masa saya pun mungkin... *[Disampuk]* Jolok ya? Okey, bagus. Semasa Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Shahidan bin

Kassim jadi Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang jaga hal ehwal Parlimen, makanan ya Allah sampai jadi percakapan di luar, cukup hebat.

Kalau kita waktu ini nasi Arab di depan, di *lounge* itu. Jadi Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim ini cakap ikhlas. Mungkin Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim *not happy* saya bercakap tetapi saya bercakap ikhlas. Apabila orang buat baik, kita kena doa, apa Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim buat ini adalah satu pahala yang cukup besar. Itu dia Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty juga kata *alhamdulillah*. *So, everybody happy*. Yang Berhormat Kak Limah, *nice to see you*.

*So, insya-Allah* kita akan jumpa Yang Berhormat Kak Limah. *So, at the same time* Tuan Yang di-Pertua saya ingin memberi sekalung penghargaan kepada Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Sri SA. Vigneswaran; Timbalan Yang di-Pertua iaitu Yang Berhormat Datuk Seri Haji Abdul Halim bin Abd. Samad; Setiausaha Dewan Negara Encik Riduan; Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia Datuk Awang Alik bin Jeman; pegawai-pegawai pengurusan Dewan; mantan Setiausaha Dewan Dato' Zamani Haji Sulaiman; mantan-mantan Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara, Tan Sri Abu Zahar; dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, mantan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara; dan rakan-rakan Ahli Dewan Negara; Pegawai-pegawai parlimen serta pegawai-pegawai kementerian yang bekerjasama membantu saya sepanjang enam tahun saya dilantik sebagai Ahli Dewan Negara yang mulia ini. .

#### ■1950

Walaupun saya gagal dalam memperjuangkan kenaikan wang *ransom* daripada RM8 ke RM16 untuk anak-anak yatim, saya harap orang macam Dato' Haji Mohd. Suhaimi *dok* ada di sini, *our general*, Dato' Shanim, teruskan perjuangan yang mulia ini. Bagi saya, ini bukan kegagalan. Ini adalah perjuangan. Kita berjuang untuk anak-anak yatim di Dewan yang mulia ini. Terima kasih daripada hati kecil yang ikhlas. *Insya-Allah* jika diizinkan Allah SWT, kita berjumpa lagi. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya pantun sikit.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ha, sila, sila.

**Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan:** Boleh ya Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Boleh, boleh.

**Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan:** [*Senyum*]

*Kalau ada sumur di ladang,  
Boleh kita menuai padi,  
Kalau ada umur yang panjang,  
Insya-Allah kita berjumpa lagi.*

*Gunung pantai tinggi merawan,  
Nampak dari padang temu,  
Berat hati hendak ku tinggalkan,  
Andai ada jodoh, kita bertemu.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan:** Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Rang Undang-undang Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Pindaan) 2017. Sekian, terima kasih... [*Tepuk*].

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan yang bijak mengenang budi dan banyak mendapat ilmu di Dewan kita yang mulia ini. Ilmu banyak dapat ya. Jadi kita juga berterima kasih dan tahniah. Yang Berhormat buat sumbangan baik kepada Dewan kita ini. Ziarah kita ya? Kita punya Pengerusi- ya? Dan kepada siapa yang hari ini, saya ucapkan syabas dan tahniah dan teruskan perjuangan itu. Banyak dapat ilmu.

Dan kepada Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim yang bermurah hati, orang yang baik. Jadi supaya rezeki bertambah-tambah kepada dia. Nampak itu? Dia banyak bersedekah itu. Jadi apa yang penting kata si Tuan Haji Abdul Shukor tadi, ilmu banyak dia dapat di sini tadi.

*Kurang manis ditambah gula,  
Kopi disimpan dalam raga,  
Ilmu itu umpama gemala,  
Dari intan lebih berharga... [*Tepuk*]*

Ilmu, pengalaman. Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Shahidan, terima kasih banyak daripada kami dan syabas dan tahniah. Teruskan berjuang dan jasamu dikenang jua dalam Dewan ini. Yang Berhormat Dato' Sri Khairudin, jangan lupa catatkan sejarah perjuangan beliau bersama kita ya. Baik.

Sekarang saya jemput pula kita punya Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid. Silakan.

#### **7.53 ptg.**

**Dato' Isa bin Ab. Hamid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk perbahasan Rang Undang-undang (Pindaan) Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia 2017. Mengambil kira penubuhan Pasukan Sukarelawan Maritim Malaysia ini adalah bertujuan dan bertumpu kepada keselamatan dan keberkesanan dalam memberi kuasa kepada Menteri dan Ketua Pengarah dalam memastikan penubuhan Pasukan Sukarelawan Maritim Malaysia ini.

Di samping itu, pindaan ini memberi manfaat besar kepada golongan belia seterusnya memastikan negara setanding negara maju yang lain yang mempunyai pasukan sukarelawan dan agensi penguatkuasaan yang berkesan.

Pasukan Sukarelawan Maritim Malaysia ini akan dianggotai oleh golongan muda yang diberikan latihan sebagai seorang kadet. Pasukan ini akan menyerapkan nilai-nilai patriotisme yang tinggi kepada setiap kadet supaya dapat menjalankan tugas dengan lebih berdisiplin serta berwibawa. Kualiti yang diharapkan bukan sahaja baik untuk semangat kenegaraan malah dapat memartabatkan nama negara, seterusnya seperti agensi keselamatan yang lain di dunia.

Tuan Yang di-Pertua, Ketua Pengarah berkuasa dalam pengambilan, penerimaan dan pendaftaran terhadap mana-mana kadet sukarelawan yang pada pendapat Ketua Pengarah mempunyai merit untuk diserapkan ke dalam pasukan sukarelawan. Adalah menjadi faktor utama bahawa setiap tugas yang diperintah dan dijalankan hendaklah bersifat *intra vires* dan *bona fide*

yakni niat suci. Dalam menentukan sukarelawan yang dipilih dilantik, semestinya nilai praktikal dan relevan diutamakan. Sukarelawan ini hendaklah selalunya di lokasi yang strategik. Di laut, di pesisir pantai, di kuala, di muara, di tanjung malah di kuala sungai untuk memberi informasi logistik dan informasi subjek untuk membuat laporan dan maklumat yang berkaitan dengan maritim untuk bertindak dan penguatkuasaan.

Saya ingin bertanya kepada kementerian, apakah kaedah maritim untuk melatih kadet sukarelawan tadi daripada segi teknikal dan taktikal supaya sukarelawan ini mempunyai kemahiran yang tinggi untuk menangani isu-isu pencerobohan dan sebagainya. Saya ingin mencadangkan supaya sukarelawan maritim ini digabungkan dan kerjasama secara N-BOS dengan sukarelawan seperti entiti lain kita sedia ada sukarelawan perkhidmatan awam. Kita ada RELA, JKK, ketua kampung, pengakap laut, kadet bersatu.

Namun kita lihat juga entiti seperti kaum Komuniti Orang Laut yakni etnik Orang Seletar yang berada di pesisiran Selatan Johor. Orang Kuala yang berada di Pantai Barat Johor dan kaum Mah Meri yang berada di pesisiran Barat Selangor. Kalau kita melihat mereka ini sebagai nelayan yang selalunya berada di lautan, di kuala sungai, tentunya dapat memberi informasi yang sangat berkesan dalam menangani isu-isu pencerobohan.

Mereka amat mahir dan pakar dalam situasi laut, berpengalaman dalam keadaan-keadaan kritikal di laut. Sudah tentu akan banyak membantu pihak maritim untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab yang berkesan. Cuma sukarelawan ini mestilah dilatih daripada segi teknikal dan taktikal, kemahiran teknologi supaya sesuai dengan tindakan dan tugas yang diberikan. Kehebatan mereka di laut ini bak kata pantun Orang Laut.

*Pisau raut ulu manuh,  
buat peraut rotan kasau,  
Orang Laut jangan dibunuh,  
buat penjaga teluk dan rantau.*

Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi dalam satu laporan media massa pernah menyuarakan bahawa agensi yang terlibat dengan keselamatan misalnya Agensi Dadah Malaysia hendaklah mencari satu titik tolak baru dalam menangani usaha membanteras isu berkaitan dadah. Penubuhan Pasukan Sukarelawan Maritim Malaysia dengan itu hendaklah dilihat sebagai satu sokongan padu dan bekerjasama dalam semua agensi keselamatan yang ada di Malaysia dalam berkongsi maklumat, prosedur dan sebarang maklumat berkaitan dengan isu keselamatan negara. Jika laut dijadikan laluan sebarang aktiviti haram ini, maka penubuhan Sukarelawan Maritim Malaysia ini dilihat sebagai satu mata untuk membantu pihak badan induk maritim.

Saya ingin bertanya apakah ciri-ciri keutamaan dalam pemilihan sukarelawan yang dipilih oleh maritim ini. Sukarelawan di bawah Perkara 5D(4) tidak berhak apa-apa elaun atau saraan namun pengalaman sebagai kadet pasukan sukarelawan boleh dijadikan sokongan dalam mencari pekerjaan di kemudian hari. Walaupun begitu, di bawah Perkara 5B (6) (a) (b), seseorang anggota pasukan

Sukarelawan Maritim Malaysia boleh dibayar apa-apa elaun yang ditentukan oleh Menteri selepas berunding dengan Menteri Kewangan dan tidak berhak kepada apa-apa saraan.

Tuan Yang di-Pertua, keselamatan negara tidak boleh di kompromi dalam sebarang alasan terutama jika ia boleh menyebabkan kedaulatan negara terancam sama ada daripada segi negara mahupun ancaman daripada segi datangnya dari luar negara. Sebarang ancaman yang dimaksudkan termasuklah ancaman pelolosan secara tidak sah, dadah, kargo, jenayah rentas sempadan daripada darat, udara terutamanya daripada aspek maritim serta aktiviti lain yang bersalahan dengan sebarang peruntukan undang-undang negara.

Pindaan Akta Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia 2004 dengan memasukkan penubuhan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Pindaan) 2017 ini perlu disokong sepenuhnya kerana ia merupakan mandat yang diberikan untuk menjamin keselamatan dan kedaulatan negara. Akhir sekali dengan ini, saya menyokong pindaan rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

#### ■2000

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Isa bin Ab. Hamid, pandangan yang baik terima kasih banyak.

Saya jemput pula Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili.

#### 8.00 mlm.

**Dr. Zaiedi Haji Suhaili:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi keizinan sekali lagi kepada saya untuk membahaskan rang undang-undang terakhir di dalam persidangan Dewan kita pada persidangan kali ini. Pertama sekali Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menzahirkan tahniah dan terima kasih saya kepada kerajaan kerana dalam pindaan Akta Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia ini, kerajaan komited dalam menubuhkan pasukan sukarelawan APMM dan juga penubuhan pasukan Kadet Maritim Malaysia.

Saya ingin tegaskan di sini bahawa langkah yang diambil oleh kerajaan dalam menubuhkan pasukan sukarelawan dan kadet APMM merupakan satu spesifikasi yang penting dalam memperkasakan minat dan perhatian orang awam dalam memastikan keselamatan dan ancaman ke atas zon maritim kita supaya ianya terpelihara. Bagaimanapun beberapa persoalan ingin saya kemukakan di sini. Pertama sekali apakah komitmen kerajaan dalam memperuntukkan bajet kewangan bagi pasukan sukarelawan APMM dan kadet APMM di institusi pendidikan atau sekolah di setiap Parlimen yang berada khususnya di kawasan pesisir laut negara dan juga kepada komuniti nelayan ataupun anak-anak nelayan yang mungkin diberi keutamaan dalam mengetuai pasukan sukarelawan APMM ini.

Kedua ialah bagaimanakah perancangan modul latihan dan persediaan APMM dalam melatih pasukan sukarelawan dan kadet APMM agar pengisian modul latihan akan memanfaatkan setiap individu yang menyertai pasukan sukarelawan dan kadet APMM. Ketiga, apakah kelayakan dan pangkat yang akan diberikan kepada individu sukarelawan serta elaun latihan. Jika ada yang boleh kerajaan peruntukan kepada anggota pasukan sukarelawan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin nak bertanya kepada Yang Berhormat Dato' Seri Menteri, apakah pelan tindakan yang dilakukan oleh APMM untuk melindungi nelayan-nelayan tempatan

Sarawak yang menjalankan aktiviti-aktiviti menangkap ikan di kawasan perairan Beting Patinggi Ali di perairan Laut China Selatan. Di mana dilaporkan sering kali diancam oleh nelayan asing yang juga banyak kalinya juga menjalankan aktiviti menangkap ikan di kawasan yang sama.

Keduanya kita tahu bahawa kerajaan telah merealisasikan dasar kabotaj. Maka dengan ini kita menyedari bahawa lebih banyak kehadiran kapal-kapal dagang di perairan Sarawak dan Sabah. Jadi apakah tindakan yang dibuat oleh APMM untuk melindungi kapal-kapal dagangan ini supaya dasar kabotaj yang sedang di liberalisasi kan oleh kerajaan akan merupakan satu dasar yang berjalan dengan baik yang mana kapal-kapal dagang yang membawa barangan ke pelabuhan-pelabuhan di Sarawak dan juga di Sabah dapat dilindungi dan juga dikurangkan kalau ada kes-kes ancaman untuk rompakan dan juga penyeludupan.

Jadi dengan ini saya berharap bahawa perkara-perkara yang saya bangkitkan akan dapat diberi perhatian oleh pihak Yang Berhormat Dato' Seri Menteri dan saya dengan ini mohon menyokong rang undang-undang ini iaitu bagi meminda Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia. Dengan pindaan ini kita mengharap dan mendoakan kedaulatan wilayah maritim di negara kita ini akan terus terpelihara. Sekian, terima kasih saya mohon menyokong rang undang-undang ini sekali lagi. Terima kasih.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili yang memberi pandangan yang baik dan menyokong kita punya usul ini. Sekarang saya jemput orang muda kita ini iaitu Yang Berhormat Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas, dipersilakan.

#### 8.06 mlm.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Orang muda. *Bismillahi Rahmani Rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Pertamanya saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang dan kesempatan kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Pindaan) 2017.

*Sepetang berlari di Kuala Linggi,  
Naik pedati di Tanjung Jati,  
Kesempatan diberi disanjung tinggi,  
Budi Tuan Yang di-Pertua terpahat di hati.*

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasihlah. Terharulah saya mendengar itu ya.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Pertama sekali saya hendak menyentuh fasal 2 berhubung dengan memasukkan seksyen baru 5A yang dicadangkan untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan pasukan sukarelawan Maritim Malaysia. Saya melihat bahawa tugas kawalan maritim ini bukanlah satu tugas yang mudah kerana kawasan perairan negara Malaysia yang perlu diawasi amat luas dan begitu mencabar sekali.

Dalam melaksanakan tugas kawalan keselamatan ini, di zon maritim, pasukan APMM berhadapan dengan pelbagai tugas yang mencabar dan berisiko tinggi. Antaranya anggota pasukan sukarelawan maritim akan berhadapan dengan penceroboh yang ganas dan memiliki persenjataan

yang banyak dan berkuasa tinggi seperti yang sedang dihadapi di kawasan ESSCOM Sabah. Selain itu APMM juga berhadapan dengan ancaman kapal-kapal tentera asing khususnya daripada negara China yang kerap menceroboh perairan negara kita. Buat masa ini hebat dilaporkan akan pencerobohan kapal-kapal dan bot-bot nelayan asing yang kerap menceroboh perairan negara kita untuk menangkap ikan yang dilakukan secara haram. Bahkan mereka ini dilaporkan, ini membawa senjata yang akan digunakan apabila terdesak. Selain itu, APMM juga berhadapan dengan ancaman aktiviti penyeludupan dadah, penyeludupan kemasukan PATI, perdagangan manusia dan sindiket dadah.

Tuan Yang di-Pertua, perairan kita persempadanan dengan Thailand khususnya. Penyeludupan dadah bukan saja masuk melalui Rantau Panjang, abang Lah ada tidak?. Tidak ada. Malahnya juga boleh di bawa masuk melalui perairan negara dan ini seharusnya kena bendunglah, seharusnya dibendung.

#### ■2010

Pil-pil kuda terutamanya. Pil-pil kuda di negara kita terutamanya di Kelantan dan sehingga sini menular ke kawasan-kawasan selain di Semenanjung. Saya yakin bukan sahaja diseludupkan melalui daratan, malah ia juga menggunakan perairan negara yang bersempadan dengan kita.

Ini bermaksud bakal sukarelawan yang dipilih akan berhadapan dengan pelbagai bahaya dan risiko dalam melaksanakan tugas. Persoalannya, apakah jaminan untuk menjaga keselamatan sukarelawan APMM daripada segala bentuk bahaya dan risiko dalam menjalankan tugas mereka? Apakah bentuk penugasan yang akan diberi kepada sukarelawan APMM terutama di kawasan maritim yang berisiko tinggi seperti di ESSCOM dan sempadan Kelantan dan Thailand? Adakah APMM akan mengehadakan tugas sukarelawan APMM hanya kepada yang kurang bahaya sahaja?

Tuan Yang di-Pertua, dalam pada itu, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah APMM mempunyai sokongan aset dan logistik yang mencukupi untuk mewujudkan Pasukan Sukarelawan dan Kadet Maritim ini? Saya difahamkan buat masa ini APMM masih berhadapan dengan masalah kekurangan bot peronda dan sistem pengawasan yang baik dan mencukupi bagi memantau zon maritim Malaysia. Oleh itu, saya ingin tahu, apakah perancangan kerajaan dalam mengatasi kekurangan ini?

Saya juga ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri berhubung dengan elaun yang akan diberi kepada anggota sukarelawan APMM. Berapakah kadar elaun yang akan diberikan kepada mereka? Adakah akan dibayar mengikut kadar bulanan ataupun harian? Tujuan saya bertanya sedemikian adalah kerana risiko dan bebanan tugas akan dipikul oleh sukarelawan sangat besar. Justeru, adalah setimpal mereka ini dibayar elaun yang berpatutan dengan tanggungjawab mereka.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Minta laluan, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Silakan, silakan.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya mohon mencelah sebab saya tidak bagi nama. Kalau saya bagi nama, 45 minit. Kita ada jamuan makan. Jadi, saya mencelah. Saya mencelah dan minta kalau boleh Datuk Haji Yahaya masukkan dalam soalan dia.

Itu soalan yang cukup baik sebab dulu masa APM, masa APM itu, saya tanya juga fasal elaun tidak naik. Sekarang ini ada APMM ini- lebih pula, Tuan Yang di-Pertua. APMM, dia panjang sedikit. Dulu APM sahaja. Betul elaun itu sebab- satu, fasal elaun.

Kedua, saya hendak minta tolong masuk dalam persoalan ini, kuasa yang diberikan. Sebab, yang ada sekarang ini dia boleh pergi sampai, kalau tak salah saya, ke seberang lautan. Bukan lautan kita sahaja, boleh masuk ke seberang sana tetapi mereka ini tidak boleh tangkap dan hukum. Dia kena serah kepada polis sebab dia tidak kuasa itu. Kerap kali mereka ini, kuasa dia dengan aset lagi yang Datuk Haji Yahaya kata tadi, kuasa hendak caj dia itu satu masalah.

Keduanya, mereka ini juga kalau buat tangkapan kepada nelayan tempatan, kadang-kadang kita kasihan. Saya dengar laporan juga bahawa nelayan tempatan ini yang bawa pukuk-pukuk kecil ini- entah apa nama dia panggil pukuk kecil ini. Pukuk yang kecil. Yang Berhormat Dato' Suhaimi tahu. Apa yang hendak disebut pukuk kecil ini? Yang Berhormat Menteri tahu. Saya tidak tahu hendak sebut nama kerana ini geng nelayan, saya tidak berapa faham hendak sebut.

Akan tetapi, saya difahamkan pukuk-pukuk kecil ini dirampas. Sudahlah mereka ini terseksa kalau masuk lautan negara lain, tetapi yang dalam negara kita ini, pukuk kecil ini tidak pergi jauh pun tetapi pukuk-pukuk ini dan bot mereka dirampas nelayan-nelayan ini. Jadi, kasihan Yang Berhormat. Minta kalau boleh Yang Berhormat masukkan sekali supaya dapat Yang Berhormat Menteri menjawab. Sekian, terima kasih.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Khairudin Samad dan sebahagiannya saya bersetuju untuk dimasukkan di dalam perbahasan saya.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu, apa yang menggosokkan saya ialah sekadar menerima elaun sahaja tidak memberi jaminan hidup jangka panjang. Saya cadangkan kepada kerajaan, apabila mereka ini telah berkhidmat dalam tempoh jangka waktu yang panjang seperti lima tahun ke atas contohnya, mereka ini hendaklah ditawarkan bekerja sebagai anggota tetap APMM supaya mereka dapat menikmati jaminan dan kebajikan hidup yang lebih baik.

Selain daripada itu, saya juga mencadangkan supaya kerajaan memperuntukkan insurans hayat kepada semua anggota sukarelawan dan Kadet Maritim memandangkan mereka ini akan menjalani tugas dan aktiviti yang berbahaya dan berisiko tinggi.

Saya juga mencadangkan agar bakal sukarelawan yang akan dipilih adalah mereka yang benar-benar bersih dari sebarang kegiatan jenayah dan keganasan. Kita tidak mahu mereka yang diambil bekerja bakal memberi masalah disiplin kepada APMM kerana terlibat dalam penyalahgunaan dadah ataupun mencuri. Lebih berbahaya lagi apabila mereka ini merupakan ejen penganas yang telah boleh membocorkan rahsia operasi keselamatan kepada kumpulan penganas ataupun militan seperti DAISH dan Abu Sayyaf.

Dalam pada itu, tapisan keselamatan ini juga penting bagi mengenal pasti mereka yang mempunyai dua kerakyatan. Ini banyak berlaku di Sabah, Kelantan, Kedah dan Perlis di mana ada rakyat yang mempunyai dua Kad Pengenalan, satu dari Malaysia dan satu lagi dari negara jiran seperti Thailand, Indonesia dan juga Filipina.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan fasal 3 iaitu seksyen 7A(2)(b) iaitu peruntukan mengadakan lokap di pejabat APMM. Saya dapati dengan penambahan tangkapan nelayan haram,



PATI, penyeludupan dan penjenayah, pastinya bilangan lokap yang ada sekarang tidak mencukupi untuk menampung keperluan bagi menempatkan orang tahanan sehingga kes selesai dibicarakan di mahkamah. Malah, buat masa ini, kerajaan berhadapan masalah kekurangan penjara dan pusat tahanan yang dikelolakan oleh Jabatan Penjara dan Jabatan Imigresen. Justeru itu, saya ingin tahu, apakah perancangan kerajaan dalam mengatasi masalah ini?

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja perbincangan saya. Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya. Sepatutnya saya giliran nombor tujuh, tetapi dapat nombor lima. Okeylah. *Alhamdulillah*, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih. Saya sama-sama turut menyokong Rang Undang-undang Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia. Sekian, *wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Haji Yahaya. Kualiti ucapan yang lebih baik. Makin lama makin meningkat. Bagus, tahniah ya.

Sekarang kita punya pembahas kita yang akhir iaitu Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah. Dipersilakan.

■2020

8.20 mlm.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon maaf kerana saya sakit tekak. Jadi, saya hendak pendek-pendekkan soalan saya. Cuma, hari ini hari penghabisan kita bersidang, saya mintalah kalau persidangan yang akan datang, *aircond* ini dikecilkan sedikit. Tidak tahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya di bilik air dengan Dato' Sri Khairudin Samad. Saya tengok dia terkebil-kebil. Saya tanya, "*Kenapa ni duduk depan sink ini?*" Dia kata, "*Cari tidak jumpa. Kecut habis. Sejuk sangat.*" [Ketawa] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya hendak memendekkan dan saya hendak merujuk kepada satu kajian yang dibuat oleh saudara Qin Huapu daripada *World Maritime University*. Tajuknya, "*Study about volunteer groups' involvement in maritime search and rescue*". Beliau berkata, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, "*Volunteer services are complementary activities for government and market functions. Volunteer services are non-profit, independent, voluntary and public. The existence of volunteer services will improve social services, enhance social developments and promotes social harmony.*"

Dia kata juga di sini, "*The training of maritime search and rescue volunteers is crucial for their own safety.*" Makna kata, *volunteers* ini *very crucial* untuk keselamatan mereka. "*It must follow a strict and scientific procedure to make sure the volunteers are hundred percent physically and psychologically qualified.*"

Jadi, di sini saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri. Apakah kita sudah bersedia? APMM saya faham. Saya pernah pakai uniform APMM. Saya tengok ular, saya lari kerana saya tidak bersedia. Saya bimbang kerana maritim ini amat bahaya. Kata dia, "*Meanwhile, volunteers are supposed to participate in various drills regularly to improve their emergency-response ability*". Setakat mana persiapan kerajaan kepada *volunteers* ini?

Saya hendak sambung sedikit lagi. Dengan izin, "*Generally speaking, the cost of maintaining and developing a maritime search and rescue volunteer group is higher than a common volunteer team*". Kata dia, dalam kajian dia, kos untuk hendak *maintain volunteers maritime* ini adalah tinggi. "*The*

*reason is that the main expenditure of a maritime search and rescue volunteer team includes buying the personal insurance...”, yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya tadi- “...Adding relevant equipment for training and exercise.”*

Soalan saya Yang Berhormat Menteri, apakah kita sudah bersedia? Kalau di Sweden, tidak ada *government funds* yang diberi kepada *Swedish Volunteers Maritime*. Hanya berdasarkan kepada *membership*. Saya tidak tahu bagaimana mereka ada *membership* dan juga *donations* daripada orang-orang Sweden. Mereka menjadi *volunteers* terbaik dalam kajian saudara kita ini. Hendak memendekkan kerana kita tidak ada masa, Yang Berhormat Menteri.

Saya hendak bertanya juga. Kita sekarang ini sedang bimbang juga di antara Amerika dengan *North Korea*. Apakah akan berlaku kepada *volunteers* ini dalam masa peperangan? Apakah mereka ini juga boleh dijemput untuk mengambil bahagian atau apakah mereka ini akan dilatih juga sama seperti askar-askar, tentera-tentera laut kita?

Oleh kerana itu, soal maritim ini dan kerja yang saya dengar tadi daripada Profesor Tan Sri Dr Ibrahim kita, dia kata, bimbang keadaan yang berlaku sekarang di lautan kita. Kita jangan lupa, Tuan Yang di-Pertua, bahawa Malaysia adalah satu *Peninsular*. Kita dikelilingi oleh laut. Saya hendak ucapkan syabas kepada Yang Berhormat Menteri kerana hendak mewujudkan Sukarela Maritim ini. Sudah lama patut dibuat perkara ini kerana *we are a maritime Peninsular*, dengan izin.

Saya bila melihat tadi hendak dibuatkan sukarela ini, saya teringat di mana Yang Berhormat Menteri memakaikan kita dengan uniform APMM. Saya melihat bencana alam ini- APM, *sorry*. Saya melihat Sukarela Maritim ini, kalau kita lihat, bencana-bencananya lebih teruk daripada yang di darat. Kita lihat APM dengan banjir sahaja tetapi di laut itu kita tidak tahu, berbagai-bagai bencana yang akan timbul. Soalan saya, apakah hendak dihadkan kepada siapa yang akan menjadi sukarelawan ini?

Saya hendak cadangkan kepada Yang Berhormat Menteri kerana bila selalu turun bencana-bencana alam ini, yang turun dulu ialah orang-orang parti. Tidak kisah lah parti mana. Banjir tidak kenal parti apa. Jadi, saya hendak cadangkan kepada Menteri supaya Ketua-ketua Pemuda PAS, Pemuda UMNO, Pemuda PKR, Pemuda DAP, yang itu didahulukan supaya dimasukkan ke dalam sukarelawan ini.

Saya hendak bertanya juga, apakah sukarelawan ini dibuka kepada bangsa asing, kepada agama-agama yang lain- Kristian, Buddha dan sebagainya? Kerana saya melihat sukarelawan di negara-negara maju, mereka sanggup. Saya menengok satu artikel di mana *volunteer* daripada England pergi ke Afrika, duduk di Afrika, melancong di Afrika, ambil *training* di sana enam bulan dengan bayar 350 paun.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sekejap ya. Saya hendak sampaikan sedikit. Jadi, saya ucapkan banyak terima kasih atas kerjasama Ahli Yang Berhormat untuk kita melicinkan sesi kita hari ini. Terima kasih juga saya kepada kita punya Tuan Yang di-Pertua yang memberi saya kerjasama untuk melicinkan kita punya persidangan pada penggal ini. Sangat cantik. Apa yang paling penting, saya nampak hari ini Ahli-ahli Yang Berhormat punya kualiti ucapan bagus, meningkat. Tahniah. Saya senang hati juga. Oleh sebab budi baik anda sekalian Ahli Yang Berhormat untuk membuat jasa bakti kepada negara kita, amat saya sanjung. Bak kata orang Melayu.

*Tenang-tenang air di laut,  
Sampan kolek mudik di tanjung,  
Hati terkenang mulut terpaut,  
Menjemput budi baik Yang Berhormat rasa hendak dijunjung.  
Itu saya minta teruskanlah, Yang Berhormat.*

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat Tuan Yang di-Pertua hendak suruh saya berhenti. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyatakan tadi bahawa ada *volunteers* daripada negara-negara maju yang pergi ke Afrika dan mereka tinggal di sana selama enam bulan. Mereka buat kerja-kerja *volunteer*, termasuk kerja-kerja *volunteer maritime* di sana.

Saya juga hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, boleh atau tidak Yang Berhormat Menteri *includekan*, dengan izin, pelancongan *volunteers* ini supaya kita buka kepada *volunteers* kepada negara asing datang sini dan berkursus?

Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri. Sudah banyak kita bawa, kita buka sukarelawan-sukarelawan ini termasuk APMM itu. Apakah Yang Berhormat Menteri bercadang untuk hendak mengadakan satu kolej untuk *train volunteers* ini? Dari segi, saya melihat, satu kolej yang mengajar *volunteers* ini. Ini di England, ia mengajar dalam segi *health and hygiene, education, climate change and farming*.

#### ■2030

Jadi saya rasa dengan kita hendak menuju kepada *Industrial Revolution 4.0* tadi saya rasa sudah patut kita ada satu kolej ditubuhkan untuk mengajar *volunteers* ini secara *permanent*. Banjirnya, banjirnya, gunung berapi, gunung berapinya, lautnya-lautnya dan kita galakkan supaya pelancong-pelancong ini datang ke negara kita di samping melatih diri mereka untuk kerja-kerja *volunteers*.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, masa sudah 8.30, berhubung dengan elaun. Saya dapat makluman katanya ada elaun RM6 ke RM7. Saya rasa kalau RM6 ke RM7 per satu jam kurang cukup untuk anak-anak ini, Tuan Yang di-Pertua. Perlu dikaji semula kemungkinan pada hari-hari yang tidak ada banjir mungkin RM6 ke RM7. Hari-hari yang berlaku bencana dinaikkan supaya yang saya dengar di Kelantan, 24 jam- setengahnya bertugas sampai 24 jam.

Jadi perlu dikaji elaun ini. Semasa biasa murah RM6 atau RM7 tetapi semasa bencana alam berlaku dinaikkan *100 percent* pun tidak apa dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya orang penghabisan pada malam ini, *insya-Allah* kita akan mengadakan sedikit jamuan pada malam ini. Saya hendak mengingatkan bagi pihak Presiden MSM supaya semua kita menghadiri program jamuan pada petang ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

**8.32 mlm.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Segala pandangan dan pendapat Ahli Yang Berhormat akan diambil maklum untuk penambahbaikan pada masa akan datang. Saya ingin ucapan ini saya buat penghabis tetapi saya buat awal.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak kena jawab semua sebab saya tidak dijemput untuk jamuan malam ini. Jadi biar semua bertunggu di sinilah, *wallahualam*. Akan tetapi kalau saya dijemput saya habis awal.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama sekali saya menjawab persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Laksamana Tan Sri Dato' Setia Mohd Anwar berhubung dengan nisbah. Nisbah sekarang ini kita ambil 1:1 tetapi saya sudah maklumkan bahawa kalau sekiranya ada keperluan kita ambil 1:2 kalau tidak 1:3, bermakna tiga sukarelawan satu *permanent*. Jadi terpulang kepada keadaan.

Walau bagaimanapun, kita berpendapat bahawa sambutannya cukup luar biasa belum pun kita laksanakan sepenuhnya ia dengan itu kita akan tambahkan sukarelawan ini dari masa ke semasa. Sebelum saya teruskan menjawab soalan Ahli Yang Berhormat, ada Yang Berhormat menyebut tentang perang, apa akan jadi. Saya hendak beritahu kalau perang semua rakyat terlibat bukan sahaja sukarelawan. Sukarelawan ini sekurang-kurangnya mereka mendapat latihan dan sebagainya. Rakyat awam ini juga yang tidak mendapat latihan terlibat dengan perang.

Zaman dahulu perang bolehlah dia cuma berkelompok tetapi zaman moden ini peperangan sering kali dalam peringkat yang meluas seperti yang berlaku di Timur Tengah, seperti yang berlaku di Iraq, Syria jadi semua rakyat terlibat. Jadi berhubung dengan perang saya ingat itu kita kira kalau sekiranya berlaku perang maka semua terlibat.

Yang Berhormat telah menyebut tentang jumlah nilai tangkapan ikan. Sebenarnya Yang Berhormat ini yang kita hendak minta supaya jawatan kita ditambah, aset kita ditambah dan kita mendapat penambahan dari masa ke semasa dan kita minta tambahkan sukarelawan. Kalau dilihat dari segi nilai tangkapan ikan Yang Berhormat, pada tahun 2015 nilai tangkapan kita ialah RM9.32 bilion, pada 2016, RM10.17 bilion, pada 2017, RM13.7 bilion nilai tangkapan. Jadi tangkapan ikan, jadi cukup besar.

Bermakna kata kalau kita boleh belanja untuk membina dan menambahkan aset dalam bentuk RM1 bilion dia masih lagi untung pada negara. Kalau kita belanja RM3 bilion pun masih untung pada negara. Itu sebab pada tahun ini lebih daripada RM1 bilion telah diperuntukkan untuk membina aset baru yang saya akan sebut sekejap lagi. Jadi itu kedudukannya pada Yang Berhormat, yang lain-lain itu saya akan jawab secara bertulis.

Kemudian Yang Berhormat Senator Profesor Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah menyebut tentang aplikasi baru, teknologi baru dan sebagainya. Yang lain saya juga akan jawab secara bertulis tetapi apa yang dilaksanakan sekarang ini ialah berhubung dengan *smartphone*. APMM telah menubuhkan *WhatsApp group* bersama dengan Persatuan Nelayan Pantai, Nelayan Laut Dalam di

seluruh negara dan kita juga melaksanakan aplikasi khas dan ini sebenarnya sedang dan ini adalah satu perancangan yang akan dilaksanakan tidak lama lagi.

Sistem MERS 999 juga telah diperkenalkan kepada semua komuniti maritim bagi melaporkan kejadian-kejadian di laut terus kepada APMM. Selain daripada itu APMM juga mempunyai peralatan-peralatan tambahan dan bantuan yang telah saya sebutkan iaitu pada tahun 2017 Yang Berhormat, telah dilancarkan di LIMA iaitu K3M iaitu inisiatifnya ialah sebagai peranti kepada komuniti untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan isu-isu semasa dan juga cuaca. K3M ini adalah aplikasi yang melibatkan APMM dan juga TLDM iaitu kesedaran keselamatan dan juga komuniti maritim.

Yang Berhormat, K3M ini kalau Yang Berhormat lihat bahawa kita boleh mendapatkan maklumat itu serta-merta. Berhubung dengan contohnya macam berlakunya kejadian rompak sebagai contoh, kita boleh dapat maklumat dengan cepat terutamanya bagi anggota APMM dan juga TLDM.

Yang Berhormat Senator Profesor Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah juga telah menyebut pelbagai perkara dan ianya sama seperti yang disebutkan oleh bersama-sama Yang Berhormat. Saya akan jawab kalau sekiranya Yang Berhormat ada pandangan baru dan tidak berpuas hati dengan jawapan, Yang Berhormat boleh tanya saya.

Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan yang akan habis bulan April saya ingat dekat-dekat pilihan raya. Jadi telah menyebut tentang peralatan, Yang Berhormat. Peralatan ataupun aset APMM ditambah dari masa ke semasa. Saya juga hendak maklum sebab ada tentang penggunaan MM itu banyak dalam masa yang sama diletakkan di bawah saya, jadi APM. APM ini ialah Angkatan Pertahanan Awam Malaysia tetapi kalau hendak ikut ejaannya itu kalau disambung semua perkataan itu jadi APAM lah, APM tetapi sebab APAM ini tidak seronok dipakai, Yang Berhormat Datuk Halimah. Jadi saya pun guna APM jadi bersama dengan ATM bersama dengan PDRM. Jadi kita panggil APM untuk Angkatan Pertahanan Awam.

APMM ialah Agensi Penguat kuasa Maritim Malaysia ataupun sekarang ini dipanggil *Coast Guard*. Jadi baru-baru ini saya telah bagi pangkat kepada semua Ahli Yang Berhormat iaitu pangkat APM. Saya pun sudah tersasul. APMM ini sebahagian daripada Yang Berhormat yang berada di kawasan pantai akan juga diberi pangkat kehormat. Tidak ada masalah, kehormat ini Yang Berhormat tidak ada elaun tetapi seperti Yang Berhormat telah bertanya tadi berhubung dengan elaun iaitu kita bayar RM6 sejam bagi anggota biasa dan pegawai RM7.80. Ini dia seragam, RELA, APM, Bomba semua seragam jadi kita tidak bolehlah untuk APMM ini kita lebihkan dan sebagainya. Akan tetapi kalau kerajaan hendak buat perubahan, dia akan buat perubahan semua sekali yang terlibat dengan APMM.

#### ■2040

Kemudian Yang Berhormat Senator Dato' Isa menyebut tentang sama ada komuniti nelayan itu dapat diberi peluang untuk menyertai sukarelawan. Inilah orang yang pertama kita akan beri tawaran. Akan tetapi ada juga nelayan yang tidak mahu menyertai, sebab dia kata kalau dia sertai, orang tahu aktiviti yang dia buat di tengah malam dan sebagainya. Saya hendak beritahu bahawa kita punya slogan ialah, '*APMM dan nelayan berpisah tiada*'. Saya sudah beritahu, pegawai-pegawai kanan berada di belakang sana bahawa nelayan tempatan ini kawan kita. Tidak ada kita tanpa nelayan, kita kena ingat itu. Akan tetapi kalau tidak ada nelayan, kita pun tidak adalah. Jadi dengan itu nelayan ini adalah kawan, bukan musuh.

Kalau sekiranya dia melanggar kawasan, kita mari datang kata kamu melanggar kawasan, sila berangkat. Kecuali nelayan yang betul-betul diharamkan oleh undang-undang, yang itu kita nasihatkan jugalah. Di sebelah Kedah, Perlis ini disebut rawa sorong. Perkataan rawa itu saya hendak eja macam mana saya tidak tahu tetapi disebut rawa sorong. Makna kata orang yang menangkap ikan di kawasan pantai yang menggunakan pukak di hadapan. Itu memang salah dari segi undang-undang perikanan.

Kami ini ialah penguat kuasa kepada undang-undang Jabatan Perikanan. Kami bukan membuat undang-undang itu, undang-undang itu ialah undang-undang Jabatan Perikanan. Jadi kalau ada apa-apa perubahan mestilah dibuat oleh perikanan. Jadi kami menguatkuasakan undang-undang yang ada. Kita menguatkuasakan undang-undang daripada jabatan lain termasuk kastam, imigresen yang melibatkan maritim.

Jadi Yang Berhormat, walau bagaimanapun kita hendak pastikan supaya undang-undang ini dipatuhi kerana apabila mereka melanggar kawasan, nelayan 'A', nelayan 'B' dan nelayan 'C'. Jadi mereka ini yang *complaint*. Dia kata, "Kenapa biarkan bot besar masuk ke perairan kami?" Jadi nelayan yang telah ditangkap ataupun diambil tindakan undang-undang kena faham bahawa apabila mereka melanggar kawasan, mereka akan menyebabkan ikan yang sewajarnya dapat kepada zon yang berkenaan, dapat kepada orang lain. Akan tetapi walau bagaimanapun kita tidak mahu bertindak sedemikian rupa kepada nelayan tempatan. Kita akan suruh untuk mereka bergerak serta-merta tetapi kalau kita dapati mereka memang betul-betul melanggar undang-undang, kita akan ambil tindakan.

Yang Berhormat fasal nelayan asing ini kita tidak bertolak-ansur. Beberapa Ahli Yang Berhormat telah menyebut tentang nelayan asing. Kita hendak beritahu saya sudah ada angka yang menunjukkan bahawa kita telah pun menangkap ataupun kita telah tenggelamkan- ini untuk Yang Berhormat Senator Ibrahim sebut tentang tukun tiruan. Kita telah tenggelamkan 285 buah bot besar, bot nelayan termasuklah bot majoritinya ialah daripada Vietnam. Daripada tahun 2006 sehingga 2017, 285 yang berbentuk mini kapal kita telah tenggelamkan dan jadikan tukun tiruan.

Kemudian setelah Kabinet bersetuju dengan cadangan daripada kita supaya bot ini dibakar supaya lautan kita juga bersih daripada orang asing. Laut Indonesia sekarang boleh katakan bersih daripada nelayan asing tetapi laut kita ini masih ada pencerobohan yang berlaku. Jadi kita mula membakar kapal-kapal yang telah disita. Pada Ogos 2017, dua buah kapal telah dibakar dan enam buah sedang menunggu masa untuk kita bakar. Jadi saya menjemput Ahli Yang Berhormat yang sudi untuk melihat kita bakar kapal-kapal ini untuk hadir bersama. Saya telah menjemput beberapa orang kawan untuk hadir bersama pada masa yang akan ditetapkan nanti. Bot ini sudah pasti akan- kita hendak tunjuk kepada nelayan asing bahawa kita tidak bertolak-ansur dengan pencerobohan yang dilakukan.

Kalau Yang Berhormat biasa naik pesawat pergi Sabah atau orang Sabah atau Sarawak datang sini, Yang Berhormat lihat kalau kapal kita lalu semasa dekat-dekat hendak senja, kita akan melihat satu barisan kapal-kapal sedang menunggu gelap supaya mereka boleh masuk ke kawasan Malaysia. Kita boleh nampak lampu *makna kata* mereka masuk dalam kumpulan yang besar untuk menangkap ikan dan mereka bukan menangkap ikan dengan- *depa* memukat dengan menggunakan pukak ganding. Ganding ini dua buah bot menarik satu kawasan yang cukup luas. Sekarang ini bukan sahaja dua buah bot, kadang-kadang dia pakai empat buah bot. Makna kata dua di hadapan, dua di

belakang dengan itu ikan tidak dapat lari lagi dalam satu jarak yang cukup jauh. Jadi Yang Berhormat kita tidak bertolak-ansur kepada mereka yang melanggar undang-undang, kita akan ambil tindakan.

Saya juga telah menjawab Yang Berhormat Senator Isa tadi. Yang Berhormat Senator Zaiedi menyebut tentang Beting Patinggi Ali. Beting Patinggi Ali ini jaraknya ialah lebih kurang 83 nautika *miles*, nautika *mile* ataupun kilometer daripada Miri- daripada Bintulu ya. Jadi ini jarak sempadan yang terdekat dengan pantai ialah di Sarawak. Jaraknya dalam lingkungan begitu. Jadi kita punya EEZ ataupun kawasan ekonomi bebas ialah 200 nautika *miles*. Mereka masuk ke 83 batu nautika. Sudah pasti Beting Patinggi Ali ialah kawasan Malaysia, kawasan kedaulatan Malaysia. Tidak ada orang yang boleh membuat celaru, tidak tentu fasal di kawasan negara ini.

Saya sudah pergi berkali-kali untuk melihat apa yang berlaku. Kita lihat kapal asing yang berada di situ, mereka tidak turunkan sauh. Dia cuma nampak *floating* dan berjalan perlahan-lahan. Akan tetapi kalau mereka turunkan sauh, mereka sudah melanggar undang-undang tetapi kalau mereka berjalan di bawah *innocence basis* tapi itu, kita kena benarkan.

Akan tetapi kalau sekiranya berita-berita dan cakap-cakap yang disebut bahawa Beting Patinggi Ali in ialah di bawah satu kuasa asing, tidak benar dan tidak mungkin kuasa asing itu boleh menuntut hak yang demikian rupa yang dia terpaksa melalui perairan Filipina, perairan Vietnam, baru datang ke Malaysia. Jarak tempat ini ke negara mereka ialah lebih daripada 4000 kilometer. Jadi kalau sekiranya mana-mana pihak yang cuba menceroboh kedaulatan Malaysia, walaupun kita punyai aset yang kecil tetapi kita tidak akan bertolak ansur.

Ayam kampung pun kalau lawan dengan ayam sabung, ayam kampung akan menang. Ayam sabung walaupun hebat dan gagah, dia tewas kerana ayam hutan, maaf. Ayam hutan ini atau ayam katik ini kalau lawan dengan ayam sabung, ayam katik menang sebab ayam katik dia boleh bangun, terbang, lompat. Ayam sabung besar tetapi dia hanya boleh lawan dengan yang besar, yang kecil dia agak sukar. Jadi bukanlah saya hendak tunjukkan sebegitu rupa tetapi saya hendak tunjukkan bahawa kita berani mempertahankan kedaulatan kita.

Yang Berhormat Senator Zaiedi juga menyebut tentang peruntukan. Saya ingin memaklumkan kerajaan memperuntukkan sebanyak RM3.8 juta daripada peruntukan semasa. Jadi kita akan membuat latihan iaitu latihan jangka pendek dan juga jangka panjang. Jangka pendek ialah satu minggu, jangka panjang ataupun jangka sederhana ialah dua minggu dan latihan jangka panjang ialah mengikut kepakaranlah, seminggu ataupun dua minggu. Jadi ini latihan akan dibuat dan sudah pasti apabila mereka menyertai APMM, mereka akan mendapat latihan sedemikian rupa.

Saya juga menjawab kepada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya ataupun Abbas Bandung... [*Dewan riuh*] Berhubung dengan perkara-perkara yang telah disebutkan. Bagi peringkat pegawai-pegawai ialah Ijazah Sarjana Muda, bagi pegawai-pegawai lain-lain pangkat ialah SRP, SPM dan juga ke atas. Jadi kita menggalakkan. Kalau mereka menyertai kadet maritim, mereka boleh menyambung. Ini bukan kerja bergaji, Yang Berhormat. Ini ialah kerja berelaun.

Saya setuju dengan Yang Berhormat Senator Suhaimi sebut tadi bahawa di negara maju, sukarelawan ini tidak dibiayai oleh kerajaan tetapi dibiayai oleh badan sukarela yang lain ataupun NGO yang lain atau pihak swasta untuk menghidupkan sukarelawan. Sukarelawan ini di negara maju, mereka berebut untuk daftar menjadi sukarelawan tetapi di negara kita, kita terbuka dan kita belum

maju lagi tetapi kita ke arah maju, sukarelawan ini mesti ditingkatkan. Ini syarat untuk negara maju ini, sukarelawan itu mesti berada di tahap yang tinggi.

Saya sering menyebut dan saya tidak segan silu untuk mengulanginya berkali-kali bahawa pada tahun 1990an apabila kajian dibuat di kalangan negara yang aktif dalam sukan. Australia ialah penduduknya semasa itu 15 juta, kita lebih kurang 22 juta ke 25 juta.

#### ■2050

Sekarang penduduk kita ialah 32 juta. Masa itu Australia walaupun kecil tetapi dia mempunyai 100,000 orang sukarelawan sukan. Masa itu Malaysia hanya ada 10,000 orang sukarelawan sukan. Itu sebab masa Olimpik di Australia boleh *charter* 747 untuk membawa atletnya berlawan di Olimpik. Lepas itu mereka menang dapat emas dalam pelbagai bidang. Kehebatan mereka adalah sukarelawan.

Jadi, kita hendak bagi negara kita hebat, maka kita akan galakan sukarelawan. Anak-anak kita sekarang ini sudah pun mempunyai latihan. Semasa di sekolah, dia mesti ambil dua kokurikulum-badan sukarela ataupun lain-lain seni mempertahankan diri. Sudah pasti mereka sudah ada, asasnya ada. Bila mereka keluar nanti, mereka boleh menyertai APMM, APM, RELA, bomba, polis dan juga Askar Wataniah.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya- saya sebut "Abbas Bandung" tadi, sebab saya ingat ramai orang yang tidak mengenali "Abbas Bandung". Abbas Bandung ini adalah ulama besar daripada Bandung yang kalau di Malaysia ini, negeri Perlis yang mengikut Abbas Bandung. Dia ialah kawan baik Bapak HAMKA... [Disampuk] Ya, okey.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Akan tetapi, Yang Berhormat Menteri, yang ada ini Abbas Batu, bukan Abbas Bandung.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Ya, tetapi nampak alimnya macam Abbas Bandung ya. Abbas Bandung ialah seorang yang alim dan toko buku. Kedai buku yang terbesar di Indonesia ialah Toko Buku Abbas Bandung. Sekarang saya tidak pasti. Itu zaman dahulu kala.

Yang Berhormat Senator menyebut tentang aset. Saya bersetuju Yang Berhormat. Akan tetapi, baru-baru ini kita telah dapat menambahkan aset kita termasuk tiga kapal peronda dan kita juga dapat tiga buah kapal lagi yang dijangka siap pada tahun 2020. Itu tiga buah kapal besar. Akan tetapi, kita juga mendapat sumbangan daripada Kerajaan Jepun bernama KM Pekan dan KM Arau yang sedang berada satu di Sabah yang menjaga Laut China Selatan dan sebuah lagi berada di Pantai Timur.

Jadi, ini adalah kapal besar yang boleh berada hampir mungkin 20 hari ataupun 30 hari dan mungkin yang 15 hari itu ialah perkara biasa. Ini yang kapal besar yang boleh berada lama di lautan. Kita perlu kapal-kapal macam ini, kapal-kapal *navy* juga bersama dengan kita dalam usaha-usaha yang hendak dilaksanakan. Saya sebut tentang Beting Patinggi Ali tadi Yang Berhormat supaya berita ini akan sampai dan rakyat Sarawak sedang memerhatikan apa yang saya sebutkan di sini.

Yang Berhormat, di samping kapal APMM, *navy* juga berada di sana. APMM sering kali kita meletakkan dua biji kapal kecil kita dan APMM, *navy* kita berada di sana. Jadi kalau ada kapal asing yang datang, mungkin dia datang sebiji, tetapi kita ada tiga biji untuk melihat aktiviti mereka yang tidak boleh mencurangi kedaulatan negara.

Akhir sekali, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi juga menyebut banyak perkara. Oleh kerana saya tidak mahu mendera Ahli-ahli Yang Berhormat semua untuk hadir *dinner* yang



terakhir, jadi saya ucap terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat. Sekali lagi, saya beritahu bahawa dalam usaha untuk membersihkan maritim kita daripada anasir nelayan asing, kita mengambil tindakan yang cukup tegas dan juga penubuhan sukarelawan tadi nanti akan menolong kita terutamanya daripada segi mendapatkan maklumat. Sebab, maklumat ini penting, Yang Berhormat.

Ada nelayan di Pantai Timur maklum kepada kita, dia kata bot Vietnam berada dalam jarak 10 kilometer. Akan tetapi bila mereka beritahu dekat kita, jadi jarak antara kita dengan bot itu mungkin tiga jam perjalanan. Bila kita datang, dia sudah lari ataupun dia sudah habis tangkap ikan. Jadi, sekarang ini nelayan kita yang berada di laut sana yang menyertai APMM ataupun mereka boleh menggunakan sistem MERS 999 tadi ataupun menggunakan aplikasi yang telah kita memperkenalkan, mereka boleh maklum dengan cepat. Dan aset udara kita bila berlegar-legar, kita juga boleh mendapat maklumat tentang nelayan asing.

Saya juga tidak dapat menafikan bahawa di samping usaha tegas kita itu, ada juga mungkin perkara-perkara yang melibatkan manusia, anggota kita sendiri itu supaya sentiasa bersih dan bersiap siaga. Jadi, kita libatkan semua pihak. Kita hendak pastikan supaya APMM betul-betul berada di tahap yang tinggi untuk menghadapi segala bentuk cabaran.

Jadi, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Saya hendak berterima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita bagi tepukan yang kuat kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah menjalankan tugas dengan cukup baik dan juga kepada Timbalan Yang di-Pertua yang banyak memberi pengajaran, nasihat dan pantun... [*Tepuk*] Dia baru datang ke Perlis baru-baru ini untuk melawat Perlis dan juga lain-lain lagi ya. Tidak ketinggalan kepada semua Ahli Yang Berhormat yang bercakap dengan menggunakan fakta yang cukup hebat. Sebenarnya ada benda-benda Yang Berhormat timbulkan itu saya terpaksa mendapat pertolongan daripada belakang untuk menjawab soalan Yang Berhormat.

Walau bagaimanapun, mereka yang tidak saya jawab, saya akan jawabnya secara bertulis. Akan tetapi Yang Berhormat, bila kita bentuk sukarelawan nanti, Yang Berhormat sama ada telah menjadi Yang Berhormat, masih Yang Berhormat ataupun telah menjadi bekas Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh sertai, tidak ada masalah. Anggota kehormat ini kita akan bagi tawaran kepada semua pihak yang berminat untuk menyertai di kalangan Wakil-wakil Rakyat. Sebab, kalau Yang Berhormat tanya adakah ini daripada PAS atau DAP- Yang Berhormat, selama ini pun kita ambil, kita tidak kira parti.

Akan tetapi kalau Yang Berhormat hendak tahu, saya hendak beritahu, tidak mahu sebut mana-mana angkatan sukarelawan, semasa banjir di Kelantan baru-baru ini, saya tengok satu anggota sukarelawan menjadi juruacara kepada seorang Yang Berhormat PAS. Jadi dia pun- saya kata tidak apa, teruskan. Saya tiba masa itu dan dia pakai pakaian baju sukarelawan yang berkenaan. Akan tetapi bagi saya, ini banjir, dan saya beranggapan semua pihak ingin membantu. Akan tetapi saya tidak boleh membenarkan mana-mana pihak datang untuk mengambil kesempatan, tidak boleh. Sebab, kawasan banjir adalah kawasan keselamatan.

Jadi, terima kasih sekali lagi Tuan Yang di-Pertua. Semoga Allah SWT merahmati kepada semua. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang pandai menjawab dan menjimatkan masa kita. Saya tengok semua macam hendak pergi jamuan... *[Dewan ketawa]* Yang Berhormat Menteri pandai, dia tahu Yang Berhormat semua hendak makan. Terima kasih.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[**Fasal-fasal 1 hingga 6** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Paul Low Seng Kuan) dan diluluskan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Ketiga, Penggal Kelima, Parlimen Ketiga Belas, Persidangan Dewan Negara 2017 sudah pun sampai ke penghujungnya setelah perbahasan selama 10 hari dari 4 sehingga 19 Disember 2017.

Saya berasa amat bersyukur kepada Yang Maha Berkuasa kerana dapat menyempurnakan mesyuarat ini dengan jayanya. Saya berasa syukur kerana Dewan yang mulia ini dapat meluluskan 13 rang undang-undang pada kali ini. Saya mengucapkan tahniah ke atas kesungguhan yang diperlihatkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam sesi perbahasan serta sikap kebertanggungjawaban yang diperlihatkan sepanjang persidangan ini berlangsung.

Dalam tempoh sidang Dewan kali ini, terdapat beberapa Ahli Dewan Negara yang telah tamat tempoh perkhidmatan mereka iaitu Yang Berbahagia Datuk Lihan Jok; Yang Berbahagia Datuk Yoo Wei How; dan Yang Berbahagia Datuk Zali bin Mat Yasin.

Manakala Yang Berhormat Senator Datuk Haji Kadzim M. Yahya akan bersara mulai Khamis, 21 Disember 2017; dan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan akan bersara pada 24 April 2018.

Kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah dan akan tamat tempoh perkhidmatan sebagai Ahli Dewan Negara, saya mengambil kesempatan ini menyampaikan ucapan terima kasih sebagai penghargaan di atas perjuangan dan khidmat bakti yang dicurahkan kepada Dewan yang mulia ini. Harapan saya adalah jangan sama sekali berhenti dari terus menabur jasa kepada bumi tercinta ini.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Seri Haji Abdul Halim bin Abd. Samad, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara kerana telah membantu saya dalam menjalankan tanggungjawab untuk mempengerusikan persidangan Dewan Negara.

Selain itu, tidak lupa warga kerja Parlimen Malaysia terutamanya Setiausaha Dewan Negara serta pegawai dan kakitangan Bahagian Pengurusan Dewan Negara yang telah bertungkus-lumus memastikan kelancaran Persidangan Dewan Negara pada kali ini.

Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat daripada seluruh negara yang akan kembali ke kampung halaman masing-masing, saya doakan agar Ahli-ahli Yang Berhormat akan selamat sampai ke pangkuan keluarga yang tercinta.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat menyambut Hari Krismas dan Selamat Tahun Baru kepada semua Ahli Yang Berhormat dan warga Parlimen.

Dengan kata-kata itu, saya tangguhkan Dewan ini sehingga suatu tarikh yang tidak ditetapkan... *[Tepuk]*

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 9.03 malam]***